

STRATEGI KOMUNIKASI DALAM KALANGAN
PELAJAR CINA DI SRJK(C): KAJIAN KES DI DAERAH
HULU LANGAT, SELANGOR

MOHD HELMI BIN PANGAT

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

STRATEGI KOMUNIKASI DALAM KALANGAN
PELAJAR CINA DI SRJK(C): KAJIAN KES DI DAERAH
HULU LANGAT, SELANGOR.

MOHD HELMI BIN PANGAT

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2017

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : MOHD HELMI BIN PANGAT

No. Pendaftaran/Matrik : JHA 110012

Nama Ijazah : IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):
Strategi Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Cina Di SRJK(C): Kajian Kes Di Daerah Hulu
Langat, Selangor.

Bidang Penyelidikan: PENGAJIAN BAHASA MELAYU

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut munasabahny tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

.....

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: PROFESOR DR. PUTERI ROSLINA BT ABDUL WAHID
Jawatan: PROFESOR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar Cina di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina semasa bertutur dalam bahasa Melayu mengikut kumpulan pelajar daripada kumpulan pencapaian cemerlang, sederhana dan rendah. Kajian ini melibatkan 130 orang pelajar yang dipilih dari lapan buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di daerah Hulu Langat, Selangor melalui kaedah persampelan strata. Kajian tinjauan dan pemerhatian dengan teknik bercerita dan main peranan digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan data pertuturan lisan bahasa Melayu daripada pelajar Cina. Pelajar dikehendaki bercerita berdasarkan gambar suasana berkelah di tepi pantai. Instrumen kedua ialah main peranan berkaitan perbualan di sebuah restoran. Kajian ini telah menggariskan sebanyak 17 jenis strategi komunikasi. Teori monitor yang dipelopori oleh Krashen (1982) dan Taksonomi Tarone digunakan untuk pengelasan strategi komunikasi, iaitu Strategi Komunikasi Bahasa Lisan dan Strategi Komunikasi Bahasa Bukan Lisan. Dapatan kajian yang diperoleh melalui proses transkripsi data menunjukkan pelajar Cina lebih banyak menggunakan pengguguran mesej berbanding strategi komunikasi yang lain. Seterusnya, keseluruhan dapatan menunjukkan pelajar Cina lebih banyak menggunakan strategi komunikasi bahasa bukan lisan, iaitu sebanyak 70% sebagai usaha untuk menggantikan kekurangan kosa kata bahasa Melayu, manakala strategi komunikasi bahasa lisan pula sebanyak 30%. Mereka tidak gemar meninggalkan ujaran secara drastik atau menukar topik apabila berhadapan kesukaran mencari leksikal bahasa lisan yang bersesuaian dengan konteks. Akhir sekali dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi komunikasi dalam pengujaran lisan dalam bahasa kedua oleh pelajar Cina banyak dipengaruhi oleh sikap dan motivasi yang tinggi, penggunaan dan pendedahan pelajar terhadap bahasa Melayu yang sederhana serta kurang menghadapi masalah-masalah komunikasi.

ABSTRACT

This study is aimed to unravel the type of communication strategies used by Chinese students at Chinese national-type schools while speaking in Malay language according to a group of high, medium and low achiever students. The study involved 130 students selected from eight Chinese national-type schools in Hulu Langat, Selangor through the stratified sampling. Survey and observation through storytelling and role-play techniques were used as an instrument to obtain the oral Malay language data from the Chinese students. Students were required to tell a story based upon the picture of picnicking on the beach. The second instrument was a role play regarding conversation in a restaurant. This study has outlined a total of 17 types of communication strategies. Monitor theory which was pioneered by Krashen (1982) and Tarone Taxonomy was used for the classification of the communication strategies are Spoken Language Communication Strategy and Non Spoken Language Communication Strategy. The findings obtained via data transcription process showed that Chinese students inclined to use more message abandonment compared to other type of communication strategies as studied. The findings generally showed that more Chinese students were using the Non Spoken Language Communication Strategy (70%) while Spoken Language Communication Strategy (30%). They disliked abandoning or changing the topic drastically when facing difficulties in finding the appropriate Malay language lexical according to context. Finally, the results of this study proves that the usage of communication strategy in teaching oral, as second language among the Chinese pupils is influenced by their attitude, high motivation, usage and less exposure towards Malay language and problems faced by the communication strategies.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, impian untuk menyiapkan tesis ini akhirnya berjaya dilaksanakan. Segala kesukaran dan halangan yang ditempuhi sepanjang kajian ini dijalankan telah dipermudahkanNya.

Seterusnya, jutaan terima kasih ditujukan kepada Prof. Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid selaku penyelia utama kepada pengkaji. Semangat beliau yang begitu tinggi dalam membimbing pengkaji sepanjang proses kajian ini amatlah dihargai. Segala jasa dan bakti yang ditaburkan itu mudah-mudahan dibalas dengan rahmat yang berpanjangan daripada Ilahi.

Selanjutnya, ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPS), Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat (PPDHL), dan Akademi Pengajian Melayu (APM) UM yang bertanggungjawab memberi kebenaran dengan mengeluarkan surat rasmi untuk membenarkan pengkaji menjalankan kajian di sekolah-sekolah.

Tidak ketinggalan juga, ucapan penghargaan diajukan kepada semua Guru Besar dan Guru Penolong Kanan di SRJK(C) di daerah Hulu Langat kerana telah memberi pelbagai bentuk kerjasama semasa aktiviti pengumpulan data kajian. Begitu juga, dengan sumbangan guru-guru berketurunan Cina yang membantu menterjemahkan item-item ke dalam bahasa Mandarin agar mudah difahami murid.

Ucapan penghargaan ini juga untuk ibu tersayang, Juminam bt. Padiman dan ahli keluarga yang lain, iaitu Mahsuri, Nurul Nafizah, dan Nur Murni yang selama ini banyak memberi nasihat, pesanan dan ingatan telah menyuntik semangat pengkaji agar terus berusaha menimba ilmu hingga ke peringkat doktor falsafah.

Yang benar,

(.....)

(MOHD HELMI BIN PANGAT)
JHA110012, Pelajar PhD.
Akademi Pengajian Melayu, UM

JADUAL KANDUNGAN

Borang Perakuan Keaslian Penulisan	ii	
Abstrak	iii	
<i>Abstract</i>	iv	
Penghargaan	v	
Jadual Kandungan	vi	
Senarai Gambar Rajah	xiii	
Senarai Jadual	xv	
Senarai Simbol dan Singkatan	xvii	
BAB 1 : PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina	3
1.3	Bahasa Melayu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia	7
1.4	Permasalahan Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Objektif Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Bahan Kajian	15
1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Definisi Operasional	15
	1.10.1 Bahasa Melayu (BM)	16
	1.10.2 Bahasa Pertama (BI)	16
	1.10.3 Bahasa Kedua (B2)	16
	1.10.4 Bahasa Antara (BA)	17
	1.10.5 Strategi Komunikasi (SK)	17

1.10.6	Pengguguran Mesej	17
1.10.7	Pengelakan Topik	18
1.10.8	Penghampiran	18
1.10.9	Penciptaan Perkataan Baharu	18
1.10.10	Penghuraian	19
1.10.11	Penukaran Kod	19
1.10.12	Rayuan Kerjasama	19
1.10.13	Generalisasi Terlampau	20
1.10.14	Komponen Komunikasi Bukan Lisan	20
1.10.15	Ekstra Linguistik	21
1.10.16	Sikap Pelajar	21
1.10.17	Motivasi Pelajar	22
1.10.18	Penggunaan dan Pendedahan Bahasa Pelajar	22
1.10.19	Pelajar Aras Cemerlang (PAC)	23
1.10.20	Pelajar Aras Sederhana (PAS)	23
1.10.21	Pelajar Aras Rendah (PAR)	23
1.11	Rumusan	24

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Sorotan Kajian tentang Pembelajaran Bahasa Kedua	25
2.2.1	Bahasa Antara (<i>Interlanguage</i>)	26
2.3	Sorotan Kajian tentang Teori Pembelajaran Bahasa Kedua	35
2.4	Sorotan Kajian tentang Strategi Komunikasi	38
2.5	Sorotan Kajian tentang Komunikasi Bukan Lisan	63
2.6	Sorotan Kajian tentang Faktor Ekstra Linguistik	71

2.6.1	Sikap Terhadap Bahasa Kedua	71
2.6.2	Motivasi Terhadap Bahasa Kedua	78
2.6.3	Pengguna dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Cina Terhadap Bahasa Melayu	83
2.6.4	Masalah-masalah Komunikasi dalam Bahasa Kedua	86
2.7	Analisis Sorotan Kajian	91
2.8	Rumusan Sorotan Kajian	92
2.8.1	Rumusan Teori Pembelajaran Bahasa Kedua (B2)	92
2.8.2	Rumusan Strategi Komunikasi (SK)	94
2.8.3	Rumusan Komunikasi Bukan Lisan	99
2.8.4	Rumusan Faktor Ekstra Linguistik	101
2.9	Rumusan	104

BAB 3 : TEORI DAN METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	105
3.2	Teori Kajian	105
3.2.1	Taksonomi Strategi Komunikasi	113
3.3	Metodologi Kajian	120
3.3.1	Kajian Kepustakaan	120
3.3.2	Kajian Lapangan	121
3.4	Pengumpulan dan Analisis Data	121
3.5	Kerangka Konsepsi	122
3.6	Subjek Kajian	123
3.7	Populasi dan Persampelan	124
3.8	Instrumen Kajian	128
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	133

3.10	Prosedur Kajian dan Analisis Data	136
3.10.1	Prosedur Analisis Data Kuantitatif	138
3.10.2	Prosedur Analisis Data Kualitatif	140
3.11	Dapatan Kajian Rintis	142
3.11.1	Analisis Data Kuantitatif	142
3.11.2	Analisis Data Kualitatif	149
3.11.3	Hubungan Faktor Ekstra Linguistik Dengan Strategi Komunikasi	154
3.12	Rumusan	156

BAB 4: JENIS-JENIS STRATEGI KOMUNIKASI PELAJAR CINA

4.1	Pendahuluan	157
4.2	Strategi Komunikasi Pelajar Cina	157
4.3	Strategi Komunikasi Bahasa Lisan (SKBL)	158
4.3.1	Pengguguran Mesej	158
4.3.2	Rayuan Kerjasama	159
4.3.3	Penghuraian	161
4.3.4	Penukaran Kod	163
4.3.5	Pengelakan Topik	165
4.3.6	Generalisasi Terlampau	168
4.3.7	Penghampiran	169
4.3.8	Pembentukan Perkataan Baharu	171
4.4	Strategi Komunikasi Bukan Bahasa Lisan (SKBBL)	172
4.4.1	Pergerakan Jari	173
4.4.2	Jelangan Mata	175
4.4.3	Pergerakan Tangan	177

4.4.4	Pergerakan Badan	179
4.4.5	Pergerakan Kepala	180
4.4.6	Renungan Mata	182
4.4.7	Strategi Diam	185
4.4.8	Senyuman	186
4.4.9	Pergerakan Lidah	187
4.5	Rumusan	188

BAB 5: ANALISIS KEKERAPAN STRATEGI KOMUNIKASI

BAHASA LISAN DAN STRATEGI KOMUNIKASI

BAHASA BUKAN LISAN

5.1	Pendahuluan	189
5.2	Analisis Kekekrapan Strategi Komunikasi Pelajar Cina	189
5.2.1	Strategi Komunikasi Bahasa Lisan (SKBL)	191
5.2.2	Strategi Komunikasi Bahasa Bukan Lisan (SKBBL)	210
5.3	Strategi Komunikasi Pelajar Mengikut Aras	230
5.3.1	Strategi Komunikasi Pelajar Aras Cemerlang (PAC)	230
5.3.2	Strategi Komunikasi Pelajar Aras Sederhana (PAS)	232
5.3.3	Strategi Komunikasi Pelajar Aras Rendah (PAR)	234
5.4	Perbandingan Strategi Komunikasi Berdasarkan Aras Pelajar	236
5.5	Rumusan	237

BAB 6: HUBUNGAN FAKTOR EKSTRA LINGUISTIK DENGAN

STRATEGI KOMUNIKASI (SK)

6.1	Pendahuluan	238
-----	-------------	-----

6.2	Hubungan Faktor Ekstra Linguistik dengan Strategi Komunikasi (SK) dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	238
6.2.1	Hubungan Sikap dengan Strategi Komunikasi (SK)	241
6.2.2	Hubungan Motivasi dengan Strategi Komunikasi (SK)	248
6.2.3	Hubungan Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Terhadap Bahasa Melayu dengan Strategi Komunikasi (SK)	254
6.2.4	Hubungan Masalah Komunikasi dengan Strategi Komunikasi (SK)	262
6.3	Rumusan	269

BAB 7: KESIMPULAN

7.1	Pendahuluan	271
7.2	Rumusan Dapatan Kajian	271
7.2.1	Strategi Komunikasi Pelajar dalam Komunikasi Lisan	272
7.2.2	Jenis dan Kekerapan Strategi Komunikasi dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua	273
7.2.3	Hubungan Faktor Ekstra Linguistik dengan Strategi Komunikasi	274
7.2.3.1	Hubungan Sikap Pelajar dengan Strategi Komunikasi	275
7.2.3.2	Hubungan Motivasi Pelajar dengan Strategi Komunikasi	275
7.2.3.3	Hubungan Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Terhadap Bahasa Melayu dengan Strategi Komunikasi	276

7.2.3.4	Hubungan Masalah Komunikasi dengan Strategi Komunikasi	277
7.3	Model Kajian Strategi Komunikasi Bahasa Kedua	278
7.4	Implikasi Dapatan Kajian	278
7.5	Cadangan-cadangan	281
7.5.1	Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	282
7.5.2	Cadangan Kepada Pendidik	284
7.5.3	Cadangan Kepada Pelajar	286
7.5.4	Cadangan Kepada Ibu bapa	288
7.5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	290
7.6	Rumusan	293
	BIBLIOGRAFI	295
	LAMPIRAN A	304
	LAMPIRAN B	313
	LAMPIRAN C	349

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Reka bentuk standard kurikulum bahasa Melayu sekolah rendah (PPPM 2013-2025)	6
Rajah 2.1	Tahap-tahap bahasa antara (BA) pelajar (Nor Aina Dani, 2007, p.84)	28
Rajah 2.2	Taksonomi strategi komunikasi (Tarone, 1980, p.429)	38
Rajah 3.1	Model teori monitor (Dulay, Burt, dan Krashen, 1982, p.46)	106
Rajah 3.2	Model teori kajian (Ubah suai daripada model teori monitor Dulay, Burt, dan Krashen, 1982)	109
Rajah 3.3	Taksonomi strategi komunikasi (Ubah suai daripada Tarone, 1983, p.83)	114
Rajah 3.4	Kerangka konsepsi	122
Rajah 3.5	Suasana perkelahan di tepi pantai	131
Rajah 3.6	Peringkat prosedur kajian	136
Rajah 3.7	Proses analisis data kuantitatif	139
Rajah 3.8	Proses analisis data kualitatif	140
Rajah 3.9	Strategi komunikasi berdasarkan kategori bahasa	143
Rajah 3.10	Strategi komunikasi berdasarkan aras pelajar	143
Rajah 3.11	Strategi komunikasi pelajar kajian rintis	144
Rajah 3.12	Strategi komunikasi pelajar aras cemerlang (PAC)	145
Rajah 3.13	Strategi komunikasi pelajar aras sederhana (PAS)	146
Rajah 3.14	Strategi komunikasi pelajar aras rendah (PAR)	148
Rajah 4.1	Strategi komunikasi pelajar Cina	157
Rajah 5.1	Peratusan strategi komunikasi pelajar Cina	190
Rajah 5.2	Peratusan kekerapan strategi komunikasi bahasa lisan	192

Rajah 5.3	Perbandingan penggunaan pengguguran mesej	194
Rajah 5.4	Perbandingan penggunaan rayuan kerjasama	196
Rajah 5.5	Perbandingan penggunaan penghuraian	198
Rajah 5.6	Perbandingan penggunaan penukaran kod	201
Rajah 5.7	Perbandingan penggunaan pengelakan topik	203
Rajah 5.8	Perbandingan penggunaan generalisasi terlampau	205
Rajah 5.9	Perbandingan penggunaan penghampiran	207
Rajah 5.10	Perbandingan penggunaan penciptaan perkataan baharu	209
Rajah 5.11	Peraturan strategi komunikasi bahasa bukan lisan	211
Rajah 5.12	Perbandingan penggunaan pergerakan jari	212
Rajah 5.13	Perbandingan penggunaan jelingan mata	214
Rajah 5.14	Perbandingan penggunaan pergerakan tangan	216
Rajah 5.15	Perbandingan penggunaan pergerakan badan	219
Rajah 5.16	Perbandingan strategi pergerakan kepala	220
Rajah 5.17	Perbandingan penggunaan renungan mata	222
Rajah 5.18	Perbandingan penggunaan strategi diam	224
Rajah 5.19	Perbandingan strategi senyuman	226
Rajah 5.20	Perbandingan penggunaan pergerakan lidah	228
Rajah 5.21	Peraturan strategi komunikasi PAC	231
Rajah 5.22	Peraturan strategi komunikasi PAS	233
Rajah 5.23	Peraturan strategi komunikasi PAR	235
Rajah 5.24	Peraturan strategi komunikasi mengikut aras pelajar	236

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Kadar pengenalanpastian yang betul	34
Jadual 2.2	Rumusan teori pembelajaran bahasa kedua (B2)	92
Jadual 2.3	Rumusan strategi komunikasi (SK)	94
Jadual 2.4	Rumusan komunikasi bukan lisan	99
Jadual 2.5	Rumusan faktor ekstra linguistik	101
Jadual 3.1	Bilangan pelajar tahun 5 (kategori bandar)	125
Jadual 3.2	Bilangan pelajar tahun 5 (kategori luar bandar)	126
Jadual 3.3	Kaedah pengiraan sampel	127
Jadual 3.4	Indeks kebolehpercayaan sikap pelajar	150
Jadual 3.5	Indeks kebolehpercayaan motivasi pelajar	151
Jadual 3.6	Indeks kebolehpercayaan penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar terhadap bahasa Melayu	152
Jadual 3.7	Indeks kebolehpercayaan masalah-masalah komunikasi pelajar	153
Jadual 3.8	Hubungan faktor ekstra linguistik dengan strategi komunikasi	154
Jadual 5.1	Kekerapan strategi komunikasi pelajar Cina	189
Jadual 5.2	Kekerapan strategi komunikasi bahasa lisan (SKBL)	192
Jadual 5.3	Kekerapan pengguguran mesej mengikut aras pelajar	194
Jadual 5.4	Kekerapan rayuan kerjasama mengikut aras pelajar	196
Jadual 5.5	Kekerapan penghuraian mengikut aras pelajar	197
Jadual 5.6	Kekerapan penukaran kod mengikut aras pelajar	200
Jadual 5.7	Kekerapan pengelakan topik mengikut aras pelajar	202
Jadual 5.8	Kekerapan generalisasi terlampau mengikut aras pelajar	204
Jadual 5.9	Kekerapan penghampiran mengikut aras pelajar	206

Jadual 5.10	Kekerapan penciptaan perkataan baharu	208
Jadual 5.11	Kekerapan strategi komunikasi bahasa bukan lisan (SKBBL)	210
Jadual 5.12	Kekerapan pergerakan jari mengikut aras pelajar	212
Jadual 5.13	Kekerapan jelingan mata mengikut aras pelajar	214
Jadual 5.14	Kekerapan pergerakan tangan mengikut aras pelajar	216
Jadual 5.15	Kekerapan pergerakan badan mengikut aras pelajar	218
Jadual 5.16	Kekerapan pergerakan kepala mengikut aras pelajar	220
Jadual 5.17	Kekerapan renungan mata mengikut aras pelajar	222
Jadual 5.18	Kekerapan penggunaan strategi diam mengikut aras pelajar	224
Jadual 5.19	Kekerapan strategi senyuman mengikut aras pelajar	225
Jadual 5.20	Kekerapan pergerakan lidah mengikut aras pelajar	227
Jadual 5.21	Jenis dan kekerapan strategi komunikasi PAC	230
Jadual 5.22	Jenis dan kekerapan strategi komunikasi PAS	232
Jadual 5.23	Jenis dan kekerapan strategi komunikasi PAR	234
Jadual 6.1	Hubungan ekstra linguistik pelajar dengan strategi komunikasi	239
Jadual 6.2	Item-item sikap pelajar Cina terhadap bahasa Melayu	242
Jadual 6.3	Item-item motivasi pelajar Cina terhadap bahasa Melayu	249
Jadual 6.4	Penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar Cina terhadap bahasa Melayu	255
Jadual 6.5	Item-item masalah komunikasi pelajar Cina terhadap bahasa Melayu	263

SENARAI SINGKATAN

BA	-	Bahasa antara
BC	-	Bahasa Cina
BI	-	Bahasa Inggeris
BM	-	Bahasa Melayu
B2	-	Bahasa kedua
CEFR	-	<i>Common European Framework of Reference for Languages</i>
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	-	Kurikulum Standard Sekolah Malaysia
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSRBM	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia
LRT	-	Laporan Rahman Talib
PAC	-	Pelajar aras cemerlang
PAS	-	Pelajar aras sederhana
PAR	-	Pelajar aras rendah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
P&P	-	Pengajaran dan pembelajaran
PPDHL	-	Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PR	-	Penyata Razak
PKSR	-	Penilaian Kendalian Sekolah Rendah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SRJK(C)	-	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SK	-	Strategi Komunikasi
SKBM	-	Standard Kurikulum Bahasa Malaysia
SKBMSR	-	Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package Science Sosial</i>

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Strategi bermakna “satu set prosedur untuk mencapai sesuatu” (Dörnyei & Scott, 1997, p.179). Dalam konteks yang lebih khusus, strategi bukan sahaja memainkan peranan penting dalam komunikasi, tetapi juga menyumbang kepada pemerolehan bahasa kedua. Strategi komunikasi dikenali sebagai SK selepas ini didapati boleh membantu untuk mengekalkan keterbukaan saluran komunikasi, menggalakkan pembentukan hipotesis dan maklum balas (Lin Wei, 2011, p.2). Oleh yang demikian, SK merupakan salah satu komponen kecekapan komunikatif untuk mentafsir keupayaan bahasa lisan pelajar.

Corder (1982, p.103) berpendapat SK merupakan satu teknik yang sistematik yang digunakan oleh penutur untuk menyatakan maknanya apabila berhadapan dengan beberapa kesukaran yang merujuk kepada kekurangan penguasaan penutur dalam bahasa yang digunakan dalam interaksi. Sesuatu mesej berjaya disampaikan adalah bergantung pada SK yang digunakan oleh penutur. Faerch dan Kasper (1983, p.36) melihat SK sebagai pelan kesedaran yang berpotensi untuk menyelesaikan apa yang seseorang lihat sebagai masalah dalam mencapai matlamat komunikasi tertentu.

Menurut Gullberg (2011, p.19), SK juga berfungsi sebagai strategi sosial yang membolehkan pelajar berinteraksi dan berurusan dengan input. Strategi sosial bergantung kepada satu set strategi kognitif, iaitu “manfaatkan apa yang anda ada” sebagai asas komunikasi. Oleh itu keupayaan minda dalam menggerakkan komponen kecekapan bahasa yang terdiri daripada penapis, penyusun, dan monitor adalah perlu untuk menentukan cara yang paling berkesan bagi mencapai matlamat komunikasi. (Bachman, 1990, p.81-91). Kecekapan B2 dalam kalangan pelajar bukan natif adalah berbeza antara satu sama lain.

Strategi dilihat sebagai memberi manfaat kepada pelajar kerana menyediakan pelajar dengan semacam alat untuk memastikan interaksi yang berterusan. Hal ini seterusnya memberi peluang kepada pelajar untuk melaksanakan interaksi yang membawa kepada kecekapan bahasa. Strategi yang digunakan oleh pelajar yang lebih mahir boleh diajar kepada pelajar yang kurang mahir. Apabila pelajar menggunakan strategi tersebut, pelajar menjadi penutur yang lebih cekap dan kefahaman bahasa bertambah baik (Gullberg, 2011, p.32).

Dalam konteks penyelidikan ini, penggunaan SK dianggap sebagai satu kaedah alternatif bagi mengatasi kekurangan leksikal BM dalam kalangan penutur bukan natif, khususnya pelajar Cina. Menurut Zamri et.al (2013, p.371-374), SK dapat membantu pelajar bukan Melayu menguasai BM dengan baik. Pada masa yang sama, hal ini menimbulkan rasa minat dan seterusnya menghormati BM sebagai bahasa rasmi, bahasa pengantar, dan bahasa kebangsaan rakyat Malaysia pelbagai kaum. Menurut Chin pula (1982, p.141), pembelajaran BM merupakan satu masalah besar kepada pelajar Cina kerana mereka sudah biasa bertutur, berfikir, membaca dan menulis dalam bahasa Mandarin. Latar belakang bahasa pelajar Cina yang berlainan dengan BM tidak membantu mereka memperbaiki kualiti BM dalam tempoh yang singkat.

Oleh itu, dalam konteks kajian ini konsep SK merujuk kepada pertuturan lisan bahasa kedua atau B2 dan salah satu daripada lima proses dalam penghasilan bahasa antara (dikenali sebagai BA selepas ini) oleh Selinker (1972), iaitu pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi komunikasi bahasa kedua, strategi pembelajaran bahasa kedua, dan generalisasi terlampau. Dalam kajian ini, SK merujuk kepada pertuturan pelajar Cina yang terhasil daripada strategi yang digunakan oleh pelajar untuk berkomunikasi dengan rakan mereka yang lain. Strategi tersebut adalah salah satu komponen komunikatif untuk membantu keupayaan bahasa lisan seseorang itu.

1.2 Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Menurut Asmah (2008, p.39), sekolah yang menggunakan bahasa Mandarin telah wujud di Semenanjung Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Sekolah ini dibangunkan oleh komuniti Cina sendiri tanpa mendapat bantuan daripada pemerintah. Bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa Mandarin. BM tidak diajar walaupun sebagai satu mata pelajaran, dan sekolah ini bebas menggubal kurikulum sendiri, dan pendidikan yang diberi adalah hingga ke peringkat menengah.

Selepas kemerdekaan, sekolah ini diberi bantuan kewangan oleh kerajaan di bawah skim *grants-in-aid*, dan syarat untuk mendapat peruntukan ini ialah mereka mesti memperkenalkan bahasa kebangsaan sebagai mata pelajaran, tetapi kelulusan dalam mata pelajaran ini tidak wajib untuk mendapat sijil sekolah berkenaan. Pada tahun 1970, sekolah Cina mendapat taraf sebagai SRJK(C). Hal ini bermakna bahawa pengajaran BM dan kelulusan dalam mata pelajaran berkenaan menjadi wajib.

BM dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah atau KSSR yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2010 digubal untuk memastikan pelajar menguasai kemahiran belajar berteraskan kemahiran asas merangkumi bertutur, membaca, dan menulis dalam bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah (Mak, 2009, p.511). Walaupun pendidikan di SRJK(C) mengutamakan bahasa Mandarin tetapi BM menjadi salah satu mata pelajaran bahasa yang wajib dikuasai oleh pelajar. Matlamat Kurikulum BM adalah untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai, dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian. Dalam kurikulum tersebut terdapat empat objektif utama berkaitan kemahiran berkomunikasi yang perlu dicapai oleh pelajar setelah mengikuti pengajaran dan pembelajaran BM standard di sekolah rendah.

Empat objektif tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dalam situasi formal dan tidak formal dengan betul secara bertatasusila.
- ii. Bercerita sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.
- iii. Berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila.
- iv. Berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.

Dalam kandungan Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah (KBSR), terdapat tiga kemahiran yang perlu dicapai oleh murid, iaitu kemahiran berbahasa, seni bahasa, dan tatabahasa. Pada masa yang sama, kemahiran berbahasa terdiri daripada empat kemahiran yang khusus, iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Maksud kemahiran bertutur adalah merujuk kepada hubungan sosial, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kritis dan kreatif. Keutamaan diberikan pada sebutan dan intonasi yang betul serta pengucapan yang bertatasusila serta menggunakan tatabahasa yang betul.


Aspek lisan sentiasa diberi penekanan dalam kemahiran berbahasa. Ini dapat dilihat dalam objektif kemahiran mendengar dan bertutur yang berikut:

- i. Mendengar, memahami dan memberi respons secara lisan atau gerak laku berdasarkan arahan, pesanan dan pertanyaan dengan betul.
- ii. Bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan menggunakan ayat yang mengandungi diksi, kata panggilan, kata ganti nama diri pertama dan kedua dengan betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.

- iii. Bercerita tentang sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar menggunakan ayat tunggal dengan tepat, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.
- iv. Berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan tepat dengan menggunakan perkataan yang sesuai secara bertatasusila.

Berdasarkan matlamat dan objektif pengajaran pembelajaran BM dalam KSSR, jelas bahawa kemahiran lisan begitu penting agar membolehkan pelajar sekolah rendah berkomunikasi untuk mengeluarkan pendapat, idea dan saranan dengan bernas. Menurut Mohd Hilmy (1982, p.68-69), kemahiran pertuturan adalah menjadi asas kepada hampir semua pembelajaran bahasa. Pendapat beliau disokong oleh Siti Hajar (2009, p.112) bahawa kemahiran tersebut merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai terlebih dahulu oleh kanak-kanak sebelum mereka menguasai bahasa yang lain.

Menurut Siti Hajar (2009, p.112) tujuan menguasai kemahiran lisan bukan semata untuk mempelajari sesuatu bahasa tetapi untuk mencapai tahap kompetensi dalam berkomunikasi. Jika mereka tidak menguasai kemahiran lisan dengan baik mereka akan menghadapi masalah pada diri masing-masing. Oleh itu, kaedah yang sesuai untuk membantu pelajar Cina menguasai kemahiran lisan dalam pertuturan BM adalah dengan menggunakan SK pelbagai jenis. Pengenalpastian SK yang digunakan oleh pelajar Cina akan memudahkan guru-guru BM untuk mengetahui permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh mereka semasa berujaran dalam BM seperti kekurangan kosa kata BM, kesukaran sebutan, kesalahan dalam membina ayat-ayat BM dan sebagainya.



Rajah 1.1: Reka Bentuk Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah (PPPM 2013-2025)

Kepentingan kemahiran komunikasi diterjemahkan pada Rajah 1.1. Rajah tersebut menunjukkan reka bentuk Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah dibina berasaskan enam tunjang, iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, literasi sains dan teknologi, fizikal dan estetika, dan keterampilan diri. Semua domain utama itu saling menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran insan yang kritis, kreatif serta inovatif. Kesepaduan tersebut bertujuan membangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan, dan berketerampilan.

Kemahiran berkomunikasi yang menjadi salah satu domain utama dalam Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah merupakan aspek penting yang perlu dikuasai oleh semua pelajar, khususnya penutur bukan natif BM, iaitu pelajar Cina. Kemahiran tersebut yang menggabungkan kemahiran bahasa secara lisan dan bukan lisan boleh menjadikan sesuatu komunikasi itu menjadi lebih berkesan.

1.3 Bahasa Melayu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

Peranan BM sebagai bahasa perpaduan tidak pernah dipersoalkan oleh mana-mana pihak semenjak negara mencapai kemerdekaan. Walaupun banyak kurikulum pendidikan nasional digubal dan dilaksanakan oleh kementerian namun kedaulatan BM tetap dipertahankan malah diperkukuhkan lagi bagi menaik taraf keberkesanannya dalam mendepani arus pendidikan global yang sentiasa berubah. Perubahan besar dalam sistem pendidikan negara terkini telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia atau diringkaskan sebagai PPPM 2013-2025.

Wawasan kerajaan adalah untuk melihat semua pelajar dari semua jenis sekolah mencapai tahap kecemerlangan yang memuaskan dalam penguasaan BM merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Pencapaian BM dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) menunjukkan kadar lulus paling tinggi antara mata pelajaran teras yang lain. Namun begitu, menurut PPPM 2013-2025 (Ekshibit 4-6), penyertaan murid di sekolah rendah yang berlainan telah mewujudkan perbezaan dalam keberhasilan murid mengikut etnik. Murid bumiputera menunjukkan pencapaian yang baik dalam BM (84% mencapai gred kepujian pada peringkat SPM). Namun begitu, murid Cina hanya menunjukkan pencapaian 63% sementara murid India 57%.

Kementerian menyusun beberapa strategi melalui “Sebelas Anjakan Utama Mentransformasikan Sistem Pendidikan Negara” bagi memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam BM dan bahasa Inggeris serta digalakkan mempelajari satu bahasa tambahan. Merujuk konteks penyelidikan berkaitan pencapaian penguasaan BM yang rendah di SRJK(C), maka kementerian mengambil langkah-langkah yang perlu,

iaitu melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu (KSSRBM) yang baharu untuk murid yang bahasa ibunda bukan BM di SRJK(C). Oleh itu, pada 2011 kementerian mula melaksanakan KSSRBM untuk pelajar Tahun 1 dan sepenuhnya pada 2016. Pelaksanaan kurikulum tersebut bertujuan memberi pendedahan yang lebih luas kepada pelajar Cina sama seperti pelajar di sekolah harian biasa. Seterusnya akan memfokuskan standard pembelajaran yang sama seperti di sekolah harian menjelang Tahun 6 (PPPM2013-2025, Ekshibit 4-7).

Selain menambah baik kurikulum dan pengajaran kelas peralihan melalui KSSR, kementerian melaksanakan program Linus 2.0 untuk pelajar Tahun 1 hingga Tahun 3. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan penguasaan BM semua pelajar supaya mencapai 100% literasi asas BM selepas tiga tahun persekolahan. Pelaksanaan KSSR bermula dari Tahun 1 hingga Tahun 6 dan lengkap satu pusingan menjelang 2016. Selepas itu, KSSR akan disemak semula dan Kurikulum Standard Sekolah Malaysia (seterusnya KSSM) diperkenalkan bagi pelajar Tingkatan 1. Sekiranya, pelajar Cina masih belum mencapai standard pembelajaran yang memuaskan maka mereka mengikuti program pemulihan selepas sesi persekolahan mulai Tahun 4 hingga Tahun 6 atau mengikuti kelas peralihan supaya tidak ketinggalan dengan rakan sebaya dalam arus perdana.

Aspirasi Sistem Pendidikan Negara berhasrat untuk melahirkan murid-murid yang sekurang-kurangnya fasih bertutur dalam BM hingga mampu berinteraksi dengan bebas dalam wacana sosial atau *independent proficiency* menurut takrif yang dikeluarkan oleh *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Tahap penguasaan murid pada peringkat tersebut adalah penting untuk menyasarkan 90% pencapaian murid pada tahap minimum gred kepujian BM dan 30% bagi bahasa tambahan (PPPM 2013-2025, Ekshibit 4-6). Sasaran tersebut akan tercapai sekiranya jurang prestasi

antara kumpulan etnik dapat ditangani. Faktor kewujudan jurang tersebut kerana pelajar Cina kurang pendedahan kepada BM di SRJK(C). Sebanyak 96% pelajar Cina dan 56% pelajar India bersekolah di sekolah jenis kebangsaan yang kebanyakan mata pelajaran diajar dalam bahasa ibunda masing-masing. Di samping itu, mereka mendapat kurang masa pengajaran dalam BM kerana masa pengajaran bahasa telah dibahagikan kepada BM, bahasa Inggeris, dan bahasa Cina atau bahasa Tamil. Oleh itu, melalui PPPM 2013-2025, KPM memperkenalkan KSSRBM untuk pelajar Cina dan pelajar Tamil di sekolah jenis kebangsaan supaya setiap pelajar yang melalui sistem pendidikan Malaysia perlu mahir dan fasih berbahasa Malaysia dan bahasa Inggeris pada tahap kemahiran bebas (*independent proficiency*) oleh CEFR.

Matlamat KPM untuk meningkatkan penguasaan lisan BM dalam kalangan pelajar Cina agar setaraf dengan pelajar di sekolah harian biasa adalah tinggi. Jika matlamat tersebut tercapai maka penyeragaman Standard Kurikulum Bahasa Melayu (SKBM) di semua sekolah rendah boleh dilaksanakan. Oleh itu, pelajar Cina perlu mempunyai teknik pembelajaran BM yang sesuai, menarik, dan fleksibel melalui penggunaan SK yang berkesan. Penggunaan SK boleh diperkenalkan semasa pembelajaran BM secara formal di dalam kelas dan perbualan dengan rakan-rakan serta ahli keluarga.

Berdasarkan penyelidikan ini, sesuatu SK yang digunakan bukan sahaja berbentuk bahasa tetapi juga bukan bahasa, iaitu meliputi pergerakan jari, tangan, jelingan mata dan lain-lain yang akan disentuh secara mendalam pada Bab 3. Dalam proses menguasai B2 oleh penutur bukan natif, penggunaan SK dilihat sebagai kaedah terbaik untuk memudahkan pelajar Cina bertutur dalam BM disebabkan kekurangan pemahaman leksikal bahasa tersebut. Kebaikan penggunaan SK dalam menguasai B2 perlu diutamakan oleh pelajar Cina dan guru BM yang mengajar mata pelajaran tersebut.

Objektif penyelidikan ini adalah berhubung dengan SK berasaskan bahasa lisan dan bukan lisan, kekerapan SK dalam pembelajaran BM sebagai B2, dan hubungan faktor ekstra linguistik (sikap, motivasi, penggunaan dan persekitaran bahasa, masalah komunikasi) dengan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar Cina sebagai pelajar bukan penutur natif BM.

Memandangkan bahasa pengantar di SRJK(C) adalah bahasa Mandarin maka penguasaan lisan BM pelajar Cina adalah terbatas. Oleh itu, salah satu usaha yang boleh mengurangkan kesukaran pelajar Cina bertutur dalam BM adalah melalui penggunaan SK. Walaupun penggunaannya boleh mengganggu kelancaran pengujaran lisan tetapi penutur masih boleh menyampaikan mesej kepada interlocutor.

1.4 Permasalahan Kajian

Pelajar Cina di SRJK(C) menggunakan BM hanya jika ada keperluan. Penggunaan BM yang terbatas dalam komunikasi harian menyebabkan penguasaan kosa kata BM pelajar Cina tidak memberangsangkan. Kelemahan penguasaan kosa kata bahasa sasaran berpunca daripada kekurangan pendedahan pelajar Cina terhadap unsur-unsur B2, iaitu BM. Bahasa pengantar di SRJK(C) ialah bahasa Mandarin. Namun demikian, BM diajar sebagai satu mata pelajaran wajib di dalam kelas. Di samping itu, tempoh masa yang singkat semasa mempelajari BM dalam kelas menjadi kekangan kepada pelajar Cina untuk memperoleh kosa kata BM dengan lebih banyak. Tambahan pula, bilangan penutur natif BM tidak ramai. Keadaan tersebut telah mengurangkan peluang mereka untuk bertutur dalam bahasa tersebut dengan lancar. Kekurangan kosa kata boleh menjejaskan penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam BM dengan berkesan. Oleh itu, cara yang kerap digunakan oleh pelajar Cina yang kurang mendapat pendedahan BM adalah dengan menggunakan SK seperti strategi penukaran kod supaya mesej yang disampaikan dapat difahami oleh interlocutor.

Pelajar Cina kurang bertutur dalam BM semasa berinteraksi secara formal dan tidak formal dengan rakan, guru, pentadbir, ibu bapa dan orang sekeliling. Mereka lebih gemar menggunakan bahasa ibunda, iaitu bahasa Mandarin kerana lebih mudah untuk mereka berkomunikasi dengan penutur sebangsa. Kalthum (2001, p.132) menerusi kertas kerjanya, iaitu “Bahasa Melayu Dalam Pendidikan Negara Bangsa” menyatakan bahawa pelajar bukan Melayu tidak menuturkan BM di rumah. Oleh itu, mereka mempelajari sebutan, tatabahasa, kosa kata, pengejaan bunyi, dan intonasi secara formal sahaja di sekolah. Jika dilihat secara mendalam fenomena seperti ini tidak banyak membantu pelajar Cina untuk memperbetulkan kesalahan BM, terutama tatabahasa. Oleh itu, sebagai salah satu kaum dalam multibangsa, pelajar Cina perlu mengamalkan konsep integrasi sosial. Pergaulan melalui integrasi sosial sangat penting supaya mereka berkomunikasi dalam BM dengan lebih yakin. Sekiranya seseorang pelajar B2 banyak berkomunikasi dengan kaum-kaum lain maka pelajar itu dapat mengakses kosa kata B2.

Dalam kontinum BA, semakin banyak seseorang itu bertutur dalam B2, semakin hampir penguasaannya terhadap bahasa tersebut. Oleh itu, penggunaan pelbagai SK perlu dilihat dari sudut positif. Walaupun penggunaannya didapati mengganggu kelancaran semasa pertuturan tetapi kebaikan SK adalah besar dalam membantu penutur menyampaikan mesej kepada pendengar. Keperluan penggunaan SK dalam usaha menguasai BM perlu dikaji dengan lebih mendalam. Menurut Zamri et.al (2013, p.373) pelajar Cina yang mempelajari BM sebagai B2 bukan sahaja untuk tujuan peperiksaan tetapi juga sebagai alat berkomunikasi. Jenis komunikasi yang digunakan ialah komunikasi sehalu. Komunikasi tersebut tidak banyak mendekatkan pelajar Cina dengan elemen-elemen BM. Oleh itu, mereka tidak boleh meningkatkan kosa kata BM dari semasa ke semasa. Kesukaran yang dialami mendorong mereka melakukan sesuatu sebagai jalan penyelesaian, iaitu menggunakan SK.

1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian dapat diketengahkan dalam kajian ini, seperti yang berikut:

- i. Apakah jenis-jenis SK yang digunakan oleh pelajar Cina?
- ii. Berapakah kekerapan penggunaan SK dalam kalangan pelajar Cina?
- iii. Sejauh manakah faktor-faktor ekstra linguistik (sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan persekitaran BM, dan masalah-masalah komunikasi) mempengaruhi penggunaan SK dalam kalangan pelajar Cina?

1.6 Objektif Kajian

Tiga objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Menenal pasti strategi komunikasi (SK) yang digunakan oleh pelajar Cina semasa berkomunikasi dalam bahasa Melayu untuk menyampaikan mesej.
- ii. Menganalisis kekerapan strategi komunikasi (SK) dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
- iii. Menghuraikan hubungan faktor ekstra linguistik (sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan persekitaran bahasa Melayu pelajar serta masalah komunikasi) dengan penggunaan strategi komunikasi (SK) dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

1.7 Kepentingan Kajian

Persekitaran pembelajaran BM secara formal di SRJK(C) mempunyai manfaat tertentu. Penutur boleh mengubah suai penggunaan BM melalui beberapa peraturan tahap rendah yang mereka tahu. Apabila BM dipelajari dengan betul, penggunaan SK secara sedar boleh menyumbang kepada peningkatan ketepatan penggunaan BM. Persekitaran yang formal merangsang dan berguna kepada pelajar Cina yang berminat mempelajari

struktur BM dengan lebih mendalam. Walaupun kajian-kajian berkaitan SK dalam B2 banyak dikaji oleh sarjana tempatan tetapi kajian mereka lebih cenderung kepada golongan sasaran pelajar universiti dan pelajar sekolah menengah. Sementara itu, kajian SK bagi pelajar sekolah rendah yang menuntut di sekolah bukan harian biasa masih kurang diterokai sepenuhnya pada masa ini. Tambahan pula, tahap penguasaan mereka terhadap BM masih jauh jika dibandingkan dengan pencapaian BM pelajar di sekolah harian biasa.

Kajian ini cuba meneroka tentang penggunaan SK dalam pertuturan lisan BM. Memandangkan bahasa pengantar mereka adalah bahasa Mandarin maka tentulah sukar untuk mereka mempraktikkan penggunaan BM dalam komunikasi harian di sekolah. Oleh itu, timbul keprihatinan pengkaji untuk menyelidik dengan mendalam jenis SK yang digunakan dalam pertuturan BM pelajar Cina. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mengklasifikasikan SK tersebut dalam dua kategori, iaitu Strategi Komunikasi Bahasa Lisan (SKBL) dan Strategi Komunikasi Bahasa Bukan Lisan (SKBBL) yang akan dibincangkan dengan tuntas dalam Bab 4. Dalam pembelajaran bahasa, seseorang pelajar perlu menguasai kemahiran lisan terlebih dahulu sebelum kemahiran membaca dan menulis. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini diharap dapat mengurangkan tahap kesukaran pelajar untuk mempelajari BM, selanjutnya membantu mereka menjadi pelajar B2 yang efektif.

Pada awal tahun 70-an, kajian SK berkaitan B2 dicetuskan oleh sarjana barat, seperti Tarone (1977), Faerch dan Kasper (1983) dan lain-lain. Di Malaysia, penyelidikan berkaitan SK mula berkembang sekitar awal tahun 90-an. Warga pendidik wajar menyedari akan kepentingan SK dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM supaya lebih menarik pelajar Cina meminatinya. Sikap kurang minat mempelajari BM dalam kalangan pelajar Cina menyebabkan guru-guru bahasa berasa bosan. Kesan yang

ketara disedari apabila objektif yang diajar tidak tercapai. Penyelidikan ini diharap memberi suntikan semangat kepada guru-guru BM untuk meneruskan pengajarannya apabila menggunakan satu kaedah yang boleh meningkatkan pemahaman dan penguasaan kemahiran BM, iaitu pengaplikasian SK. Selain itu, guru-guru bahasa juga boleh memperbaiki sebarang kelemahan pengajaran dan pembelajaran yang lalu, seterusnya mengubah suai corak pengajaran mengikut jenis SK yang digunakan oleh pelajar Cina. Guru-guru juga boleh mengenal pasti jenis SK bagi membimbing pelajar lemah dan pelajar sederhana serta memberi latihan pengayaan kosa kata terhadap pelajar cemerlang dengan lebih berkesan.

Komunikasi bukan lisan memainkan peranan penting dalam interaksi sosial manusia. Dalam hal ini, David (1968, p.55) menyatakan bahawa seseorang bercakap menggunakan organ-organ vokal tetapi apabila berkomunikasi akan menggunakan keseluruhan badan. Setiap ekspresi wajah dan setiap isyarat menyumbang kepada makna keseluruhan pernyataan. Bahasa badan yang mengiringi setiap lakuan bahasa yang dipamerkan dan walaupun tidak berkata-kata, tingkah laku bukan lisan kita sentiasa menghantar maklumat yang mengandungi makna. Fenomena bukan lisan telah menjadi fokus kepentingan dalam pelbagai bidang seperti antropologi, psikologi, sosiologi dan linguistik.

Dalam konteks pengajaran B2, fenomena bukan lisan tidak diberi perhatian yang mencukupi. Kelas bahasa secara tradisi masih menekankan komunikasi lisan (Carola, 2014, p.28-29). SKBL yang ditekankan dalam kajian ini lebih menjurus kepada gabungan atau saling berkait dengan strategi komunikasi bahasa bukan lisan (SKBBL) yang membawa maksud tertentu dalam mesej yang disampaikan oleh penutur.

1.8 Bahan Kajian

Korpus pertuturan subjek kajian ini dihadkan 130 orang subjek. Kaedah pemilihan subjek penyelidikan berdasarkan pensampelan strata. Jumlah pelajar Cina setiap sekolah dibahagikan mengikut kaedah strata 1/20. Kaedah pengiraan dan jumlah sampel berdasarkan aras pelajar setiap sekolah boleh dirujuk dalam Bab 3. Pertuturan subjek akan dirakamkan dan seterusnya dianalisis bagi memenuhi objektif kajian ini.

1.9 Batasan Kajian

Penyelidikan ini terhad kepada SK dalam pertuturan lisan BM dan bukan lisan. Dalam aspek sekolah dan lokasi pula, penyelidikan ini dijalankan di 15 buah SRJK(C) yang terletak di daerah Hulu Langat, Selangor. Sekolah-sekolah tersebut berdaftar di bawah KPM dan ditadbir urus di bawah Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat, Selangor. Sekolah harian biasa, sekolah menengah, dan sekolah persendirian atau swasta tidak terlibat dalam penyelidikan ini. Subjek kajian melibatkan pelajar Cina lelaki dan perempuan yang berada pada Tahun 5. Walaupun di SRJK(C) terdapat pelajar India dan pelajar Melayu, namun dalam kajian ini penglibatan mereka dikecualikan. Sampel kajian dipilih daripada semua aras merangkumi cemerlang, sederhana, dan rendah.

1.10 Definisi Operasional

Istilah-istilah penting yang digunakan dalam penyelidikan ini boleh memberi tafsiran, pemahaman dan penghayatan yang jelas berkaitan hala tuju penyelidikan ini sejajar dengan objektif yang sebenar. Semua istilah dan konsep yang dinyatakan akan digunakan pada bab-bab seterusnya bersesuaian dengan peranannya dan keperluan objektif kajian.

1.10.1 Bahasa Melayu (BM)

Bahasa Melayu merupakan subkeluarga bahasa Melayu-Polinesia dari rumpun Austronesia dan telah digunakan oleh orang-orang Melayu di kepulauan Melayu sejak lebih 1000 tahun yang lalu (Siti Hajar, 2011, p.11). Peranan dan potensinya yang semakin meluas telah mendorong pengiktirafan BM sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah awam berlandaskan Penyata Razak 1956. Walaupun dalam sistem pendidikan di SRJK(C) bahasa pengantarnya masih menggunakan bahasa ibunda (bahasa Mandarin) namun BM tetap dipelajari oleh pelajar Cina sebagai B2.

1.10.2 Bahasa Pertama (B1)

Lightbown dan Spada (2006, p.174) mendefinisikan bahasa pertama sebagai bahasa yang pertama dipelajari oleh kanak-kanak. Selain itu, bahasa ibunda boleh juga ditakrifkan sebagai bahasa pertama (*first language*). Dalam konteks masyarakat Malaysia berketurunan Cina mereka menggunakan bahasa-bahasa yang berbeza tetapi bahasa Mandarin ialah variasi standard sama bahasa Cina dalam semua aspek aktiviti kehidupan mereka. Sistem pendidikan formal di SRJK(C) telah mengiktiraf bahasa Mandarin digunakan sebagai bahasa pengantar dan BM sebagai B2.

1.10.3 Bahasa Kedua (B2)

Pembelajaran B2 berlaku setelah seseorang itu menguasai satu sistem bahasa (Lightbown dan Spada, 2006, p.30). Dalam sistem pendidikan bahasa di SRJK(C), B2 merujuk kepada BM. Mata pelajaran tersebut dipelajari oleh pelajar Cina secara formal di dalam kelas bermula dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Sebelum pelajar Cina mempelajari BM secara formal, mereka menguasai bahasa ibunda secara perolehan dan pembelajaran.

1.10.4 Bahasa Antara (BA)

Istilah bahasa antara (BA) merujuk kepada sistem linguistik yang berasingan berdasarkan pemerhatian output yang terhasil daripada cubaan pelajar B2 menghasilkan norma bahasa sasaran dan merupakan sistem yang dinamik. Sistem BA ialah hasil satu daripada interaksi proses psikolinguistik di antara dua sistem linguistik, iaitu bahasa ibunda dan bahasa sasaran (Corder, 1982, p.87). Dalam kajian ini pula dapatan yang akan diperlihatkan adalah kedudukan BA pelajar Cina terhadap BM dengan memfokuskan penggunaan jenis-jenis SK dalam pertuturan lisan.

1.10.5 Strategi Komunikasi (SK)

SK merupakan salah satu daripada lima proses dalam fenomena BA. Menurut Dörnyei (1995, p.56) bahawa persetujuan sebulat suara belum tercapai tentang definisi SK. Menerusi kajian ini pula, SK dikaitkan dengan pengujaran lisan bersama-sama pergerakan anggota badan yang memberi makna dalam menyampaikan mesej oleh penutur B2 (pelajar Cina). Kedua-duanya dikenali sebagai Strategi Komunikasi Bahasa Lisan (SKBL) dan Strategi Komunikasi Bahasa Bukan Lisan (SKBBL).

1.10.6 Pengguguran Mesej

Menurut Dörnyei & Scott (1997, p.188) strategi ini berlaku apabila seseorang penutur B2 bertindak meninggalkan mesej yang belum selesai kerana beberapa kesukaran bahasa yang dihadapi. Namun menerusi kajian ini, penyelidik lebih memandangkan strategi tersebut ke arah yang lebih positif, iaitu usaha-usaha pelajar Cina yang berterusan dalam meneruskan pengujaran mereka sehingga mesej yang disampaikan boleh difahami oleh pelajar Cina yang lain.

1.10.7 Pengelakan Topik

Huraian berkaitan strategi ini adalah mengurangkan mesej dengan mengelakkan penggunaan struktur bahasa yang tertentu atau topik dianggap bahasa bermasalah atau dengan meninggalkan beberapa elemen yang diperlukan untuk mengurangkan unsur sumber linguistik (Dörnyei & Scott, 1997, p.188). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, maksud strategi tersebut dikaitkan dengan tindakan subjek memberhentikan pengujaran atau tidak meneruskan pertuturan sebaliknya, bertutur dalam konteks yang lain dan dirasakan mampu menyempurnakannya.

1.10.8 Penghampiran

Strategi tersebut dikaitkan dengan penggunaan item perbendaharaan kata tunggal bahasa sasaran atau struktur yang tidak betul tetapi berkongsi persamaan ciri-ciri semantik yang mencukupi dengan item yang dikehendaki untuk keselesaan penutur B2 (Tarone, 1981, p.2). Pelajar Cina yang kekurangan leksikal BM akan menggunakan kosa kata yang lain akibat tidak mengetahui kosa kata yang sebenarnya. Contohnya pinggan bukannya mangkuk (Dörnyei & Scott, 1997, p.188). Beliau menyatakan bahawa penghampiran adalah berkaitan penggunaan item leksikal alternatif tunggal seperti superordinat atau istilah yang berkongsi ciri-ciri semantik dengan perkataan sasaran.

1.10.9 Pembentukan Perkataan Baharu

Tarone (1981, p.2) menyatakan bahawa pelajar B2 yang tidak mengetahui kosa kata sebenar akan bertindak membentuk perkataan-perkataan baharu untuk berkomunikasi mengikut konsep yang dikehendaki (contohnya: bola udara bagi menggantikan belon). Strategi tersebut digunakan oleh pelajar Cina apabila keadaan mendesak dengan menggunakan perkataan baharu yang tidak ada dalam tatabahasa BM.

1.10.10 Penghuraian

Pelajar akan menerangkan ciri-ciri atau unsur-unsur sesuatu objek atau tindakan daripada menggunakan butiran atau struktur bahasa sasaran yang sesuai (Tarone, 1981, p.2). Maksud strategi tersebut yang dibawa oleh Dörnyei & Scott (1997, p.188) pula tidak banyak berbeza. Penghuraian adalah memberi contoh, menggambarkan, dan menerangkan sifat-sifat objek sasaran atau tindakan. Contohnya, “ia” akan menjadi “air” dan bukannya “cair”. Dalam kajian ini, strategi tersebut lebih kepada penggunaan kosa kata atau ayat yang panjang dan berbelit-belit bagi menerangkan sesuatu objek.

1.10.11 Penukaran Kod

Dörnyei & Scott (1997, p.189) menyatakan bahawa maksud strategi tersebut adalah membawa perkataan bahasa pertama dan bahasa ketiga dengan sebutan bahasa pertama atau bahasa ketiga ke dalam pengucapan B2. Walau bagaimanapun, bagi pertuturan pelajar Cina tentunya akan dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka. Penguasaan bahasa ibunda diperoleh secara pemerolehan dan pembelajaran telah menjadi fosil dalam fikiran sejak sekian lama. Oleh itu, semasa pertuturan dalam BM, mereka tiada kaedah lain selain membawa masuk kosa kata bahasa Mandarin bagi menggantikan kosa kata yang tidak diketahui.

1.10.12 Rayuan Kerjasama

Menurut Tarone (1981, p.2) penggunaan strategi tersebut berlaku apabila pelajar bertanya tentang istilah atau struktur yang betul. Contohnya: “Apakah ini? Ia dipanggil apa?”. Selain beliau, Dörnyei & Scott (1997, p.191) pula menyatakan strategi tersebut sebagai memohon bantuan secara langsung. Seseorang pelajar cuba mendapatkan bantuan daripada teman berbual secara tidak langsung dengan melahirkan kekurangan item leksikal B2 yang diperlukan sama ada secara lisan atau bukan lisan.

1.10.13 Generalisasi Terlampau

Selinker (1972, p.178) menyatakan bahawa generalisasi terlampau merupakan hasil atau jawapan yang jelas lebih kepada generalisasi terhadap bahasa sasaran bahan linguistik. Puteri Roslina (2004, p.109) pula berpendapat strategi tersebut merupakan satu strategi yang digunakan oleh kanak-kanak yang mempelajari B2 dan boleh dikaitkan dengan strategi pembelajaran. Pengkaji menerapkan strategi tersebut dalam penyelidikannya adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana pemahaman pelajar Cina terhadap penggunaan tatabahasa BM khususnya dalam aspek pertuturan.

1.10.14 Komponen Komunikasi Bukan Lisan

Carola (2014, p.30) mentakrifkan komunikasi bukan lisan sebagai bertentangan dengan komunikasi lisan. Semua fenomena dengan nilai komunikatif yang bukan sebahagian daripada komunikasi lisan diringkaskan di bawah istilah komunikasi bukan lisan. Istilah bukan verbal merujuk kedua-dua fenomena yang boleh dilihat seperti gerak isyarat dan ekspresi muka dan juga aspek-aspek yang boleh didengar seperti gaya bercakap dan kualiti ujaran.

Pengkaji menerusi penyelidikan ini menekankan sembilan jenis SKBBL yang kebanyakannya melibatkan pergerakan anggota badan (pergerakan lidah, jelingan mata, senyuman, pergerakan kepala, renungan, pergerakan badan, pergerakan jari, pergerakan tangan, dan strategi diam). Setiap gerakan yang dilakukan mempunyai maksud tertentu untuk memantapkan keberkesanan dalam proses menyampaikan maklumat atau mesej kepada pendengar. Perlakuan SKBBL adalah serentak atau saling berkait dengan pengujaran lisan SKBL.

1.10.15 Ekstra Linguistik

Faktor ekstra linguistik melibatkan hubungan kekuatan penguasaan dari segi sosial, politik, dan ekonomi. Selanjutnya, ciri-ciri linguistik seseorang individu mesti dibuat dari segi penerapan dan penilaian sosial. Faktor ekstra linguistik yang penting ialah kepanjangan dan intensiti kontak, sejauh mana kemampuan penutur dwibahasa atau masyarakat majmuk, darjah kecekapan dan kemahiran dalam kod bahasa yang terlibat dan lain-lain (Jones & Esch, 2002, p.306-307). Elemen ekstra linguistik yang mendasari kajian ini dibahagikan kepada empat kategori utama, iaitu sikap pelajar terhadap BM, motivasi pelajar terhadap BM, penggunaan dan persekitaran pelajar terhadap BM, dan masalah-masalah komunikasi yang dihadapi oleh pelajar Cina semasa berujaran menggunakan BM. Analisis daripada item-item soal selidik berkaitan elemen-elemen tersebut adalah untuk mengetahui sejauh mana peranannya dalam menentukan jenis-jenis SK yang digunakan oleh pelajar Cina sebagaimana yang tercatat dalam objektif kajian ini.

1.10.16 Sikap Pelajar

Antonia (1981, p.51-52) menyatakan bahawa kecekapan berbahasa Inggeris mempunyai hubungan dengan sikap terhadap bahasa tersebut. Sikap terhasil daripada kecekapan dan kontak yang rapat dengan B2. Seseorang pelajar yang cekap berbahasa Inggeris, maka sikapnya terhadap bahasa tersebut adalah positif. Dalam usaha membentuk sikap positif, seseorang pelajar perlu banyak terdedah terhadap bahasa Inggeris. Oleh itu, pengkaji menerusi item-item soal selidik lebih banyak menumpukan perkara-perkara seperti bahan bacaan, program televisyen, tempoh masa belajar BM, dan perasaan terhadap pembelajaran BM untuk mengetahui sejauh mana sikap pelajar Cina terhadap pertuturan BM dan seterusnya kesan dalam penggunaan SK semasa berujaran dalam bahasa tersebut.

1.10.17 Motivasi Pelajar

Menurut Cook (1993, p.72-75) bahawa pelajar akan dapat menguasai B2 dengan baik walaupun minda dan kehidupan sosialnya telah dibentuk oleh bahasa pertama kerana mereka lebih bermotivasi. Tahap penguasaan B2 pelajar dikaitkan dengan motivasi seseorang pelajar. Ellis (1985, p.117) menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi instrumental dalam mempelajari B2 adalah bertujuan mencapai kecemerlangan dalam ujian dan peperiksaan. Menurut Gardner dan Lambert (1972, p.4) pula pelajar yang bermotivasi integratif pula lebih berjaya menguasai B2 dalam jangka masa yang panjang dan penutur B2 ingin menjalinkan hubungan erat dengan masyarakat B2. Motivasi dalam kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana tahap motivasi pelajar Cina dalam mempelajari BM dan kesannya terhadap penggunaan SK dalam pertuturan lisan mereka.

1.10.18 Penggunaan dan Pendedahan Bahasa Pelajar

Dalam sistem pendidikan di SRJK(C), bahasa Mandarin adalah bahasa pertuturan utama, manakala BM hanya digunakan dalam pembelajaran BM di dalam kelas. Oleh itu, tahap penggunaan dan pendedahan BM dalam kalangan pelajar Cina perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Menurut Antonia (1981, p.59) semakin tinggi tahap pendedahan bahasa seseorang, maka semakin tinggi kecekapan bahasanya. Item-item yang berkaitan program kokurikulum, bahasa yang digunakan semasa perhimpunan rasmi, kata-kata hikmat, pembelian bahan bacaan, bahasa perbualan di luar kelas, galakkan ibu bapa, program televisyen dan pengumuman rasmi di sekolah disoal dalam soal selidik bagi mengetahui tahap penggunaan dan tahap pendedahan persekitaran pelajar Cina terhadap BM dan seterusnya jenis-jenis SK yang dipraktikkan dalam pengujaran BM. Tambahan daripada Dulay et.al (1982, p.13) menyatakan bahawa tanpa pendedahan bahasa, maka pembelajaran bahasa tidak akan berlaku. Oleh itu, SK yang digunakan juga turut berubah.

1.10.19 Pelajar Aras Cemerlang (PAC)

Pelajar aras cemerlang dikenali sebagai PAC. Mereka merupakan pelajar Tahun 5 yang berada di kelas cemerlang atau kelas teratas. Pengelasan adalah berdasarkan pencapaian dalam semua mata pelajaran termasuk BM dan kedudukan mereka dalam kelas masing-masing. Pencapaian peperiksaan merujuk Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR 2) yang dilaksanakan pada akhir tahun. Purata markah BM adalah 80 – 100. Pencapaian mata pelajaran BM yang baik dalam ujian dan peperiksaan pertengahan serta akhir tahun menunjukkan PAC telah menguasai banyak kosa kata BM. Mereka boleh bertutur dengan lancar dan membentuk ayat dengan sistem tatabahasa yang betul. Pelajar Cina yang banyak menguasai BM memperlihatkan penggunaan SK yang sedikit dalam pertuturan lisan. Kelangsungan tersebut mendekatkan mereka kepada BM.

1.10.20 Pelajar Aras Sederhana (PAS)

Bagi pelajar aras sederhana atau PAS, kebanyakan keputusan peperiksaan mereka menunjukkan prestasi sekadar lulus, iaitu gred B atau C. Purata markah antara 40 – 79 peratus sahaja bagi semua mata pelajaran. Jumlah kosa kata BM yang dimiliki oleh PAS tidak sebanyak PAC. Kekangan tersebut hanya membolehkan mereka berkomunikasi secara ringkas dan mudah serta penggunaan SK yang sesuai.

1.10.21 Pelajar Aras Rendah (PAR)

Prestasi peperiksaan yang lemah dalam BM dan mata pelajaran yang lain telah mengelaskan pelajar sebagai pelajar aras rendah atau PAR. Elemen-elemen dalaman PAR seperti kurang minat belajar, kurang motivasi, tidak tahu membaca, antara punca yang mendorong pencapaian BM mereka rendah. Berdasarkan penyelidikan ini, tidak banyak kosa kata BM yang dikuasai oleh PAR. Pertuturan lisan mereka sentiasa lambat dan tersekat-sekat. Masalah tidak tahu kosa kata BM yang sesuai dengan konteks perbualan menyebabkan mereka banyak menggunakan SK.

1.11 Rumusan

Bab pengenalan ini merupakan mukadimah tesis yang berkaitan dengan SK dalam pembelajaran BM pelajar Cina di SRJK(C). Penghuraian bermula dengan menerangkan konsep asas SK, permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, batasan kajian, dan definisi operasional. Seterusnya, penghuraian tersebut dapat memberi gambaran awal arah kajian yang akan dituju sebagaimana yang akan diterangkan oleh pengkaji pada bab-bab selanjutnya.

University of Malaya

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini menumpukan kajian kepustakaan yang berkaitan sorotan kajian pembelajaran B2 termasuk bahasa antara (BA), strategi komunikasi (SK), komunikasi bukan lisan, teori pembelajaran B2, faktor ekstra linguistik, iaitu sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar Cina terhadap BM, dan masalah-masalah komunikasi, rumusan kajian lalu, dan akhir sekali rumusan sorotan literatur.

2.2 Sorotan Kajian tentang Pembelajaran Bahasa Kedua

Fries (1945, p.15) menyatakan bahawa tidak ada dua bahasa yang menggunakan sistem bunyi yang sama untuk menyatakan sesuatu makna perkataan. Menurut Jakobovits, (1970, p.iii), proses pembelajaran bahasa merupakan sesuatu proses yang jauh lebih kompleks daripada yang disedari oleh kebanyakan orang. Corder (1982, p.66) menyatakan bahawa pelajar yang melakukan kesilapan dalam B2 adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan malahan sudah menjadi sebahagian proses pembelajaran bahasa.

Seseorang akan bertutur secara spontan sama ada menggunakan B1 atau B2. Apabila penutur menggunakan B2 maka tentulah akan melakukan kesilapan atau kesalahan bahasa. Pemasalahan tersebut bukanlah sesuatu perkara yang perlu diutamakan tetapi mesej yang hendak disampaikan kepada pendengar dapat difahami sepenuhnya. Kesilapan bahasa yang dilakukan oleh penutur bukan sahaja berlaku semasa mempelajari B2 malahan telah dilakukan oleh kanak-kanak semasa proses pemerolehan bahasa ibunda lagi, namun begitu kesilapan tersebut dianggap tidak salah (Corder, 1982, p.11). Selain itu, kesilapan tidak perlu dilihat sebagai kegagalan seseorang dalam penguasaan B2. Sebaliknya, kesilapan perlu dijadikan bukti yang jelas tentang sistem penguasaan pelajar dan memberi gambaran dalaman cara pelajar B2 memproses data daripada sesuatu bahan B2. Hal ini demikian kerana seseorang penutur B2 yang bertutur

dalam B2 telah mengambil inisiatif untuk menguasai bahasa tersebut (Littlewood 1984, p.22). Asmah (2003, p.150) pula menyatakan situasi ini berlaku apabila bahasa asal yang telah wujud dalam *repertoire* linguistik seseorang individu menunjukkan individu tersebut memberi keutamaan ke atas penggunaan bahasa asal kerana berasa lebih selesa dan berkebolehan untuk menguasai bahasa itu lebih tinggi. Bot et.al. (2005, p.127) senada dengan sarjana lain bahawa kesilapan merupakan salah satu strategi pembelajaran oleh penutur B1 dan penutur B2. Pembelajaran B2 mengikut Eender (2008, p.47) bukannya sesuatu proses yang automatik.

Proses pembelajaran B2 adalah berbeza dengan B1. Penguasaan B2 dicapai oleh pelajar melalui proses pembelajaran secara formal, manakala B1 pula dikuasai secara tidak formal, iaitu melalui proses pemerolehan bahasa yang dilalui seseorang kanak-kanak sejak lahir lagi. Pembelajaran B2 berlaku selepas seseorang pelajar itu menguasai B1 mereka dan mempunyai matlamat tertentu, iaitu berdasarkan keperluan dalam sistem pendidikan formal.

Sekiranya dilihat secara perbandingan berkaitan penguasaan leksikal B1 dan B2 pelajar terdapat jurang perbezaan yang ketara. Tahap penguasaan B2 seseorang pelajar itu lebih rendah berbanding bahasa ibundanya. Oleh itu, apabila pelajar B1 bertutur menggunakan B2 maka banyak kesilapan dan kesalahan berlaku terutamanya aspek sebutan, susunan kosa kata, susunan ayat yang tidak gramatis selain kelancaran pertuturan kerap terganggu atau tersekat-sekat.

2.2.1 Bahasa Antara (*Interlanguage*)

Kajian dalam pembelajaran B2 mempunyai hubungan yang rapat dengan kelahiran bahasa antara (BA). SK merupakan salah satu unsur yang terbentuk dalam BA terus

dikaji. Tokoh yang bertanggungjawab mencetuskan perbincangan tentang BA pada awal tahun 1970-an ialah Selinker (1972). Menurut beliau (1972, p.84-91) bahawa mempelajari, memahami, dan seterusnya menguasai B2 bukan sesuatu yang mudah. Daripada keseluruhan pelajar B2 pada akhir pembelajaran B2 hanya 5% pelajar B2 dapat menguasai B2 dengan sempurna sama dengan penutur natif bahasa tersebut. Sementara itu, majoriti pelajar B2 yang lain masih berada di suatu titik pada kompetensi B2, iaitu sepanjang kontinum sistem BA. Selain itu, menurut Selinker (1972, p.84-91) kesilapan dianggap *by product* bahasa pelajar dalam melahirkan makna dalam ujaran spontan apabila bertutur dalam B2.

Kesukaran seseorang pelajar itu untuk menyampaikan mesej kepada orang lain disebabkan kekurangan leksikal B2 lalu mendorong mereka menggunakan pelbagai jenis SK. Sebenarnya penggunaan SK dalam menguasai B2 merupakan satu proses linguistik yang perlu dilalui oleh setiap pelajar B2. Di samping itu, SK juga dianggap salah satu proses pembelajaran B2 yang memperlihatkan beberapa kesalahan lisan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar B2 akibat daripada percubaan untuk menyampaikan maksud secara spontan meskipun pengetahuannya dalam B2 masih tidak lengkap. Beliau menambah penggunaan SK adalah sesuatu perkara yang penting dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa biasanya tidak menyeluruh atau sempurna.

Menurut Nor Aina (2007, p.83-85) bahawa istilah BA boleh merujuk dua makna. Makna pertama ialah sistem tatabahasa yang kunci-mengunci antara satu sama lain sebagai tanda perkembangan bahasa pelajar yang telah melewati batas waktu. Beliau mengambil contoh fosilisasi yang merupakan suatu keadaan yang wujud apabila seseorang pelajar itu berhenti menghuraikan BA walaupun mendapat pendedahan yang mencukupi. Contoh-contoh fosilisasi yang kerap digunakan oleh pelajar B2 seperti nafian (ayat yang diringkaskan dengan menggunakan kata nafi), pemudahan (berkaitan

perihal untuk memudahkan tugas berbahasa), dan generalisasi melampau (penggunaan peraturan linguistik yang melampaui kelaziman domain peraturan linguistik sesuatu B2). Makna BA yang kedua ialah sistem tatabahasa pelajar B2 pada suatu tahap dalam satu masa tertentu. Seseorang pelajar B2 itu mempunyai tiga tahap BA, iaitu basilek (prasistematik), mesolek (sistematik), dan akrolek (pasca sistematik).

Huraian setiap tahap BA boleh merujuk pada gambar rajah di bawah (rajah 2.1).



Rajah 2.1: Tahap-tahap bahasa antara (BA) pelajar (Nor Aina Dani, p.84, 2007)

Berdasarkan gambar rajah 2.1, pelajar B2 yang berada pada tahap basilek atau prasistematik didapati masih belum menguasai sistem B2. Pelajar tersebut banyak melakukan kesalahan bahasa terutama dari aspek struktur bahasa. Selain itu, pelajar tersebut tidak dapat menerangkan sebab-sebab dia menggunakan struktur bahasa itu. Pelajar B2 yang berada pada tahap mesolek atau sistematik didapati telah mempelajari sistem peraturan B2 tetapi masih belum menguasai sepenuhnya bahasa tersebut. Walaupun pelajar tersebut dapat menerangkan sebab-sebab menggunakan peraturan-peraturan B2 namun masih tidak dapat memperbaiki kesalahan B2. Seterusnya, pelajar B2 yang berada pada tahap akrolek atau pasca sistematik didapati berupaya menghasilkan bentuk-bentuk B2 yang betul tetapi masih tidak kukuh atau masih

melakukan kesilapan. Selain itu, pelajar tersebut boleh menghayati peraturan-peraturan B2 dengan baik serta menerangkan peraturan tata bahasa yang digunakan.

Alice Alim (2010, p.130-147) telah menghasilkan kajiannya, iaitu “Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai B2”. Objektif kajian beliau berfokus kepada menganalisis bentuk BA yang dihasilkan dalam pembelajaran BM sebagai B2. Seperkara lagi adalah untuk mengenal pasti faktor persekitaran linguistik pelajar yang mempengaruhi penghasilan BA dalam proses pembelajaran dan penguasaan B2. Beliau menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data-data bukan linguistik pelajar dan karangan bertajuk “Pesta Menuai”. Para pelajar yang dipilih sebagai sampel kajian dikehendaki menulis karangan sepanjang 150 patah perkataan untuk melihat unsur-unsur BA.

Bilangan sampel seramai 59 orang. Pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Tahun 5 di empat buah sekolah rendah di luar bandar di daerah Telupid, Sandakan, Sabah. Setelah dianalisis setiap karangan yang telah dihasilkan itu terdapat 805 kata BA yang merangkumi ke semua proses BA, iaitu pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi pembelajaran, SK dan generalisasi terlampau. Strategi pembelajaran dicatatkan paling banyak, iaitu 632 kata atau 79% diikuti pemindahan bahasa sebanyak 84 kata (10%), generalisasi terlampau sebanyak 54 kata atau 7%, pemindahan latihan 28 (3%) dan yang paling kurang adalah SK hanya 7 kata (1%). Kesimpulannya, pelajar-pelajar lebih bersemangat untuk menguasai BM dengan baik kerana BM adalah bahasa komunikasi bukan sahaja dalam keluarga malah sebagai bahasa untuk berkomunikasi di sekolah dan di persekitaran tempat tinggal mereka.

Seterusnya Juhin (2002) pernah mengkaji pertuturan BM kanak-kanak masyarakat Bidayah di Daerah Bau, Sarawak dan mendapati bahawa tahap BA dalam pertuturan BM bagi kanak-kanak masyarakat Bidayah berbeza-beza mengikut peringkat usia

mereka. Kajian beliau menggunakan teori monitor, instrumen kajian (borang soal selidik dan rakaman perbualan), dan kaedah kajian adalah tinjauan, pemerhatian, dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang berada pada tahap basilek masih belum menguasai kata dasar, kata berlapis, kata majmuk, kata majmuk kompleks dan istilah. Markah ujian yang diperoleh antara 5 hingga 49 peratus. Keputusan tersebut menunjukkan mereka yang berada dalam lingkungan usia tujuh tahun didapati masih belum menghayati sistem B2 (BM). Bagi pelajar yang berada pada tahap mesolek pula, markah ujian diperoleh antara 50 hingga 89 peratus. Walaupun kanak-kanak itu telah mempelajari sistem pertuturan B2 tetapi masih belum menguasai sepenuhnya. Kanak-kanak tersebut masih belum mahir menguasai kata majmuk, kata majmuk kompleks, dan istilah. Namun demikian, mereka yang berusia dalam kategori sembilan tahun sudah mempunyai keyakinan bertutur dalam BM kerana mereka telah mendapat pendedahan BM dari Tahun 1. Seterusnya, kanak-kanak Bidayuh (12 tahun) yang berada pada tahap akrolek didapati berupaya menghasilkan bentuk-bentuk bahasa yang betul terutama dalam pertuturan tetapi masih tidak begitu mantap. Hasil ujian yang dilakukan mereka mendapat markah antara 90 hingga 99 peratus.

Dapatan kajian tersebut dapat mengukuhkan teori Selinker bahawa tahap BA seseorang itu adalah berbeza-beza kerana dipengaruhi unsur-unsur seperti pendedahan B2, usia, dan yang paling penting adalah penapis (*filter*) seseorang pelajar B2 yang bersifat fleksibel berdasarkan faktor afektif, iaitu motif, keperluan, sikap, dan emosi. Apabila emosi seseorang itu menaik maka penapis atau *filter* turut meningkat. Kesannya, sedikit input-input B2 akan diterima untuk menjadi kecekapan bahasa (*intake*) tetapi jika *filter* pelajar tersebut menurun maka lebih banyak unsur-unsur B2 diterima masuk. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak semua bahasa yang dipelajari oleh kanak-kanak Bidayuh dikuasai sepenuhnya, iaitu merujuk BM.

Semasa seseorang pelajar B2 mempelajari B2 sama ada secara formal atau tidak formal, semua input B2 yang didengar atau diterima akan ditapis terlebih dahulu oleh penapis (*filter*) sebelum diproses oleh penyusun (*organizer*) dan akhir sekali monitor. Keadaan tersebut berlaku disebabkan kedudukan penapis (*filter*) di hadapan dan diikuti penyusun (*organizer*) serta monitor yang menerima input-input B2. Kadar input B2 yang dapat disaring penapis adalah berbeza bagi setiap pelajar B2. Keadaan ini disebabkan berlakunya kenaikan atau penurunan penapis pelajar B2. Penapis berkait rapat dengan faktor-faktor efektif, iaitu motif, keperluan, sikap, dan keadaan emosi pelajar B2. Apabila tahap kerisauan pelajar B2 meningkat maka penapis akan bertindak menghalang kemasukan input-input B2 tetapi sekiranya tahap kerisauan menurun lebih banyak input B2 akan menjadi kecekapan bahasa (*intake*). Begitu juga dengan sikap pelajar B2 yang tinggi terhadap BM maka pelajar tersebut akan berupaya mengujarkan ayat-ayat yang sesuai dengan gambar yang dilihat.

Yunling (2013, p.1-5) menunjukkan bahawa BA dan teori pemindahan bahasa memainkan peranan penting dalam keseluruhan proses pembelajaran B2. Teori bahasa antara menekankan bahawa pelajar B2 membentuk isi sistem bahasa mereka sendiri. Dengan kata lain, pelajar B2 mempunyai sistem bahasa yang khas, yang wujud sebagai perantaraan bahasa ibunda dan bahasa sasaran. Sistem bahasa berkenaan juga akan membangun dan mendekati bahasa sasaran di sepanjang kontinum B1 semasa pembelajaran B2 pelajar.

Dalam teori pemindahan bahasa, pelajar yang mengalami kesukaran untuk meluahkan idea kerana kekurangan pengetahuan bahasa yang diperlukan beralih kepada bahasa ibunda untuk bantuan. Lebih banyak pengetahuan tentang bahasa sasaran yang diperoleh, semakin berkurangan pengaruh bahasa ibunda pelajar. Pengaruh B1 tidak akan hilang walaupun penguasaan B2 semakin berkembang sehinggalah mencapai

pengakhiran kontinum B1. Pengetahuan B1 seseorang boleh memudahkan atau mengganggu pembelajaran bahasa baharu. Pemindahan lanjutan dipecahkan ke dalam pemindahan positif dan pemindahan negatif. Oleh sebab fasa yang berbeza dalam pertuturan mempunyai kandungan yang berbeza, penulis hanya mengambil kira pemindahan interlingua dan intralingua dalam sintaksis.

Sebagai seorang guru bahasa Inggeris di universiti Cina, penulis sering mendapati bahawa pelajar Cina cenderung untuk menghasilkan bahasa Inggeris dalam cara pemikiran orang Cina. Pertuturan mereka penuh dengan pola ayat Cina. Oleh itu, untuk mengesan kekuatan dan kelemahan pembelajaran bahasa pelajar, penulis menyelidik output bahasa pelajar kolej dengan menganalisis punca kesilapan dalam pertuturan Cina-Inggeris. Subjek yang dipilih untuk kajiannya ialah pelajar tahun kedua dari beberapa jabatan yang terdiri daripada pelajar tahun 1 (Kumpulan 1), dan pasca siswazah (Kumpulan 2). Soal selidik diedarkan kepada kira-kira dua ratus subjek (Kumpulan 1: 110; Kumpulan 2: 100). Hanya 192 soal selidik yang lengkap diisi dipulangkan semula kepada penyelidik. Soal selidik yang terdiri daripada dua tugas mengandungi 39 soalan (termasuk 5 pengganggu) mengenai 6 jenis struktur ayat yang salah yang dianggap akibat daripada pemindahan bahasa antara dan bahasa intra. Ayat direka berdasarkan kesilapan yang sangat kerap dilakukan oleh pelajar Cina.

Dalam bidang pemerolehan B2, satu konsep yang kekal status kepentingannya ialah konsep BA. Ahli linguistik menganggap bahawa bahasa pelajar berkembang secara sistematik. Melalui proses cuba jaya dan andaian, pelajar beransur-ansur berjaya mewujudkan anggaran lebih dekat dengan sistem yang digunakan oleh penutur asli B2. Beberapa istilah telah dicipta untuk menggambarkan perspektif yang menekankan kesahihan sistem B2 pelajar. Yang paling terkenal ialah "*interlingual*" (BA), iaitu istilah yang diperkenalkan oleh Selinker (1972). Beliau mentakrifkan istilah ini sebagai:

"keterpisahan sistem B2 pelajar, sistem yang mempunyai struktur perantaraan antara status bahasa natif dan sasaran." Istilah BA Cina-Inggeris pertama kali disebut oleh Yip (1995, p.113). BA dianggap sebagai menunjukkan ciri kedua-dua bahasa ibunda pelajar (bahasa Cina) dan bahasa sasaran (bahasa Inggeris), percubaan untuk mencari ciri peralihan bahasa Cina-Inggeris pelajar, menilai bahasa antara pelajar Cina 'dari sudut pandangan peralihan kecekapan yang berterusan di sepanjang kontinum BA semasa pembelajaran bahasa Inggeris pelajar Cina'.

Dapatan kajian menunjukkan tiga kesilapan yang pertama ialah pemindahan BA sementara tiga yang kemudian tergolong dalam pemindahan bahasa intra. Ayat-ayat ini tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Subjek – Predikat (SP) predikat ayat bahasa Cina.

Contoh 1: Yuyan tianfu zhiyou renlei yongyou.

语言天赋只有人类拥有。

* The gift of speech man alone has.

Contoh 2: Daolu guize renren yinggai zunshou.

道路规则人人应该遵守。

*The rules of the road everyone should observe.

2. Kewujudan binaan ayat bahasa Cina.

Contoh 3: Longzili guanzhe yizhi qiangzhuang de laohu.

笼子里关着一只强壮的老虎。

* In the cage shut a strong tiger.

Contoh 4: Zuotian louli banlai yijia xinzhu.

昨天楼里搬来一家新住户。

* Yesterday in the building moved a new family.

3. Prinsip hadapan-berat bahasa Cina.

Contoh 5: Anwei pinkun nongcun de renmen chengle wo de yizhong manzu.

安慰贫困农村的人们成了我的一种满足。

*To comfort the people in the poor countryside was a satisfaction to me.

Contoh 6: Gaosu yi chengnian de haizi biefan cuowu shi meiyong de. 告诉已成年的孩子别犯错误是没用的。

*Telling grown-up children not to make mistakes is no use.

Jadual 2.1: Kadar pengenalpastian yang betul

Sumber Kesilapan BA dan bahasa intra	Kadar Pengenalpastian yang Betul (%)	
	Kumpulan 1	Kumpulan 2
Subjek-Predikat, Predikat ayat bahasa Cina	35	39
Kewujudan binaan ayat bahasa Cina	31	42
Prinsip hadapan-berat dalam bahasa Cina	12	13
Binaan kata kerja dalam subjek berbeza	24	30
Binaan kata kerja dalam satu subjek	18	19
Lebih pasif	21	33

Jadual 2.1 memaparkan kadar pengenalpastian yang betul BA Cina-Inggeris bagi kumpulan 1 adalah lebih rendah berbanding dengan kumpulan 2. Kadar ini menunjukkan bahawa kumpulan 1 mempunyai kesedaran yang agak kurang tentang binaan BA Cina-Inggeris daripada kumpulan 2. BA Cina-Inggeris menunjukkan keadaan perantaraan antara bahasa ibunda, dan akan berkembang serta mendekati bahasa sasaran di sepanjang kontinum BA Cina-Inggeris semasa pelajar mempelajari B2.

Yunling (2013, p.5) berpendapat dalam hal BA pelajar, mereka tidak dapat mengelak daripada dipengaruhi oleh cara berfikir dalam bahasa ibunda. Hasil penyelidikannya mencerminkan kesilapan yang lazim dilakukan oleh pelajar Cina. Bagaimanakah boleh mereka menyingkirkan gangguan bahasa ibunda dan cuba untuk mengelakkan

pemindahan negatif dari segi sintaksis? Pertama, guru harus sedar tentang kewujudan pemindahan negatif dalam pengajaran dan memaklumkan kepada pelajar bahawa pembelajaran B2 berbeza daripada pembelajaran B1 mereka, yang tidak dapat tidak akan terjejas oleh gangguan negatif daripada pengetahuan dan strategi pembelajaran bahasa lampau. Kedua, guru perlu membandingkan cara pemikiran negara Cina dengan barat dari semasa ke semasa. Ketiga, guru juga perlu membandingkan perbezaan struktur mikroskopik bahasa Cina dengan bahasa Inggeris. Keempat, menjelaskan kemahiran penterjemahan dalam membaca pedagogi. Kelima, meminta pelajar meluaskan bacaan. Pelajar boleh bertemu dengan sebilangan besar simpulan bahasa Inggeris yang sebenar dengan meluaskan bacaan dan mereka boleh mengumpul simpulan bahasa Inggeris dan ungkapan yang lazim secara sedar. Dengan yang demikian, mereka dapat meminimumkan gangguan bahasa ibunda dengan jumlah input yang banyak secara beransur-ansur.

2.3 Sorotan Kajian tentang Teori Pembelajaran Bahasa Kedua

Selain bahasa ibunda, penguasaan B2 didapati banyak kebaikan untuk pelajar. Oleh itu, ramai tokoh sarjana bahasa menjalankan kajian sehingga terciptanya teori pembelajaran B2. Contohnya, Krashen dengan teori monitor. Menurut beliau (1981, p.3) seseorang pelajar B2 akan dapat menggunakan monitornya dengan berkesan sekiranya memenuhi kriteria-kriteria tertentu, iaitu penutur B2 memerlukan masa yang mencukupi supaya dapat memberi respons sepenuhnya semasa perbualan dengan interlocutor. Dalam waktu yang sama penutur B2 perlu mengingati kembali peraturan-peraturan B2 bagi mengelakkan berlakunya kesilapan semasa perbualan tersebut. Seterusnya semasa perbualan, seseorang penutur B2 perlu memastikan sistem tatabahasa B2 yang hendak digunakan itu tepat dan sesuai supaya mesej yang disampaikan itu tidak berlaku kesilapan.

Semasa pembelajaran B2, seseorang penutur perlu mengetahui peraturan-peraturan B2 terlebih dahulu. Langkah tersebut penting sekiranya wujud struktur B2 yang belum dikuasai sepenuhnya. Littlewood (1984, p.77) berpendapat bahawa sistem B2 yang dipelajari berfungsi sebagai monitor untuk meningkatkan pembetulan dalam situasi pembelajaran formal. Keupayaan monitor seseorang pelajar B2 adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti umur pelajar tersebut atau tahap perkembangan kognitifnya. Pelajar yang telah mencapai tahap operasi-operasi formal akan mudah menggunakan bahasa yang abstrak dengan idea-idea yang hendak disampaikan. Seterusnya, pelajar B2 dapat menguasai bahasa lisan yang rumit yakni memerlukan monitor menumpukan perhatian kepada bentuk-bentuk linguistik. Oleh itu, monitor berperanan sebagai alat untuk menyunting bahasa yang diungkapkan oleh penutur B2 (Ellis 1985, p.262). Kriteria Krashen itu ditambah oleh Klein (1986, p.28) dengan menyatakan bahawa monitor merupakan usaha penutur B2 untuk menguasai output bahasa tersebut serta membuat pembetulan sendiri apabila timbul sesuatu keadaan yang memerlukannya.

Selain daripada kerisauan dan sikap, motivasi juga turut mempengaruhi penapis seseorang pelajar B2. Noor Aina (2007, p.64) berpendapat motivasi pelajar boleh bertindak menapis keluar daripada minda pelajar bahagian-bahagian bahasa yang difikirkan tidak penting. Bagi pelajar B2 motivasi instrumental dan motivasi pengiktirafan kumpulan sosial merupakan perlu ada dalam diri masing-masing supaya pembelajaran BM bertujuan tertentu seperti lulus dalam peperiksaan dan kepentingan bahasa tersebut diiktiraf oleh masyarakat.

Noor Aina (2007, p.64-65) mengatakan penyusun (*organizer*) berfungsi membina sistem peraturan bahasa yang baru secara beransur-ansur dengan cara khusus untuk menerbitkan ayat-ayat yang tidak dipelajari melalui hafalan. Penyusun bertindak secara

bawah sedar dengan memproses data-data B2 yang melepasi penapis. Beliau menguatkan lagi peranan penyusun dengan memberi beberapa contoh siri peralihan susunan dan hubungan kata-kata dalam ayat yang digunakan sebelum sesuatu struktur B2 diperolehi.

Contoh:

Me no close the door (I am not going to close the door).

(Saya tidak akan menutup pintu itu)

Ayat ini menunjukkan kesalahan-kesalahan bahasa yang selalu dilakukan pelajar B2.

Contoh:

I went to the Chiquita house (I went to the little house).

Ayat ini menggambarkan kelaziman pelajar B2 memperoleh susunan struktur bahasa yang baru.

Contoh:

I went to school for a apa persatuan lukisan and balik to main badminton.

Monitor pula berperanan memproses maklumat atau input-input B2 secara sedar. Contohnya, seseorang pelajar melihat gambar sesuatu situasi, kemudian dia membina ayat mudah atau ayat majmuk secara lisan menggunakan sistem peraturan B2 yang telah dipelajari. Dalam keadaan sedemikian, pelajar B2 tersebut telah menggunakan monitornya (Noor Aina, 2007, p.64). Faktor terakhir adalah berkaitan personaliti pelajar B2 yang lebih banyak menggunakan peranan monitornya ketika berasa rendah diri, tidak selamat, dan takut melakukan kesalahan B2 (Noor Aina, 2007, p.65-66)

2.4 Sorotan Kajian tentang Strategi Komunikasi

Kesesuaian taksonomi SK Tarone (1980) dalam proses penguasaan kemahiran lisan B2 dan lebih bersistematik serta berkaitan dengan pendidikan telah mendorong pengkaji-pengkaji lain mengaplikasikan SK ke dalam kajian mereka. Antara tokoh-tokohnya seperti Tarone (1977), Varadi (1983), Paribakht (1985), Ellis (1985), Noriah (1987), Johnstone (1989), Rohani (1990), Green (1995), Burdine (2002), Robe'ah (2005), Sanimah (2007), Baouchi (2008), Nor Fariza (2008), Abdullah Rahman (2009), Mitsuko (2009), Heberlein (2010), Elham (2010), Habibah (2011), Lin Wei (2011), Raed Latif (2012), Agam (2013), Lugoloobi-Nalunga (2013), dan Maldonado (2016).

Pada peringkat awal, Tarone (1977, p.104 -123) telah melakukan satu kajian ke atas sekumpulan pelajar B2. Dua SK telah diuji dalam kajian tersebut, iaitu pengelakan dan parafrasa. Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang mahir lebih gemar menggunakan strategi parafrasa dan strategi pengelakan pula banyak digunakan oleh pelajar-pelajar kurang cekap kerana kekurangan leksikal dalam B2.



Rajah 2.2: Taksonomi strategi komunikasi (Tarone,1980, p.429)

Tarone (1980, p.417-431) sekali lagi menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar dewasa B2. Beliau telah berjaya menghasilkan data strategi komunikasi yang digunakan oleh subjek kajian. Mereka diminta menghuraikan gambar dalam bahasa ibunda dan bahasa Inggeris atau B2. Kajian tersebut telah menghasilkan lima kategori strategi komunikasi, iaitu parafrasa, pemindahan, merayu bantuan, mengajuk dan pengelakan. Pelajar kurang cekap berbahasa Inggeris banyak menggunakan strategi pengelakan sementara pelajar yang mempunyai asas dalam bahasa Inggeris lebih banyak menggunakan parafrasa. Berdasarkan rajah 2.2, Tarone telah merangka taksonomi bagi SK. Berikut bawah ini dihuraikan taksonomi asal SK yang diperkenalkan oleh Tarone (1980, p.429).

1. Parafrasa termasuk tiga subkategori yang diterangkan di bawah.
 - (a) Penghampiran: Penggunaan item perbendaharaan kata bahasa sasaran atau struktur, yang pelajar tahu tidak betul, tetapi yang berkongsi ciri semantik dengan item yang dikehendaki untuk memuaskan hati penutur (contohnya "paip" untuk "paip air").
 - (b) Penciptaan perkataan: Pelajar membentuk perkataan baharu untuk berkomunikasi konsep yang dikehendaki (contohnya "udara bola" untuk "belon")
 - (c) Sirkumlokusi (*circumlocution*): Pelajar menggambarkan ciri atau unsur sesuatu objek atau tindakan tanpa menggunakan struktur bahasa sasaran yang sesuai (contoh "*She is, uh, smoking something. I don't know what's its name. That's, uh, Persian, and we use in Turkey, a lot of*").

2. Pemindahan

Pemindahan mempunyai dua unsur di dalamnya.

- (a) Terjemahan harfiah: Pelajar menterjemahkan perkataan demi perkataan daripada bahasa asal (contoh: "*He invites him to drink*" for "*They toast one another* ").
- (b) Alih bahasa: Pelajar menggunakan istilah bahasa ibunda tanpa terjemahan (contoh: "balon" for "balloon" or "tirtil" for "turtle").

3. Merayu bantuan

Pelajar yang bertanya istilah atau struktur yang betul. (contoh: "What is this?").

4. Mengajuk

Pelajar menggunakan strategi bukan lisan bagi menggantikan struktur makna (contoh: bertepuk tangan untuk menggambarkan sorakan).

5. Pengelakan

Pengelakan terdiri daripada dua subkategori yang diterangkan di bawah.

- (a) Pengelakan topik: Pelajar memintas konsep yang mana perbendaharaan kata atau struktur makna tidak mereka ketahui.
- (b) Pengabaian mesej: Pelajar mula bercakap mengenai konsep tetapi tidak mampu untuk meneruskan kerana kekurangan struktur makna dan berhenti di pertengahan ujaran.

Sebagai satu proses pembelajaran, pemindahan bahasa menyokong pemilihan dan pembentukan semula struktur input sambil maju dalam perkembangan pengetahuan bahasa antara pelajar. Sebagai proses penghasilan, pemindahan bahasa terlibat dalam mendapatkan semula pengetahuan dan usaha pelajar untuk merapatkan jurang linguistik

bagi pengetahuan yang tidak dapat tidak perlu menggunakan pengelakan (Kohn 1986, p.22).

Varadi (1983, p.59-72) mendefinisikan SK dengan merujuk bagaimana pelajar-pelajar bahasa mengurangkan mesej pada tahap formal dan fungsional dalam usaha untuk menyesuaikan mesej dengan sumber komunikasi. Beliau merupakan sarjana pertama menyelidik SK secara percubaan dengan menumpukan SK yang digunakan oleh pelajar untuk enkod makna yang ingin disampaikan dalam B2. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, satu eksperimen telah dijalankan ke atas dua kumpulan. Pelajar dewasa yang belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di Hungary. Pelajar-pelajar daripada kedua-dua kumpulan itu diminta menghuraikan beberapa siri lukisan dalam bahasa Inggeris.

Dapatan daripada eksperimen yang telah dilakukan mendapati tiga strategi utama telah digunakan, iaitu:

- (a) Generalisasi atau penggunaan istilah superordinat kedua.
- (b) Aproksimasi atau rekonstruksi bahagian komunikasi semantik dalam item bahasa sasaran.
- (c) Sirkumlokusi atau pembentukan semula mesej.

Kedua-dua kumpulan pelajar dalam kajian itu memberi maklumat tentang strategi pengubahsuaian mesej yang digunakan apabila gagal untuk menerangkan dalam bahasa sasaran. Paribakht (1985, p.132-146) telah melakukan kajian berkaitan SK dalam bahasa Inggeris terhadap 60 orang responden yang terdiri daripada 20 orang penutur natif bahasa tersebut dan dua kumpulan pelajar Iran seramai 40 orang. Beliau cuba membuat perbandingan antara kedua-dua kumpulan tersebut dan mendapati penggunaan SK mereka mempunyai hubungan langsung dengan penguasaan kemahiran bahasa yang dipelajari.

Dulay et.al (1982, p.20-21) membezakan tiga jenis komunikasi apabila pelajar mengambil bahagian, iaitu satu hala, dua hala terhad, dua hala penuh. Dalam komunikasi sehala, pelajar mendengar atau membaca bahasa sasaran tetapi tidak bertindak balas. Komunikasi adalah satu hala, ke arah pelajar, bukan daripada pelajar. Contoh-contoh komunikasi sehala adalah mendengar ucapan dan program radio, menonton filem dan rancangan televisyen, membaca buku dan majalah.

Dalam komunikasi dua hala terhad, pelajar bertindak balas secara lisan kepada seseorang, tetapi pelajar tidak menggunakan bahasa sasaran. Tindak balas yang diberi adalah dalam bahasa pertama atau bahasa lain yang bukan bahasa sasaran termasuk tindak balas bukan lisan seperti mengangguk-angguk. Dalam komunikasi dua hala penuh, pelajar bercakap dalam bahasa sasaran dan bertindak sebagai penerima dan penghantar mesej lisan. Perbezaan tiga jenis komunikasi berkenaan adalah penting kerana masing-masing memainkan peranan dalam memudahkan pemerolehan B2. Kebanyakan kajian empirikal yang ada menekankan manfaat komunikasi satu hala dan komunikasi dua hala terhad semasa bahagian awal proses pembelajaran serta menunggu sehingga pelajar bersedia untuk menghasilkan bahasa sasaran sebelum bertegas untuk komunikasi dua hala penuh.

Kajian Ellis (1985, p.112) pula berfokuskan aspek perbandingan komunikasi antara dua kumpulan pelajar yang berbeza. Sekumpulan pelajar berbahasa ibunda dan sekumpulan pelajar yang lain merupakan pelajar B2. Semua pelajar dikehendaki bercerita tentang gambar yang diberi dengan menggunakan bahasa masing-masing. Kumpulan pelajar bahasa ibunda dapat berkomunikasi dengan memberi maklumat yang banyak dan jelas serta tidak menggunakan pengelakan atau parafrasa. Namun demikian, pelajar yang menggunakan B2 kurang bercerita dan maklumat yang disampaikan tentang gambar yang diberikan tidak jelas.

Noriah (1987, p.237-254) dalam kajiannya yang bertajuk “Strategi Komunikasi Pelajar-pelajar Iban Ketika Berkomunikasi Dalam Bahasa Melayu” adalah terhadap pelajar-pelajar Iban yang berkomunikasi dalam bahasa BM. Tujuan kajian adalah untuk melihat strategi pencapaian komunikasi dalam aspek fonologi dan leksikal. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar banyak menggunakan strategi pemindahan aspek bunyi dan aspek leksikal, iaitu strategi berasaskan bahasa ibunda dan strategi berasaskan B2. Walaupun kajian beliau telah lama namun penemuan-penemuan daripada kajian tersebut boleh dimanfaatkan bagi pelajar-pelajar B2 di Melayu.

Johnstone (1989, p.71) telah memperkenalkan satu siri strategi lain yang dikenali sebagai "strategi pencapaian". Siri strategi tersebut dinamakan demikian kerana dipercayai bahawa pelajar menggunakan sumber bahasa mereka untuk menyampaikan maksud, sama ada apa yang mereka katakan betul secara tatabahasa atau sosial. Selain itu, beliau juga (1989, p.71) berpendapat bahawa kaedah pembelajaran bahasa terbaik melalui interaksi. Oleh itu, SK merupakan titik tumpuan yang disyorkan kerana kecekapan strategik dapat dikembangkan.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Rohani (1990, p.273) adalah mengenai aspek SK dalam pertuturan sementara pelajar B2. SK boleh ditakrifkan sebagai percubaan yang dibuat oleh pelajar berdaya cipta untuk mengelakkan kekurangan bahasa mereka dalam bahasa yang mereka belajar apabila penguasaan struktur bahasa sasaran terhadap menjadikan sukar bagi mereka untuk mengatakan apa yang mereka maksudkan. Kajian ini adalah berdasarkan kepada 15 jam rakaman video bagi sesi komunikatif 150 pelajar Malaysia di Universiti Malaya. Tahap subjek atau pelajar meliputi tiga tahap kemahiran iaitu Pelajar Lemah, Pelajar Pertengahan, dan Pelajar Kumpulan Fasih yang belajar bahasa Inggeris di universiti tersebut. Analisis SK adalah berdasarkan kepada bahagian yang berkaitan data yang dirakam yang mengandungi contoh-contoh tingkah laku yang

strategik, yang telah disalin bersama-sama dengan apa-apa maklumat kontekstual yang ketara. Bahasa, konteks dan klu fisiologi (fenomena ragu-ragu dan berhenti seketika untuk menunjukkan kesukaran komunikatif) digunakan untuk mencari dan mengenal pasti tingkah laku strategik. Strategi tersebut dianalisis dan dikelaskan mengikut kriteria taksonomi yang berdaya maju. Strategi kemudiannya dibandingkan merentas tahap kemahiran dari segi rangkaian, kekerapan berlaku, dan populariti. Pekali koefisien menunjukkan kuantiti bahasa dihasilkan sebagai fungsi masa dilaksanakan untuk memastikan perbandingan data antara ketiga-tiga tahap kemahiran.

Hasil kajian tampak menyokong beberapa kesimpulan daripada kutipan data kajian awal yang bersifat lebih terhad. Walau bagaimanapun, terdapat juga perbezaan, iaitu beberapa SK yang baharu telah dikenal pasti, versi yang disemak semula tentang beberapa taksonomi yang pernah dicadangkan, dan beberapa implikasi pedagogi yang penting tentang peringkat aliran dalam penggunaan strategi telah juga dicadangkan. Selain daripada menyelidik kemungkinan memasukkan SK dalam pengajaran dan latihan B2, hasil kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang dinamik proses pemerolehan B2, penggunaan berkesan tingkah laku strategik dalam pedagogi B2, peranan kecekapan strategik dalam kecekapan komunikatif, saling hubung kebolehan bahasa dan komunikasi pelajar Malaysia yang belajar bahasa Inggeris dan akhirnya, perbandingan penggunaan SK antara penutur asli dan penutur bukan asli.

Data analisis *post hoc* menunjukkan bahawa pelajar bahasa mungkin melalui tempoh eksploitasi maksimum strategi berasaskan BA (*interlanguage*) yang memuncak dan kemudian menurun apabila lebih mahir dalam bahasa Inggeris. Bilangan faktor yang mengawal pilihan strategi komunikasi di pihak pelajar adalah agak besar. Faktor-faktor ini seolah-olah bergantung kepada dua pemboleh ubah utama, iaitu pemboleh ubah pelajar dan pemboleh ubah keadaan. Pemboleh ubah pelajar termasuk faktor-faktor

seperti umur pelajar, tahap pembelajaran atau peringkat kemahiran, bahasa ibundanya, pengetahuannya dalam bahasa selain daripada bahasa ibunda dan bahasa asing yang disampaikan, dan akhirnya, ciri-ciri keperibadiannya. Penggunaan SK yang lain oleh penutur seperti sirkumlokusi dan mengajuk serentak. Penukaran bahasa digunakan apabila istilah atau struktur bahasa asli timbul dalam wacana tanpa perubahan sebutan dan bentuk perkataan. Merayu bantuan digunakan terutama oleh penutur Melayu dari kumpulan subjek kajian penguasaan bahasa Inggeris yang lebih rendah.

Tesis yang dikajikan oleh Green (1995, p.232-233), iaitu *The Use of Communication Strategies By German School Learners of English* merupakan satu kajian SK yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan kita tentang cara pelajar sekolah menggunakan strategi untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam komunikasi bahasa asing. Pelajar terdiri daripada 232 murid di sekolah menengah Jerman yang belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Data yang diberikan oleh subjek ini ialah prestasi mereka dalam dua tugas komunikasi lisan, satu deskriptif dan satu interaktif.

Penemuan utama menunjukkan pelajar menggunakan SK yang terhad tetapi berkesan, memilih untuk menggunakan strategi pencapaian dan bukannya meninggalkan mesej mereka apabila masalah pengkodan timbul. Penggunaan strategi mereka adalah berkaitan dengan kecekapan mereka dalam bahasa sasaran berdasarkan kekerapan dan pembahagian, dengan strategi B1 berkurangan apabila kemahiran meningkat. Ia juga berkaitan dengan jenis masalah yang dihadapi dan tugas yang dilaksanakan. Selain itu, dapatan kajian tersebut mendapati walaupun keseluruhannya pelajar menggunakan pelbagai SK, 82% daripada strategi tersebut termasuk dalam tiga kategori, iaitu penghampiran leksikal (hampir separuh), sirkumlokusi dan penciptaan Burdine (2002, p.188) perkataan/terjemahan pinjaman. Walaupun pelajar yang lebih pandai masih memerlukan SK, mereka kurang kerap menggunakan strategi yang

diambil daripada sumber bahasa ibunda, sebaliknya mereka lebih kerap menggunakan bahasa sasaran secara eksklusif.

Kajian oleh Burdine (2002, p.188) yang bertajuk *Means to an end: Communication strategies in French immersion* menganalisis corak penggunaan SK dalam ujaran 41 pelajar immersi bahasa Perancis di Toronto, Kanada. Instrumen daripada temu bual informal dengan penutur asli bahasa Perancis diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih lengkap mengenai SK dalam immersi bahasa Perancis dengan menangani isu seperti pelbagai kelainan dan kekerapan strategi, kaitan antara strategi, interaksi antara peserta berhubung dengan penggunaan strategi, dan kesan faktor ekstra linguistik ke atas penggunaan strategi (contoh jantina pelajar, umur/gred, pendedahan media bahasa Perancis, masa dalam persekitaran yang bertutur bahasa Perancis, tinggal dengan keluarga yang bertutur bahasa Perancis, dan bahasa di rumah).

Strategi telah dikodkan dan kekerapan diperolehi. Strategi yang dikenal pasti termasuk berdasarkan B1 (penukaran bahasa dan pengasingan), berdasarkan B2 (sirkumlokusi, penciptaan perkataan dan penghampiran), sosiopragmatik (merayu bantuan, pengabaian mesej dan mengajuk) dan strategi yang tidak jelas/berpotensi berdasarkan B3. Sementara pelajar menggunakan pelbagai strategi, kecenderungan lebih bergantung pada penukaran bahasa. Daripada mengambil risiko tidak tepat menggunakan bahasa sasaran, pelajar lebih suka penjimatan dan beranggapan penemu duga ialah dwibahasa, mereka yakin beliau akan memahami strategi. Merayu bantuan daripada penemu duga juga kerap menunjukkan bahawa kehadiran teman bicara memainkan peranan penting dalam cara pelajar menangani masalah leksikal. Kemunculan kesinambungan strategi memberikan sokongan tanggapan bahawa beberapa strategi lebih berisiko daripada yang lain dengan menunjukkan kekerapan dan tahap risiko yang berhubung dengan jumlah strategi susulan yang diterima. Strategi

susunan berlaku (i) bagi maksud membetulkan penggunaan terdahulu (ii) disebabkan kesedaran tentang kesukaran terjemahan bahasa Perancis/Inggeris (iii) berikutan ketidaktentuan penggunaan bahasa sasaran dan (iv) cara untuk melayan wawancara sebagai satu pengalaman pembelajaran atau untuk memenuhi jangkaan berbahasa Perancis semasa temu bual.

Analisis statistik mendedahkan bahawa berdasarkan B1, sosio pragmatik, dan potensi strategi kabur berdasarkan B3 berkait rapat dengan beberapa faktor sosial yang diteliti, termasuk pendedahan kurikulum tambahan untuk bahasa Perancis dan umur/gred, tetapi bukan jantina pelajar. Kesimpulannya, walaupun terdapat pilihan leksikal bukan konvensional dalam mesej bahasa sasaran pelajar namun mesej mereka masih boleh difahami oleh teman bicara dan matlamat komunikasi berjaya dicapai. Beberapa dapatan daripada kajian Burdine (2002, p.188) adalah seperti;

1. Penukaran bahasa ialah strategi yang paling kerap digunakan oleh semua 41 pelajar kerana paling rendah risiko akan menyebabkan kesukaran terus berkomunikasi dalam wacana bahasa sasaran.
2. Pelajar-pelajar mungkin telah membangunkan kebiasaan beralih kepada penukaran bahasa di sekolah dengan guru-guru immersi dan bergantung kepada strategi yang sama dalam konteks wawancara. Juga dirumuskan bahawa pelajar mengutamakan penukaran bahasa mungkin disebabkan pelajar berinteraksi dengan penutur dwibahasa bahasa Perancis/Inggeris. Setelah pelajar tentukan bahasa Inggeris yang mereka gunakan akan difahami oleh teman bicara, mereka, mereka kembali menggunakan penukaran bahasa dengan kerap.

3. Merayu bantuan dan pengabaian mesej ditinggalkan, sebagai tambahan kepada strategi yang melibatkan beberapa interaksi tersirat dengan penemu bual, iaitu sirkumlokusi yang agak banyak dalam korpus.
4. Penggunaan SK dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan faktor linguistik dan/atau ekstra linguistik tertentu. Hasil kajian menunjukkan bahawa (i) jumlah sekolah di Perancis dan (ii) jumlah masa kokurikulum dihabiskan untuk berinteraksi dalam bahasa Perancis, sama ada melalui tinggal lebih lama dengan keluarga bertutur bahasa Perancis, lawatan ke persekitaran yang berbahasa Perancis atau pendedahan melalui media bahasa Perancis merupakan faktor yang mungkin paling mempengaruhi kekerapan dan jenis strategi yang digunakan pelajar.

Penggunaan SK bukan sahaja digunakan semasa menggunakan bahasa Inggeris bahkan juga bahasa asing lain seperti bahasa Jerman yang digolongkan sebagai bahasa kedua. Robe'ah (2005, p.140-150) telah menjalankan kajian yang bertajuk "Strategi Komunikasi Dalam Pembelajaran Bahasa Jerman: Satu Kajian Kes". Beliau yang terlibat mengajar bahasa Jerman di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) telah mengkaji pelajar-pelajar yang mengikuti pembelajaran bahasa Jerman. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis SK yang digunakan oleh pelajar semasa berkomunikasi. Instrumen yang sesuai dengan objektif kajian digunakan seperti *role-play*, bercerita, perbincangan kumpulan.

Hasil dapatan kajian menunjukkan SK yang paling banyak digunakan ialah strategi bukan linguistik (30%) atau *body language* kerana kekurangan pengetahuan linguistik dan kosa kata. Penggunaan SK didapati banyak membantu pelajar berkomunikasi walaupun perbualan tidak lancar tetapi yang penting mesej yang disampaikan berjaya difahami oleh pendengar. Penggunaan strategi penukaran kod kerap dilakukan kerana

telah terbiasa. Kumpulan yang mempunyai asas bahasa Jerman lebih gemar mencipta perkataan-perkataan baharu yang mengandungi unsur-unsur semantik, fonologi dan konsep. Pelajar yang tiada asas bahasa Jerman lebih gemar menggunakan strategi pengelakan, iaitu (25%). Kajian juga mendapati ada pelajar yang menggunakan bahasa daerah seperti *gapo*, *tok berapo*, *ingak* dan *lah*. Beliau mencadangkan agar lebih banyak kajian berkaitan SK untuk membantu pelajar-pelajar menguasai B2 khususnya dan masyarakat Melayu yang berlatarbelakangkan multilingual.

Sanimah (2007, p.130-145) menerusi kajiannya, iaitu “Strategi Komunikasi Lisan di Kalangan Pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia” pula berkaitan jenis-jenis SK yang digunakan oleh pelajar-pelajar UPM yang ingin menguasai bahasa Jepun. Subjek-subjek kajian terdiri daripada 20 orang pelajar Cina yang dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu tahap rendah (tiada asas bahasa Jepun) dan tahap tinggi (ada asas bahasa Jepun). Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis SK yang digunakan oleh pelajar tahap rendah dan tahap tinggi semasa bertutur bahasa Jepun. Selain itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana penggunaan SK membantu subjek mengatasi masalah komunikasi. Aktiviti lisan adalah bercerita sambil melukis gambar dan *role-play*.

Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan menggunakan SK untuk menyampaikan maksud namun pengetahuan linguistik terhadap B2 terhad. Dua strategi yang banyak digunakan ialah strategi penukaran bahasa (55%) oleh tahap rendah dan 48% tahap tinggi. Subjek juga didapati menukarkan bahasa yang lain, iaitu daripada BM dan BI dan bukan bahasa Mandarin. Dapatan daripada tugas lisan, kedua-dua kumpulan banyak menggunakan strategi penukaran bahasa dan mereka tiada langsung menggunakan strategi mencipta perkataan baharu. Subjek tahap tinggi lebih banyak menggunakan penukaran bahasa, rayuan kerjasama, dan terjemahan literal. Sementara

itu, subjek kumpulan tahap rendah lebih banyak guna strategi penghampiran dan *mime*. Penggunaan SK dalam kalangan kumpulan tahap tinggi lebih banyak kerana mereka bersungguh-sungguh menyampaikan mesej dengan menggunakan pelbagai SK berbanding kumpulan tahap rendah yang menggunakan ayat pendek atau menamatkan perbualan sekiranya timbul masalah komunikasi. Dapatan daripada soal selidik menunjukkan subjek yang menggunakan strategi penukaran kod adalah paling tinggi dan penggunaan strategi penciptaan perkataan baharu paling rendah. Penemuan-penemuan lain seperti pengulangan yang berlaku pada peringkat leksikal, frasa, ayat dan penggunaan perkataan yang tidak betul turut digunakan dalam pengujaran lisan.

Kajian yang dilakukan oleh Baouchi (2008, p.66) yang bertajuk *Communication Strategies and their Role in Second Language Competence and Teaching* adalah untuk meneroka sejauh mana dakwaan tentang persamaan strategik merentas latar belakang bahasa/budaya pelajar yang kebanyakannya Anglo-Eropah boleh digunakan dengan khusus untuk pelajar bahasa Inggeris dari Belanda dan Belanda-Maghribi.

Keputusan kajian didapati menyokong penemuan daripada penyelidikan SK bahawa latar belakang bahasa dan budaya bukan penentu tingkah laku strategik atau pilihan pelajar. Faktor lain seperti tahap penguasaan pelajar dan ciri kritikal serta rujukan kontekstual yang khusus seakan-akan membuat perbezaan. Semua strategi boleh membawa kepada kecekapan, dengan syarat maklumat yang disampaikan oleh strategi terdiri daripada ciri penting objek rujukannya atau konsep. SK tidak perlu diajar sedemikian kerana pelajar B2 sudah cekap dalam bahasa ibunda mereka. Sebaliknya, apa yang mereka perlukan ialah penguasaan makna linguistik dalam bahasa sasaran. Hanya dalam kes pelajar yang kurang mahir, meningkatkan kesedaran mengenai SK akan memberi beberapa manfaat. Implikasi pedagogi daripada model ini adalah bahawa SK tidak perlu diajar secara formal. Sebaliknya, dengan pelajar berlatih empat

kemahiran komunikasi seperti mendengar, membaca, bercakap dan menulis, pembelajaran akan berlaku. Dengan kata lain, jika matlamat pengajaran adalah untuk membolehkan pelajar meningkatkan kecekapan dalam B2, mereka harus digesa menggunakannya secara menyeluruh dengan meminta mereka mendengar, membaca, bertutur dan menulis secara intensif yang boleh, bukannya mendepani pelajar B2 dengan limpahan peralatan linguistik dalam bentuk penyelesaian strategik, peraturan tatabahasa dan item leksikal.

Menurut Nor Fariza (2008, p.238-262) melalui kajiannya yang bertajuk *Communication Strategies of ESL Speakers in Interaction* adalah berlandaskan teori SK berkonsepkan interaksi. Tujuan kajian untuk mengenal pasti jenis-jenis SK yang digunakan dan fungsinya apabila pelajar memberi pendapat yang melibatkan persetujuan, pendapat yang bertentangan, mendebatkan pendapat dan semasa mengadakan perundingan. SK yang digunakan dilihat boleh menyumbang kepada penyelesaian masalah apabila berlakunya masalah komunikasi dan seterusnya memahami mesej yang disampaikan.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar cenderung menggunakan SK bersifat pencapaian (*achievement oriented*), strategi bebas, strategi menyokong (*supportive*). Lain-lain SK yang ditemui ialah pengelakan topik, pengulangan secara sendiri, terjemahan secara literal, pengulangan oleh pendengar. Beliau telah menggunakan strategi-strategi interaksi komunikasi seperti penolakan, penerimaan, pengesahan, permintaan untuk penjelasan dan penyusunan semasa pertuturan. Di samping itu, SK digunakan seperti pengulangan (*echoing*) dan tekaan (*guessing*). Pada masa yang sama, beberapa strategi interaksi komunikasi telah dicadangkan seperti *other-repair*, penerimaan (*acceptance*) penolakan + penambahan maklumat (*rejection + addition of information*). Kajian juga melibatkan penggunaan SK semasa mesyuarat oleh syarikat

swasta. Mereka juga menggunakan SK pelbagai jenis untuk menyampaikan dan menerima mesej secara lisan. Akhir sekali, hasil kajian menyokong penggunaan SK dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

Bahasa Arab dianggap B2 terutama dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah agama. Menurut Abdul Rahman (2009, p.259-285) dalam kajiannya, iaitu “Kompetensi Komunikatif dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar SM. Keb. Agama, Negeri Selangor” ke atas pelajar-pelajar di tiga buah sekolah agama di Selangor mendapati mereka menghadapi halangan-halangan utama seperti kekurangan leksikal BA, lupa perbendaharaan kata dan kesukaran menyebut sistem fonetik BA. Oleh itu, dapatan kajiannya, telah berjaya menghuraikan halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar semasa berkomunikasi dalam bahasa Arab dan mengenal pasti jenis-jenis SK yang digunakan ketika menghadapi kesukaran untuk menyampaikan mesej. Pemilihan subjek seramai 18 orang yang dipilih secara persampelan tujuan mewakili tiga tahap, iaitu tahap kompetensi rendah, tahap kompetensi sederhana, dan tahap kompetensi tinggi adalah berdasarkan skor ujian kompetensi lisan.

Dapatan kajian tersebut menunjukkan semua subjek telah menggunakan sebanyak 1702 kes SK. Kumpulan kompetensi rendah paling banyak menggunakan SK (851 kes), diikuti kompetensi sederhana (533 kes) dan kompetensi tinggi (318 kes). Kumpulan kompetensi tinggi paling banyak menggunakan strategi penghampiran. Kumpulan kompetensi sederhana (strategi kata serapan) dan kumpulan kompetensi rendah pula (strategi pengulangan). Dapatan ini menunjukkan pelajar bahasa Arab menggunakan SK yang berbeza-beza kerana dipengaruhi tahap kompetensi mereka masing-masing. Hasil dapatan menjelaskan penggunaan SK sebenarnya melibatkan semua tahap kompetensi dan secara tidak langsung mengukuhkan teori BA oleh Selinker yang

menyatakan 5 % sahaja pelajar B2 yang berjaya menguasai bahasa tersebut dengan baik seperti penutur natifnya sementara pelajar yang lain masih berada di sepanjang kontinum BA. Keseluruhan dapatan menunjukkan pelajar-pelajar di tiga buah sekolah agama di Selangor masih belum mencapai tahap kompetensi aras tinggi untuk menggunakan bahasa Arab dengan baik.

Tujuan kajian Mitsuko (2009, p.115) yang bertajuk *The effects of the use of communication and negotiation strategies on L2 acquisition* adalah untuk mencari hubungan antara penggunaan SK dan strategi perundingan ke atas pemerolehan B2. Dua puluh empat orang pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun pertengahan dan lanjutan diminta untuk melibatkan diri dalam dua jenis tugas komunikatif, dan perkembangan kosa kata dan pengetahuan tatabahasa mereka diteliti melalui ujian sebelum dan selepas pendedahan kepada item-item linguistik sasaran. Di samping itu, perbualan semasa tugas disalin dan dianalisis secara kualitatif untuk meneliti corak penggunaan SK dan kadar kejayaan tindakan pembedahan.

Keputusan menunjukkan bahawa beberapa SK seperti rayuan dan penukaran kod memberi manfaat, dengan atau tanpa usaha perundingan dari teman bicara, tetapi yang lain boleh memudaratkan perkembangan B2. Memang munasabah untuk melaksanakan SK sebagai satu cara pelajar mengekalkan komunikasi di dalam kelas. Dalam usaha pengajar untuk membantu mengembangkan kebolehan komunikasi pelajar dalam bahasa sasaran, disyorkan agar pelajar yang baru mula belajar B2 berkomunikasi sebanyak mungkin dalam bahasa sasaran dengan rakan-rakan dan pengajar mereka. Oleh yang demikian, pelaksanaan merayu bantuan secara langsung didapati berguna untuk pelajar mengekalkan komunikasi dengan rakan-rakan dan pengajar dalam bilik darjah. Kajian ini menunjukkan penggunaan penukaran kod agak berkesan ke arah pemahaman yang lebih baik.

Heberlein (2010, p.91) melalui kajiannya, iaitu *The use of communication strategies in the context of the classroom in English language: a case study* adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan memahami penggunaan SK dalam konteks bilik darjah bahasa Inggeris di Goiânia, Goiás, Brazil. Interaksi antara empat orang pelajar semester ketujuh program Bahasa Inggeris diperhatikan. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah rakaman audio dan video serta nota lapangan yang dibuat oleh pengkaji. Di samping itu, soal selidik sosiobudaya telah digunakan untuk mengumpul lebih banyak maklumat tentang peserta. Untuk analisis data, taksonomi SK Tarone (1983) telah digunakan dengan membahagikan strategi kepada tiga kategori utama (parafrasa, pinjaman dan pengelakan) dan sembilan subkategori parafrasa. Selepas mengenal pasti dan mengkategorikan strategi yang terdapat dalam data, pengkaji menganalisis data, memerhatikan interaksi yang muncul dan cara interaksi digunakan. Selain itu, beberapa perbincangan tentang isu yang berkaitan dengan penggunaan strategi dikemukakan, seperti penggunaan bahasa ibunda dalam pembelajaran B2, cara pendekatan komunikatif yang telah difahami di dalam kelas bahasa, ketepatan fahaman dan kesejajaran di antara komunikasi berbanding ketepatan. Dapatan kajian menunjukkan hampir semua strategi yang disampaikan oleh taksonomi Tarone (1983) telah digunakan oleh pelajar semasa interaksi dalam bilik darjah, kecuali strategi pengelakan topik yang tidak muncul semasa sesi pemerhatian. Strategi yang digunakan ialah merayu bantuan (30 kes), pengabaian mesej (26 kes), dan penukaran bahasa (23 kes).

Dapatan penyelidikan Elham (2010, p.125-157), iaitu *Communication Strategies In Social Interaction Between Arab And Iranian Postgraduate Students* menunjukkan kumpulan tinggi merupakan pelajar yang menguasai bahasa Inggeris, kumpulan rendah hanya sedikit menguasai bahasa Inggeris dan kumpulan ketiga merupakan gabungan ahli-ahli yang lemah dan mahir dalam penguasaan bahasa Inggeris. Objektif kajian

beliau adalah untuk menyiasat apakah jenis-jenis SK dan kekerapan SK yang digunakan oleh pelajar Arab dan Iran seramai 12 orang. Mereka berbeza dari segi kemampuan dan latar belakang linguistik (bahasa Arab dan Parsi). Aktiviti yang mereka lakukan ialah interaksi perbualan dalam suasana tidak formal. Dapatan yang dapat dikumpulkan ialah kumpulan kemahiran rendah tanpa mengira etnik lebih banyak menggunakan SK berbanding kumpulan yang berkemahiran tinggi. Kumpulan rendah dan sederhana banyak menggunakan terjemahan harfiah dan kumpulan tinggi pula banyak menggunakan penukaran kod (*cod-switching*). Kumpulan tinggi dan sederhana paling banyak guna strategi penghuraian (*circumlocution*). Kelebihan kajian ini adalah ketiga-tiga kumpulan banyak bergantung pada kemahiran bahasa Inggeris dan bukan bahasa etnik.

Dapatan menunjukkan responden kumpulan rendah paling banyak menggunakan SK, iaitu 1160 kes (46.56%). Antara SK yang paling banyak digunakan ialah *literal translation* sebanyak 316 kes (27.19%) diikuti *self-repair* 214 kes (18.41%) dan *message reduction* 184 kes (15.85%). Kumpulan tinggi-tinggi paling kurang menggunakan SK, iaitu sebanyak 523 kes. Mereka banyak menggunakan penukaran kod (*code switching*) (19.8%), *self-repair* (17.29%) dan *literal translation* (16.93%). Responden dari Iran lebih banyak melakukan penukaran kod (*code switching*), iaitu 58 berbanding responden Arab seramai 45 orang. Bilangan SK yang digunakan oleh kumpulan tinggi rendah ialah 808 kes. SK *literal translation* 236 kes (29.10%), *message reduction* sebanyak 150 kes (18.5%) dan *self-repair* 89 kes atau (11%). Keseluruhan dapatan menunjukkan SK *literal translation* paling banyak digunakan, iaitu 640 kes (25.7%). Ketiga-tiga kumpulan menggunakan lebih banyak *direct strategies* berbanding *interactional strategies*. Hasil kajian mendapati sebanyak 20 jenis SK telah digunakan oleh para responden dalam perbualan mereka. Tahap penguasaan

bahasa Inggeris dalam kalangan responden merupakan faktor penting yang mempengaruhi jenis SK yang mereka gunakan.

Habibah (2011, p.51-171) telah membuat kajian yang bertajuk “ Strategi Komunikasi Pelajar Dusun Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu” telah mendapati banyak penggunaan SK oleh pelajar-pelajar Dusun. Data-data linguistik dikutip daripada aktiviti forum, dialog, wawancara, dan perbincangan. Seramai 28 orang pelajar tingkatan empat dari SMK Tun Fuad Stephen Kiulu, Tamparuli, Sabah telah dijadikan subjek kajian.

Dapatan kajian tersebut menunjukkan subjek telah menggunakan SK sebanyak 201 kes. Daripada jumlah SK tersebut, strategi pencapaian sebanyak 133 kes dan strategi pengelakan sebanyak 29 kes. Strategi penukaran kod paling banyak, iaitu 62 kes. Strategi paling sedikit digunakan ialah strategi penghuraian, iaitu 6 kes. SK bukan lisan turut digunakan seperti senyum, ketawa, tersengih, dan menggaru kepala. Dalam kajian beliau terdapat strategi-strategi baru, iaitu strategi pengulangan kata, strategi agakan, dan strategi memberi sokongan. Selain itu, penggunaan strategi bukan linguistik berlaku apabila penutur sudah ketiadaan leksikal dan merasakan tidak mampu lagi untuk meneruskan komunikasinya. Penutur hanya mampu melakukan aksi-aksi seperti bahasa isyarat atau mimik untuk membantunya menyampaikan maksud. Selain itu juga, SK tersebut seiring dengan penggunaan perkataan ujaran untuk mengelakan pendengar tersalah faham.

Kajian Lin Wei (2011, p.24-34), iaitu *Communicative strategies in second language acquisition a study of Chinese English learners' attitude and reported frequency of communicative strategies* didapati memberi tumpuan kepada SK yang digunakan oleh pelajar Cina dalam proses pemerolehan B2. Tujuan keseluruhan kajian ini adalah untuk

mengetahui sama ada terdapat hubungan antara sikap pelajar Cina mempelajari bahasa Inggeris dengan penggunaan SK dan kekerapannya dalam komunikasi sebenar.

Penyelidik mendapati tiga faktor yang mempengaruhi pilihan SK pelajar, iaitu pelajar, konteks pembelajaran dan konteks komunikatif. Daripada analisis data, didapati bahawa sikap pelajar, tahap penguasaan bahasa dan personaliti mereka memberi kesan ke atas penggunaan SK. Sikap pelajar menjejaskan penggunaan strategi tertentu. Jelas dapat dilihat sikap positif pelajar terhadap strategi kerjasama, strategi berasaskan-B1 dan strategi bukan lisan. Pelajar tahap penguasaan bahasa yang lebih tinggi cenderung menggunakan strategi pencapaian, manakala pelajar yang lebih rendah tahap penguasaan bahasa lebih suka strategi pengurangan atau strategi berasaskan-B1.

Analisis Lin Wei (2011, p.31) menunjukkan bahawa pelajar yang lebih muda dan pelajar lelaki lebih suka menggunakan strategi pengurangan dan strategi berasaskan B1. Sebaliknya, pelajar tua dan pelajar perempuan cenderung menggunakan strategi pencapaian dengan lebih kerap. Pelbagai sistem bahasa pelajar (morfologi, leksis, pragmatik dan wacana) mencerminkan ciri khusus konteks pembelajaran yang asal. Pembelajaran B2 dalam situasi bilik darjah menghasilkan corak komunikasi tertentu dalam ujaran B1 pelajar. Sebagai contoh, pelajar boleh menggunakan sedikit strategi situasi bilik darjah yang formal daripada dalam kehidupan sebenar, terutama apabila tumpuan pengajaran adalah pada ketepatan penggunaan B2, bukan pada kelancaran komunikasi.

Selain daripada pelajar dan konteks pembelajaran, konteks komunikasi juga memberi kesan kepada keutamaan SK tertentu. Pengalaman komunikasi pelajar dan penilaian tentang konteks akan menentukan pilihan SK. Sebagai contoh, pelajar menggunakan gaya bahasa yang berlainan sewaktu berkomunikasi dengan seorang guru di dalam kelas atau dengan rakan. Pelajar yang kaya dengan pengalaman dalam komunikasi B1 boleh

menggunakan strategi yang berbeza daripada mereka yang mempunyai pengalaman sedikit. Seperti yang ditemui oleh penyelidik, strategi berasaskan B1 sentiasa membawa kepada salah faham. Sebahagian daripada pelajar sering menggunakan beberapa SK, mula-mula cuba satu strategi (contoh: strategi berasaskan B1), kemudian beralih kepada strategi yang lain (contoh: strategi berasaskan B2) sebagai tambahan kepada strategi pilihan pertama.

Sikap yang positif terhadap strategi merayu bantuan, strategi bukan lisan dan strategi berasaskan B1 adalah tinggi kekerapan penggunaannya. Lebih aktif pelajar menggunakan SK, lebih banyak kesedaran tentang peranan penting SK dalam pemerolehan B2. Lin Wei (2011, p.34), mengklasifikasikan SK kepada strategi pencapaian dan strategi pengurangan. Strategi pencapaian termasuk strategi merayu bantuan, strategi berasaskan B2, strategi berasaskan B1 dan strategi bukan lisan. Antara strategi pencapaian, sikap terhadap strategi merayu bantuan, strategi berasaskan B2 dan strategi bukan lisan adalah positif serta menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi dalam kalangan pelajar dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris yang lebih tinggi. Penggunaan strategi pengurangan adalah terhad kerana pemboleh ubah seperti pelajar, keadaan pembelajaran dan konteks komunikatif.

Raed Latif (2012, p.109-110) menerusi kajiannya, iaitu *A Comparative Study Of The Communication Strategies Used By Iraqi EFL Students And Malaysian ESL Students At Tertiary Level* untuk menyiasat beberapa jenis SK yang digunakan oleh pelajar Inggeris sebagai B1 (EFL), Iraq dan pelajar Inggeris sebagai B2 (ESL), Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menyiasat sama ada wujud perbezaan yang ketara di antara mereka ketika menggunakan strategi ini. Data yang dianalisis dalam kajian ini telah dikumpulkan dari dua buah universiti, iaitu Universiti Baghdad dan juga Universiti Sains Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah

kuantitatif dan borang soal selidik yang diagihkan telah diadaptasi daripada taksonomi SK milik Dörnyei & Scott, (1997).

Keputusan yang diperoleh menunjukkan pelbagai SK yang digunakan oleh pelajar tersebut. Terdapat juga perbezaan yang signifikan dalam kalangan mereka menggunakan beberapa strategi. Pelajar Malaysia B2 Inggeris menggunakan penukaran kod, sirkumlukusi/parafrasa, pengurangan mesej, mesej pengabaian mesej, penggantian mesej, penciptaan perkataan, penghilangan secara sederhana. Selain itu, mereka juga menggunakan *mime*, anggaran/generalisasi, penterjemahan literal dalam kadar yang sangat rendah. Dipercayai bahawa pelajar Malaysia B2 Inggeris mempunyai masalah lemah kosa kata kerana mereka menggunakan strategi ini dalam kadar yang rendah, dan mereka juga tidak banyak menggunakan strategi bukan lisan seperti *mime* yang jauh lebih penting untuk meneruskan perbualan apabila terdapat kesukaran semasa tugas komunikasi. Mereka menggunakan strategi penampungan lebih kerap daripada yang lain. Mereka menggunakan pengulangan pada kadar sederhana. Sebaliknya mereka menggunakan strategi lisan dalam kadar yang sangat rendah. SK interaksi yang digunakan lebih kerap adalah meminta penjelasan, pada kadar sederhana. Semua bukti ini menunjukkan bahawa pelajar Malaysia B2 Inggeris menggunakan strategi interaksi lebih daripada lain-lain jenis SK untuk menyelesaikan masalah mereka semasa berkomunikasi kerana mereka mempunyai lebih banyak peluang untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam setiap fungsi kehidupan seharian dan mereka juga mempunyai lebih banyak situasi interaksi dengan penutur bahasa Inggeris dalam masyarakat mereka. Ini menyokong teori psikolinguistik yang dibangunkan oleh Faerch dan Kasper (1983), yang mengandaikan bahawa penutur cuba untuk menyelesaikan kegagalan komunikasi dan kesukaran melalui interaksi untuk mencapai matlamat komunikasi yang diinginkan.

Kajian yang bertajuk *Communication Strategies Used by Young Learners in a Bilingual Classroom* oleh Agam (2013, p.25-26) mendapati banyak sekolah rendah pada masa kini menawarkan pendedahan awal bahasa Inggeris untuk kanak-kanak. Walau bagaimanapun, status bahasa Inggeris kekal sebagai bahasa asing di Indonesia kerana bahasa Inggeris tidak digunakan pada setiap hari. Akibatnya, pelajar yang berusia muda menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi, atau berinteraksi dengan guru mereka dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, mereka akan menggunakan SK untuk menampung kekurangan mereka dalam bahasa Inggeris. Kajian ini mengkaji jenis SK yang digunakan oleh empat pelajar gred tiga di Sekolah Bethany untuk menampung kekurangan atau “ketiadaan pengetahuan “ dalam bahasa Inggeris sebagai komunikasi bahasa asing.

Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta menggunakan enam daripada tujuh strategi penampungan untuk mengimbangi kekurangan mereka dalam bahasa Inggeris sewaktu perbualan dengan guru. Kajian ini disimpulkan dengan beberapa cadangan yang praktikal untuk guru-guru yang mengajar pelajar muda dalam bahasa Inggeris sahaja atau pendekatan dwibahasa dalam kelas. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa peserta menggunakan enam daripada tujuh strategi penampungan, iaitu bantuan pertolongan dengan bertanya terjemahan, percampuran bahasa, penciptaan kata, sirkumlokusi, penterjemahan literal dan penghampiran. Bantuan pertolongan ialah strategi yang paling lazim digunakan oleh peserta semasa berbual dengan guru. Apabila mereka menghadapi masalah menyiapkan ayat bahasa Inggeris semasa berbual dengan guru, mereka membuat satu usaha untuk mengisi jurang atau pengetahuan yang tiada dengan bertanya guru perkataan bahasa Inggeris yang sukar diujarkan. Lugoloobi-Nalunga (2013, p.31) menyatakan bahawa penukaran kod ialah satu aset atau masalah di dalam kelas multilingual. Matlamat utama kajiannya adalah untuk mengetahui apa

kesan penukaran kod ke dalam bahasa ibunda terhadap perkembangan B2 dan situasi pembelajaran/pengajaran yang mendorong tindakan penukaran kod.

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa penukaran kod merupakan satu fenomena semula jadi dalam perkembangan B2 dan mempunyai kesan positif ke atas perkembangan B2 kerana fenomena ini memenuhi sejumlah fungsi yang penting di dalam kelas, termasuk kosa kata dan pembinaan konsep, keperluan untuk mendapatkan penjelasan dan penekanan, menyediakan strategi pembelajaran pemerolehan B2, dan secara amnya membantu pelajar mengekalkan dan membangunkan B2 mereka.

Menurut pelajar, semua guru mereka semua bercakap bahasa Sweden di dalam kelas bahasa Inggeris dan pelajar dibenarkan untuk tukar kod ke bahasa Sweden. Mereka juga sedar bahawa mereka tidak dibenarkan untuk bercakap B1/bahasa ibunda di dalam kelas. Apabila pelajar menukar kod ke dalam B1, jawapan yang biasa bagi mereka yang berkongsi bahasa ibunda adalah bahawa mereka menukar kod apabila kawan memerlukan bantuan atau apabila mereka sendiri tidak memahami cakap guru dalam bahasa yang bukan bahasa Sweden atau bahasa Inggeris. Jawapan yang diberikan mendedahkan bahawa salah satu strategi yang digunakan oleh pelajar apabila mereka tidak faham adalah untuk menukar kod ke dalam B1 dan meminta bantuan rakan.

Selain itu, mereka juga menggunakan strategi lain untuk membina kemahiran mereka dalam bahasa Inggeris, sebagai contoh menonton filem Inggeris, mendengar muzik bahasa Inggeris dan berlatih komunikasi lisan. Akhirnya, soal selidik menunjukkan pelajar sedar bahawa guru-guru tidak membenarkan penggunaan B1/bahasa ibunda di dalam kelas bahasa Inggeris, tetapi pelajar masih menukar kod, dan pelajar lain tidak ambil peduli mereka bercakap bahasa ibunda mereka.

Kajian yang bertajuk *Communication strategies used by different level L2 English learners in oral interaction* oleh Maldonado (2016, p.87-88) bertujuan untuk mengkaji penggunaan SK yang berbeza oleh pelajar yang belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing apabila berkomunikasi secara lisan, dan menentukan hubungan antara tahap penguasaan pelajar dan penggunaan SK mereka. Data yang dituturkan dalam bahasa Inggeris daripada tiga perbualan oleh pelajar bangsa Sepanyol berlainan tahap dianalisis untuk menentukan jenis strategi komunikasi yang berbeza yang digunakan semasa berinteraksi dengan penutur asli dalam suasana tidak formal di luar bilik darjah.

Keputusan keseluruhan menunjukkan bahawa terdapat kaitan antara tahap penguasaan pelajar dengan penggunaan SK mereka. Keputusan daripada analisis terperinci mengesahkan hubungan ini dan mendedahkan bahawa kemahiran linguistik pelajar bukan sahaja yang berkaitan dengan kekerapan SK yang digunakan berbeza tetapi kebanyakannya bergantung pada jenis SK. Pelajar tahap awal cenderung untuk memihak kepada SK jenis 'pengelakan' dan 'pemindahan' yang penggunaannya bukan sahaja menunjukkan penguasaan B2 yang kurang mahir tetapi juga pergantungan mereka pada B1. Pelajar tahap Pra-pertengahan seolah-olah dalam proses menghampiri penghasilan B2 mereka sama dengan bahasa sasaran. Ini dicerminkan dalam percubaan mereka untuk menjelaskan/memberi contoh istilah B2 yang diperlukan dan juga untuk menyesuaikan sumber-sumber bahasa dengan bahasa sasaran. Sebaliknya, pelajar Peringkat Pertengahan merupakan satu-satunya yang menggunakan lebih banyak mekanisme yang lebih kompleks. Ini jelas menunjukkan mereka lebih hampir kepada bahasa sasaran kerana repertoir linguistik yang lebih luas membolehkan mereka membetulkan dan menilai output B2 sendiri, sesuatu yang pelajar tahap lebih rendah tidak mampu untuk lakukan. Oleh itu, nampak seolah-olah pelajar B2 bahasa Inggeris perlu menggunakan SK yang berbeza bagi menangani pelbagai masalah komunikasi sewaktu BA mereka maju ke arah penguasaan B2.

Kebanyakan kajian berkaitan SK telah banyak dilakukan oleh para sarjana dalam dan luar negeri. Dapatan kajian mereka telah membuktikan bahawa peranan SK adalah besar khususnya bagi pelajar B2 yang mempelajari bahasa sasaran untuk tujuan tertentu. Oleh itu, keperluan penggunaan SK adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan tetapi jenis SK dan kekerapan kebanyakannya dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran (ekstra linguistik) seseorang pelajar itu.

2.5 Sorotan Kajian tentang Komunikasi Bukan Lisan

Proses penghantaran dan penerimaan mesej bukan sahaja melalui komunikasi lisan tetapi komunikasi bukan lisan. Berkaitan konteks komunikasi bukan lisan penutur akan menggunakan lebih banyak pergerakan anggota badan (tangan, jari, kepala, lidah, mata dan lain-lain) yang mempunyai makna tertentu yang difahami kedua-dua pihak. Antara tokoh sarjana bahasa yang banyak mengkaji komunikasi bukan lisan ialah Daniela (2003), Baouchi (2008), Hasuria (2009), Jamilah (2009), Dvořáková (2012), Abdullahi (2014), Abdullah (2014), dan Khanukaeva (2014).

Kajian yang dilakukan oleh Daniela (2003, p.263) adalah untuk meneroka makna tingkah laku bukan lisan guru Britian yang menyertai Kursus Pembelajaran Bahasa Inggeris (ELT). Kajian ini bersifat kualitatif dan deskriptif tentang tanggapan fungsi gerak isyarat dan tingkah laku bukan lisan yang dilaksanakan dalam kelas bahasa asing. Hasil kajian awal mewajarkan perubahan kaedah dari segi reka bentuk eksperimen kemudian untuk rangka kerja yang lebih pada penerokaan. Dalam kajian utama, 22 orang pelajar menjelaskan dalam temu bual berdasarkan ingatan dirangsang, persepsi mereka terhadap tingkah laku lisan dan bukan lisan guru seperti yang berlaku sertamerta dalam konteks bilik darjah. Akhir sekali, pandangan pelajar disokong oleh laporan bertulis pemerhatian dalam bilik darjah 20 guru pelatih dan pendapat mereka dinyatakan dalam temu bual kumpulan fokus. Data untuk kajian utama dikumpulkan

melalui gabungan kaedah, bermula daripada pemerhatian langsung bilik darjah dan rakaman video, sehingga kepada temu bual separa berstruktur dengan pelajar bahasa.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta umumnya percaya bahawa gerak isyarat dan tingkah laku bukan lisan lain memainkan peranan dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa. Pelajar mengenal pasti tiga jenis fungsi tingkah laku bukan lisan dalam interaksi bilik darjah: (i) kognitif, iaitu tingkah laku bukan lisan yang bekerja sebagai penggalak proses pembelajaran, (ii) emosi, iaitu tingkah laku bukan lisan yang berfungsi sebagai alat komunikasi untuk emosi dan sikap guru dan (iii) ala organisasi, iaitu tingkah laku bukan lisan yang berfungsi sebagai alat pengurusan bilik darjah dan kawalan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar mentafsir tingkah laku bukan lisan guru berdasarkan fungsi dan menggunakan mesej dan klu dalam pembelajaran dan interaksi sosial mereka dengan guru. Guru pelatih menilai dengan cara yang sama peranan tingkah laku bukan lisan dalam pengajaran pembelajaran bahasa. Walau bagaimanapun, mereka seolah-olah mengutamakan fungsi kognitif dan pengurusan tingkah laku bukan lisan guru berbanding dengan emosi dan tidak menganggap emosi penting seperti tanggapan pelajar bahasa. Penutur menggunakan beberapa strategi dalam memastikan kepentingan komunikasi gerak isyarat mereka seperti mengorientasikan pandangan mata di tangan apabila mula memberi isyarat, menyesuaikan gerak badan mereka ke arah penonton agar tindakan mereka kelihatan. Walau bagaimanapun, makna isyarat ditentukan oleh penerima yang berusaha untuk melengkapkan fungsi dan makna melalui proses tafsiran dalam konteks serta merta. Penemuan daripada kajian ini seolah-olah menunjukkan bahawa pelajar cenderung mengutamakan fungsi gerak isyarat atau tindakan bukan lisan dan menggunakannya apabila unsur ini memberi kesan, secara langsung atau tidak langsung terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Hasuria (2009, p.4-39) berpendapat bahawa bahasa isyarat merupakan bahasa komunikasi bagi orang pekak. Penggunaannya melalui pergerakan anggota badan terutama jari dan tangan. Setiap pergerakan membawa maksud yang khusus dan boleh difahami oleh orang mahir tentang bahasa isyarat. Bahasa isyarat boleh berkembang sendiri dan tidak perlu bergabung dengan bahasa lisan. Selain itu, bahasa isyarat mempunyai sistem tatabahasa tersendiri dan berbeza dengan bahasa lisan. Dalam bahasa Melayu terdapat dua sistem bahasa rasmi bagi orang pekak, iaitu Bahasa Isyarat Melayu (BIM) dan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini bahasa isyarat merujuk pada SKBBL yang digunakan bersama-sama SKBL dan berfungsi melancarkan pertuturan ketika seseorang itu memerlukan kosa kata yang tidak diketahui.

Jamilah (2009, p.109-118) mengatakan bahawa bahasa bukan verbal merangkumi keseluruhan bahasa yang tidak bersuara semasa berkomunikasi seperti bahasa badan, simbol, ruang, parabahasa, ikon, persekitaran dan masa. Contohnya, amalan bertepuk tangan membawa maksud memberi penghargaan kepada seseorang. Salah satu anggota badan yang penting ialah gerakan tangan merujuk gerak isyarat secara tradisinya telah diterima sebagai salah satu peranti komunikasi bukan verbal. Perlakuan gerakan tangan berlaku secara spontan mengiringi penghasilan ujaran. Bahasa verbal melibatkan lafaz ujaran. Keselarasan antara bahasa bukan verbal dengan bahasa verbal boleh memberi impak agar komunikasi menjadi lebih berkesan. Namun demikian, makna yang disampaikan oleh bahasa bukan verbal masih banyak bergantung pada interpretasi budaya sesebuah masyarakat itu.

Dvoraknova (2012, p.87) menjalankan kajian berkaitan B2 pelajar dewasa dengan kecekapan komunikatif mereka. Penggunaan rakaman dialog asli antara guru dan pelajar dan antara dua pelajar pada tahap bahasa yang sama telah memperlihatkan

bagaimana pelajar menguruskan wacana, iaitu pengurusan situasi komunikasi pelajar. Selanjutnya, kajian ini mengkaji bagaimana pelajar menangani situasi linguistik yang mencabar dan jenis SK yang mereka gunakan. Kertas ini terdiri daripada tiga bahagian utama, iaitu teori, penyelidikan dan kesimpulan. Mereka akan mendapat gambaran tentang kecekapan komunikatif lima tahap bahasa berdasarkan Rujukan Biasa Rangka Kerja Eropah.

Kajian tersebut menekankan keperluan untuk menghadkan B1 pada tahap minimum. Secara ideal adalah lebih baik jika tidak digunakan sama sekali. Hujah bahawa penggunaan B1 untuk memperkenalkan bahasa sasaran yang baharu adalah lebih cepat, lebih jelas dan lebih cekap dan berkesan hanyalah memberi keutamaan kepada kecekapan linguistik mengatasi kecekapan komunikatif. Bahasa boleh dikemukakan, difahami dan dikuasai tanpa menggunakan bahasa ibunda sebagai perantara. Ini menggambarkan lebih banyak pendedahan kepada bahasa sasaran dan menggalakkan penggunaan bahasa yang dapat berfungsi untuk menjelaskan, memeriksa kefahaman dan meminta penjelasan bagi pihak pelajar.

Menurut Abdullahi (2014, p.429-432), melalui kajiannya, iaitu *The use of non-verbal communication in the teaching of English language* bahawa komunikasi bukan lisan merujuk kepada semua bentuk komunikasi yang tidak melibatkan penggunaan perkataan. Komunikasi bukan lisan biasanya dinyatakan dalam beberapa kaedah lain seperti menggunakan bahagian badan atau sikap dan tindakan, bukan sekadar kata-kata. Komunikasi bukan lisan adalah bentuk komunikasi tertua kerana berasal dari zaman awal, sewaktu kanak-kanak tidak dapat meluahkan permintaan secara lisan. Komunikasi bukan lisan berfungsi sebagai saluran penting bagi bayi menyalurkan maklumat kepada ibu bapa. Komunikasi bukan lisan juga termasuk postur, pandangan, hubungan mata, nuansa vokal, jarak, gerak isyarat, warna, tanda-tanda, bunyi, gambar rajah, dan

paralinguistik. Komunikasi bukan lisan ialah satu aspek penting dalam komunikasi manusia kerana banyak dapat disampaikan walaupun tanpa mengucapkan sepatah kata. Selain itu, komunikasi bukan lisan digunakan untuk menguatkan dan melengkap mesej lisan kerana interaksi manusia normal bergantung sedikit sebanyak kepada isyarat bukan lisan. Keberkesanan komunikasi bukan lisan mengambil alih peranan dialog dengan mengangguk-angguk, tersenyum, isyarat mata kedua-dua pihak boleh menentukan sama ada untuk meneruskan atau menghentikan perbualan. Sebahagian daripada kebaikan komunikasi bukan lisan adalah seperti yang berikut (Abdullahi, 2014, p.429-432):

1. Pengukuhan kepada komunikasi lisan.
2. Berfungsi sebagai pengganti yang baik apabila komunikasi lisan terhenti.
3. Mudah difahami.
4. Lebih murah untuk digunakan.
5. Boleh digunakan untuk mengawal interaksi, iaitu isyarat bukan lisan boleh digunakan untuk menyatakan bila boleh dan tidak boleh bercakap.
6. Multidimensi, iaitu tidak seperti komunikasi lisan yang hanya mempunyai dua mod, iaitu bercakap dan menulis. Komunikasi bukan lisan menggunakan gambar, pakaian, warna, bunyi, bahan-bahan, tindakan, kedudukan tubuh, dan jarak antara perseorangan. Kebanyakan orang berpendapat pendidikan hanya boleh disampaikan melalui komunikasi lisan walhal komunikasi bukan lisan juga perlu diberikan perhatian.

Seramai 233 responden telah dipilih dari sekolah-sekolah di Osogbo, Afrika. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik dan Perbincangan Kumpulan Fokus. Soal selidik telah ditadbirkan kepada pelajar responden. Satu kumpulan fokus ditemu duga untuk mendapatkan beberapa perspektif mengenai topik kajian. Secara purata,

tahap pendedahan pelajar kepada penggunaan komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Inggeris mempunyai pengaruh yang besar ke atas prestasi akademik mereka, iaitu sedikit sebanyak, isyarat bukan lisan menyumbang secara positif kepada prestasi akademik mereka dalam pelbagai tugas.

Komunikasi bukan lisan biasa digunakan oleh seseorang pelajar termasuk pergerakan badan, lukisan, gambar rajah, carta jadual, rajah, graf dan kepingan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai akses kepada bahan pengajaran bukan lisan yang paling moden melaksanakan tugas lebih baik daripada pelajar yang tiada pendedahan bahan bukan lisan.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru menggunakan komunikasi bukan lisan dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai hasil daripada pelbagai manfaat yang diperoleh guru dan pelajar. Sebahagian daripada manfaat ini diketengahkan di bawah:

1. Melancarkan aliran perbincangan.
2. Mengambil kurang ruang jika dibandingkan dengan perkataan yang digunakan untuk penerangan dan penjelasan
3. Mendedahkan dengan mudah dan lebih jelas data yang tidak boleh dilihat dengan mudah dalam bentuk naratif.
4. Isyarat bukan lisan seperti menunjuk, mengangguk-angguk, tersenyum, hubungan mata antara lain berfungsi sebagai pelengkap kepada persembahan lisan.
5. Menjadikan pengajaran bersifat interaksi semula jadi kerana banyak bukti yang menunjukkan bahawa interaksi biasa manusia bergantung sedikit sebanyak kepada isyarat bukan lisan.
6. Penggunaan komunikasi bukan lisan tidak dapat dielakkan;
 - i. Apabila terdapat kegagalan komunikasi antara guru dan guru dan pelajar.

- ii. Apabila topik sukar untuk difahami oleh pelajar.
- iii. Apabila kata-kata sahaja tidak boleh dengan jelas dan cukup memberi kesan kepada maksud idea.

Abdullah (2014, p.166-167) menyatakan bahawa pengaruh persekitaran memainkan peranan penting dalam pembentukan sesuatu bahasa sama ada bahasa berasaskan bunyi (pertuturan) atau pun isyarat (gerak laku anggota badan, mimik muka, ketawa, senyum, air muka dan sebagainya). Unsur-unsur tersebut boleh mempengaruhi makna semasa berinteraksi. Di samping itu, terdapat juga isyarat yang diadaptasikan daripada perlakuan manusia yang berpendengaran biasa. Perbezaannya, bahasa isyarat orang pekak tidak diiringi pertuturan, manakala orang biasa pula pergerakan anggota badan mengiringi pertuturan mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Khanukaeva (2014, p.89-90) bertujuan untuk menilai kesan gerak isyarat ikonik dalam latar pemerolehan kosa kata B2 pelajar muda. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan kesan guru dan gerak isyarat ke atas pemerolehan kosa kata di sebuah sekolah rendah di Norway. Selain itu, kajian ini dibina untuk menilai manfaat dan cabaran pendekatan berasaskan gerak isyarat untuk pengajaran kosa kata.

Komunikasi bukan lisan seperti bahasa isyarat, bahasa tubuh, kontak mata, penggunaan objek merupakan bahagian yang penting dalam situasi komunikasi. Walau bagaimanapun, hal ini masih diabaikan dalam pengajaran B2. Keadaan ini mendukacitakan kerana tidak ramai pelajar boleh mencapai kecekapan komunikatif dalam B2 tanpa pengetahuan tentang komunikasi bukan lisan. Pengajaran gabungan aspek lisan dan komunikasi bukan lisan mempunyai kesan positif ke atas proses pembelajaran bahasa dan kesediaan pelajar untuk berkomunikasi. Pelajar B2 menyedari peranan komunikasi bukan lisan dalam pertembungan antara budaya. Pengetahuan dan

kesedaran fungsi komunikasi bukan lisan juga membantu untuk meningkatkan kemahiran membaca kerana menyumbang kepada makna teks dan kesannya kepada pembaca yang terlibat dalam aktiviti main peranan mengikut skrip.

Dapatan kajian ini menunjukkan wujudnya hubungan antara penggunaan gerak isyarat dan peningkatan pembelajaran kosa kata B2 dalam ujian pengekalan jangka panjang dan pengenalpastian jenis kosa kata. Secara umum, dapatan ini juga membuktikan bahawa gerak isyarat boleh digunakan sebagai strategi pengajaran untuk meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar. Pendekatan berasaskan isyarat membenarkan murid untuk belajar perkataan baharu melalui aktiviti suka bermain dan latihan dengan gerak isyarat dan pergerakan. Salah satu tujuan utama kajian ini adalah untuk memperkenalkan kepada guru-guru aktiviti dengan pergerakan dan gerak isyarat fizikal, yang mereka boleh gunakan dalam pelajaran mereka dengan pelajar muda. Dalam proses pengajaran kosa kata, murid-murid mendapat manfaat daripada penggunaan pergerakan tangan dalam pelbagai cara, sebagai contoh, motivasi dan penumpuan meningkat dengan ketara dalam pelajaran, penglibatan turut dipertingkatkan apabila guru menawarkan peluang penyertaan secara fizikal semasa pengajaran. Selain itu, gerak isyarat memberikan banyak peluang untuk kerja kumpulan dan pengajaran rakan sebaya di dalam kelas. Di samping itu, kajian itu juga mendedahkan bahawa gerak isyarat boleh digunakan sebagai alat untuk membezakan pelajar dari segi gaya pembelajaran dan kebolehan bahasa. Sebagai kesimpulan, bolehlah dikatakan bahawa penggunaan gerak isyarat seakan meningkatkan penguasaan kosa kata dan menambah motivasi dan penglibatan murid-murid gred dua di sebuah sekolah di Norway.

2.6 Sorotan Kajian tentang Faktor Ekstra Linguistik

Penggunaan SK tidak hanya dibatasi oleh faktor-faktor dalam minda pelajar sahaja bahkan juga dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran (sikap pelajar, motivasi pelajar, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar terhadap BM dan masalah-masalah komunikasi). Beberapa orang tokoh, iaitu Ringbom (1987), Jamali (1988), Bouzidi (1989), Abdul Hamid (1990), Crytal (1992), Ellis (1994), Noor Aina (1998), Saville-Troike (2006), Lennartsson (2008,p.67), Yin (2008), Ortega (2009), Carreira (2011), Rohaida (2012), dan Stegman (2013) telah mengkaji pengaruh faktor ekstra linguistik pelajar B2 terhadap penguasaan bahasa sasaran dan berkait rapat dengan penggunaan SK.

2.6.1 Sikap Terhadap Bahasa Kedua

Kajian yang dilakukan oleh Jamali (1988, p.236), iaitu *Exposure, attitudes, motivation and achievement in Esl among Malay learners: A socio-psycholinguistic study* bertujuan untuk menyelidiki standard kecekapan dan tahap beberapa pemboleh ubah pelajar yang mempengaruhi kompetensi, iaitu pendedahan, sikap dan motivasi dalam kalangan pelajar Melayu yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai B2. Seterusnya, kajian tersebut untuk menyelidiki kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Sampel terdiri daripada 441 murid Tingkatan Empat yang dipilih dari sekolah-sekolah di Selangor, yang telah belajar bahasa Inggeris selama sembilan tahun. Instrumen yang digunakan untuk pengumpulan data ialah ujian prestasi, skala pendedahan, skala sikap dan skala motivasi. Analisis data dilakukan dengan menggunakan prosedur tabulasi silang dan korelasi. Ujian statistik bererti yang digunakan ialah khi kuasa dua. Analisis data kuantitatif menunjukkan bahwa:

- i. Standard kecekapan bahasa Inggeris dalam kalangan murid adalah rendah.
- ii. Murid-murid di sekolah-sekolah bandar menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam bahasa Inggeris daripada murid-murid di sekolah luar bandar.
- iii. Secara umum, murid-murid menerima jumlah pendedahan yang rendah terhadap bahan bertulis, siaran radio dan televisyen dalam bahasa Inggeris, dan bahasa Inggeris secara lisan.
- iv. Sikap mereka terhadap bahasa Inggeris dan penuturnya secara amnya adalah menggalakkan.
- v. Orientasi motivasi mereka untuk belajar dan keamatan motivasi adalah kuat.

Dapatan kajian juga menunjukkan motivasi integratif mereka lebih kuat daripada motivasi instrumental. Analisis korelasi menunjukkan bahawa:

1. Hubungan antara kecekapan dan pendedahan kepada bahan bertulis, siaran radio dan televisyen dalam bahasa Inggeris, dan lisan bahasa Inggeris adalah positif dan signifikan.
2. Hubungan antara kecekapan dan sikap terhadap bahasa Inggeris adalah positif dan ketara. Akan tetapi, hubungan antara kecekapan dan sikap terhadap penutur tidak signifikan.
3. Hubungan antara kecekapan dan motivasi integratif, keinginan untuk belajar dan keamatan motivasi positif adalah ketara. Walau bagaimanapun, hubungan antara kecekapan dan motivasi instrumental tidak signifikan. Secara keseluruhan, keputusan tidak sentiasa memaparkan korelasi yang tinggi. Oleh itu, dalam beberapa kes, mengurangkan kepentingan pemboleh ubah bebas sebagai peramal kecekapan.

Bouzidi (1989, p.239-240) menerusi kajian yang bertajuk *Language attitudes and their implications for education: Morocco as a case study* adalah untuk mengkaji sikap bahasa dalam tiga bidang yang diwakili di Maghribi. Kesan daripada sikap ini ke atas bentuk sosio-psikologi individu, terutama dalam sistem pendidikan diteliti dan penekanan diletakkan pada hubungan antara sikap pelajar dan ibu bapa juga pencapaian dalam pembelajaran B2. Hipotesis penyelidikan yang dikemukakan ialah sikap pelajar B2 yang positif terhadap masyarakat penutur B2 membantu pelajar yang berhasrat untuk menguasai bahasa itu dengan baik. Dengan menggunakan pendekatan sosio-psikologi, penyelidik berusaha untuk menyelidiki pembawaan afektif juga tingkah laku dan kesan yang kedua terhadap mana-mana program perancangan bahasa. Hubungan sikap-tingkah laku juga dikaji melalui pemerhatian, termasuk pemerhatian peserta. Subjek kajian dikelompokkan berdasarkan usia, jantina, bahasa ibunda, status sosial dan wilayah.

Hasil kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan antara sikap kumpulan terhadap bahasa Perancis dan bahasa vernakular. Seterusnya, analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang negatif antara gred dan pemboleh ubah sikap. Hanya hubungan yang lemah didapati antara pemboleh ubah sosio-psikologi dan penguasaan B2. Ciri-ciri sikap dan motivasi yang diperoleh daripada ibu bapa pelajar telah dimasukkan dalam kajian ini dan hubungan yang positif antara kemahiran bahasa pelajar dan sikap bahasa ibu bapa dan motivasi telah diperoleh.

Menurut Abdul Hamid (1990, p.81-96) menyatakan sikap sebagai unsur yang penting dalam mempelajari BM. Kegagalan mereka menguasai BM pada tahap yang tinggi adalah berpunca daripada sikap mereka yang menganggap bahasa tersebut adalah sesuatu yang mudah. Anggapan mereka bahawa BM adalah bahasa ibunda dan berkebolehan untuk bertutur dan menulis dalam bahasa tersebut. Selain itu, pada

persepsi mereka akan mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan. Namun demikian, mereka lupa bahawa BM yang digunakan dalam aktiviti hidup seharian sebenarnya dialek Melayu dan berbeza dengan bahasa Melayu baku.

Crystal (1992, p.112-120) mentafsirkan sikap terhadap bahasa sebagai perasaan seseorang terhadap bahasa sendiri atau bahasa orang lain. Sikap merupakan satu sistem atau binaan yang terhasil daripada respons, afektif, kognitif, dan kehendak tingkah laku. Tingkah laku seseorang itu tidak sama dan bergantung kepada tahap kewajipan dan sikap terhadap bahasa yang dipelajari. Sikap merupakan penentu terhadap perkembangan, kemerosotan, pemuliharaan atau kepupusan sesuatu bahasa. Status dan kepentingan sesuatu bahasa adalah bergantung sejauh mana sikap masyarakat terhadap bahasa tersebut. Sikap seseorang terhadap sesuatu bahasa adalah suatu kecenderungan ke arah yang kekal dan tidak diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain.

Ellis (1994, p.197-201) menyatakan bahawa sikap pelajar dikenal pasti sebagai salah satu set pemboleh ubah pembelajaran B2 yang penting. Sikap dibentuk oleh faktor sosial yang kemudiannya mempengaruhi keputusan pelajar. Terdapat kedua-dua sikap negatif dan positif terhadap B2 yang dipelajari. Sikap positif biasanya dihubungkan dengan penutur bahasa dan budaya yang diwakili oleh penutur. Sikap negatif boleh menghalang pembelajaran B2 kerana tidak berminat atau mempunyai masalah dengan guru. Sikap begini biasanya mempunyai kesan negatif kepada pelajar. Sebaliknya, kadang-kadang sikap negatif mempunyai kesan positif ke atas pembelajaran B2 jika pelajar mempunyai semangat yang kuat untuk mempelajari bahasa. Kadang-kadang pelajar yang bergelut dengan sikap diri ialah pejuang sebenar. Pada akhirnya, mereka bekerja keras kerana mereka mahu gred yang baik. Justeru, mereka mempunyai semangat yang kuat untuk belajar. Tambahan pula, sikap pelajar boleh berubah. Mereka

mungkin mempunyai sikap negatif pada awal pembelajaran bahasa tetapi kemudian menyadari kelebihan mengetahui B2 menyebabkan sikap mereka berubah.

Bagi Micheli (2001, p.125-132) yang mengkaji sikap bahasa bagi generasi muda penduduk Malta menjelaskan bahawa apabila pelajar diminta untuk menunjukkan tingkah laku terhadap bahasa kepercayaan. Kebanyakan pelajar sependapat bahawa konsep kepercayaan mereka adalah hampir sama dengan sikap (kepercayaan adalah elemen kognitif bagi sikap). Pemilihan bahasa dan sikap sebenarnya melambangkan sikap pelajar Malta.

MacIntyre et.al (2002, p.541) mempersoalkan hubungan ini dan menyatakan bahawa motivasi mungkin beroperasi agak bebas daripada pengaruh kesediaan untuk berkomunikasi dalam B2 tetapi tidak mempunyai pengaruh ke atas usaha memulakan komunikasi. Sesetengah pelajar mengalami kebimbangan apabila mereka berkata-kata dalam bahasa asing, bahkan resah memikirkan perlu bercakap dalam bahasa asing. Selain itu, MacIntyre et.al (2002, p.39) menekankan kepentingan kesediaan berkomunikasi dengan menyatakan bahawa kesediaan untuk berkomunikasi adalah satu binaan personaliti yang menggalakkan komunikasi yang meresap ke setiap aspek kehidupan individu dan menyumbang dengan ketara kepada pencapaian sosial, pendidikan, dan organisasinya. Penyelidikan komunikasi ialah satu kesan kebimbangan juga persepsi sendiri bahawa kecekapan komunikasi rendah (MacIntyre et. al 2002, p.540). Persepsi tentang keyakinan diri penting sewaktu menilai kecekapan linguistik sebenar kerana mempunyai keupayaan untuk membatalkan kecekapan sebenar terutama pada permulaan usaha berkomunikasi dan kesediaan untuk berkomunikasi. Sikap positif dijangka meningkatkan pembelajaran kerana pelajar mahu berkomunikasi dengan penutur asli B2 yang dipelajari. Dalam erti kata lain, jika pelajar berminat dengan

negara yang menuturkan sesuatu bahasa, mereka lebih bermotivasi untuk mempelajari bahasa berkenaan (Noels et.al (2003, p.36).

Ortega (2009, p.200-2003) menerangkan kedua-dua gejala kebanyakannya dilihat ada pada pelajar bahasa asing dengan kebimbangan yang tinggi. Berdiam diri ialah ketika diminta mengatakan sesuatu dalam B2 di hadapan kelas dan pengosongan pada jawapan yang betul dalam ujian bahasa walaupun sebelumnya telah belajar bersungguh-sungguh atau mengetahui jawapan. Ini bermakna bahawa pelajar yang mengalami kebimbangan menggunakan bahasa asing memperoleh skor lebih rendah pada mana-mana ujian bahasa asing sama ada peperiksaan lisan atau bertulis. Jika ancaman itu tidak terurus dan kebimbangan meningkat, prestasi pelajar bertukar lemah dalam situasi mereka berasa dinilai dan menjangkakan kegagalan. Selain itu, pelajar bahasa asing yang mengalami kebimbangan didapati lebih lambat belajar B2. Penting untuk mengambil kira kebimbangan belajar bahasa asing sewaktu menganalisis skor ujian bahasa. Kebimbangan untuk bercakap B2 menjejaskan kesediaan untuk berkomunikasi dalam bahasa asing. Keyakinan individu berkomunikasi dalam B2 menyumbang besar kepada kesediaan berkomunikasi dalam B2. Aspek yang juga memainkan peranan adalah persepsi keyakinan diri dan pengalaman kejayaan. Sampel kajian ini ialah murid sekolah rendah yang tidak mempunyai hubungan atau bercakap secara teratur dengan penutur B2. Pelajar yang tidak sering menggunakan B2 lebih cenderung untuk bimbang tentang keyakinan diri kerana tidak mempunyai banyak pengalaman berkaitan B2 masa lalu (yang berjaya atau tidak berjaya) untuk dirujuk. Dalam erti kata lain, bagi murid yang tidak mempunyai hubungan tetap dengan ahli-ahli masyarakat B2, persepsi keyakinan diri memainkan peranan besar dalam kesediaan untuk berkomunikasi.

Salah satu daripada dapatan dalam kajian Rohaida (2012, p.70) berdasarkan faktor ekstra linguistik sikap terhadap bahasa menunjukkan pelajar B2 bersetuju dengan

kenyataan bahawa mempelajari B2 sangat berguna dan menggembirakan walaupun persekitaran mereka tidak ada penutur jati B2. Kajian Silke (2013, p.28) memberi tumpuan kepada motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2 di sekolah rendah Belanda program untuk murid-murid sekolah rendah, diberi nama EIBO (*Engels in het Basisonderwijs/English in primary Education*) untuk murid gred 7 dan 8 berumur 11 tahun-12 tahun. Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan sama ada terdapat hubungan antara motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2 dalam program berkenaan dan perkaitan tahap motivasi dan sikap dengan kemahiran bahasa murid. Murid-murid yang mengambil bahagian dalam kajian ini menjalani ujian kemahiran bahasa dan menjawab soal selidik motivasi dan sikap. Kebanyakan soalan mempunyai tiga pilihan jawapan, iaitu positif, neutral dan negatif. Soalan-soalan adalah tentang kesediaan murid untuk berkomunikasi semasa bermain dengan kanak-kanak lain.

Sikap terhadap bahasa Inggeris amat menarik untuk diambil perhatian. Walaupun murid memperoleh markah yang rendah dalam ujian bahasa, murid masih positif terhadap subjek tersebut. Pelajar hampir sebulat suara bersetuju bahasa Inggeris penting untuk masa depan mereka. Sama ada pelajar diberi pendedahan BI kurang atau lebih masa nampaknya tidak menunjukkan perbezaan. Murid-murid juga diminta menjawab dua soalan mengenai kesediaan mereka untuk menggunakan B2. Menariknya, mereka tidak takut bertutur dan melakukan kesilapan bahasa Inggeris. Murid lebih positif menonton DVD dalam bahasa Inggeris daripada membaca buku dalam bahasa Inggeris Silke (2013, p.33-36).

Ekstra linguistik merujuk sikap pelajar B2 merupakan salah satu aspek yang penting untuk menggalakkan pelajar meningkatkan penguasaan terhadap B2. Dapatan kajian pengkaji-pengkaji bahasa menunjukkan sikap positif terhadap bahasa dan masyarakat

penutur B2 didapati membantu pelajar B2 menguasai bahasa tersebut. Selain itu, sikap positif boleh menurunkan filter pelajar B2 dan membenarkan kemasukan lebih banyak input B2. Pelajar B2 yang lebih banyak menerima input B2 akan mengurangkan kesilapan ketika bertutur dalam bahasa sasaran tersebut.

2.6.2 Motivasi Terhadap Bahasa Kedua

Beberapa orang tokoh mendefinisikan motivasi mengikut pemikiran masing-masing. Kleinginna & Kleinginna (1981, p.107-121) mengatakan motivasi sebagai suatu keadaan atau syarat yang menggerakkan kelakuan dan memberi arah tujuan atau keinginan yang menggerakkan kelakuan untuk mencapai matlamat. Selain itu, motivasi juga merupakan pengaruh keperluan dan keinginan terhadap kekuatan serta hala tuju kelakuan. Definisi beliau hampir sama dengan definisi Franken (1994, p.75-84) yang menyatakan motivasi merupakan kewujudan hala tuju dan penerusan sesuatu kelakuan seseorang.

Deci & Ryan (1985, p.19-31) mengatakan manusia bermotivasi intrinsik apabila mempunyai persepsi diri berkebolehan dan boleh membuat keputusan sendiri. Tingkah laku mereka dikawal dari dalam diri dan tiada unsur luaran. Selain itu, mereka juga boleh menentukan matlamat sendiri. Ainol & Isarji (2009) dalam kajian Rohaidah (2012, p.54-55) membuat kajian tentang motivasi pelajar Universiti Kebangsaan Melayu dan Universiti Teknologi MARA yang belajar B2 telah menemui dua dapatan menarik. Pertama, para pelajar sangat bermotivasi untuk mempelajari B2 atas sebab-sebab ekstrinsik dan intrinsik. Mereka belajar B2 atas sebab-sebab ekstrinsik seperti berjaya dalam kerjaya, menjadikan mereka lebih berpengetahuan dan memenuhi keperluan untuk bergraduat. Seterusnya, berkaitan populariti B2 dalam kalangan pelajar. Contohnya, mereka berupaya menguasai bahasa Mandarin adalah satu nilai tambah apabila berurusan dengan ahli perniagaan yang menggunakan bahasa Mandarin

sebagai bahasa pertuturan. Begitu juga dengan bahasa Arab. Mereka boleh memahami bahasa Al-Quran.

Ellis (1997, p.76) menyatakan bahawa motivasi bukan sesuatu yang dimiliki atau tidak dimiliki oleh seseorang pelajar tetapi sesuatu yang berbeza dari satu masa ke satu masa yang lain dan bergantung pada konteks pembelajaran atau tugas. Jenis-jenis motivasi yang disebutkan di atas harus dilihat sebagai pelengkap antara satu sama lain dan bukannya bertentangan kerana ada kala pelajar mempunyai motivasi integratif dan instrumental pada masa yang sama.

Mengikut dapatan Dunn (2000, p.67) stail pembelajaran bagi pelajar yang berbakat, mereka lebih suka suasana pembelajaran yang senyap dan susunan kerusi meja yang formal semasa proses pembelajaran. Elemen emosi mereka lebih menunjukkan bahawa mereka mempunyai motivasi sendiri, kecekalan yang tinggi, bertanggungjawab, berstruktur diri dan boleh belajar dengan pelbagai cara. Bagi rangsangan sosiologi pula, pelajar tersebut suka belajar bersendirian atau bersama rakan-rakan. Selain itu, pelajar tersebut boleh berfikir secara global atau analitik dan berupaya menggunakan elemen kedua-dua hemisfera otak mereka.

Motivasi adalah salah satu komponen utama untuk seseorang itu berjaya dalam persekolahan. Guru berpeluang untuk memotivasikan para pelajar untuk mempelajari B2 secara formal di sekolah terutamanya dari segi menguasai kemahiran struktur B2 selain mendedahkan kepelbagaian budaya sesuatu bangsa (Sunnarborg 2002, p.70).

Muriel (2006, p.85-87) menyatakan bahawa motivasi individu adalah satu lagi faktor yang digunakan untuk menjelaskan mengapa beberapa pelajar B2 lebih berjaya daripada yang lain. Tahap usaha pelajar dalam pelbagai peringkat dalam pembelajaran B2 bergantung kepada motivasi untuk belajar. Pelajar yang lebih bermotivasi, semakin mudah belajar bahasa baharu. Motivasi ialah salah satu kunci ke tahap mutlak

kecekapan B2. Muriel menyatakan ada dua jenis motivasi. Satu daripadanya ialah motivasi integratif, yang berdasarkan kepentingan seseorang pelajar itu, iaitu sejauh mana pelajar berminat dalam negara atau budaya yang diwakili oleh kumpulan bahasa sasaran. Pelajar yang berminat untuk mempelajari B2 kerana mempunyai keinginan untuk menggunakan bahasa yang dipelajari demi kerjaya atau perniagaan ialah motivasi integratif. Kuasa potensi motivasi dapat dilihat dalam kes pelajar lebih tua yang boleh mengatasi rintangan sebutan seperti penutur natif dalam situasi cukup penting untuk bertutur menggunakan bunyi asli.

Seorang lagi pelajar menjawab pelajar tertarik dan seronok belajar bahasa baru kerana merupakan cara yang baik untuk mengetahui budaya dan orang lain. Pelajar yang lain berkata motivasi timbul jika ada guru yang dedikasi (Lennartsson, 2008, p.16). Kumpulan itu terdiri daripada 20 pelajar, penutur asli bahasa Inggeris dan pelajar dari negara-negara lain yang sama-sama belajar bahasa Sweden. Para pelajar berbeza umur dan bercakap bahasa ibunda yang berbeza. Kumpulan pelajar berkenaan mula mengambil kelas bahasa Sweden pada bulan Januari 2008, setiap Jumaat antara dua hingga enam jam. Guna soal selidik dan temu bual. Soal selidik terdiri daripada 11 soalan jenis terbuka untuk mendapatkan maklumat lebih peribadi daripada responden. Soal selidik yang telah diedarkan di tulis dalam bahasa Sweden. Seorang pelajar berkata pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa asing. Belajar bahasa baharu nyata menarik kerana orang lebih mesra apabila mendekati penutur natif menggunakan bahasa mereka sendiri. Dalam temu bual, penyelidik juga bertanya sama ada pelajar telah mempunyai sebarang sikap negatif terhadap pembelajaran B2. Seorang pelajar berkata, Pada mulanya pelajar menyangka tidak akan dapat berkata-kata dalam bahasa Sweden. Pelajar lain berasa bahawa dia telah kehilangan motivasi untuk mempelajari bahasa asing kerana perlu menyempurnakan beberapa tugasan.

Yin (2008, p.215) menerusi kajiannya adalah untuk meneroka hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa, sikap, motivasi, kepercayaan tentang pembelajaran bahasa, dan kemahiran bahasa Inggeris untuk 1201 pelajar universiti di China. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa dua sumber pengaruh yang paling berkuasa berhubung dengan penggunaan strategi pembelajaran bahasa pelajar, iaitu percaya pada keupayaan dan orientasi motivasi, khususnya orientasi ke arah persaingan dan kecekapan akademik sendiri.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa pelbagai isu kontekstual, seperti kurikulum bahasa Inggeris, ujian bahasa Inggeris yang seragam pada peringkat kebangsaan, status bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, pengajaran bahasa bilik darjah, dan pengaruh rakan sebaya didapati berperanan menjejaskan penggunaan strategi. Keputusan kajian ini mengatakan keperluan mengintegrasikan strategi pengajaran pedagogi bahasa yang jelas di China dan menangani aspek motivasi pembelajaran bahasa untuk tujuan penglibatan pelajar dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

Seorang pelajar mengaku mempunyai banyak sikap negatif untuk belajar B2. Sewaktu berada di gred 7, 8 dan 9 pelajar tersebut mempunyai guru yang paling dahsyat. Guru tidak merancang apa-apa dan pelajar tidak mempunyai pelajaran yang tersusun. Guru tidak memberi motivasi untuk datang ke kelas bahasa. Menurut kajian sebelumnya, umur seolah-olah menjadi satu faktor dalam mempengaruhi tahap motivasi pelajar. Satu kajian oleh Carreira (2011, p.99) menunjukkan bahawa umur memberi kesan kepada tahap motivasi 12 pelajar. Kajian bertujuan untuk menjawab soalan sama ada pelajar sekolah rendah di Jepun mengalami perubahan dalam tahap motivasi ketika belajar bahasa Inggeris sebagai B2. Apa yang mereka dapati adalah bahawa murid-murid sekolah rendah melalui satu penurunan motivasi. Keadaan ini membawa kepada kesimpulan bahawa pengenalan bahasa Inggeris pada peringkat

sekolah rendah menghadapi risiko penurunan motivasi untuk pembelajaran bahasa Inggeris secara formal di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, penurunan motivasi ini tidak hanya diukur bagi belajar bahasa Inggeris sebagai B2 tetapi juga dalam pembelajaran secara umum. Carreira (2011, p.97) menawarkan penjelasan yang berbeza untuk fenomena ini, salah satunya adalah bahawa murid-murid mungkin tidak berasa selesa menunjukkan keseronokan belajar kepada rakan-rakan mereka dan oleh itu motivasi intrinsik menurun. Satu lagi penjelasan ialah pelajar tidak digalakkan mengembangkan B2 mereka kerana hanya mempunyai satu kelas Bahasa Inggeris setiap minggu, yang bermaksud bahawa mereka mungkin kekurangan motivasi penguasaan B2.

Apabila membincangkan tentang emosi dalam sesuatu kajian, maka perkaitannya dengan motivasi adalah sesuatu tidak dapat dipisahkan. Rohaidah (2012, p.60) menyatakan bahawa emosi manusia mengandungi keinginan untuk bertindak dengan cara yang bersesuaian. Oleh itu, keinginan untuk bertindak boleh memacu kelancaran fungsi sosial termasuklah berinteraksi dalam B2. Seseorang mempunyai emosi malu yang tinggi untuk bertutur dalam B2 jika mengetahui dirinya mengalami kekurangan penguasaan bahasa tersebut, maka timbul keinginan untuk menarik diri untuk tidak bertutur. Oleh itu, seseorang itu perlu belajar bertutur dalam B2 dan bersedia melakukan kesilapan.

Pembelajaran B2 dalam kalangan B2 mempunyai tujuan tertentu seperti pekerjaan atau kerjaya, peperiksaan, ujian atau ingin menyertai masyarakat penutur bahasa tersebut. Oleh itu, kebanyakan mereka mempunyai motivasi instrumental berbanding motivasi integratif. Walau bagaimanapun, kedua-dua motivasi tersebut penting bagi pelajar B2 untuk mewujudkan keseronokan dalam sanubari untuk mempelajari B2 dan secara tidak langsung boleh mengurangkan penggunaan SK (SKBL dan SKBBL).

2.6.3 Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Cina Terhadap

Bahasa Melayu

Teori bawaan (*innatist*), terutama yang dibawa oleh Krashen (1981) mengandaikan bahawa kejayaan dalam proses pemerolehan bahasa memerlukan input mudah difahami, iaitu input sedikit di luar tahap kefahaman pelajar. Input bahasa hendaklah bermakna dan menarik untuk kanak-kanak dan tidak semestinya perlu tatabahasa yang disusun. Hal ini bermakna bahawa kanak-kanak apabila kanak-kanak terdedah kepada struktur tatabahasa hanya berlaku pada peringkat akhir, misalnya ayat kala lampau. Jika keadaan memerlukan ayat digunakan dengan cara yang sama seperti yang digunakan dalam konteks semula jadi. Sudah tentu terdapat keadaan bahawa pelajar sepatutnya boleh memahami atau meneka apa yang sedang berlaku daripada konteks atau interaksi tersebut. Pandangan ini dipersetujui oleh ahli-ahli teori interaksi. Mereka menghargai input yang mudah difahami, yang harus ditunjukkan kepada pelajar melalui pengubahsuaian interaksi. Input tidak perlu melibatkan pengubahsuaian linguistik tetapi boleh bergantung kepada pengulangan, kelajuan pertuturan yang lebih perlahan, penggunaan gerak isyarat atau isyarat konteks lain. Bagi melaraskan persekitaran sekolah dan mendapat manfaat yang maksimum daripada keluwesan otak kanak-kanak memperoleh bahasa pada usia awal, guru perlu mempertimbangkan kualiti input yang diberi dengan berhati-hati.

Menurut McLaughlin (1987, p.51-57) kebanyakan B2 dipelajari secara formal. Pembelajaran B2 mula dikuasai setelah penguasaan bahasa pertama yang diperolehi sejak kecil melalui proses pemerolehan bahasa. Oleh itu, faktor pengaruh bahasa ibunda akan berlaku terhadap B2. Pengaruh luaran terhadap penggunaan SK sentiasa berlaku dan sejauh mana adalah bergantung kepada pendedahan pelajar B2 terhadap unsur-unsur tersebut. Banyak kajian lalu yang membincangkan faktor ekstra linguistik dan hubungannya dengan B2.

Menurut Noor Aina (1998, p.135-138) mendapati bahawa faktor sikap berkait rapat dengan penerimaan peribadi pelajar terhadap BM dan jenis motivasi. Sikap pelajar terbahagi kepada tiga kategori, iaitu cenderung, sederhana, dan tidak cenderung. Cerapan ke atas 109 responden mendapati 102 orang bersikap tidak cenderung, lima orang (sederhana), dan dua orang (cenderung). Dapatan kajian beliau mendapati pendedahan bahasa daripada bahan-bahan bercetak seperti majalah hiburan berbahasa Melayu mempengaruhi sikap responden terhadap bahasa walaupun struktur bahasanya tidak gramatis.

Dapatan seterusnya menunjukkan bahawa responden kurang pendedahan BM melalui media elektronik. Menurut Noor Aina (1998, p.125-133) lebih ramai responden mempunyai kontrak dengan rancangan berbahasa Melayu di radio berbanding televisyen. Masa mendengar radio lebih kurang setengah jam hingga dua jam. Keterbatasan pendedahan BM juga berlaku menerusi interaksi lisan. Kebanyakan responden mengutamakan bahasa ibunda dalam pertuturan kehidupan seharian, iaitu BM dialek Sabah. Namun begitu, BM baku digunakan dalam situasi formal atau ketika responden berkomunikasi dengan orang daripada bangsa lain. Seramai 102 subjek mempunyai sikap tidak cenderung menggunakan bahasa ibunda kerana merasakan bahasa baharu tidak akan mengancam kedudukan bahasa ibunda, malah menambah kemahiran dan pengalaman sedia ada atau dikatakan dwibahasa aditif.

Swan (2008, p.156) mempertimbangkan cara bahasa ibunda boleh membantu atau menggagalkan usaha seseorang yang sedang belajar atau menggunakan perbendaharaan kata B2. Menurutnya, perkara tersebut berlaku kerana tiga sebab, iaitu:

- i. Apabila pelajar memperoleh perbendaharaan kata baharu,
- ii. Apabila pelajar cuba untuk mengingati dan menggunakan perbendaharaan kata yang telah dipelajari.
- iii. Apabila pelajar cuba untuk menghasilkan perkataan atau ungkapan yang belum dipelajari sebagai satu unit.

Guru bahasa telah sentiasa mengatakan bahawa bahasa ibunda mempunyai pengaruh yang kuat pada cara B2 dipelajari dan digunakan. Pemerolehan B2 tidak boleh dibandingkan dengan B1 kerana kanak-kanak tidak mengalami pemindahan atau gangguan daripada B1. Setiap guru bahasa ibunda dikatakan telah melatih penutur untuk memberi perhatian kepada pelbagai jenis peristiwa dan pengalaman apabila bercakap. Jenis latihan sedemikian dijalankan pada zaman kanak-kanak dan sangat kalis penyusunan semula pemerolehan bahasa dewasa (Perdue, 1993, p.245). Kesilapan pelajar tergolong ke dalam dua kategori, iaitu kekeliruan yang disebabkan oleh gangguan atau pemindahan daripada bahasa ibunda dan kerumitan dalam B2 itu sendiri. Kesukaran intrinsik dan pengaruh silang bahasa bukan sumber kesilapan pilihan.

Bilangan guru yang menggunakan bercerita pula adalah terlalu rendah. Masih wujud kepercayaan kuat behavioris bahawa pelajar belajar apa yang mereka dengar dan diulang. Hal ini menyebabkan kebanyakan guru mengatakan ayat diasingkan dan meminta kanak-kanak mengulangi ayat selepas mereka. Ramai guru mengakui bahawa mereka tidak menggunakan cerita kerana mereka berfikir terlalu banyak perkataan baharu dan kanak-kanak perlu belajar kata-kata tersebut sebelum mereka mendengar cerita. Mereka juga memberi perhatian teliti kepada ketepatan walaupun ini adalah khas untuk pengajaran terancang yang jarang berlaku dalam persekitaran semula jadi.

Namun demikian bagi Rohaidah (2012, p.52) menerusi kajiannya berkaitan hubungan faktor ekstra linguistik B2 dengan pencapaian BM bagi pelajar di sekolah berasrama penuh, di negeri Sembilan mendapati keputusan BM dalam SPM sekolah terlibat tidak terjejas walaupun sekolah tersebut menawarkan B2 (bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Jerman dan bahasa Mandarin dan bahasa Arab). Walau bagaimanapun, kajian beliau lebih kepada hubungan ekstra linguistik terhadap pencapaian akademik dan bukannya penguasaan pertuturan B2.

Pelajar B2 perlu didedahkan dengan input B2 melalui pengubahsuaian interaksi seperti pengulangan, memperlahankan kelajuan pertuturan, penggunaan gerak isyarat dan meningkatkan latihan mendengar input B2. Ibu bapa perlu memainkan peranan dengan mendedahkan anak-anak dengan persekitaran BM. Mereka perlu membiasakan diri dengan bertutur dengan lebih kerap dalam BM. Selain itu, minat anak-anak boleh disuntik dengan menggalakkan mereka membaca bahan bacaan (majalah, buku cerita, komik, surat khabar) yang menggunakan BM. Selain itu, anak-anak suka pada sesuatu yang menyeronokkan seperti hiburan atau permainan. Oleh itu, mereka akan mempelajari BM dengan tidak memberi tekanan perasaan.

2.6.4 Masalah-masalah Komunikasi dalam Bahasa Kedua

Jarak bahasa mempunyai kesan ke atas jumlah pemindahan yang terjadi antara bahasa dan sejauh mana pemindahan boleh menyokong atau menghalang pembelajaran. Bahasa yang berkaitan sering berkongsi banyak perbendaharaan kata kognat, perbendaharaan kata bukan kognat dan terjemahan cenderung untuk menjadi setara. Ini memberikan satu kelebihan kepada pelajar. Bahasa yang kurang asas persamaan, bentuk perkataan agak berbeza, dan lebih banyak maklumat mengenai makna kata dan penggunaan perlu dikuasai oleh pelajar dari awal.

Pemindahan daripada bahasa ketiga banyak bergantung kepada jarak bahasa (Ringbom 1987, p.113-114). Perbezaan struktur fonologi juga mempunyai kesan ke atas pembelajaran perbendaharaan kata. Kata-kata asing yang lebih atau kurang menepati pola fonetik dan ortografi bahasa ibunda adalah yang paling mudah disimilasi. Jarak budaya dan bahasa yang banyak boleh menjejaskan kemudahan atau kesukaran pembelajaran bahasa.

Biasanya, jenis kesilapan dan jarak bahasa adalah berbeza. Jika bahasa pertama dan kedua berkait rapat maka kesilapan akibat daripada kesukaran intrinsik yang perlu dipelajari adalah sedikit. Keadaan tersebut berlaku kerana bahasa ibunda dapat membantu dalam banyak aspek B2 dan pada masa yang sama lebih banyak lagi aspek yang boleh dipindahkan. Banyak ruang untuk jenis kesilapan gangguan yang timbul apabila item dalam dua bahasa adalah sama tetapi tidak serupa pada bentuk atau kegunaan. Sebaliknya, bagi bahasa yang tidak berkaitan, banyak kesilapan akan timbul disebabkan oleh kesukaran intrinsik item B2.

Kanak-kanak seolah-olah mempunyai strategi terbina untuk kategori yang sesuai dengan kata-kata. Mereka menerima begitu saja bahawa jika kata nama merujuk kepada objek, maka akan merangkumi semua objek (Clark, 1993, p.49-66). Walau bagaimanapun, proses ini melibatkan cuba jaya, dan kanak-kanak biasanya melakukan generalisasi terlampau. Pelajar B2 juga menghadapi masalah untuk mewujudkan lingkungan rujukan perkataan-perkataan baharu dan ungkapan yang ditemui. Pendedahan diperlukan sebelum mereka mempunyai pengalaman yang cukup untuk menggunakan perkataan dengan cara yang betul.

Bahasa ibunda boleh mempengaruhi cara perbendaharaan kata B2 dipelajari, cara perkataan diingat semula, dan cara pelajar mengimbangi kekurangan pengetahuan B2 dengan cuba untuk membina item leksikal yang kompleks. Pemetaan perbendaharaan

kata B2 ke bahasa ibunda merupakan satu strategi pembelajaran asas yang sangat diperlukan, tetapi tidak dapat tidak membawa kepada kesilapan. Berapa banyak bahasa ibunda dapat membantu dan berapa banyak yang menghalang pembelajaran bergantung pada jarak bahasa dan pemindahan bahasa. Mengingat semula dan penggunaan bahan pembelajaran, termasuk leksikal bahasa ibunda boleh diganggu oleh pengetahuan bahasa lain. Pada masa kini, hanya sedikit yang diketahui mengenai mekanisme storan dan pengambilan bahasa yang terlibat.

Strategi pampasan yang melibatkan kesetaraan terjemahan boleh berjaya apabila kaedah morfologi generatif atau lain-lain terlibat. Walau bagaimanapun, bahasa ibunda biasanya hanya sedikit membantu merumuskan item yang berkaitan perkataan yang pelbagai. Pengajaran yang sesuai boleh membantu pelajar untuk membina jangkaan kesetaraan bahasa yang realistik, strategi penggantian yang sesuai dan memahami bentuk kesilapan.

Belajar bahasa asing adalah satu proses yang kompleks, yang tidak semestinya berkaitan dengan bilik darjah dan guru. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pemerolehan B2. Faktor dalaman termasuk kesediaan minda, kecekapan dan keupayaan untuk mengendalikan proses komunikasi. Faktor luaran seperti dalam keadaan yang bagaimana pelajar beroperasi termasuk masa dan kekerapan yang ada bagi pendedahan kepada bahasa sasaran dan kualiti sampel bahasa sasaran yang didedahkan kepada pelajar atau input.

Input yang diterima pelajar dalam proses pembelajaran memainkan peranan yang amat penting dalam pemerolehan bahasa. Pelajar perlu diberi peluang untuk memahami apa yang mereka dengar atau melihat, memerhati konteks bahasa yang digunakan, berinteraksi dan dapat mengimbangi kekurangan input. Kepentingan input telah disarankan oleh pelbagai teori pembelajaran. Pada penggal kedua abad ke-20, ahli

psikologi, biologi, dan bahasa mencadangkan bahawa proses pemerolehan (diwakili oleh peranti pemerolehan bahasa) dengan cara yang sama seperti mana-mana fungsi biologi lain, hanya berhasil apabila dirangsang pada masa yang tepat, iaitu masa yang mereka dipanggil, Tempoh Kritikal (Lightbown & Spada 2006, p.19). Mereka menyokong hipotesis Tempoh Kritikal berdasarkan beberapa kajian, antaranya kes Victor dan Genie, walaupun kedua-duanya kajian pemerolehan bahasa pertama.

Foster-Cohen (1999, p.116) menyatakan bahawa kanak-kanak secara amnya bertindak balas dengan lemah kepada pembedaan secara langsung, kecuali pada bentuk morfologi yang mudah. Walaupun begitu, pembedaan jarang membawa kepada pemerolehan bahasa serta-merta. Satu lagi jenis input seolah-olah masih kurang dalam bilik darjah. Reaksi tulen guru kepada apa yang berlaku di dalam kelas. Walaupun input jenis ini tidak semestinya memajukan struktur bahasa sebagaimana yang dinyatakan Foster-Cohen (1999, p.98) tetapi menjadi aktif sebagai komunikator membina kemahiran fungsian (pragmatik) bentuk mesej, dan melatih kefasihan. Kanak-kanak memerhati tingkah laku orang dewasa dan meniru reaksi, ujaran-ujaran yang dituturkan tanpa digesa berbuat demikian.

Hasil kajian Lin Wei (2011, p.24) mendapati bahawa pelajar B2 mempunyai sikap negatif terhadap strategi pengurangan. Pelajar dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris yang lebih tinggi menetapkan matlamat kecekapan komunikatif yang lebih tinggi. Kebanyakan mereka cuba yang terbaik untuk menangani masalah dalam komunikasi dan mencapai matlamat komunikatif yang diharap dapat meningkatkan pemerolehan B2. Sewajarnya, kebanyakan mereka tidak mempunyai sikap yang positif terhadap strategi pengurangan. Selain itu, pelajar dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris yang lebih rendah mempunyai sumber bahasa Inggeris yang terhad. Mereka lebih banyak mengurangkan matlamat komunikasi untuk mengelakkan masalah komunikasi.

Kebanyakan daripada mereka sedar bahawa penggunaan strategi pengurangan menghalang perkembangan pemerolehan B2 mereka.

Dalam suasana semula jadi, pelajar terdedah kepada pelbagai contoh bahasa. Mereka sendiri tidak semestinya perlu menyumbang. Fasa pasif yang mana kanak-kanak itu memproses bahasa, bertindak balas atau tidak bertindak balas, memerhati mesej linguistik atau ekstra linguistik yang mendatang, bertahan lebih lama dalam persekitaran semula jadi daripada dalam pengajaran formal. Namun, tidak semestinya guru harus berhenti pada makna tersirat proses ini. Jika kanak-kanak berpeluang disemai dengan bahasa sasaran dan bagaimana untuk bertindak balas kepada bahasa sasaran, maka guru perlu mensimulasikan keadaan semula jadi untuk pemerolehan bahasa (Straková, 2013, p.121).

Ibu bapa jarang mengulas kesilapan bahasa kanak-kanak. Bahkan beberapa kesalahan dihargai dan direkodkan oleh ibu bapa. Pendedahan yang kerap membolehkan kanak-kanak menyedari penggunaan kata yang betul sesuai dengan struktur. Jika hal sedemikian tidak berlaku dalam bilik darjah, guru perlu menampung kekurangan itu. Apabila guru menyedari kesilapan itu, adalah lebih berkesan untuk memberikan pelbagai contoh bahasa yang mengandungi butiran yang bermasalah, bukan menawarkan versi yang betul.

Menurut Straková (2013, p.123), jika guru menggunakan bahasa sasaran untuk menyatakan persetujuan, perselisihan pendapat, kehairanan, permintaan dan sebagainya, ada kemungkinan besar bahawa kanak-kanak melakukan perkara yang sama. Penting untuk memberi tumpuan input pada situasi serta-merta kerana kanak-kanak beroperasi atas "di sini dan sekarang" pada tahun-tahun awal kehidupan. Oleh itu, lebih mudah bagi mereka untuk membaca konteks.

Berdasarkan sorotan kajian, pengkaji mendapati masalah-masalah komunikasi pelajar B2 ialah ibu bapa dan guru-guru kurang menangani kesilapan bahasa kanak-kanak, pelajar lebih banyak mengurangkan matlamat komunikasi untuk mengelakkan masalah komunikasi, gangguan bahasa ibunda terhadap B2, jarak B1 dan B2 dan perbezaan struktur ayat dan pola fonetik kedua-dua bahasa. Kebanyakan masalah komunikasi pelajar B2 tersebut boleh mempengaruhi jenis dan kekerapan SK yang akan dihuraikan dalam Bab 4 kajian ini.

2.7 Analisis Sorotan Kajian

Berdasarkan dapatan sorotan kajian lalu, SK telah memainkan peranan penting dalam proses penghantaran dan penerimaan maklumat secara lisan apabila menggunakan perantaraan B2. Namun demikian, dapatan lalu kurang menekankan aspek SKBBL, walhal penggunaannya ketika seseorang itu bertutur adalah saling berkaitan dengan SKBL.

SKBBL yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah pergerakan anggota badan seperti jari, mata, kepala, atau lebih dikenali sebagai bahasa badan (*body language*). Adalah wajar dan tepat pada masanya peranan kedua-dua strategi tersebut diberi perhatian serius untuk dikaji sepenuhnya bagi mewujudkan satu sistem SK yang tersusun, bersistematik, dan efektif untuk dimanfaatkan kepada pelajar-pelajar asing, khususnya pelajar Cina dan pelajar B2 yang lain. Oleh itu, pengkaji mendapati amat kurang kajian peringkat doktor falsafah dilakukan berkaitan penggunaan SK dalam kalangan pelajar Cina semasa bertutur dalam BM di SRJK(C). Objektif utama kajian adalah untuk mencari apakah jenis-jenis SK yang digunakan oleh pelajar Cina ketika berkomunikasi secara lisan dengan rakan-rakan dan guru-guru menggunakan bahasa sasaran di sekolah dan faktor-faktor ekstra linguistik yang mempengaruhi penggunaan SK mereka.

2.8 Rumusan Sorotan Kajian

Sumber kajian kepustakaan diperolehi daripada pembacaan tesis, jurnal, majalah, internet, berkaitan SK, komunikasi bukan lisan, teori pembelajaran B2 dan faktor-faktor ekstra linguistik (sikap pelajar terhadap BM, motivasi pelajar terhadap BM, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar terhadap BM). Rumusan semua sorotan tersebut lebih mengutamakan kebaikan penggunaan SK mengikut jenis-jenisnya dalam komunikasi bahasa lisan dan bukan bahasa lisan. Sorotan kajian yang telah dibaca oleh pengkaji tentunya akan membantu meningkatkan keberkesanan dan seterusnya menentukan hala tuju kajian sehingga memperolehi dapatan sebenar.

2.8.1 Rumusan Teori Pembelajaran Bahasa Kedua (B2)

Perkembangan pembelajaran B2 dalam kalangan pelajar bukan natif telah banyak dikaji dilakukan oleh para sarjana barat dan tempatan. Fenomena tersebut telah membawa kepada penghasilan banyak teori B2 seperti teori monitor yang masih digunakan dalam penyelidikan pendidikan hingga kini khususnya dalam SK.

Jadual 2.2: Rumusan teori pembelajaran bahasa kedua (B2)

Bil.	Tajuk	Keterangan
1.	<i>Newmark's "Ignorance Hypothesis" and Current Second Language Acquisition Theory.</i> Krashen, S.D. (1981, p.3)	- Seseorang pelajar B2 boleh menggunakan monitornya dengan berkesan sekiranya masa yang diberikan mencukupi, sistem tatabahasa B2 tepat, dan memahami peraturan-peraturan B2.
2.	<i>Foreign and Second Language Learning</i> Littlewood, W. T. (1984, p.77)	- Sistem B2 yang dipelajari oleh pelajar B2 berfungsi sebagai monitor dan keupayaannya bergantung pada umur dan tahap perkembangan kognitifnya.
3.	<i>Understanding Second Language Acquisition.</i> Ellis, R. (1985, p.262)	- Monitor memainkan peranannya sebagai alat penyunting bahasa yang diungkapkan oleh penutur B2.

Jadual 2.2, sambungan

Bil.	Tajuk	Keterangan
4.	Pengantar Psikolinguistik Noor Aina Dani (2007, p. 64)	- Penyusun berfungsi membina sistem peraturan bahasa yang baharu secara perlahan untuk menerbitkan ayat yang tidak dipelajari melalui hafalan. Tindakannya berlaku secara bawah sedar. Monitor pula berperanan memproses input-input B2 secara sedar. Sebaik sahaja pelajar melihat gambar maka dia pun mengujarkan ayat secara spontan. Dalam keadaan demikian, pelajar tersebut telah menggunakan monitor sepenuhnya.
5.	<i>Second Language Acquisition</i> Klein, W (1986, p.28)	- Monitor merupakan usaha-usaha penutur B2 untuk menguasai output bahasa tersebut dan membuat pembetulan sendiri apabila timbul sesuatu keadaan yang memerlukannya.

Berdasarkan jadual 2.2, para pengkaji lebih banyak menumpukan peranan yang dimainkan oleh monitor dalam teori pembelajaran B2. Dapatan kajian mereka menunjukkan monitor merupakan bahagian dalaman yang penting. Selain daripada berfungsi secara sedar, monitor juga menyunting bahasa yang diungkapkan oleh pelajar B2. Tahap keupayaan monitor seseorang pelajar B2 untuk beroperasi bergantung pada umur, masa yang mencukupi untuk memberi respon, mengetahui sistem tatabahasa dan peraturan-peraturan B2 terlebih dahulu serta tahap perkembangan kognitifnya. Dalam konteks kajian ini, pelajar Cina mempunyai tahap monitor tinggi, monitor sederhana, dan monitor rendah. Perbezaan tahap monitor akan mempengaruhi penggunaan jenis dan kekerapan SK yang dibincangkan dengan mendalam menerusi Bab 4.

2.8.2 Rumusan Strategi Komunikasi (SK)

Jadual 2.3: Rumusan strategi komunikasi (SK)

Bil.	Tajuk	Keterangan
1.	<i>Conscious communication strategies in interlanguage: a progress report</i> in H. Brown, C. Yorio, and R. Crymes (eds). <i>On TESOL 77</i> . Washington D.C.: TESOL. Tarone, T (1977, p.104-123)	- Hasil kajian mendapati pengujaran lisan melalui teknik bercerita oleh pelajar yang mahir dalam B2 banyak menggunakan strategi parafrasa dan pelajar kurang cekap pula lebih banyak menggunakan strategi pengelakan.
2.	<i>Strategies of Target Language Learner Communication</i> . (Varadi, T. 1983, p.59-72)	- Pelajar bahasa cuba mengurangkan mesej pada tahap formal dan fungsional untuk menyesuaikan mesej dengan sumber komunikasi dengan menggunakan tiga strategi utama (generalisasi, aproksimasi, dan sirkumlokusi).
3.	<i>Strategic Competence and Language Proficiency</i> . Paribakht, T. (1985, p.132-146)	- Secara perbandingan dua kumpulan pelajar asing (penutur natif dan pelajar Iran) yang mempelajari B2 menggunakan SK yang mempunyai hubungan langsung dengan penguasaan kemahiran bahasa yang dipelajari.
4.	<i>Understanding Second Language Acquisition</i> . Ellis, R (1985, p.112)	- Dapatan mendapati pelajar berbahasa ibunda banyak berkomunikasi dengan memberi banyak maklumat, jelas serta tidak menggunakan pengelakan atau parafrasa, manakala pelajar yang menggunakan B2 kurang bercerita dan maklumat yang disampaikan tentang gambar tidak jelas.
5.	Strategi Komunikasi Pelajar Iban Ketika Berkomunikasi dalam Bahasa Melayu. Noriah Mohamad (1987, p.237-254).	- Pelajar Iban lebih banyak menggunakan strategi pemindahan dari aspek fonologi dan leksikal berasaskan kedua-dua bahasa (bahasa ibunda dan BM).
6.	<i>Communicative Interaction. CILT</i> . Johnstone, R. (1989, p.71)	- Kaedah pembelajaran bahasa B2 yang terbaik ialah melalui proses interaksi. Penggunaan strategi pencapaian membolehkan pelajar menggunakan sumber bahasa mereka sendiri untuk menyampaikan maksud sama ada apa yang mereka sampaikan itu secara tatabahasa atau sosial.

Jadual 2.3, sambungan

Bil.	Tajuk	Keterangan
7.	Rohani Ibrahim (1990) <i>How do they communicate? A Comparative Study of the Communication Strategies in English of some Malaysian and British University Undergraduates</i> . Tesis PhD. UK: University of London.	- Pelajar bahasa melalui tempoh eksploitasi maksimum BA (<i>Interlanguage</i>) yang memuncak dan kemudian menurun apabila pelajar itu lebih mahir dalam bahasa Inggeris.
8.	Peter Stuart Green (1995) <i>The Use of Communication Strategies By German School Learners of English</i> . Tesis PhD. United Kingdom: University of York.	- Pelajar akan menggunakan SK yang berkesan dan berkaitan dengan kecekapan mereka dalam bahasa sasaran berdasarkan kekerapan dan pembahagian, dengan strategi B1 akan berkurangan apabila kemahiran mereka meningkat.
9.	Stephanie Burdine (2002) <i>Means to an end: Communication strategies in French immersion</i> . Tesis PhD. United Kingdom: York University.	- Penggunaan SK pelajar berkait rapat dengan ekstra linguistik (jumlah SK, jumlah masa kokurikulum, lawatan persekitaran berbahasa Perancis atau pendedahan media massa).
10.	Strategi Komunikasi dalam Pembelajaran Bahasa Jerman : Satu Kajian Kes. Robe'ah Yusuf (2005, p.140-150)	- Penggunaan SK bukan linguistik lebih banyak membantu pelajar Melayu bertutur dalam bahasa Jerman. Subjek kerap menggunakan penukaran kod supaya mesej dapat difahami oleh interlokutor. Pelajar yang mempunyai asas bahasa Jerman lebih banyak mencipta perkataan baharu yang mengandungi unsur-unsur semantik, fonologi, dan konsep, manakala pelajar kurang asas bahasa tersebut lebih banyak menggunakan strategi pengelakan.
11.	Strategi Komunikasi Lisan di Kalangan Pelajar-pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra, Melayu. Sanimah Hussin (2007, p.130-145)	- SK penukaran bahasa banyak digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar semasa berkomunikasi secara lisan. Kumpulan tahap rendah lebih banyak menggunakan strategi penghampiran dan <i>mime</i> , manakala kumpulan tahap tinggi bersungguh-sungguh menyampaikan mesej dengan menggunakan pelbagai SK.

Jadual 2.3, sambungan

Bil.	Tajuk	Keterangan
12.	Baouchi, M'hamed al. (2008). <i>Communication Strategies and their Role in Second Language Competence and Teaching</i> . Tesis PhD. The Netherlands: Utrecht University.	- Semua strategi boleh membawa kecekapan dengan isyarat maklumat yang disampaikan oleh strategi yang terdiri daripada ciri-ciri penting objek rujukannya atau konsep. Pelajar boleh meningkatkan kecekapan dalam B2 sekiranya mereka mendengar, membaca, bertutur, dan menulis secara intensif.
13.	<i>Communication strategies of ESL speakers in interaction</i> . Nor Fariza Mohd Nor (2008, p.238-262)	- Pelajar didapati menggunakan SK pengulangan (<i>echoing</i>) dan tekaan (<i>guessing</i>). Pengkaji melalui kajiannya mencadangkan penggunaan beberapa strategi interaksi komunikasi seperti <i>other-repair</i> , penerimaan (<i>acceptance</i>), dan penolakan + penambahan maklumat (<i>rejection + addition of information</i>). Akhir sekali, beliau menyokong penggunaan SK dalam P & P bahasa Inggeris.
14.	Kompetensi Komunikatif dan Strategi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sek. Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor. Abdul Rahman Abdullah (2009, p.259-285)	- Dapatan kajian menunjukkan perbezaan tahap pelajar (kompetensi rendah, kompetensi sederhana, dan kompetensi tinggi) didapati mempengaruhi jenis SK yang digunakan dan kekerapannya. Pelajar kompetensi tinggi banyak menggunakan strategi penghampiran. Pelajar kompetensi sederhana lebih mengutamakan strategi kata serapan dan pelajar kompetensi rendah pula lebih banyak menggunakan pengulangan.
15.	Numata, Mitsuko. (2009). <i>The effects of the use of communication and negotiation strategies on L2 acquisition</i> . Tesis Master. USA: University of Iowa.	- Dapatan menunjukkan bahawa SK rayuan dan penukaran kod banyak memberi manfaat kepada pelajar melalui usaha perundingan dari teman bicara dan wajar dilaksanakan untuk mengekalkan komunikasi di dalam kelas.
16	Maria Carolina Terra Heberlein(2010) <i>The use of communication strategies in the context of the classroom in English language: a case study</i> . Tesis Master. Brazil: Universidade Federal de Goiás.	- SK taksonomi Tarone (1983), iaitu merayu bantuan, pengabaian mesej dan penukaran bahasa kecuali pengelakan topik amat berguna kepada pelajar semasa berinteraksi di dalam bilik darjah.

Jadual 2.3, sambungan

Bil.	Tajuk	Keterangan
17.	<p><i>Communication strategies in social interaction between Arab and Iranian postgraduate students.</i> Elham Shahban. (2010, p.125-157)</p>	<p>- Pelajar Arab dan Iran yang mempelajari bahasa Inggeris telah mendorong penggunaan SK. Kumpulan Pelajar Tinggi lebih banyak menggunakan penukaran kod, Kumpulan Pelajar Sederhana menggunakan terjemahan harfiah dan Kumpulan Gabungan (tinggi dan sederhana) paling banyak menggunakan strategi penghuraian.</p>
18.	<p>Strategi Komunikasi Pelajar Dusun dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. Habibah Saiban (2011, p.51-52)</p>	<p>- Pelajar Dusun yang mempelajari BM lebih banyak menggunakan strategi pencapaian dan strategi pengelakan. Strategi penukaran kod paling kerap digunakan. Dapatan kajian juga memperlihatkan penggunaan SK Bukan Lisan.</p>
19.	<p><i>Communicative Strategies in Second Language Acquisition. A Study of Chinese English Learners' Attitude and Reported Frequency of Communicative Strategies.</i> Lin Wei (2011, p.24-34)</p>	<p>- Faktor sikap pelajar, tahap penguasaan bahasa, dan personaliti pelajar mempengaruhi penggunaan SK. Pelajar yang bersikap positif terhadap bahasa akan menggunakan strategi rayuan bantuan, strategi bukan lisan, dan strategi berasaskan bahasa ibunda. Pelajar tahap penguasaan bahasa yang tinggi lebih cenderung menggunakan strategi pencapaian, manakala pelajar tahap rendah lebih suka menggunakan strategi pengurangan. Pengalaman pelajar berkomunikasi dalam B1 boleh mempengaruhi SK yang digunakan.</p>
20.	<p>Raed Latif Uglu (2012) <i>A Comparative Study Of The Communication Strategies Used By Iraqi EFL Students And Malaysian ESL Students At Tertiary Level.</i> Tesis Master. Diyala, Irag: Al-Yarmouk University College.</p>	<p>- Secara perbandingan pelajar Malaysia lebih banyak menggunakan strategi interaksi untuk menyelesaikan masalah kerana pelajar lebih banyak peluang menggunakan bahasa Inggeris. Manakala pelajar Iraq lebih banyak menggunakan <i>mime</i>, anggaran/generalisasi, dan penterjemahan literal semasa berkomunikasi dalam bahasa tersebut.</p>
21.	<p>Agam Syahril. (2013). <i>Communication Strategies Used by Young Learners in a Bilingual Classroom.</i> Tesis Master. Salatiga: Satya wacana christian universiti.</p>	<p>- Dapatan menunjukkan pelajar lebih banyak menggunakan bantuan pertolongan semasa berbual dengan guru. Apabila pelajar menghadapi masalah menyiapkan ayat bahasa Inggeris, pelajar akan berusaha mengisi jurang dengan bertanya kepada guru bahasa Inggeris.</p>

Jadual 2.3, sambungan

Bil.	Tajuk	Keterangan
22.	Lugoloobi-Nalunga, Maureen (2013) <i>Teaching and learning English in a multilingual classroom : A study of code-switching in an EFL/ESL teaching/learning situation</i> . Tesis Sarjana Muda. Sweden: Karlstads university.	- Pelajar Sweden yang mempelajari bahasa Inggeris akan menggunakan strategi menukar kod ke dalam B1. Selain itu, mereka juga meminta bantuan rakan walaupun guru mereka tidak membenarkannya dalam pembelajaran bahasa Inggeris (B2) di dalam kelas.
23.	Maritza Rosas Maldonado. (2016). <i>Communication strategies used by different level L2 English learners in oral interaction</i> . Tesis Master. Chile: Universidad Andres Bello.	- Pelajar Sepanyol pelbagai tahap telah menggunakan SK yang berbeza semasa BA mereka maju ke arah penguasaan bahasa Inggeris. Pelajar rendah lebih banyak menggunakan pengelakan dan pemindahan. Pelajar pra-pertengahan lebih banyak menjelaskan contoh istilah-istilah B2 dan pelajar tahap pertengahan pula lebih banyak menggunakan mekanisme lebih kompleks untuk memperbaiki dan menilai output B2 sendiri.

Rumusan daripada sorotan kajian ini menunjukkan pelajar B2 yang ingin menguasai bahasa sasaran tidak akan terlepas daripada menggunakan SK semasa penguajaran. Kekurangan fizikal B2 merupakan faktor utama yang mendorong pelajar B2 berbuat sedemikian. Walau tahap monitor pelajar B2 (rendah, sederhana, dan tinggi) boleh mempengaruhi bilangan SK yang digunakan. Selain itu, perbezaan tahap tersebut juga dilihat boleh mempengaruhi jenis-jenis SK semasa berinteraksi secara lisan. Namun demikian, sejauh mana penggunaan SK bergantung pada penguasaan asas pelajar dalam B2 mereka. Pelajar yang mempunyai pengetahuan asas B2 akan lebih mudah berujaran lisan tanpa gangguan. Sesuatu mesej dapat disampaikan dan difahami dengan segera. Bagi pelajar yang tiada pengetahuan asas B2 akan memilih SK yang sesuai dengan keperluan ujaran agar dapat memberi manfaat.

2.8.3 Rumusan Komunikasi Bukan Lisan

Jadual 2.4: Rumusan komunikasi bukan lisan

Bil.	Tajuk	Keterangan
1.	Sime, Daniela (2003) <i>Learners' perceptions of teachers' non-verbal behaviours in the foreign language class</i> . Tesis PhD. Scotland: University of Stirling.	- Pelajar mentafsir tingkah laku bukan lisan guru berdasarkan fungsi dan menggunakan mesej atau klu dalam pembelajaran dan interaksi sosial mereka dengan guru.
2.	Baouchi, M'hamed al. (2008). <i>Communication Strategies and their Role in Second Language Competence and Teaching</i> . Tesis PhD. The Netherlands: Utrecht University.	- Semua strategi boleh membawa kecekapan dengan isyarat maklumat yang disampaikan oleh strategi yang terdiri daripada ciri-ciri penting objek rujukannya atau konsep. Pelajar boleh meningkatkan kecekapan dalam B2 sekiranya mereka mendengar, membaca, bertutur, dan menulis secara intensif.
3.	Penterjemahan dan Bahasa Isyarat. Hasuria Che Omar (1990, p.4-37)	- Bahasa isyarat boleh berkembang sendiri tanpa bergabung dengan bahasa lisan. Setiap pergerakan anggota badan terutama jari dan tangan boleh memberi maksud yang khusus. Orang kurang upaya seperti orang pekak menggunakan bahasa isyarat sepenuhnya untuk berkomunikasi dengan orang lain.
4.	Gerak Isyarat Tangan: Peranti Komunikasi dan Alat Penyampai Maklumat Bukan Verbal. Jamilah Ikhsan (2009, p.109-118).	- Keselarasan antara bahasa bukan verbal dengan verbal ialah memahami signifikan antara keduanya untuk membolehkan impak komunikasi lebih berkesan.
5.	Barbora Dvořáková (2012) <i>Communicative Competence in Second Language Acquisition</i> . Tesis PhD. Czech Republic: University Palackého.	- Seseorang pelajar perlu mendapat lebih banyak pendedahan B2 untuk menguasai bahasa tersebut. Oleh itu, mereka perlu menghadkan B1 yang hanya mengutamakan kecekapan linguistik berbanding kecekapan komunikatif.
6.	<i>The use of non-verbal communication in the teaching of English language</i> . Akinola (2014, p.429-432)	- Dapatan kajian menunjukkan tahap pendedahan pelajar terhadap penggunaan komunikasi bukan lisan dan isyarat bukan lisan dalam pembelajaran bahasa lebih meningkatkan prestasi akademik.

Jadual 2.4, sambungan

7.	Memahami Komunikasi Orang Pekak. Abdullah Yusoff (2014, p.166-167)	- Pergerakan anggota badan, mimik muka, ketawa, senyum, air muka memainkan peranan penting dalam komunikasi orang pekak dan juga orang normal. Perbezaannya, bahasa isyarat orang normal mengiringi bahasa lisan supaya penghantaran dan penerimaan sesuatu mesej lebih berkesan.
8.	Anastasia Khanukaeva. (2014). <i>The Effects Of Iconic Gestures On L2 Vocabulary Learning In A Norwegian Primary School</i> . Tesis Master. Norway: University of Stavanger.	- Penggunaan gerak isyarat fizikal (tangan) dengan pelbagai cara untuk meningkatkan pembelajaran kosa kata B2 dan strategi pengajaran. Pelajar boleh menyertai kerja kumpulan dan pengajaran rakan sebaya melalui penggunaan gerak isyarat sebagai alat pengajaran.

Pergerakan gerak isyarat fizikal atau komunikasi bukan lisan boleh berfungsi dengan sendiri tanpa komunikasi lisan. Fenomena tersebut disebabkan gerak isyarat tersebut boleh memberi makna yang sama dengan komunikasi lisan. Namun demikian dalam proses pertuturan dalam B2 kedua-duanya saling lengkap melengkapi antara satu sama agar mesej yang disampaikan itu menjadi lebih berkesan. Oleh itu, penggunaan gerak isyarat dilihat sebagai pengganti bagi kosa kata B2 yang belum dikuasai oleh pelajar B2 sepenuhnya. Pada masa yang sama, pelajar B2 juga perlu memahami maksud setiap gerak isyarat yang dilakukan. Jika tidak, akan wujud masalah ketidakfahaman mesej yang disampaikan atau diterima antara kedua-dua pihak. Merujuk kajian ini komunikasi bukan lisan dilihat berfungsi secara kombinasi dengan komunikasi lisan. Peranan yang dimainkan bersama akan meningkatkan lagi kejelasan sesuatu mesej yang hendak disampaikan oleh seseorang penutur itu. Kebersamaan pergerakan kedua-dua strategi tersebut akan berlaku secara spontan tanpa disedari oleh seseorang penutur itu dan mewujudkan keselesaan ketika berujaran.

2.8.4 Rumusan Faktor Ektra Linguistik

Penggunaan SK tidak akan terlepas daripada dipengaruhi faktor persekitaran seperti bahasa ibunda, sikap, motivasi, kadar penggunaan B2, masalah-masalah komunikasi B2 dan lain-lain. Kajian SK berkaitan faktor-faktor tersebut telah dibincangkan sebelum ini.

Jadual 2.5: Rumusan faktor ektra linguistik

Bil.	Tajuk	Keterangan
1.	<i>The Role of the First Language in Foreign Language Learning.</i> Clevedon. Ringbom (1987, p.113-114)	- Perbezaan struktur fonologi boleh memberi kesan ke atas pembelajaran perbendaharaan kata. Proses asimilasi mudah dilakukan jika kata-kata asing yang lebih atau kurang menepati pola fonetik dan ortografi bahasa ibunda.
2.	Jamali Ismail (1988) <i>Exposure, Attitudes, Motivation And Achievement In Esl Among Malay Learners: A Socio-Psycholinguistic Study.</i> Tesis PhD. UK: Sheffield University.	- Tahap-tahap ekstra linguistik pelajar (pendedahan, sikap, dan motivasi) didapati mempengaruhi kompetensi pelajar Melayu yang menggunakan bahasa Inggeris.
3.	Bouzidi, Hassan (1989) <i>Language attitudes and their implications for education : Morocco as a case study.</i> Tesis PhD. UK: University of Glasgow.	- Sikap pelajar dan ibu bapa yang positif mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pembelajaran B2 anak-anak mereka.
4.	Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu. Abdul Hamid Mahmood (1990, p.81-96)	- Sikap merupakan faktor yang penting untuk menguasai BM. Anggapan pelajar bahawa BM adalah bahasa ibunda dan berkebolehan untuk bertutur dan menulis merupakan punca kegagalan mereka menguasainya.
5.	<i>An encyclopedic dictionary of language and languages.</i> Crystal.D (1992, p.112-120)	- Sikap terhadap bahasa sebagai perangsang terhadap bahasanya sendiri atau bahasa orang lain. Selain itu, sikap adalah penentu terhadap perkembangan, kemerosotan, pemuliharaan atau kepupusan sesuatu bahasa. Status dan kepentingan sesuatu bahasa bergantung sejauh mana sikap masyarakat terhadap bahasa itu dan kekal serta tidak diwarisi dari generasi ke generasi sebelumnya.

Jadual 2.5, sambungan

Bil.	Tajuk	Keterangan
6.	<p><i>The study of second language acquisition.</i> Ellis.R (1994, p.197-201)</p>	<p>- Sikap pelajar terhadap pembelajaran B2 adalah satu set pemboleh ubah yang penting. Sikap positif dikaitkan dengan penutur bahasa dan budaya yang diwakili oleh penutur, manakala sikap negatif boleh menghalang pembetulan B2 kerana tidak berminat atau bermasalah dengan guru. Walau bagaimanapun, sikap tersebut boleh berubah kepada positif apabila seseorang itu menyedari akan kelebihan mengetahui B2 lalu bekerja keras mahu mengubahnya.</p>
7.	<p>Unsur-unsur Ekstralinguistik dalam Pemelajaran Bahasa. Noor Aina (1998, p.135-138)</p>	<p>- Dapatan kajian mendapati subjek tidak cenderung menggunakan bahasa ibunda kerana tidak merasakan bahasa baharu itu mengancam kedudukan bahasa ibunda malah bertindak menambah kemahiran dan pengalaman sedia ada.</p>
8.	<p><i>Introducing Second Language Acquisition.</i> Saville –Troike (2006, p.85-87)</p>	<p>- Motivasi individu adalah salah satu faktor yang penting untuk berjaya dalam menguasai B2. Tahap usaha pelajar di peringkat-peringkat dalam pembelajaran B2 bergantung pada motivasinya untuk belajar. Pelajar yang lebih bermotivasi semakin mudah belajar bahasa-bahasa baharu. Sementara itu, pelajar yang lebih tua mempunyai kuasa potensi motivasi yang lebih tinggi untuk mengatasi rintangan sebutan bunyi asli.</p>
9.	<p><i>Students' motivation and attitudes towards learning a second language. Working paper English G1132. School of Humanities.</i> Lennartsson.F (2008, p.67)</p>	<p>- Pelajar B2 yang berbeza umur dan bahasa ibunda didapati menunjukkan sikap positif terhadap pembelajaran bahasa asing. Mereka merasakan bahasa terbaharu lebih menarik dan mesra apabila mendekati pelajar yang juga penutur natif bahasa tersebut.</p>
10.	<p>Yin, Chengbin (2008) <i>Language learning strategies in relation to attitudes, motivations, and learner beliefs: Investigating learner variables in the context of English as a foreign language in China.</i> Tesis PhD. USA: University of Maryland.</p>	<p>- Dapatan kajian menunjukkan strategi pembelajaran bahasa pelajar dipengaruhi oleh percaya pada keupayaan dan orientasi motivasi khususnya orientasi ke arah persaingan dan kecekapan sendiri.</p>

Jadual 2.5, sambungan

Bil.	Tajuk	Keterangan
11.	<i>Understanding Second Language Acquisition.</i> Ortega (2009, p.200-203)	- Pelajar bahasa asing yang mempunyai kebimbangan yang tinggi akan memperoleh skor yang rendah dalam ujian lisan atau bertulis. Selain itu, mereka didapati lebih lambat mempelajari B2. Kebimbangan untuk bercakap dalam B2 boleh menjejaskan kesediaan untuk berkomunikasi dalam bahasa asing. Keyakinan individu untuk berkomunikasi dalam B2 boleh menyumbang ke arah berkomunikasi dalam bahasa tersebut.
12.	<i>Relationship Between Motivation for Learning EFL and Intrinsic Motivation for Learning in General Among Japanese Elementary School Students.</i> Carreira, J.M. (2011, p.99)	- Dapatan kajian mendapati bahawa tahap-tahap motivasi pelajar mengalami perubahan ketika mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2. Motivasi mereka didapati menurun secara formal disebabkan tidak selesa untuk menunjukkan keseronokan belajar dan secara tidak langsung menurunkan motivasi intrinsik.
13.	Hubungan Faktor Ekstralinguistik Bahasa Kedua Dengan Pencapaian Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh di Negeri Sembilan, Melayu. Rohaida (2012, p.70)	- Sikap terhadap bahasa menunjukkan pelajar B2 bersetuju dengan kenyataan bahawa mempelajari B2 sangat berguna dan mengembirakan walaupun persekitaran mereka tidak ada penutur jati B2.
14.	<i>Motivation and Attitudes towards Second Language Learning at Primary Schools; A Comparison of Teaching Programmes.</i> Stegmann (2013, p.28)	- Dapatan menunjukkan motivasi dan sikap mempunyai kaitan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2 di sekolah rendah. Pelajar yang mendapat markah rendah dalam ujian bahasa Inggeris masih bersikap positif terhadap mata pelajaran tersebut. Mereka tidak berasa takut melakukan kesilapan ketika bertutur dalam bahasa Inggeris.

Faktor ekstra linguistik setiap pelajar terhadap B2 adalah berbeza. Perbezaan tersebut boleh mempengaruhi kedudukan *filter* seseorang pelajar B2 sama ada menaik atau menurun. Secara tidak langsung kekerapan dan jenis SK yang digunakan turut berubah dari masa ke semasa.

2.9 Kesimpulan

Dapatan kajian lalu lebih merujuk kepada SK yang khusus terhadap fokus kajian masing-masing. Namun demikian, pengkaji berpendapat bahawa kajian-kajian yang mengutamakan SK lisan dan bukan lisan masih kurang. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan utama yang dimainkan oleh kedua-dua SK tersebut secara mendalam. Selanjutnya, faktor-faktor luaran merujuk pada sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar terhadap bahasa B2, personaliti, umur, minat boleh mempengaruhi sejauh mana penggunaan SK pelajar terhadap B2. Sekiranya faktor tersebut mendorong ke arah positif maka matlamat pelajar B2 untuk menguasai bahasa sasaran akan berjaya. Oleh itu, penggunaan SK akan membantu pelajar menguasai B2 jika didorong faktor-faktor yang telah dinyatakan itu.

BAB 3: TEORI DAN METODOLOGI


3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan perkara-perkara berkaitan teori kajian, taksonomi SK, dan metodologi (kajian kepustakaan, kajian lapangan, pengumpulan dan analisis data, kerangka konsepsi, subjek kajian, populasi dan sampel, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, prosedur kajian dan analisis data), dapatan kajian rintis (analisis data kuantitatif, analisis data kualitatif, dan hubungan faktor ekstra linguistik dengan SK), dan kesimpulan. Menurut Sulaiman (2003, p.25) metodologi kajian akan menetapkan unit analisis, populasi, pensampelan, pemboleh ubah, cara pengukuran, pengumpulan dan penganalisan data. Penghuraian selanjutnya akan menjelaskan teori kajian dan taksonomi SK yang dipilih serta metodologi yang digunakan.

3.2 Teori Kajian

Teori monitor oleh Krashen mula dikenali pada tahun 1970-an. Teori tersebut menjelaskan bahawa pembelajaran secara sedar mempunyai fungsi yang terhad dalam pencapaian B2, iaitu pembelajaran tersebut hanya digunakan sebagai pemantauan, manakala kefasihan berbahasa berpunca melalui alat pemerolehan bahasa secara bawah sedar. Krashen (1982, p.10) telah mengemukakan lima hipotesis kajian yang mendasari teori monitornya, iaitu hipotesis turutan semula jadi (*natural order hypothesis*), hipotesis pembelajaran dan pemerolehan (*acquisition/ learning hypothesis*), hipotesis penapis (*affective filter hypothesis*), hipotesis input (*input hypothesis*) dan hipotesis monitor (*monitor hypothesis*).

Krashen (1981, p.13) menyatakan bahawa pemantauan ini akan meningkatkan tahap ketepatan penghasilan sesuatu B2 kepada tahap yang lebih baik. Mengikut hipotesis ini, sesuatu ujaran B2 yang dilafazkan dimulakan oleh sistem bahasa yang diperoleh dan pembelajaran secara sedar hanya memainkan peranan selepas ujaran itu dilafazkan. Oleh itu, penggunaan monitor ini hanya berlaku sejeurus sebelum atau selepas ujaran dilafazkan atau ditulis. Sistem dan peraturan bahasa yang dipelajari tidak membantu kefasihan berbahasa tetapi hal tersebut berfungsi sebagai pemeriksa dan pembaikan output (Krashen 1981, p.3). Beliau juga menegaskan bahawa selagi seseorang pelajar B2 tidak dapat menghasilkan B2 secara kreatif, monitor ini akan membantu proses pembelajaran B2 tersebut.



Rajah 3.1: Model teori monitor (Dulay, Burt, dan Krashen 1982, p.46)

Berdasarkan gambar rajah 3.1, teori ini mengandungi dua bahagian utama, iaitu bahagian dalaman dan bahagian luaran. Bahagian dalaman mengandungi tiga perkara utama, iaitu *filter*, *organizer*, dan *monitor*. Ketiga-tiga peralatan bahasa ini beroperasi secara aktif dalam minda seseorang itu semasa mempelajari bahasa kedua. *Filter* dan *organizer* beroperasi bawah sedar manakala *monitor* pula beroperasi secara sedar. Bahagian luaran terdiri daripada faktor-faktor seperti personaliti, umur, dan bahasa pertama atau lebih dikenali sebagai ekstra linguistik berperanan mempengaruhi penghasilan B2 pelajar.


Tidak semua input B2 yang didengar atau dilihat itu diterima masuk oleh *filter* atau penapis. Pergerakan penapis setiap pelajar sentiasa tidak stabil dan dipengaruhi oleh tiga faktor utama afektif, iaitu motivasi, tahap kerisauan, dan keyakinan diri. Pelajar yang mempunyai motivasi dan keyakinan yang tinggi serta kerisauan yang rendah akan menyebabkan penapis mereka rendah. Oleh itu, lebih banyak input B2 diterima masuk. Jika penapis pelajar menaik disebabkan tahap motivasi dan keyakinan yang rendah serta tahap kerisauan yang tinggi maka kurang kemasukan input B2.

Menurut Chomsky (1965) setiap kanak-kanak telah dilengkapi dengan *Language Acquisition Device* (LAD) atau alat pemerolehan bahasa yang membolehkan mereka bertindak balas dengan pantas apabila menerima rangsangan. LAD merupakan suatu ciri khas yang ada dalam minda manusia dan mampu memperincikan struktur bahasa. Oleh itu, banyak ciri tatabahasa B1 tidak perlu dipelajari secara sedar. Kanak-kanak tidak perlu menghafal dan meniru pola ayat bahasa ibundanya tetapi masih boleh menguasainya atau mengucapkan ayat-ayat yang didengar dengan menerapkan tatabahasa secara tidak sedar melalui LAD masing-masing.

Model teori monitor adalah sesuai digunakan untuk penyelidikan pendidikan terutamanya berkaitan pembelajaran B2 dalam kalangan pelajar bukan natif. Oleh itu, pengkaji telah mengambil inisiatif dengan mengubah suai model teori tersebut untuk diadaptasikan dalam kajian ini. Pemilihan pelajar tahun 5 sebagai subjek kajian ini adalah sesuatu yang tepat memandangkan mereka telah mengalami proses pembelajaran BM secara formal selama lima tahun di sekolah. Oleh itu, mereka telah menguasai banyak kosa kata BM sepanjang tempoh pembelajaran bahasa tersebut. Kelebihan tersebut mewujudkan keyakinan yang tinggi dan sikap positif dalam diri pelajar Cina untuk berkomunikasi dalam BM. Keadaan sedemikian tentunya berbeza dengan murid tahun 1 yang masih berfikiran negatif kesan daripada kekurangan kosa kata BM dan pastinya sukar untuk menggunakan B2 tersebut.

Subjek kajian ini dikategorikan kepada tiga tahap, iaitu cemerlang (PAC), sederhana (PAS), dan rendah (PAR). Instrumen yang digunakan ialah bercerita berkaitan gambar perkelahan di tepi pantai. Aktiviti tersebut dilakukan secara individu. Mereka dikehendaki membina ayat-ayat berdasarkan gambar secara lisan. Bilangan ayat yang boleh dibina tidak ditetapkan. Pelajar bebas membina ayat mengikut kemampuan diri masing-masing. Malahan mereka dibenarkan membina ayat berdasarkan maklumat-maklumat yang tersirat tetapi tidak mengubah konsep perkelahan. Aktiviti main peranan pula dilakukan secara berpasangan berdasarkan situasi di dalam restoran (perbualan tidak formal antara pelayan restoran dengan pelanggan). Kedua-dua aktiviti tersebut dirakamkan menggunakan perakam video *Panasonic*.

Proses pengubahsuaian model teori monitor kepada model teori kajian ini adalah dengan cara mengekalkan bahagian-bahagian penting teori monitor itu sendiri, iaitu Penapis, Penyusun, dan Monitor yang sedia ada dalam minda pelajar. Selain itu bahagian-bahagian lain yang turut dikekalkan adalah faktor-faktor ekstra linguistik seperti umur, personaliti, dan bahasa pertama. Namun begitu, pengkaji mengubah suai penghasilan bahasa pelajar dalam teori monitor. Model teori kajian ini telah memfokuskan semua ujaran lisan pelajar Cina ditranskripsi dan kemudiannya dianalisis secara teliti untuk mengenal pasti jenis-jenis SK yang digunakan. Kemudian, semua SK tersebut dikategorikan mengikut kumpulan masing-masing (SKBL dan SKBBL) seperti yang terdapat pada Rajah 3.2. Dalam rajah tersebut pengkaji akan menerangkan bagaimana model teori kajian yang diubahsuai itu boleh merealisasikan objektif-objektif kajian ini.



Rajah 3.2: Model teori kajian (Ubah suai daripada model teori monitor Dulay, Burt, dan Krashen,1982).

Berdasarkan Rajah 3.2 Semasa ujian dijalankan input-input BM, atau gambar tunggal berkaitan perkataan diperlihatkan kepada pelajar Cina. Selepas itu mereka akan melihat gambar tersebut dengan teliti, berhenti sejenak, dan memikirkan kosa kata BM yang sesuai untuk membina ayat-ayat dalam bahasa tersebut. Monitor pelajar Cina telah beroperasi sebaik sahaja ayat-ayat yang diujarkan secara lisan dilakukan. Semua ujaran lisan yang dirakamkan akan ditranskripsikan dalam bentuk tulisan. Seterusnya, penyelidik menganalisis data-data tersebut kepada SK yang dikategorikan kepada SKBL dan SKBBL. Proses yang sama juga dilakukan pada data daripada instrumen Main Peranan yang dilakukan secara berpasangan.

Tidak semua input BM yang didengar atau dilihat itu diterima masuk sepenuhnya oleh *filter* atau penapis pelajar Cina. Pergerakan penapis boleh menaik atau menurun. Keadaan ini dipengaruhi oleh tiga faktor utama, iaitu motivasi, tahap kerisauan, dan keyakinan diri. Pelajar Cina yang mempunyai motivasi dan keyakinan yang tinggi serta kerisauan yang rendah akan menyebabkan penapis mereka rendah. Justeru, input yang masuk akan menjadi *output* (BM) dengan lebih banyak diterima oleh mereka manakala pelajar yang mempunyai motivasi, keyakinan rendah dan tahap kerisauan yang tinggi

akan membentuk halangan minda atau *mental block* bagi menghalang kemasukan input-input BM. Sistem penapis seseorang pelajar Cina berfungsi menentukan bahagian-bahagian BM yang wajar diberi perhatian, usaha mempelajari BM terhenti dan kecekapan seseorang pelajar telah menguasai BM. Oleh itu, pelajar-pelajar Cina perlu memikirkan tahap keupayaan penapis afektif masing-masing agar sentiasa positif dengan perkembangan BM mereka.

Input-input BM yang telah diproses oleh penapis akan menjadi *output*. Seterusnya *input* itu diproses oleh penyusun atau *organizer*. Alat pemerolehan bahasa atau LAD yang terdapat di dalam penyusun berfungsi membentuk satu sistem bahasa yang baharu secara beransur-ansur tanpa hafalan. *Organizer* beroperasi secara bawah sedar. Pelajar Cina yang menggunakan *organizer* akan menerbitkan frasa-frasa atau ayat-ayat yang baru. Fungsi penyusun boleh digambarkan dalam tiga aspek perlakuan lisan, iaitu melalui beberapa siri peralihan susunan, dan kedua, hubungan kata-kata dalam ayat atau rangkai kata yang digunakan sebelum struktur B2 diperolehi. Aspek ketiga digambarkan melalui kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan dan kelaziman pelajar B2 mendapat susunan struktur bahasa yang baharu.

Monitor pula adalah alat pemrosesan bahasa yang beroperasi secara sedar. Pelajar Cina yang telah menjawab secara lisan atau bertulis bermakna dia telah menggunakan monitornya. Terdapat tiga syarat utama *monitor* dapat berfungsi dengan baik, iaitu masa yang mencukupi, penutur perlu fokus terhadap sistem BM, dan penutur perlu mengetahui peraturan sistem B2. Tahap monitor pelajar Cina adalah berbeza antara satu sama lain, iaitu monitor tahap rendah atau bebas biasanya dimiliki oleh pelajar rendah. Monitor pelajar tahap tersebut masih belum mempelajari struktur BM dengan mantap. Mereka lebih suka menghindarkan pengetahuan sedarnya tentang bahasa itu. Biasanya pelajar ini tidak suka memperbetulkan kesalahan bahasanya. Mereka menggunakan BM

berdasarkan apa yang dianggap betul dan pembetulan bahasa bergantung pada sistem bahasa yang diperolehinya.

Pelajar Cina yang mempunyai monitor berlebihan atau sederhana akan menggunakan monitornya sepanjang masa. Pelajar aras sederhana akan menyemak *output* BM secara berterusnya berdasarkan pengetahuan sedarnya tentang B2. Pada akhirnya, pelajar ini akan bercakap teragak-agak kerana sentiasa mengambil berat tentang ketepatan bahasa maka pertuturannya tidak lancar. Pelajar tahap ini kurang menghasilkan BM.

Pelajar Cina yang bermonitor optimum adalah terdiri daripada pelajar cemerlang. Pelajar kategori ini akan kurang melakukan kesilapan bahasa ketika bertutur. Mereka lazim membuat pembetulan yang berpatutan. Dalam erti kata yang lain pelajar sangat kurang menggunakan SK semasa membina ayat-ayat atau prasa-prasa kata dalam BM. Penggunaan monitor seseorang pelajar semakin berkurangan apabila pelajar itu telah menguasai BM.

Matlamat yang disasarkan semasa pelajar berkomunikasi dengan interlokutor atau seorang diri ialah penyampaian mesej. Bagi menyempurnakan matlamat itu, pelajar Cina akan menggunakan pelbagai SK agar pertuturan mereka dapat diteruskan. Dalam kajian ini, pengkaji menjelaskan SK yang dihasilkan oleh pelajar kepada dua kategori utama, iaitu strategi komunikasi bahasa lisan (SKBL) dan strategi komunikasi bahasa bukan lisan (SKBBL). Sistem pengelasan dan analisis SK yang sistematik akan memperlihatkan jenis SK yang mana lebih popular daripada 17 jenis yang ditetapkan oleh pengkaji pada awalnya.

Berdasarkan teori monitor kajian terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi penggunaan SK pelajar Cina. Faktor-faktor itu ialah sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan bahasa Melayu, dan masalah-masalah komunikasi. Pelajar

yang mendapat banyak pendedahan BM akan mempunyai sikap positif terhadap bahasa tersebut. Mereka telah menguasai banyak kosa kata BM. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran BM sebagai B2 perlu didedahkan lebih awal terhadap pelajar Cina. Langkah Kementerian Pendidikan mendedahkan pelajar Cina tahun satu terhadap pembelajaran BM di sekolah rendah sebagai satu langkah yang positif. Pelajar tahun 5 telah mempelajari BM secara formal selama lima tahun di dalam kelas dan telah banyak menguasai kosa kata BM serta boleh bertutur, membaca, dan menulis dalam BM dengan baik.

Faktor penggunaan dan pendedahan B2 terhadap pelajar Cina memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keupayaan mereka berbahasa Melayu. Pendedahan yang dimaksudkan ialah pergaulan dengan ibu bapa, rakan-rakan sebaya, jiran tetangga serta pembacaan buku-buku cerita, komik, radio, televisyen, internet, majalah dan sebagainya. Seseorang pelajar Cina akan berupaya meningkatkan penguasaan BM mereka jika kerap menerima input BM daripada sumber-sumber yang telah dinyatakan. mereka boleh berkomunikasi dengan menggunakan sistem BM yang betul selain menulis prasa dan ayat.

Komunikasi menggunakan BM ketika pelajar bergaul dengan ibu bapa, jiran, dan guru bukan sesuatu yang mudah. Banyak halangan yang perlu ditempuhi. Dalam mengurangkan masalah komunikasi tersebut, guru BM perlu menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap penguasaan BM pelajar itu. sendiri. Kemahiran lisan sepatutnya ditekankan agar pelajar Cina lebih berpeluang berinteraksi secara spontan dengan rakan-rakan dan guru-guru. Aktiviti seperti main peranan, bercerita, bersoal jawab, berpantun sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.


Di sepanjang BA, semakin kurang penggunaan bahasa ibunda ke dalam BM maka semakin kurang penggunaan SK oleh pelajar itu untuk menyampaikan mesej. Fenomena tersebut menunjukkan pelajar Cina semakin hampir menguasai BM. Sebaliknya, jika kosa kata B1 banyak digunakan dalam komunikasi lisan membuktikan pelajar Cina itu masih jauh dalam menguasai bahasa sasaran. Penggunaan kosa kata bahasa Mandarin ke dalam BM dinamakan penukaran kod atau *code-switching* dan tergolong dalam SKBL. Penguasaan BM lebih mudah dilakukan apabila pelajar-pelajar Cina yang telah sampai ke tahap operasi-operasi formal, yakni pelajar itu dapat menghubungkan bahasa yang abstrak dengan idea yang hendak disampaikan.

3.2.1 Taksonomi Strategi Komunikasi

Taksonomi SK kajian ini adalah hasil daripada pengubahsuaian taksonomi SK Tarone (1982) yang didasari pengelakan (pengelakan topik dan meninggalkan mesej) dan pencapaian (parafrasa, pemindahan secara sedar, rayuan kerjasama, dan strategi bukan linguistik). Pemilihan taksonomi tersebut adalah bersesuaian dengan ciri-cirinya yang cenderung kepada pembelajaran B2. Ramai sarjana tempatan menggunakan taksonomi Tarone dalam kajian mereka antaranya ialah Robe'ah (2005) dan Sanimah (2007), dan Abdul Rahman (2009),

Pengubahsuaian dilakukan dari segi pengkategorian taksonomi SK. Pengkaji mengkategorikan taksonomi SK kepada dua kategori, iaitu Strategi Komunikasi Bahasa Lisan (SKBL) dan Strategi Komunikasi Bahasa Bukan Lisan (SKBBL). Penggunaan SKBL lebih kepada aktiviti-aktiviti lisan atau bunyi-bunyi bahasa yang bermakna. Walaupun kajian ini telah menetapkan pengguguran mesej, pengelakan topik, penghampiran, pembentukan perkataan baru, penghuraian, penukaran kod, rayuan kerjasama, dan generalisasi terlampau dalam kategori SKBL tetapi tidak semua SK tersebut digunakan dalam pertuturan secara serentak.

Sementara itu, SKBBL pula lebih menumpukan elemen-elemen pergerakan anggota badan (tangan, jari, mata, kepala, badan, dan lidah) yang memberi makna-makna tertentu yang boleh difahami oleh pendengar. Merujuk pada kajian-kajian lalu, tidak terdapat satu definisi SK yang boleh dikongsi bersama. Setiap pengkaji mendefinisikan SK berdasarkan objektif kajian masing-masing. Oleh itu, berdasarkan kajian ini, definisi SK ialah suatu keupayaan pelajar mengaplikasikan unsur-unsur lisan bahasa B2 dan bahasa badan untuk meneruskan pertuturan dalam BM bagi proses penyampaian dan penerimaan mesej dalam situasi yang bersesuaian. Kriteria-kriteria SK yang dikemukakan oleh Tarone (1983, p.54) telah dijadikan panduan bagi kajian ini, iaitu subjek hendaklah bersungguh-sungguh untuk menyampaikan sesuatu mesej seperti percubaan menyampaikan mesej yang sama berulang kali. Taksonomi yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan taksonomi Tarone (1983, p.83) yang diubah suai seperti dalam Rajah 3.3.



Rajah 3.3: Taksonomi strategi komunikasi (Ubah suai daripada Tarone 1983, p.83)

Huraian bagi rajah 3.3 adalah seperti berikut:

1. Strategi Komunikasi Bahasa Lisan (SKBL)

Semasa subjek melakukan pengujaran lisan (bercerita dan main peranan), penggunaan SKBL berlaku secara spontan. Dalam kategori tersebut, pengkaji telah menetapkan lapan jenis SK untuk dianalisis.

a. Pengguguran Mesej

Strategi ini akan digunakan oleh seseorang pelajar B2 apabila hendak bertutur dalam bahasa tersebut. Dalam situasi tersebut pelajar terlibat kurang mengetahui struktur sebenar bahasa itu. Nada suara pelajar kelihatan tersekat-sekat atau pertuturan yang diujarkan tidak lancar. Sebutan kosa kata B2 tidak begitu jelas dan kurang meyakinkan pendengar. Namun sikap pelajar yang proaktif mendorong mereka meneruskan pertuturan sehingga berjaya menyampaikan mesej walaupun dengan mengurangkan bilangan kosa kata yang sepatutnya diujarkan.

b. Pengelakan Topik

Kekurangan pelajar B2 dari aspek penguasaan kosa kata boleh menyukarkan mereka menggunakan BM sebagai alat komunikasi terutamanya melalui pertuturan. Namun begitu, pelajar terpaksa menggunakan kaedah yang sesuai pada masa itu. Penggunaan strategi ini dilihat sebagai suatu yang terdesak oleh pelajar yang sangat kurang kosa kata BM. Mereka akan menghentikan ujaran sebaliknya menukar topik perbualan yang lain ataupun meninggalkannya begitu sahaja dalam keadaan tergantung. Perbuatan pelajar itu mencerminkan sikap kurang bertanggungjawab dalam proses komunikasi dengan orang lain.

c. Penghampiran

Strategi ini lebih kepada penggunaan perkataan yang hampir sama dengan perkataan BM. Persamaan yang dimaksudkan mungkin dari segi sebutan, ejaan, ciri-ciri objek yang hendak diungkapkan. Contohnya, pelajar menyebut 'bangku' tetapi perkataan yang tepat adalah 'kerusi'. Walaupun kosa kata yang disebut itu tidak menyamai makna yang sebenar tetapi sekurang-kurangnya pendengar memahami maksud sebenar.

d. Pembentukan Perkataan Baharu

Semasa bertutur seseorang pelajar itu mungkin terdesak apabila menyebut leksikal BM yang tidak diketahuinya. Perbuatan tersebut hanya sekadar melengkapi pengujaran ataupun sebutan yang tersasul agar perbualan tidak kelihatan tergantung. Namun begitu, penggunaan perkataan baharu tersebut tidak wujud dalam leksikal BM yang sebenar.

e. Penghuraian

Pelajar bertindak menguraikan sesuatu istilah atau perkataan itu dengan kreatif. Perkataan-perkataan yang digunakan lebih mudah dan bilangannya banyak pula. Penerangan makna sesuatu perkataan dilakukan disebabkan pelajar terlupa akan perkataan yang sebenar.

f. Penukaran Kod

Seseorang pelajar B2 tidak akan terlepas daripada menggunakan bahasa ibunda apabila menggunakan B2. Dalam kajian ini, apabila pertuturan pelajar tersekat kerana tidak mengetahui kosa kata BM, maka cara yang paling mudah dan spontan adalah menggunakan kosa kata bahasa Mandarin sebagai jalan terbaik. Penggunaan strategi tersebut banyak dilakukan oleh pelajar lemah.

g. Rayuan Kerjasama

Walaupun dalam taksonomi Tarone (1983) membincangkan strategi ini dari dua sudut, iaitu secara langsung (pelajar terus meminta bantuan pendengar dengan menyoal apakah, siapakah, di manakah) dan tidak langsung (rayuan pelajar disampaikan melalui mimik muka, renungan tajam, gerak badan agar pendengar dapat meneka masalah pelajar). Namun demikian, dalam SKBL pengkaji hanya mengutamakan rayuan secara langsung sahaja manakala rayuan tidak langsung dibincangkan secara terperinci dalam SKBBL.

h. Generalisasi Terlampau

Mereka yang kurang mengetahui tatabahasa BM secara mendalam akan membuat pemahaman atau pengertian yang sama dalam semua aspek. Contohnya, perkataan 'bakul-bakul' menunjukkan bilangan bakul yang banyak tetapi pelajar beranggapan 'rama-rama' juga menunjukkan maksud yang sama.

2. Strategi Komunikasi Bahasa Bukan Lisan (SKBBL)

Menurut Jamilah (2009, p.112) bahasa bukan verbal merangkumi keseluruhan bahasa yang tidak bersuara (bahasa badan, simbol, lambang, ruang, ikon, persekitaran dan masa) yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Namun demikian, kajian ini hanya menumpukan gerak badan penutur (tubuh badan, tangan, jari, kepala, tangan, lidah, mata, senyuman) termasuk berdiam diri.

a. Pergerakan Lidah

Strategi ini melibatkan gerakan lidah yang dilakukan apabila pelajar gagal meneruskan ujaran atau tersilap menggunakan kosa kata yang salah. Tindakan tersebut berlaku secara tidak sengaja atau spontan. Walaupun bahagian tersebut berada di dalam anggota badan yang lain tetapi peranannya adalah penting.

b. Jelingan Mata

Perbuatan pelajar menjeling ke arah tertentu adalah bertujuan meminta bantuan daripada rakan-rakan yang berada di situ berkaitan sama ada ujaran yang dilakukan betul atau salah. Selain itu, pelajar tersebut berharap elemen-elemen seperti gambar, nota, catatan, jadual yang ada di situ boleh membantu pelajar mengingat kembali kosa kata yang diperlukan.

c. Senyuman

Strategi ini boleh memberi pengertian tertentu seperti pelajar yang berkeupayaan untuk membina ujaran-ujaran secara lisan akan menunjukkan keceriaan pada wajahnya melalui senyuman yang terukir. Sebaliknya, wajah yang sedih menunjukkan pelajar itu menghadapi kesukaran untuk mengujarkan ayat-ayat B2 yang betul.

d. Pergerakan Kepala

Pengkaji menumpukan strategi ini sebagai salah satu daripada kaedah yang penting untuk pelajar berkomunikasi. Gelengan kepala menunjukkan seseorang pelajar itu tidak mengetahui jawapan apabila soalan diajukan manakala anggukkan kepala membawa maksud persetujuan atau menyokong sesuatu.

e. Renungan

Seseorang pelajar itu perlu mengamati sesuatu gambar yang dipandang dengan teliti agar mengetahui siapa, di mana, mengapa, apa yang dilakukan, berapa, sebelum membina ayat-ayat secara lisan dan spontan. Tindakan pelajar merenung gambar boleh meningkatkan daya ingatan bagi kosa kata yang perlu digunakan. Selain itu, renungan boleh mengurangkan risiko gangguan unsur-unsur luar yang nyata tidak membantu pelajar untuk bertutur.

f. Pergerakan Badan

Strategi ini biasa berlaku bukan sahaja ketika seseorang itu bertutur dalam B2 malahan berlaku dalam bahasa ibunda. Pelajar menggunakan strategi tersebut untuk melewati masa bagi memberi peluang mereka memikirkan kosa kata yang sesuai digunakan dengan ujaran.

g. Pergerakan Jari

Jari jemari pelajar yang digerakkan secara sistematik boleh memberi makna tertentu kepada interlocutor atau orang ramai yang memahami makna setiap simbol-simbol kesan daripada gerakan tersebut.

h. Pergerakan Tangan

Hampir 99.5 % tugas harian fizikal harus dilakukan dengan tangan. Oleh itu, proses berkomunikasi secara bukan lisan merupakan salah satu tugastangan (Jamilah 2009, p.113). Tambahan lagi Hargrave (2008, p.18) menyatakan bahawa tangan merupakan salah satu daripada lima anggota badan dalam kategori saluran komunikasi dan menginterpretasikan isyarat bahasa badan. *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1996, p.1367) mentakrifkan tangan sebagai anggota tubuh dari kepala, bahu sampai ke hujung jari. Namun dalam kajian ini pengkaji lebih memperincikan lagi kepada gerakan jari dan tangan sebagai SK yang berasingan.

i. Strategi Diam

Pelajar yang sangat kurang kosa kata B2 akan bertindak berdiam diri, iaitu enggan menjawab atau bertindak balas terhadap sebarang persoalan yang diajukan oleh rakan. Ujaran ayat tersekat dan kemudiannya ditinggalkan tergantung begitu sahaja tanpa apa-apa kesudahan.

Dalam konteks teori monitor yang sebenar, penghasilan merupakan perlakuan lisan pelajar, namun begitu melalui pengubahsuaian model teori kajian tersebut produk yang hendak dikaji ialah SKBL dan SKBBL. Sementara itu bahagian proses dalaman pelajar (penapis, penyusun, dan monitor) dikekalkan. Selain itu, faktor-faktor luaran pelajar (sikap, motivasi, dan persekitaran pelajar) turut mengalami sedikit perubahan bagi menepati objektif kajian ini.

Keselarasan yang terbentuk antara bahasa bukan lisan dengan bahasa lisan boleh memberi impak yang tinggi, iaitu mewujudkan sistem komunikasi yang benar-benar berkesan. Walau bagaimanapun, makna yang disampaikan melalui bahasa bukan lisan masih banyak bergantung pada interpretasi budaya sesebuah masyarakat itu sendiri.

3.3 Metodologi Kajian

Kajian ini lebih merujuk kepada sesebuah kawasan sahaja, iaitu hanya sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau SRJK(C) di daerah Hulu Langat. Subjek kajian pula hanya melibatkan pelajar yang sedang belajar di Tahun 5. Pelajar Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3, Tahun 4, Tahun 6 dan pelajar berbangsa lain tidak terlibat walaupun mereka menuntut di sekolah yang sama. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak mencakupi inferens untuk semua sekolah di daerah Hulu Langat ataupun di seluruh Selangor kecuali di sekolah-sekolah SRJK(C) di daerah tersebut sahaja.

3.3.1 Kajian Kepustakaan

Hasil rujukan daripada pelbagai sumber seperti tesis, jurnal, buku-buku, surat khabar, majalah, kertas projek proposal pelajar, kertas-kertas prosiding, dan seminar adalah penting untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tesis kajian. Sumber-sumber maklumat juga boleh diperolehi melalui pengalaman seseorang, wibawa, taakulan, induktif, dan melalui pendekatan saintifik (Mohd Majid, 1990, p.10).

Selain itu, pengkaji dapat mengetahui sejauh mana kajian tentang SK telah dijalankan oleh para sarjana bahasa sebelum ini. Berdasarkan rujukan yang dilakukan itu, pengkaji telah dapat mengubah suai model teori monitor (Krashen, 1982) yang sesuai dengan objektif-objektif kajian.

3.3.2 Kajian Lapangan


Bagi melakukan kajian ini pengkaji pergi ke sekolah yang dikenal pasti untuk dijadikan tempat kajian rintis. Selain itu, sekolah-sekolah yang akan digunakan sebagai lokasi kajian sebenar setelah objektif kajian rintis berjaya dijalankan. Kajian rintis hanya melibatkan sebuah sekolah sahaja. Pelajar yang dijadikan sampel bagi kajian rintis mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel bagi kajian sebenar. Persamaan yang dimaksudkan adalah dari segi bangsa, kelas, bahasa ibunda, bahasa B2 di sekolah tersebut. Sebelum kajian rintis dan kajian sebenar dijalankan, terlebih dahulu pengkaji memohon kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Selangor (JPS), Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat (PPDHL), Akademi Pengajian Melayu (APM), dan semua sekolah SRJK(C) di daerah Hulu Langat. Pihak sekolah telah dimaklumkan sebelum itu berkaitan tarikh, hari, masa, dan senarai subjek yang terlibat. Selepas itu, barulah kerja-kerja mengumpul data dilakukan secara sistematik agar tidak berlaku kerosakan data.

3.4 Pengumpulan dan Analisis Data

Pengumpulan data kajian menggunakan dua kaedah, iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Tujuan penggunaan kaedah bercantum adalah untuk menambahkan isinya serta menyempurnakan kekurangan daripada sesuatu pendekatan, sama ada kuantitatif atau kualitatif (Mak, 2009, p.26). Sebelum ini, ramai sarjana tempatan melakukan kajian berkaitan SK dalam B2 menggunakan kaedah analisis data kuantitatif seperti Ang (1992) dan Aminah (2002). Penggunaan kaedah tersebut dalam kajian ini untuk

mencari jenis-jenis SK yang digunakan oleh pelajar, kekerapan SK, dan mengelaskan SK tersebut kepada SKBL dan SKBBL. Analisis data secara kualitatif pula lebih mengkaji faktor ekstra linguistik mereka (sikap B2, motivasi B2, penggunaan dan pendedahan persekitaran BM pelajar, dan masalah-masalah komunikasi) dan hubungannya dengan SK yang digunakan oleh pelajar semasa berkomunikasi dalam BM.

3.5 Kerangka Konsepsi



Rajah 3.4: Kerangka konsepsi

Kerangka konsepsi (lihat Rajah 3.4) memaparkan secara keseluruhan kajian ini berkaitan SK yang dikategorikan kepada SKBL dan SKBBL. Pengkaji menggunakan teori monitor bersesuaian dengan kajian ini tentang B2 dan taksonomi Tarone yang banyak membicarakan SK dalam pendidikan. Sampel kajian dikategorikan kepada cemerlang, sederhana, dan rendah berdasarkan tahap mereka menguasai BM. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Instrumen yang digunakan adalah bercerita dan main peranan yang mendorong subjek bertutur secara lisan. Selain itu, faktor-faktor ekstra linguistik (sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan persekitaran dan masalah komunikasi) yang mempengaruhi penggunaan SK dianalisis menggunakan borang soal selidik. Kajian lapangan dimulakan dengan kajian rintis yang melibatkan 30 orang subjek yang dikecualikan daripada sampel kajian sebenar. Setelah kajian rintis berjaya dilaksanakan, maka instrumen kajian tersebut digunakan untuk kajian sebenar. Jumlah sampel yang terlibat adalah 130 orang pelajar dari lapan buah sekolah aliran SRJK(C). Bagi mendapatkan dapatan sebenar berkaitan sejauh mana faktor-faktor ekstra linguistik mempengaruhi penggunaan SK dalam komunikasi pelajar dalam BM maka SPSS (*Cramer's V*) digunakan.

3.6 Subjek Kajian

Bersesuaian dengan kajian ini adalah kajian kes, hanya pelajar Tahun 5 dipilih sebagai sampel. Seperkara lagi pemilihan tersebut kerana mereka telah melalui pembelajaran BM secara formal di sekolah selama lima tahun. Oleh itu, mereka telah menguasai leksikal BM yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan baik, menulis ayat, atau membaca bahan-bahan bacaan seperti buku teks, buku cerita, surat khabar dalam BM. Pengkaji akur dengan arahan pekeling dan arahan guru besar yang tidak mengizinkan pelajar-pelajar Tahun 6 dijadikan sampel kajian kerana dikhuatiri mengganggu pembelajaran mereka bagi menghadapi UPSR.

Subjek dikategorikan kepada tiga kumpulan berasaskan aras pelajar yang berbeza dan sudah sedia ada di sekolah mereka. Kumpulan yang dimaksudkan ialah kumpulan cemerlang atau aras tinggi, kumpulan sederhana dan kumpulan rendah. Pengelasan subjek diharapkan dapat memberi input-input berguna terhadap kajian ini. Subjek terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Kesemuanya telah mempelajari BM sejak Tahun 1 hingga Tahun 5.

3.7 Populasi dan Pensampelan

Populasi menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpul dan dianalisis. Oleh itu, bagi menjalankan penyelidikan dengan berkesan, seseorang pengkaji itu perlu mengenal pasti populasi dengan tepat dan jelas (Mohd Majid, 1990, p.57). Enrolmen dan Kelas Peringkat Rendah Mengikut Negeri, Jenis Sekolah dan Jantina Kementerian Pelajaran Malaysia (Januari, 2013) menyatakan bahawa jumlah SRJK(C) di seluruh negara ialah sebanyak 1291 buah. Jumlah pelajar seramai 598,488 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 308,396 adalah pelajar lelaki dan 290,092 adalah pelajar perempuan (PPDHL, 2013).

Negeri Selangor mempunyai 108 buah sekolah jenis kebangsaan Cina. Sebanyak 55 buah sekolah dikategorikan sebagai sekolah bandar dan 53 buah sekolah lagi sebagai sekolah luar bandar. Daripada jumlah tersebut, 55 buah adalah sekolah kerajaan dan 53 buah sekolah lagi adalah sekolah bantuan kerajaan. Jumlah murid pula seramai 122,023 orang. Pelajar lelaki seramai 63,049 orang dan pelajar perempuan pula seramai 58,974 orang. Pengkaji memilih lokasi kajian di daerah Hulu Langat yang juga salah sebuah daerah di negeri Selangor. Pemilihan daerah tersebut disebabkan faktor kewangan, jarak lokasi kajian dengan tempat kediaman pengkaji dan sistem perhubungan yang baik untuk memudahkan kerja-kerja pengumpulan data. Daerah Hulu Langat mempunyai 15 buah SRJK(C). Jumlah pelajar seramai 24,102 orang. Daripada jumlah tersebut, pelajar

lelaki seramai 12,402 orang, pelajar perempuan seramai 11,700 orang. Jumlah pelajar Tahun 5 bagi sekolah-sekolah bandar seramai 3385 orang dan 703 orang bagi sekolah-sekolah luar bandar. Semua maklumat berkaitan bilangan dan jantina murid setiap sekolah diperoleh daripada PPDHL.

Jumlah pelajar Tahun 5 di daerah Hulu Langat adalah seramai 4,088 orang, iaitu 3,385 orang di sekolah bandar dan 703 orang di sekolah luar bandar. Berdasarkan jadual 3.1 dan 3.2, bilangan pelajar lelaki 2,057 orang dan 2,031 orang pula pelajar perempuan. Memandangkan jumlah populasi yang ramai maka kaedah persampelan digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebilangan individu yang menganggotai populasi tersebut (Mohd Majid, 1990, p.63).

Jadual 3.1: Bilangan pelajar tahun 5 (kategori bandar)

Bil.	Nama Sekolah	Jantina		Jumlah Pelajar
		L	P	
1.	SRJK(C) Balakong	L	136	272
		P	136	
2.	SRJK(C) Batu 9	L	197	406
		P	209	
3.	SRJK(C) Batu 11	L	315	653
		P	338	
4.	SRJK(C) Yu Hua	L	254	488
		P	234	
5.	SRJK(C) Onn Pong	L	244	461
		P	217	
6.	SRJK(C) Kg. Baru Ampang	L	150	290
		P	140	

Jadual 3.1: Sambungan

7.	SRJK(C) Onn Pong	L	161	332
		P	171	
8.	SRJK(C) Conaught	L	220	455
		P	235	
9.	SRJK(C) Yoke Min	L	10	28
		P	18	
Jumlah		L	1687	3385
		P	1698	

Jadual 3.2: Bilangan pelajar tahun 5 (kategori luar bandar)

Bil.	Nama Sekolah	Jantina		Jumlah Pelajar
		L	P	
1.	SRJK(C) Kg. Baru Semenyih	L	46	97
		P	51	
2.	SRJK(C) Sin Min	L	137	238
		P	101	
3.	SRJK(C) Sg. Chua	L	149	289
		P	140	
4.	SRJK(C) Batu 14	L	27	56
		P	28	
5.	SRJK(C) Choon Hwa	L	5	9
		P	4	
6.	SRJK(C) Ton Fah	L	6	14
		P	8	
Jumlah		L	370	703
		P	333	

Jadual 3.3: Kaedah pengiraan sampel

Bil.	Nama Sekolah	Jumlah murid	Jumlah sampel	C	S	R
1.	SRJK(C) Balakong (B)	272	14	6	4	4
2.	SRJK(C) Bt. 9 (B)	406	20	8	6	6
3.	SRJK(C) Bt. 11 (B)	653	34	12	12	10
4.	SRJK(C) Yu Hua (B)	488	24	8	8	8
5.	SRJK(C) Semenyih (LB)	97	6	2	2	2
6.	SRJK(C) Sin Min (LB)	238	12	4	4	4
7.	SRJK(C) Sg. Chua (LB)	289	16	8	4	4
8.	SRJK(C) Bt. 14 (LB)	56	4	-	2	2
	Jumlah	4088	130	48	42	40
	Jumlah murid Tahun 5 X 1/20					

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan strata bagi memilih bilangan subjek sebagai sampel. Bilangan pelajar Tahun 5 setiap sekolah didarab dengan 1/20. Formula tersebut dapat menentukan bilangan subjek bagi sekolah tersebut. Sebanyak lapan buah sekolah terlibat merangkumi empat buah sekolah bandar dan empat buah sekolah kategori luar bandar. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Mohd Majid (1990, p.79), matlamat penggunaan sampel adalah untuk mewakili populasi di sesebuah tempat. Oleh itu, jumlah sampel dalam kajian ini yang berjumlah 130 orang boleh mewakili populasi bagi semua pelajar Tahun 5 di SRJK(C) di daerah Hulu Langat. Aspek jantina diabaikan dalam kajian ini.

3.8 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan tiga jenis instrumen untuk dilaksanakan oleh subjek yang terpilih, iaitu soal selidik, aktiviti bercerita, dan main peranan.

a. Soal Selidik

Menurut Ananda (2009, p.45) soal selidik adalah merupakan item-item yang dibina untuk mewakili beberapa aspek sesuatu variabel atau konstruk yang diukur. Biasanya, item-item tersebut telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya dalam kajian rintis (*pilot study*) dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar. Borang soal selidik kajian ini terbahagi kepada lima bahagian, iaitu bahagian A (profil pelajar), bahagian B (sikap B2), bahagian C (motivasi B2), bahagian D (penggunaan dan pendedahan persekitaran BM), dan bahagian E (masalah komunikasi B2). Semua konstruk tersebut dikenali sebagai faktor ekstra linguistik dan tujuan kajian adalah untuk melihat sejauh mana pengaruhnya terhadap penggunaan SK dalam pertuturan BM pelajar B2.

Semua subjek dikehendaki menjawab semua soalan dalam soal selidik yang terbahagi kepada lima bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D, dan bahagian E (Lihat Lampiran 1) Bahagian A berkaitan butir-butir peribadi subjek seperti nama, tahun, jantina dan bangsa. Bahagian B tentang sikap B2. Bahagian C berkaitan motivasi mereka terhadap BM, bahagian D tentang penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar terhadap BM dan bahagian E pula berkaitan masalah-masalah berkomunikasi menggunakan B2. Pelajar-pelajar dikehendaki membaca dan memahami kehendak soalan. Kemudian mereka akan membuat pilihan jawapan yang sesuai berdasarkan skala Likert. Mereka membulatkan jawapan yang betul berdasarkan pengalaman mereka tentang BM tanpa sebarang paksaan daripada mana-mana pihak.

Bagi memenuhi objektif-objektif kajian, iaitu mengenal pasti jenis-jenis SK yang digunakan dan kekerapan SK, maka subjek dikehendaki menjalankan aktiviti bercerita berdasarkan situasi gambar yang disediakan. Subjek perlu bercerita berkaitan gambar yang dilihat atau menggunakan idea-idea sendiri yang difikirkan sesuai. Semua aktiviti subjek merangkumi perbualan, pertanyaan, gerak-geri anggota badan, mimik muka dirakam dengan sepenuhnya menggunakan alat perakam video *Panasonic*.

b. Ujian Lisan

Penggunaan alat dalam ujian lisan adalah bertujuan agar subjek berujaran secara lisan dan bukan lisan. Dalam pembelajaran BM banyak aktiviti yang mengutamakan pengujaran tersebut seperti lakonan, mendeklamasikan sajak, nyanyian, bacaan dan sebagainya. Pengkaji menggunakan aktiviti bercerita dan main peranan sebagai alat yang sesuai dengan objektif kajian ini, iaitu mencari SK yang digunakan melalui pertuturan.

i. Bercerita

Aktiviti bercerita lebih cenderung kepada pelajar membina ayat-ayat secara lisan dengan melihat gambar tunggal berkaitan suasana perkelahan di tepi pantai. Subjek boleh bercerita melalui pengujaran lisan dan bukan lisan (*body language*). Pengkaji tidak mengehendkan tempoh masa. Oleh itu, subjek boleh bercerita menggunakan semaksimum ayat yang boleh. Aktiviti tersebut dilakukan secara individu. Segala pengujaran dan aksi subjek dirakamkan menggunakan alat perakam khas.

ii. Main Peranan

Aktiviti main peranan pula dilakukan secara berpasangan. Setiap kumpulan diberikan satu situasi tertentu. Mereka dikehendaki melakonkan situasi tersebut dengan penuh perasaan. Sebelum itu, pengkaji akan memberikan beberapa

dialog kepada pasangan. Subjek perlu memahami peranan masing-masing dengan berbincang bersama pasangan masing-masing. Pengkaji akan menunjukkan satu demonstrasi melakonkan dialog di depan subjek. Mereka tidak diberi tempoh masa untuk melakonkannya. Semasa melakonkan dialog, pasangan pelajar tidak dibenarkan melihat dialog sebaliknya perlu mengingat dialog tersebut. Pada masa yang sama, mereka bebas mengeluarkan idea-idea masing-masing dan tidak terikat dengan dialog yang diberikan.


Aktiviti main peranan berbeza dengan aktiviti bercerita yang dilakukan secara individu kerana ianya dilakukan secara berpasangan. Rasionalnya, perbezaan tersebut ada kaitan dengan dapatan kajian “Interaksi dalam Ujian Lisan Berasaskan Sekolah dalam Kalangan Remaja” (Ghazali, 2007, p.262) yang menyatakan remaja yang menyertai aktiviti interaksi lisan secara berkumpulan menunjukkan keterampilan bahasa yang lebih baik berbanding mereka yang melakukan aktiviti secara individu di samping merasakan lebih yakin apabila berinteraksi dengan rakan sebaya tanpa sebarang tekanan. Seperkara lagi perbezaan aktiviti tersebut berkaitan kandungan mesej. Seseorang penutur perlu mengetahui kandungan mesej yang ingin disampaikan dalam interaksi bagi membolehkan mereka menggunakan strategi yang sesuai semasa berinteraksi. Sekiranya, kandungan mesej tidak jelas diujarkan maka wujud bentuk bahasa yang tidak memenuhi ciri-ciri interaksi yang bersifat formal (Ghazali, 2007, p.207). Begitu juga dengan kajian ini, sekiranya subjek yang memegang watak pelayan atau pelanggan restoran tidak memahami kosa kata yang diujarkan maka mesej yang disampaikan tidak dapat difahami dengan jelas. Seterusnya, mereka tiada pilihan kecuali menggunakan pelbagai SK bagi mengatasi masalah ketidakfahaman mesej yang diujarkan dalam BM.

Sebelum proses rakaman dilakukan, pengkaji memberi taklimat, arahan, dan tindakan yang perlu dilakukan oleh semua subjek. Mereka digalakkan bertanya

berkaitan masalah yang dihadapi. Pengkaji memberi peluang kepada subjek memilih satu daripada dua situasi yang perlu dilakukan secara spontan. Kebanyakan mereka memilih perbualan di restoran. Pasangan dan watak mereka ditentukan oleh pengkaji sendiri. Oleh itu, subjek mengetahui peranan masing-masing dan tidak berlaku sebarang kekeliruan.

Subjek diberi teks dialog hanya untuk dibaca sahaja tetapi dalam situasi rakaman, mereka dikehendaki melakukan secara spontan. Bagi menambah semangat keyakinan dalam kalangan mereka, pengkaji membuat satu demonstrasi. Dua orang subjek menunjukkan demonstrasi di hadapan kelas. Pengkaji cuba memperbetulkan kesilapan mereka bagi tujuan penambahbaikan lakonan. Selepas itu, barulah setiap pasangan melakukan aktiviti main peranan dan semua pengujaran serta gerak-geri mereka dirakamkan. Tiada tempoh masa dikenakan supaya subjek bertutur mengikut kemampuan berdasarkan penguasaan kosa kata BM masing-masing. Seperkara lagi subjek boleh menambah ayat-ayat yang bersesuaian dengan situasi dan tidak terlalu terikat dengan teks yang dibaca. Contoh aktiviti main peranan adalah seperti yang berikut:

1. **Arahan:** Anda dikehendaki bercerita secara lisan berkaitan gambar perkelahan di bawah ini.



Rajah 3.5: Suasana perkelahan di tepi pantai

2. **Arahan:** Anda dikehendaki memilih **salah satu** situasi berikut. Lakonkan situasi tersebut secara berpasangan.

Situasi i:

Anda ke kedai untuk membeli alat tulis. Semasa dalam perjalanan tiba-tiba anda terlihat sebuah rumah sedang dijilat api. Tanpa membuang masa, anda terus menelefon pihak bomba untuk memadamkan kebakaran tersebut. **Lakonkan** perbualan anda dengan pihak bomba tersebut.

Anda : Hello, bolehkah saya bercakap dengan pegawai bomba?

Pegawai : Ya, ini pegawai bomba daerah Serdang!

Anda : Tuan, di sini ada satu kebakaran sebuah rumah!

Pegawai : Baiklah, bolehkah anda beritahu alamat tempat kebakaran itu?

Anda : Rumah bernombor 12, Jalan Bunga Raya, Taman Sentosa.

Pegawai : Baiklah, laporan diterima dan kami akan segera ke tempat itu.

Anda : Terima kasih.

Pegawai : Sama-sama.

Situasi ii:

Anda dan rakan berkunjung ke sebuah restoran untuk menikmati sarapan pagi.

Lakonkan perbualan anda bersama pelayan restoran tersebut tentang menu makanan dan minuman yang akan dipilih.

Pelayan : Hello, Selamat pagi. Apa khabar? Selamat datang.

Anda : Selamat pagi, Khabar baik.

Pelayan : Apakah menu makanan yang anda pilih?

Anda : Emmh, baiklah saya hendak makan nasi ayam.

Pelayan : Apakah minuman yang anda suka?

Anda : Saya minta segelas teh tarik dan segelas susu.
Pelayan : Apakah menu makanan untuk rakan anda?
Anda : Untuk rakan saya ini, tolong berikan secawan kopi.
Pelayan : Ada apa-apa lagi?
Anda : Tiada. Terima kasih.
Pelayan : Sama-sama.

3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kedua-dua aspek ini berkait rapat dan mempunyai peranan penting terhadap instrumen kajian yang hendak dijalankan. Nadarajan (2014, p.169) menerusi kajiannya yang bertajuk “Penggunaan Teater Forum dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah” menyatakan kesahan dan kebolehpercayaan penting bagi memastikan kajian yang dijalankan sah dan seterusnya hasil kajian boleh dipercayai bagi mengukuhkan dapatan kajian. Selain itu, kedua-dua aspek ini menjadi asas sejauh mana dapatan kajian menggambarkan fenomena yang dikaji atau diterokai itu tepat (Othman, 2006, p.25).

(i) Kesahan

Kesahan merujuk kepada pengukuran ketepatan kajian, iaitu setakat mana sesuatu kajian memberi gambaran sebenar tentang apa yang dikaji. Menurut Nadarajan (2014, p.168) menyatakan kesahan merujuk kepada bagaimana dapatan kajian yang diperolehi sepadan dengan realiti sebenar.

Menurut Kamarul Shukri (2009, p.168) menerusi kajiannya, iaitu “Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama” alat yang berupaya mengukur dengan tepat sesuatu pemboleh ubah yang ditetapkan adalah dianggap sah sebagai alat pengukur bagi pemboleh ubah tersebut. Muijs (2004, p.34) pula menyatakan kesahan kandungan merujuk sama ada kandungan

pemboleh ubah yang nyata (item-item dalam ujian atau soal selidik) adalah tepat mengukur konsep yang terpendam (contoh, harga sendiri, pencapaian dan sikap) yang ingin diukur. Selain itu, ketepatan pengukuran dikaitkan dengan kesahan kandungan instrumen yang tinggi sekiranya alat itu dapat mengukur isi kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan (Mohd Majid, 1990, p.104). Kajian ini menggunakan soal selidik, aktiviti bercerita gambar tunggal, dan main peranan berdasarkan situasi. Subjek diberi dua pilihan situasi (restoran dan balai bomba) dan dikehendaki memilih satu situasi sahaja. Ketiga-tiga alat tersebut perlu disemak bagi tujuan penambahbaik alat dan pengesahan daripada mereka yang pakar dalam bidang BM sebelum menggunakannya dalam kajian rintis dan seterusnya kajian sebenar.

(ii) Kebolehpercayaan

Jackson (2006) dan Tuckman (1999) dalam kajian Kamarul Shukri (2009, p.169) mengatakan kebolehpercayaan merujuk kepada kestabilan dan ketekalan instrumen dalam mengukur sesuatu konsep. Dalam kajian ini, item-item dalam soal selidik telah diukur kebolehpercayaan menggunakan SPSS. Pengkaji menggunakan ujian *Alpha Cronbach* untuk mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap item dalam soal selidik. Menurut Kamarul Shukri (2009) mengatakan julat nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* adalah antara 0.00 hingga 1.00. Nilai yang rendah menunjukkan keupayaan item dalam instrumen kajian itu rendah untuk konsep sesebuah kajian (p.169).

Dalam kajian Kamarul Shukri (2009, p.170) beberapa orang pengkaji mengemukakan pendapat masing-masing tentang nilai *Alpha Cronbach*. Mohd Majid (1990, p.28) menyatakan nilai *Alpha Cronbach* yang melebihi 0.60 sering diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan. Muijs (2004, p.78) pula berpandangan bahawa nilai *Alpha Cronbach* ke atas adalah merupakan nilai pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima. Namun begitu bagi Mcmillan & Schumacher

(2006, p.47) nilai *Alpha Cronbach* 0.65 ke bawah dianggap lemah. Pendapat mereka diperkukuhkan lagi oleh Sekaran (1992, p.24) bahawa nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 bukan sahaja lemah malah tidak boleh diterima pakai, nilai 0.60 hingga 0.80 boleh diterima, dan nilai *Alpha Cronbach* yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik.

Menurut Chua (2006, p.61) bahawa bilangan subjek untuk kajian rintis biasanya 30 orang (minimum). Bagi mengelakkan sebarang pencemaran kajian rintis maka subjek yang diambil itu bukan daripada subjek populasi tetapi menggunakan subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri subjek populasi kajian sebenar seperti umur, latar belakang diri, taraf pendidikan, taraf sosio-ekonomi, jenis sekolah dan lain-lain. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan yang tinggi pada instrumen (soal selidik) kajian ini, maka kajian rintis dijalankan di sebuah sekolah yang terkecuali daripada kajian sebenar. Oleh itu, SRJK(C) Onn Pong (2), yang terletak di Ampang, Selangor dipilih untuk kajian rintis. Seramai 30 orang pelajar Cina Tahun 5 yang merangkumi pelbagai aras (10 cemerlang, 10 sederhana, dan 10 rendah) telah diuji untuk menjawab soalan-soalan dalam soal selidik dan juga melakukan ujian lisan.

Sebelum proses pengumpulan data, pengkaji telah mengadakan perbincangan dengan pentadbir sekolah tersebut bagi tujuan kebenaran, bilik khas, guru pembantu, dan bilangan pelajar Cina yang terlibat sebagai sampel untuk menjalani kajian tersebut. Tempoh masa untuk menjawab soal selidik lebih kurang satu jam. Seorang guru BM berbangsa Cina telah membantu melaksanakan ujian bertulis itu. Item-item dalam soal selidik ditulis dalam BM. Oleh itu, seorang guru BM yang fasih berbahasa Mandarin telah membantu menterjemahkan item-item tersebut dalam bahasa ibunda agar subjek lebih memahami maksud item dan dapat menjawabnya dengan tepat. Selepas selesai menjawab ujian bertulis, semua borang soal selidik dikutip semula untuk dianalisis menggunakan SPSS.

Langkah seterusnya, mengelaskan semua subjek dikelaskan mengikut kumpulan cemerlang, sederhana dan rendah. Setiap kumpulan mengandungi 10 orang. Setelah taklimat disampaikan berkaitan aktiviti yang perlu dilakukan, maka pengkaji memulakan kerja-kerja merakamkan aktiviti bercerita dan main peranan subjek menggunakan alat perakam khas. Seterusnya, data-data rakaman dianalisis dengan teliti bagi mendapatkan SK yang digunakan oleh subjek.

3.10 Prosedur Kajian dan Analisis Data

Dalam usaha menghasilkan satu penyelidikan yang berimpak tinggi maka kesahan, kebolehpercayaan, dan aktiviti-aktiviti kajian yang dijalankan itu perlu bersistematik dan mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Oleh itu, bagi proses pengumpulan data kajian ini sebanyak enam peringkat prosedur perlu dilalui berdasarkan Rajah 3.6:

Peringkat 1
<ul style="list-style-type: none"> • Membina item-item soal selidik
Peringkat 2
<ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan soal selidik
Peringkat 3
<u>Kajian Rintis</u>
<ul style="list-style-type: none"> • Ujian bertulis • Ujian lisan
Peringkat 4
<ul style="list-style-type: none"> • Data kajian rintis
Peringkat 5
<u>Kajian sebenar</u>
<ul style="list-style-type: none"> • Ujian bertulis • Ujian lisan
Peringkat 6
<ul style="list-style-type: none"> • Dapatan kajian sebenar

Rajah 3.6: Peringkat prosedur kajian

Pada peringkat pertama adalah proses penyediaan item-item soal selidik berkaitan profil subjek, item-item sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan persekitaran BM, dan masalah-masalah komunikasi yang dihadapi subjek semasa berkomunikasi dalam BM. Penggunaan soal selidik sebagai alat pengukuran dalam penyelidikan pendidikan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan lain-lain serta penggunaannya lebih praktikal dan berkesan untuk populasi yang besar (Mohd Majid, 1990, p.202). Selain salah satu kaedah mengumpul data kajian, peranannya juga adalah untuk mengenal pasti fakta-fakta yang boleh digunakan untuk menguji hipotesis atau menambah kebolehpercayaan sesuatu teori yang digunakan itu (Mak, 2009, p.185). Oleh itu, penggunaan soal selidik adalah untuk mendapatkan data-data pelajar Cina di samping menguji kesesuaian teori monitor yang digunakan. Setiap item mempunyai lima skor pilihan menggunakan skala Likert.

Peringkat kedua adalah pengesahan soal selidik daripada tokoh-tokoh yang pakar dalam linguistik. Antara mereka yang terlibat ialah Prof. Datin Dr Juriah Long (Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia), Prof. Madya Dr Noor Aina Dani (Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia), dan Dr Hajah Nazirah Mohd Nordin (Guru Besar SK Sungai Serai, Hulu Langat). Sebelum pengesahan, item-item soal selidik disemak dan difahami dengan teliti agar item-item tersebut menunjukkan ciri-ciri kebolehpercayaan, kesahan dan integriti yang tinggi. Item-item yang tidak mempunyai ciri-ciri tersebut digugurkan atau diperbaiki semula. Proses penambahbaik item-item soal selidik dilakukan beberapa kali sebelum pengesahan dilakukan.

Peringkat ketiga menyaksikan soal selidik yang telah disahkan itu digunakan untuk kajian rintis di sekolah yang dipilih. Sekolah tersebut ialah SRJK(C) Onn Pong (2), Ampang, Selangor. Sekolah tersebut tidak terlibat dalam proses pengumpulan data


kajian sebenar. Subjek kajian menjawab soal selidik dan kemudian melakukannya ujian lisan.

Menurut *Kamus Linguistik* (1997, p.51) definisi transkripsi adalah pemindahan bunyi bahasa kepada bentuk tulisan. Oleh itu, proses tersebut dilakukan pada peringkat keempat, data ujian lisan yang dirakamkan ditranskripsi dalam bentuk data bertulis. Proses transkripsi dilakukan berulang kali bagi memastikan ujaran-ujaran lisan dan bukan lisan dapat ditulis dengan baik. Kemudian barulah proses menganalisis data bertulis tersebut bagi menyaring penggunaan SK oleh pelajar Cina. Pada waktu yang sama pengkaji cuba mengesan sebarang kelemahan yang berlaku semasa kajian rintis. Sekali lagi penambahbaikan dilakukan bagi meningkatkan kualiti instrumen ujian lisan.

Dapatan kajian rintis yang benar-benar sah membolehkan instrumen kajian tersebut diaplikasikan dalam kajian sebenar bagi mendapatkan data-data kajian sebenar. Sebelum itu, pengkaji telah menentukan bilangan sampel mengikut aras masing-masing dan sekolah-sekolah yang terlibat. Pada peringkat akhir, data-data ujian bertulis dan ujian lisan dikumpulkan dan dilakukan kerja-kerja memproses data dengan teliti. Bagi mencari dapatan yang melibatkan pemboleh ubah bersandar dan tak bersandar maka pengkaji menggunakan SPSS. Dapatan yang diperoleh setelah melalui proses data yang tersusun dan bersistematik telah merealisasikan objektif-objektif kajian ini.

3.10.1 Prosedur Analisis Data Kuantitatif

Prosedur analisis data kuantitatif berdasarkan aktiviti bercerita dan main peranan melalui beberapa peringkat seperti yang digambarkan melalui Rajah 3.7.




Rajah 3.7: Proses analisis data kuantitatif

Pada peringkat pertama, semua subjek berada dalam bilik khas untuk diberi taklimat berkaitan tujuan kajian dijalankan dan arahan yang perlu diikuti oleh subjek semasa ujian berlangsung. Semua taklimat disampaikan dalam bahasa Mandarin oleh guru bahasa Melayu berbangsa Cina. Penggunaan bahasa ibunda boleh memberi pemahaman sepenuhnya kepada subjek berkaitan tindakan yang perlu dilakukan. Semua subjek diberi sekeping gambar tentang suasana perkelahan di tepi pantai dan melihat dengan teliti. Subjek dikehendaki cuba berfikir kosa-kosa kata yang sesuai untuk membina ayat-ayat yang betul. Semua diberi peluang bertanya sebarang masalah yang tidak difahami. Pada peringkat kedua pula, satu demonstrasi diadakan di hadapan subjek untuk melakukan aktiviti bercerita atau main peranan dengan berpandukan alat bantu mengajar serta dibantu oleh guru. Kejayaan subjek melakukan demonstrasi memberi semangat kepada subjek yang lain untuk melakukan aktiviti yang sama. Setelah subjek

memahami tugas yang perlu dilakukan maka mereka pun menjalani aktiviti bercerita dan main peranan. Semua aktiviti tersebut dirakam menggunakan alat perakam video. Seterusnya, data-data yang dirakam itu diubah menjadi data-data tulisan dan dianalisis untuk mengenal pasti jenis-jenis SK yang digunakan. Semua SK yang digunakan dikelaskan kepada dua kategori (SKBL dan SKBBL) berdasarkan objektif kajian. Analisis kajian hanya menetapkan SK yang telah ditetapkan. Oleh itu, penggunaan SK yang tidak disenaraikan terpaksa diabaikan.

3.10.2 Prosedur Analisis Data Kualitatif

Proses pengumpulan data kualitatif melibatkan soal selidik. Bahagian-bahagian penting dalam soal selidik telah dinyatakan dalam LAMPIRAN 1. Beberapa proses perlu dilalui bagi mendapatkan data. Item-item soal selidik bertujuan untuk menguji sejauh mana faktor ekstra linguistik pelajar B2 mempengaruhi penggunaan SK dalam pertuturan BM. Dapatan kajian boleh dirujuk dalam Bab 6.



Rajah 3.8: Proses analisis data kualitatif

Berdasarkan Rajah 3.8 terdapat empat peringkat prosedur pemprosesan data secara kualitatif, iaitu peringkat taklimat, ujian bertulis, penganalisan data, dan dapatan kajian. Pada peringkat taklimat, pihak pentadbir sekolah telah mengenal pasti pelajar Cina yang dipilih sebagai subjek kajian dan menyerahkan senarai nama subjek mengikut kumpulan kepada pengkaji. Selepas itu, semua subjek dimasukkan ke dalam bilik khas. Mereka diminta membawa alat tulis untuk mengisi borang soal selidik. Terlebih dahulu pengkaji memaklumkan tujuan kajian diadakan dan pemilihan mereka sebagai subjek kajian.

Pada peringkat ujian bertulis, pengkaji dibantu oleh seorang guru BM yang fasih berbahasa Mandarin menunjukkan bagaimana mengisi borang selidik dengan betul. Selain itu, peranan utama guru tersebut membantu pengkaji menterjemahkan setiap item dalam bahasa Mandarin supaya subjek lebih memahami kehendak item. Proses ujian bertulis dijalankan secara teliti. Subjek akan mendengar terjemahan item yang dibacakan dalam bahasa Mandarin. Kemudian subjek mengambil sedikit masa untuk memilih jawapan berdasarkan lima skor yang disediakan. Sekiranya berlaku kesilapan maka subjek hendaklah segera memadam dan membuat pembetulan. Selepas itu, guru tersebut membacakan item seterusnya dan diikuti tindakan subjek untuk memilih skor jawapan. Subjek boleh bertanya sekiranya terdapat istilah yang tidak difahami atau meminta pengulangan semula sekiranya penerangan guru kurang jelas. Subjek mengambil masa lebih kurang satu jam untuk menjawab ujian bertulis tersebut. Semua borang soal selidik dikumpulkan setelah subjek berpuas hati dengan jawapan yang diberikan.

Borang soal selidik yang dikumpulkan diproses menggunakan SPSS bagi melihat pemilihan skor dalam setiap item masing-masing. Rumusan setiap domain dalam soal selidik dapat menggambarkan pandangan subjek terhadap BM dan selepas itu dikaitkan


dengan penggunaan SK dalam ujian lisan (bab 4). Selain itu, data-data yang diperoleh daripada soal selidik juga dianalisis menggunakan data berkomputer SPSS (*Statistical Package For Sosial Sceince*). Bagi melihat sejauh mana hubungan antara faktor-faktor ekstra linguistik dengan penggunaan SK pelajar Cina, maka ujian *Alpha Cronbach* digunakan.

3.11 Dapatan Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan kajian rintis di sebuah sekolah, iaitu SRJK(C) Onn Pong (2), Ampang. Sekolah tersebut dikecualikan daripada terlibat dalam kajian sebenar. Jumlah subjek yang diambil seramai 30 orang dari tiga buah kelas yang berbeza tahapnya (10 orang pelajar cemerlang, 10 orang pelajar sederhana, dan 10 orang pelajar rendah). Prosedur pengumpulan data kajian rintis dimulakan dengan menguji item-item dalam soal selidik. Pengujian soal selidik adalah penting untuk memastikan soal selidik tersebut mempunyai ciri-ciri kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi digunakan dalam kajian sebenar. Selepas itu dilakukan proses pengumpulan data lisan bagi mencari jenis-jenis dan kekerapan SK.


3.11.1 Analisis Data Kuantitatif

Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini bahawa SKBL dan SKBBL yang dijadikan landasan kajian ini adalah melibatkan sejauh mana penguasaan BM mereka dalam pertuturan lisan. Oleh itu, bilangan SK yang digunakan juga adalah berbeza. Kekerapan SK tersebut boleh merujuk Rajah 3.8.



Rajah 3.9: Strategi komunikasi berdasarkan kategori bahasa.


Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa subjek seramai 30 orang telah menggunakan 269 kes SK pelbagai jenis. Seterusnya, hasil analisis juga mendapati penggunaan SKBBL lebih banyak, iaitu 173 kes (64%) berbanding SKBL sebanyak 96 kes atau 36%. Jumlah penggunaan SKBBL yang lebih banyak daripada SKBL merupakan suatu langkah positif yang dilakukan oleh pelajar semasa mendepani masalah kekurangan kosa kata BM.



Rajah 3.10: Strategi komunikasi berdasarkan aras pelajar

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa PAR menggunakan paling banyak SK, iaitu 110 kes (41%) berbanding PAS sebanyak 82 kes (30%), dan PAC pula sebanyak 77 kes atau 29%. Tafsiran yang boleh dibuat bahawa pelajar cemerlang

didapati kurang menggunakan SK dalam pertuturan BM kerana mereka telah menguasai banyak kosa kata BM. Oleh itu, mereka kurang menggunakan SK bagi membantu menyampaikan mesej kepada pendengar lain. Bagi pelajar yang belum menguasai sepenuhnya BM maka tentunya menggunakan lebih banyak SK terutama PAS dan PAR. Dapatan kajian ini menyokong teori BA yang dibawa oleh Selinker yang menyatakan bahawa semakin hampir seseorang pelajar B2 mencapai titik kontinum B2 maka semakin kurang penggunaan SK.




Rajah 3.11: Strategi komunikasi pelajar kajian rintis

Berdasarkan Rajah 3.11 menunjukkan pengguguran mesej merupakan SK yang paling banyak digunakan oleh pelajar berbanding SK yang lain, iaitu 61 kes atau 24%. Seterusnya, pelajar menggunakan anggota badan yang mudah digerakkan bagi

mendapatkan bantuan sekitaran seperti pergerakan jari 55 kes (22%), pergerakan tangan 35 kes (14%), pergerakan kepala 26 kes (10%), jelingan mata 24 kes (9%), pergerakan badan 17 kes (5%), penukaran kod 12 kes (3%), rayuan kerjasama 8 kes (3%), strategi diam 7 kes (2%), renungan mata 6 kes (2%), generalisasi terlampau 6 kes (2%), pengelakan topik 4 kes (1%), dan penghampiran 2 kes (1%). Sementara itu, SK penghuraian, pergerakan lidah, pembentukan perkataan baru, dan senyuman amat sedikit digunakan, iaitu di bawah 2 kes atau kurang 1%.

i. Pelajar Aras Cemerlang (PAC)

Berdasarkan analisis data kajian, PAC telah menggunakan sebanyak 77 kes SK pelbagai jenis. Keterangan secara terperinci penggunaan SK mengikut jenis boleh merujuk kepada Rajah 3.12.




Rajah 3.12: Strategi komunikasi pelajar aras cemerlang (PAC)

Dapatan daripada analisis data yang ditranskripsikan menunjukkan PAC paling banyak menggunakan pengguguran mesej, iaitu 21 kes (27%). Seterusnya, pergerakan jari 20 kes (26%), jelingan mata 8 kes (11%), pergerakan tangan 8 kes (11%), pergerakan kepala 5 kes (9%), strategi diam 3 kes (4%), rayuan kerjasama 3 kes (4%), pergerakan badan 2 kes (3%), dan masing-masing 1 kes (1%) bagi pengelakan topik, penghuraian, penukaran kod, generalisasi terlampau, renungan mata. Pelajar sederhana didapati tidak menggunakan penghampiran, pembentukan perkataan baharu, pergerakan lidah, dan senyuman.

ii. Pelajar Aras Sederhana (PAS)

Dalam kajian rintis, PAS telah menggunakan pelbagai SK sebanyak 82 kes. Jenis-jenis dan peratusan SK boleh merujuk pada rajah 3.13.




Rajah 3.13: Strategi komunikasi pelajar aras sederhana (PAS)

Dapatan yang diperoleh daripada kumpulan PAS menunjukkan mereka lebih mengutamakan pengguguran mesej dan pergerakan jari sebagai SK bagi membantu mereka meneruskan pengujaran bagi menyampaikan mesej. Masing-masing menggunakan 19 kes atau 23%. Pergerakan anggota badan yang lain turut membantu pelajar seperti jelingan mata 12 kes (15%), pergerakan kepala dan pergerakan tangan menunjukkan bilangan yang sama, iaitu 7 kes (8%). Seterusnya, pergerakan badan 4 kes (5%) dan empat lagi SK (strategi diam, penukaran kod, rayuan kerjasama, dan generalisasi terlampau) melibatkan jumlah yang sama, iaitu 3 kes, atau 4%. Bagi penghampiran dan senyuman pula, subjek didapati kurang menggunakannya. Bilangannya hanya 1 kes (1%). Hasil analisis data juga menunjukkan pelajar sederhana tidak menggunakan langsung pengelakan topik, pembentukan perkataan baharu, penghuraian, pergerakan lidah, dan renungan mata semasa melakukan pertuturan dalam BM.

iii. Pelajar Aras Rendah (PAR)

Jumlah subjek PAR adalah seramai 10 orang. Bilangan tersebut sama dengan PAC dan PAS. Kekerapan SK yang digunakan sebanyak 110 kes. Jenis-jenis dan peratusan SK boleh merujuk pada rajah 3.14.



Rajah 3.14: Strategi komunikasi pelajar aras rendah (PAR)

Analisis data lisan menunjukkan PAR didapati menggunakan lebih banyak SK berbanding pelajar sederhana dan pelajar cemerlang. Dapatan tersebut juga menunjukkan mereka belum menguasai sepenuhnya BM dan banyak bergantung pada SK. Kedudukan titik kontinum BA mereka masih jauh daripada bahasa sasaran. Berdasarkan Rajah 3.14 pelajar rendah didapati paling banyak menggunakan pengguguran mesej, iaitu 21 kes (19%). Seterusnya, pelajar menggerakkan anggota badan yang mudah dilakukan dan memberi makna yang berkesan seperti pergerakan tangan 20 kes (18%), pergerakan jari 16 kes (15%), pergerakan kepala 12 kes (11%), pergerakan badan 11 kes (10%), penukaran kod 8 kes (7%), renungan mata 5 kes (5%), jelingan mata 4 kes (4%), dan pengelakan topik 3 kes (3%). Dapatan juga mendapati tiga SK (rayuan kerjasama, generalisasi terlampau, dan pergerakan lidah) melibatkan bilangan kekerapan yang sama, iaitu 2 kes (2%). Pelajar rendah didapati sangat kurang menggunakan penghampiran, pembentukan perkataan baru, penghuraian, dan strategi

diam dalam pertuturan lisan. Semua bilangan SK tersebut hanya 1 kes atau 1%. Sementara itu, senyuman tidak digunakan langsung.

Penggunaan SK oleh pelajar di SRJK(C) semasa bertutur menggunakan BM menunjukkan terdapatnya persamaan dan perbezaan antara aras pelajar. Dapatan utama yang ditemui mendapati ketiga-tiga aras pelajar B2 paling banyak menggunakan pengguguran mesej berbanding SK yang lain. Dapatan tersebut menjelaskan bahawa SK tersebut merupakan suatu strategi yang berkesan untuk membantu mereka menguasai BM. Seterusnya, dapatan daripada kajian rintis tersebut menunjukkan semua aras pelajar B2 didapati lebih banyak menggunakan SKBBL melalui pergerakan jari, tangan, kepala, badan, dan jelingan mata. Pergerakan anggota badan tersebut boleh memberi sesuatu isyarat yang bermakna dan berkesan kepada interlokutor atau pendengar. Sementara itu, senyuman, pergerakan lidah, pembentukan perkataan baru, penghuraian, penghampiran, generalisasi terlampau, rayuan kerjasama, dan renungan mata didapati kurang digunakan secara aktif. Dapatan tersebut menunjukkan SK yang dinyatakan itu kurang berkesan dalam mengatasi kekangan pelajar semasa berkomunikasi dalam BM. Dapatan kajian rintis juga membuktikan bahawa pengaruh bahasa ibunda (bahasa Mandarin) kurang memainkan peranan dalam pertuturan B2 (BM). Hujah tersebut boleh dilihat pada penggunaan penukaran kod oleh ketiga-tiga aras pelajar hanya sekitar 3% atau 12 kes. Oleh itu, proses pembelajaran BM sesuai dilakukan kepada pelajar ketika di peringkat rendah agar pembudayaan penggunaan BM boleh berkembang dengan lancar.

3.11.2 Analisis Data Kualitatif

Sebelum item-item dalam soal selidik dijawab oleh subjek maka item-item perlu diuji bagi mendapatkan kebolehpercayaan melalui nilaipekali *Alpha Cronbach* bagi aspek sikap pelajar B2, motivasi pelajar B2, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar

B2, dan masalah komunikasi yang dihadapi oleh pelajar semasa berkomunikasi dalam BM.

a. **Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik**

Jadual 3.4: Indeks kebolehpercayaan sikap pelajar

Item	Sikap B2
	<i>r</i>
B1	.708
B2	.742
B3	.710
B4	.723
B5	.654
B6	.674
B7	.765
B8	.680
B9	.742
Alpha Cronbach = 0.737	

Dengan menggunakan kaedah korelasi *product moment* didapati ujian kebolehpercayaan Sikap B2 secara keseluruhan menunjukkan indeks yang kuat. Pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* didapati mengukur Sikap B2 pelajar Cina berada aras kebolehpercayaan yang baik, iaitu $\alpha = 0.737$. Indeks ini bermakna bahawa item-item yang mengukur Sikap pelajar B2 adalah sesuai digunakan untuk kajian sebenar.

Jadual 3.5: Indeks kebolehpercayaan motivasi pelajar

Item-item	Motivasi B2
	<i>r</i>
C1	.786
C2	.801
C3	.784
C4	.836
C5	.808
C6	.826
C7	.785
C8	.802
<i>Alpha Cronbach</i>	0.825

Dengan menggunakan kaedah korelasi *product moment* didapati ujian kebolehpercayaan bagi Motivasi pelajar B2 secara keseluruhan menunjukkan indeks yang kuat. Pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* berada pada aras kebolehpercayaan yang baik, iaitu $\alpha = 0.825$. Indeks ini bermakna bahawa item-item soal selidik ini sebenarnya mengukur Motivasi B2 pelajar Cina.

Jadual 3.6: Indeks kebolehpercayaan penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar Cina Terhadap bahasa Melayu

Item	Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Cina Terhadap bahasa Melayu
	<i>r</i>
D1	.877
D2	.910
D3	.893
D4	.882
D5	.901
D6	.879
D7	.906
D8	.892
D9	.892
<i>Alpha Cronbach = 0.904</i>	

Merujuk pada jadual 3.6, indeks kebolehpercayaan keseluruhan item bagi konstruk Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Cina Terhadap bahasa Melayu adalah 0.904. Dapatan ini menunjukkan semua item dalam konstruk berada pada aras kebolehpercayaan yang baik dan boleh digunakan. Item kedua menunjukkan indeks kebolehpercayaan paling tinggi (.910). Seterusnya, item ke-7 (.906), dan item ke-5 (.901).

Jadual 3.7: Indeks kebolehpercayaan masalah-masalah komunikasi pelajar

Item	Masalah – masalah Berkomunikasi
	<i>r</i>
E1	.822
E2	.827
E3	.806
E4	.807
E5	.814
E6	.810
E7	.844
E8	.843
E9	.838
E10	.809
<i>Alpha Cronbach = .838</i>	

Pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi semua item masalah komunikasi pelajar didapati berada pada aras kebolehpercayaan yang baik, iaitu $\alpha = 0.838$. Indeks ini bermakna bahawa item-item soal selidik boleh mengukur masalah komunikasi B2 dan sesuai digunakan untuk kajian sebenar.

Semua indeks kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi keempat-empat kontrak itu berada antara julat 0.737 hingga 0.904. Dapatan tersebut menunjukkan indeks kebolehpercayaan semua item dalam soal selidik ini adalah tinggi dan boleh digunakan

dalam kajian sebenar bagi mengukur sikap pelajar B2, motivasi pelajar B2, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar B2, dan masalah komunikasi pelajar B2. Selain itu, dapatan indeks kebolehpercayaan bagi kajian rintis itu selari dengan pandangan Mohd Majid (1990) dan Sekaran (1992).

3.11.3 Hubungan Faktor Ekstra Linguistik dengan Strategi Komunikasi

Dengan menggunakan perisian SPSS prosedur tabulasi silang (*crosstab*) hasil formula *Contingency Coefficient* atau lebih dikenali sebagai CC untuk data nominal seperti sikap pelajar B2, motivasi pelajar B2, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar B2, dan masalah komunikasi pelajar Cina yang tidak memerlukan ujian formal, penggredan A,B,C, 80%, gred pelajar dan sebagainya. Tujuan formula ini untuk melihat hubungan satu pemboleh ubah bersandar dengan satu pemboleh ubah bersandar yang lain.

Jadual 3.8: Hubungan faktor ekstra linguistik dengan strategi komunikasi

	Faktor Ekstra Linguistik Pelajar	Nilai CC
1.	Sikap Pelajar B2 Dengan SK	0.934
2.	Motivasi Pelajar B2 Dengan SK	0.931
3.	Penggunaan & Pendedahan Persekitaran Pelajar B2 Dengan SK	0.944
4.	Masalah Komunikasi Pelajar B2 Dengan SK	0.946
	Purata	0.939

Bagi hubungan antara sikap pelajar dengan penggunaan SK nilai yang terhasil daripada ujian statistik CC menunjukkan 0.934 (.934), iaitu menghampiri nilai satu yang ditafsirkan sebagai sempurna teguh. Nilai 0.934 yang terhasil antara sikap dan hubungannya dengan strategi komunikasi adalah menghampiri 1. Nilai ini ditafsirkan terdapat hubungan yang sangat teguh dan signifikan antara sikap pelajar B2 dengan SK.

Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa sikap B2 pelajar Cina terhadap SK adalah positif dan tinggi.

Nilai yang terhasil daripada ujian statistik CC menunjukkan 0.931 (.931), iaitu menghampiri satu. Nilai dapatan lebih tinggi daripada nilai sikap pelajar B2 dengan strategi SK. Tafsiran yang boleh dibina daripada dapatan ini menunjukkan aspek motivasi B2 pelajar Cina memainkan peranan penting terhadap penggunaan SK dalam BM. Nilai ini menunjukkan terdapat hubungan yang sangat teguh dan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah bersandar tersebut.

Hasil formula CC untuk data nominal, iaitu penggunaan dan pendedahan persekitaran B2 pelajar Cina terhadap SK menunjukkan 0.944 (.944). Nilai tersebut lebih tinggi daripada dua nilai sebelumnya membuktikan bahawa terdapat hubungan yang teguh dan signifikan antara pendedahan dan persekitaran BM dalam kalangan pelajar Cina dengan SK. Oleh itu, hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut adalah positif dan masih tinggi.

Nilai yang terhasil daripada ujian statistik CC menunjukkan 0.946 (0.946). Nilai tersebut menghampiri satu dan boleh dikategorikan sebagai sempurna teguh. Tafsiran yang boleh dibuat berdasarkan nilai tersebut ialah terdapat hubungan yang sangat teguh dan signifikan antara masalah komunikasi B2 pelajar Cina dengan SK. Oleh itu, kesimpulannya bahawa hubungan masalah komunikasi pelajar Cina terhadap strategi komunikasi dalam bahasa kedua adalah positif dan tinggi.

Secara keseluruhannya daripada data-data yang diproses menggunakan perisian SPSS prosedur tabulasi silang (*crosstab*) hasil formula CC bagi data nominal, iaitu sikap pelajar B2, motivasi pelajar B2, penggunaan dan pendedahan persekitaran BM, dan masalah komunikasi BM dengan SK menghampiri satu. Nilai yang ditunjukkan

tersebut membuktikan bahawa terdapat hubungan yang sangat teguh, signifikan, positif, dan tinggi antara keempat-empat aspek itu dengan SK semasa bertutur dalam BM dalam kalangan pelajar Cina. Purata pekali kebolehpercayaan bagi soal selidik kajian ini adalah 0.939. Ujian tersebut menunjukkan dapatan kajian rintis ini dianggap berjaya mencapai objektifnya dan seterusnya boleh digunakan untuk kajian sebenar, iaitu 130 orang subjek.

3.12 Rumusan

Huraian yang mendalam berkaitan teori dan taksonomi SK, dan metodologi (reka bentuk kajian, kerangka konsepsi, populasi dan pensampelan, instrumen, subjek kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, prosedur kajian, prosedur analisis data, dapatan kajian rintis (dapatan kuantitatif, dapatan kualitatif dan hubungan faktor ekstra linguistik pelajar dengan SK) adalah elemen-elemen yang penting untuk menjelaskan kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan analisis dapatan kajian kuantitatif.


BAB 4: JENIS-JENIS STRATEGI KOMUNIKASI PELAJAR CINA

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, dapatan kajian tentang jenis-jenis SK dalam kalangan pelajar Cina di SRJK(C) di daerah Hulu Langat, Selangor dibentangkan dalam bentuk teks, gambar rajah, dan carta. Data kajian diperoleh daripada respons subjek kajian berasaskan ujian lisan (aktiviti bercerita dan main peranan).

4.2 Strategi Komunikasi Pelajar Cina

Objektif pertama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis SK yang digunakan oleh pelajar Cina semasa berkomunikasi dalam BM untuk menyampaikan mesej. SK tersebut boleh dikategorikan sebagai strategi komunikasi bahasa lisan (SKBL) dan strategi komunikasi bahasa bukan lisan (SKBBL) sebagaimana yang digunakan dalam rajah 4.1.



Rajah 4.1: Strategi komunikasi pelajar Cina

4.3 Strategi Komunikasi Bahasa Lisan (SKBL)

Dalam kajian ini terdapat lapan jenis SK yang dikaji secara terperinci, iaitu pengguguran mesej, rayuan kerjasama, penghuraian, penukaran kod, pengelakan topik, generalisasi terlampau, penghampiran, dan pembentukan perkataan baharu. Penggunaan semua SK tersebut berdasarkan ujian lisan (bercerita dan main peranan).

4.3.1 Pengguguran Mesej

Tarone. E (1983, p.63) menyatakan bahawa SK tersebut digunakan oleh seseorang pelajar yang mula untuk bercakap akan konsep tetapi tidak dapat meneruskan dan memulakan ayat baru.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
43	184	Pelayan : Apakah makanan yang kamu suka?
44	185	Pelanggan : Saya nak makan nasi goreng dan ((memandang pelayan))

Ujaran subjek 44 didapati tidak lengkap kerana tidak mengetahui kosa-kata BM berkaitan dengan jenis minuman yang hendak dipesan kepada pelayan restoran. Faktor kekurangan leksikal BM tersebut telah mendorong pelanggan restoran itu menghentikan pengujaran dan meninggalkannya begitu sahaja.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
20	81	Tiga orr, budak orrr ((menganggukkan kepala)) tiga orang budak lelaki sedang bermain/bola di tepi pantai.

Subjek 20 cuba sedaya-upaya mahu meneruskan ujarannya dengan menggunakan strategi tersebut untuk memastikan kata nama bagi manusia, iaitu *orang* boleh digunakan dengan tepat. Jika dilihat pada petikan, subjek didapati cuba menyebut kata nama tersebut sebanyak tiga kali. Hasil gabungan penggunaan SKBBL (anggukkan kepala), subjek berasa yakin bahawa kata nama tersebut adalah tepat dan ujaran seterusnya berjalan dengan lancar.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujianbercerita
22	89	Lihat padanya, ((menggerakkan kedua-dua belah tangan)) Ali melihat pemandangan yang

Subjek 22 didapati tidak dapat meneruskan ujarannya dengan baik. Penggunaan strategi tersebut hanya mampu membantu subjek melihat sesuatu, iaitu pemandangan di tepi pantai. Namun begitu, subjek tidak menguasai kata abjektif BM yang khusus untuk menerangkan suasana di tepi pantai. Walaupun pengujaran ayat secara lisan tidak dapat diteruskan, sekurang-kurangnya pengguguran mesej telah membantu subjek membina satu ayat yang lengkap, iaitu ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
9	161	Pelayan :Apakah makanan yang untuk rakan anda?
10	162	Pelanggan: Rakan saya <diam> minta mi goreng dan ((cuba minta bantuan rakan))

Aktiviti main peranan melibatkan dua orang subjek, iaitu pelayan restoran dan pelanggan restoran. Subjek 9 yang berperanan sebagai pelayan restoran dapat menyoal dengan baik. Namun demikian, keadaan sebaliknya berlaku kepada subjek 10 (pelanggan restoran) terpaksa menggunakan pengguguran mesej untuk memikirkan kosa kata yang sesuai berkaitan dengan jenis makanan yang hendak dipesan. Subjek 10 dilihat cuba menghentikan ujarannya sebentar selepas menyebut *Rakan saya* Hasil penggunaan strategi tersebut telah menyebabkan subjek berjaya menyebut kosa kata bagi makanan yang dipilih. Subjek menggunakan strategi tersebut untuk mengingat kembali kosa kata yang sesuai dengan topik perbualan.

4.3.2 Rayuan Kerjasama

Merayu bantuan menurut Cohen, (2010, p.165-166) adalah beralih kepada rakan perbualan untuk meminta bantuan sama ada secara langsung (misalnya, 'Apa awak panggil ...?') atau tidak langsung (misalnya, meninggikan intonasi, jeda, kontak mata,

ekspresi bingung). Selain itu, rayuan bantuan seperti meminta pengulangan, meminta kepastian, dan menyuarakan ketidakfahaman tentang sesuatu perkara sama ada secara lisan atau bukan lisan. Kekurangan leksikal BM dalam kalangan pelajar Cina telah mendesak ke arah penggunaan strategi tersebut dengan menggunakan kata tanya atau kata soal. Walau bagaimanapun, dalam kategori SKBL hanya menumpukan aspek lisan.

Subjek yang berperanan sebagai pelayan restoran teragak-agak untuk memikirkan apakah kosa kata BM yang sesuai digunakan untuk menyoal pelanggan berkaitan makanan yang diperlukan. Oleh itu, subjek cuba memikirkan kata soal yang sesuai dengan tidak terus menyebut kosa kata sebaliknya melambatkan pertuturan. Penggunaan SK tersebut diharapkan mendapatkan kerjasama yang positif daripada pelanggan dengan menjawab pertanyaan pelayan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S35	161	Pelayan : Apakah makanan yang untuk rakan anda?
S36	162	Pelanggan: Rakan saya <diam> minta mi goreng dan ((cuba meminta bantuan rakan))

Subjek yang membuat ujaran 161 didapati dapat menyoal pelanggan dengan baik. Dia menggunakan kata soal pada awal ayat. Walau bagaimanapun, pelanggan (S36) cuba menggunakan strategi itu kerana kekurangan leksikal BM berkaitan jenis minuman tetapi usaha subjek tersebut menemui kegagalan dan ayat yang diujarkan itu tidak dapat dilengkapkan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
95	412	Pelayan : Awak nak minum apa? ((kedua-dua tangan bergerak))
96	413	Pelanggan : Segelas ((bertutur dalam bahasa Mandarin untuk meminta bantuan rakan)).

Penutur (S95) yang memegang watak pelayan restoran boleh menyoal pelanggan dengan baik. Dia menggunakan kata soal “apa” untuk mendapatkan pesanan pelanggan,

iaitu minuman. Namun begitu, pertanyaan pelayan tidak dapat dijawab oleh pelanggan dengan sempurna dalam BM sepenuhnya. Penutur terpaksa mengharap agar orang lain membantunya. Strategi tersebut dapat dikesan apabila pelanggan menjawab pertanyaan pelayan restoran dalam bahasa Mandarin. Di samping itu, gerak-gerinya cuba meminta pertolongan sesuatu daripada rakannya.

Dapatan kajian yang sama juga diperolehi oleh Agam (2013, p.25-26) bahawa bantuan pertolongan adalah salah satu daripada tujuh strategi yang digunakan oleh pelajar berusia. Bantuan pertolongan merupakan strategi yang paling lazim digunakan oleh pelajar semasa berbual dengan guru. Apabila mereka menghadapi masalah menyiapkan ayat dalam bahasa Inggeris, mereka akan membuat satu usaha untuk mengisi jurang atau pengetahuan yang tiada dengan bertanya guru berkaitan kosa kata bahasa Inggeris yang sukar diujar itu.

4.3.3 Penghuraian

Tarone (1983, P.62) menyatakan penghuraian merupakan satu proses lanjutan perkataan di mana pelajar menerangkan ciri-ciri atau unsur objek atau tindakan dan bukannya dengan menggunakan struktur bahasa sasaran yang sesuai. Pelajar B2 akan menggunakan bilangan kosa kata yang lebih banyak untuk menerangkan perkataan yang diperlukan. Di samping itu, proses tersebut memerlukan lebih banyak masa untuk menerangkan ciri-ciri objek yang dimaksudkan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S87	378	Pelayan: Apakah menu makanan rakan kamu?
S88	379	Pelanggan : Untuk rakan saya ini/saya/minta/mi goreng dan/seglas su ... teh ... teh ... teh tarik. (menjeling ke kiri dan kanan).

Berdasarkan perbualan yang dilakukan oleh subjek 87 dan subjek 88 di restoran makanan didapati ada penggunaan strategi penghuraian. Subjek 88 didapati

menghuraikan kosa kata jenis minuman yang diminta, iaitu 'teh'. Cuma di sini, subjek menggunakan strategi ini untuk menerangkan secara terperinci jenis minuman teh yang diminta, iaitu teh tarik. Sebelum itu, pengulangan berlaku sebanyak tiga kali untuk meyakinkan pendengar minuman yang diminta. Ang (1992, p.167) dalam kajiannya, penutur B2 menerangkan sekarang sudah hujan, dia ahh.. di pokok ini, dia tunggu hujan berhenti. Maksudnya berteduh di bawah pokok.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S54	189	Encik Goh sekeluarga, ((ketawa)) encik Goh sekeluarga menikmati makanan dengan / ((menggerakkan tangan kanan)) ((memandang keatas)) ((menggerakkan badan)) encik Goh sekeluarga menikmati makanan yang sedap itu.

Strategi ini digunakan untuk menghuraikan aktiviti yang dilakukan oleh encik Goh sekeluarga semasa berkelah di tepi pantai. Subjek menggunakan penghuraian dengan mengulangi ayat yang tidak lengkap sebanyak tiga kali. Strategi penghuraian dapat membantu subjek untuk menyebut kosa kata ayat dengan lengkap. Selain itu, strategi tersebut turut membantu subjek untuk tidak berputus-asa sebaliknya terus berusaha untuk membina ayat dengan lengkap .

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S77	264	Ramai orang / bermain ma ... bermain air di, di laut. ((merenung gambar))

Strategi ini digunakan subjek untuk menerangkan aktiviti yang dilakukan oleh orang ramai seperti berenang, membina istana pasir, berlari, bersiar-siar, bermain bola tampar dan sebagainya.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S115	489	Pelayan: ((menggerakkan jari kedua-dua tangan)) Apakah makanan untuk rakan anda ?
S116	490	Pelanggan: Untuk rakan saya ini/tolong/tolong beri se :::: gelas nasi, se ::: segelas milo dan se.. <diam> ((menggerakkan jari kedua-dua tangan)) dan nasi goreng.

Ujaran 490 dilafazkan secara penghuraian dalam keadaan yang tidak lancar. Berdasarkan ujaran yang buat oleh subjek 116 didapati kurang menguasai penjodoh bilangan yang digunakan untuk makanan dan minuman. Penjodoh yang sesuai untuk nasi ialah sepinggan dan minuman ialah segelas. Dapatan menunjukkan bahawa penghuraian dapat membantu subjek untuk terus berfikir apakah penjodoh bilangan yang sesuai untuk makanan atau minuman yang diisi di dalam bekas. Penghuraian digunakan oleh subjek dengan melihat pada sebutan suku kata, iaitu “se....” yang ulang sebanyak tiga kali. Strategi tersebut boleh berlaku apabila sesuatu kosa kata, atau suku kata diulangi secara berturutan. Akhir sekali, subjek berjaya menjelaskan penggunaan penjodoh bilangan dengan tepat.

4.3.4 Penukaran Kod

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Setiap kaum mempunyai bahasa ibunda mereka masing-masing. Oleh itu, apabila mereka bertutur dalam B2 sedikit sebanyak unsur bahasa ibunda tetap digunakan dalam pertuturan B2. Penukaran kod berlaku disebabkan penutur B2 tidak dapat menyampaikan maklumat dalam bahasa asing maka penutur tersebut menggunakan sesuatu perkataan dalam bahasa ibunda. Menurut Nik Safiah (1988, p.47) penukaran kod adalah perbuatan penutur mencampurkan dua atau lebih kod bahasa dalam sesuatu situasi penggunaan bahasa. Contohnya seseorang penutur yang sedang bercakap dalam bahasa baku memasukkan unsur-unsur bahasa daerah atau loghat. Selain itu, SK tersebut boleh juga berlaku dengan melibatkan bahasa pertama dan bahasa kedua. Tarone (1983, p.62) menjelaskan bahawa strategi penukaran kod yang digunakan penutur dengan cara menggunakan bahasa pertama tanpa berusaha untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S94	325	Tiga orang itu sedang <i>chen saw baw</i> . ((senyum)) ((jari kedua-dua tangan bergerak)) ((menggeleng kepala))

Berdasarkan bilangan ujaran 325, oleh subjek 94 didapati tidak mengetahui frasa BM berkaitan “membina istana pasir”. Oleh itu, subjek tersebut melakukan strategi ini untuk mencampurkan kosa kata bahasa Mandarin ke dalam ujaran dalam BM. Walaupun kemasukan kosa kata bahasa Mandarin itu sebenarnya bertentangan dengan sistem BM, namun apa yang penting adalah penggunaannya telah melancarkan pertuturan dan mesej yang disampaikan dapat difahami dengan jelas oleh pendengar.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S93	321	((kedua-dua tangan bergerak)) Ramai orang bermain / <i>paicho</i> . ((senyum)) ((menggeleng kepala))

Ujaran 321 memperlihatkan bahawa subjek 93 sebenarnya tidak mengetahui kosa kata ‘bola tampar’ dalam BM. Masalah subjek dapat dilihat apabila menggunakan SKBBL (pergerakan kepala) untuk menunjukkan dirinya tidak mengetahui kosa kata tersebut. Pengujaran lisan berjalan lancar pada peringkat awal tetapi tidak dapat ditamatkan dengan baik akibat subjek tidak mengetahui nama permainan bola tampar. Subjek merasa terdesak lalu mengambail langkah drastik, iaitu menggunakan penukaran kod dalam pertuturannya dengan membawa masuk perkataan bahasa Mandarin, iaitu ‘*paicho*’ ke dalam pertuturan lisan BM. Kemasukan unsur-unsur bahasa ibunda ke dalam pertuturan B2 bukanlah sesuatu yang asing tetapi amalan tersebut adalah lumrah bagi penutur yang belum menguasai B2 sepenuhnya. Namun demikian, dapatan kajian ini mendapati jumlah penukaran kod tidak banyak sekitar 42 kes atau 9 peratus. Dapatan membuktikan pelajar Cina lebih gemar menggunakan SK yang lain.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S95	412	Pelayan: Awak nak minum apa ? ((kedua-dua tangan bergerak))
S96	413	Pelanggan : Segelas ... ((bertutur dalam bahasa Mandarin untuk meminta bantuan rakan))

Pengujaran yang dibuat oleh subjek (S96) menunjukkan subjek tersebut sebenarnya mengalami kekurangan kosa kata BM dengan banyak. Ini dapat dilihat apabila subjek tersebut menjawab soalan yang diajukan oleh rakannya itu dalam bahasa Mandarin sepenuhnya. Pelanggan restoran cuba bertutur dalam bahasa Mandarin untuk mendapatkan bantuan rakan-rakan untuk menjawab soalan pelayan restoran.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S113	477	Pelayan: Apa makan ? ((ketawa))
S114	478	Pelanggan: ((bertutur dalam bahasa Mandarin)) ((wajah berkerut))

Ujaran subjek 114 dibuat dalam bahasa Mandarin menunjukkan dirinya kurang menguasai kosa kata BM. Faktor tersebut menyebabkan subjek ini terus menggunakan bahasa Mandarin sepenuhnya ketika memesan makanan kepada pelayan yang bertanya. Selain itu, subjek tersebut tidak mahu mengambil risiko dalam usaha menjawab soalan pelayan.

Mitsuko (2009, p.115) menerusi dapatan kajiannya menyatakan bahawa penggunaan penukaran kod agak berkesan ke arah pemahaman yang lebih baik. Keberkesanan penggunaan input penukaran kod dalam interaksi guru dan pelajar yang digunakan dalam bilik darjah perlu dilakukan dengan berhati-hati.

4.3.5 Pengelakan Topik

Tarone (1983, p.63) menyatakan pengelakan topik berlaku apabila pelajar hanya perlu cuba untuk tidak bercakap mengenai konsep bagi item atau struktur bahasa yang tidak

diketahui. Seseorang pelajar B2 yang kekurangan kosa kata B2 akan menghentikan pengujarannya sedangkan mesej yang hendak disampaikan belum habis diujarkan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S111	475	Pelayan: ((ketawa)) ((tangan kanan menggosok mata)) ((menggerakkan badan)) selamat, selamat datang <diam>((menggerakkan tangan kiri))
S112	476	Pelanggan: ((ketawa)) ((kelihatan cuba membantu rakan)) <i>Okay</i> , ((menganggukkan kepala)) <diam>

Kedua-dua subjek (S111 dan S112) tidak dapat berkomunikasi antara satu sama lain akibat kekurangan kosa kata. Mereka terpaksa menggunakan strategi ini untuk menamatkan perbualan. Selain itu, kedua-dua subjek menggunakan SKBBL untuk meneruskan ujaran masing-masing tetapi gagal berbuat demikian. Pelajar Cina menggunakan strategi ini dengan mendiamkan diri ataupun cuba beralih ke topik yang lain kesan ketandusan kosa kata BM yang sesuai. Mereka yang melakukannya akan berasa sukar untuk meneruskan perbualan, maka mesej yang hendak disampaikan gagal dilakukan dengan baik. Perbualan atau pengujaran tergantung begitu sahaja. Seterusnya, pelajar B2 akan bertutur berkaitan hal-hal lain sebagaimana contoh-contoh yang telah dinyatakan sebelum ini.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S112	384	Adik saya sedang <diam> ((menggerakkan tangan kiri)) ((wajah berkerut))

Jika dilihat pada gambar berkaitan suasana perkelahan di tepi pantai banyak kata kerja yang boleh digunakan oleh penutur B2 untuk membina ayat secara lisan dan spontan. Penutur boleh membina ayat sekiranya menggunakan bahasa Mandarin. Namun demikian, keadaan sebaliknya berlaku apabila subjek mahu berujaran menggunakan BM. Oleh itu, penggunaan strategi tersebut adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan atau pilihan terakhir bagi penutur (S112) yang mengalami kekurangan

leksikal BM khususnya yang berkaitan aktiviti perkelahan. Pengkaji melihat subjek berdiam diri sebagai mengelak daripada meneruskan pengujarannya.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S97	339	((merenung gambar)) Mereka di abehh ...((wajah berkerut)) <diam> ((angkat tangan kiri)) <i>sorry, sorry</i> , ((kedua-dua tangan bergerak))

Berdasarkan ujaran oleh S97, subjek didapati hanya mampu mengujarkan kata ganti nama diri ketiga, iaitu ‘mereka’ yang menggambarkan bahawa bilangan pengunjung yang berkelah di tepi itu adalah ramai. Oleh itu, penggunaan kosa kata tersebut adalah tepat. Namun demikian, subjek tidak mengetahui kosa kata BM berkaitan lokasi sebenar para pengunjung tersebut berada. Ketiadaan maklumat tersebut telah mendorong subjek menggunakan pengelakan topik sebagai kaedah yang lebih sesuai untuk mereka mengubah atau menukar perbincangan kepada topik yang lain pula. Hasrat subjek untuk menukar topik perbualan adalah sesuatu yang amat dikesali. Perasaan subjek itu boleh dilihat apabila dia memohon maaf dengan menggunakan leksikal bahasa Inggeris, iaitu ‘*sorry, sorry*’. Walaupun subjek tidak mengetahui perkataan maaf yang sepatutnya diucapkan, namun apa yang penting mesej ingin yang disampaikan itu dapat difahami dengan baik oleh pendengar.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S61	259	Pelayan: Apakah minuman anda ?
S62	260	Pelanggan : Saya minta <diam> ((menoleh ke kanan))

Penggunaan pengelakan topik tidak hanya terbatas pada ujaran-ujaran sehalu sahaja bahkan boleh berlaku pada ujaran-ujaran berbentuk dua hala. Perbualan di restoran yang melibatkan pelayan dan pelanggan (S61 dan S62) telah terganggu apabila pelanggan secara tiba-tiba terpaksa menggunakan strategi tersebut. Punca yang mendorong subjek menggunakan strategi tersebut adalah kekurangan pengetahuan kosa kata berkaitan jenis makanan atau minuman dalam BM. Sepatutnya subjek menjawab

pertanyaan pelayan dengan menyebut perkataan seperti nasi goreng, nasi lemak, mihun, air teh, milo, kopi, susu dan sebagainya.

Dalam membicarakan penggunaan pengelakan topik khususnya bagi pelajar B2 perlu bertindak positif dengan membantu meneruskan interaksi mereka dengan menyampuk atau menyumbang ideanya sendiri. Selain daripada mengelakkan ujaran tergendala Tindakan tersebut juga boleh memberi peluang kepada penutur-penutur lain yang berujaran menggunakan idea-idea yang bernas.

4.3.6 Generalisasi Terlampau

Generalisasi terlampau adalah satu strategi yang memperlihatkan kesimpulan yang boleh dibuat oleh pelajar tentang sistem bahasa kedua yang kurang tepat atau terlampau luas (Puteri Roslina, 1998, p.119).

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S51	214	Pelayan :Apaa :::: / menu makanan yang / untuk rakan anda ?
S52	215	Pelanggan: Rakan saya / ((menjeling ke kanan)) angkat dia secawan.. . magi, se ...<diam> ((senyum))

Penggunaan kosa kata “angkat” perlu ditukar “mahu” secawan kopi. Kosa kata yang digunakan itu lebih kepada penggunaan bahasa rojak yang sama sekali tidak mematuhi sistem tatabahasa BM yang betul.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S74	253	Eh, ((menggerakkan badan ke hadapan)) ((merenung gambar)) dengan keluarga dia / tengah menikmati makanan.

Berdasarkan ujaran lisan oleh S74 didapati subjek telah menggunakan strategi komunikasi (generalisasi terlamapau) melalui perkataan ‘tengah’ sebelum kata kerja. Kosa kata yang tepat ialah ‘sedang’ menikmati makanan. Mungkin pada pendapat subjek perkataan ‘tengah’ dan ‘sedang’ adalah sama.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
100	347	Aa :::::: Abu dan kawan-kawannya bermain bola di atas pantai. ((ketawa)) ((menggeleng kepala)) ((merenung gambar))

Berdasarkan ayat yang diujarkan ini menunjukkan subjek (S100) tidak dapat menggunakan kata sendi tempat dengan tepat, iaitu “di atas”. Kosa kata yang sesuai bagi menggantikannya ialah ‘di tepi’ pantai. Subjek ini menganggap kedua-dua kosa kata tersebut mempunyai makna yang sama walhal maksudnya berbeza.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S28	433	((jari kedua-dua tangan bergerak)) Ada seer ... seorang budak perempuan duduk / aa::::::::::tengok, tengok, mem membaca buku. ((menggerakkan kedua-dua belah tangan))

Keseluruhannya, ujaran lisan oleh S28 yang dilafazkan didapati tidak lancar. Generalisasi terlampau digunakan apabila seseorang subjek itu didapati sukar membezakan kata kerja ‘tengok’ dan ‘membaca’ berdasarkan situasi tertentu. Kosa kata yang sesuai berdasarkan gambar tersebut ialah ‘membaca’ buku.

4.3.7 Penghampiran

Menurut Tarone (1983, P.62) penghampiran merupakan penggunaan item atau struktur perbendaharaan kata bahasa sasaran tunggal, apabila pelajar tahu bahawa penggunaan item adalah tidak betul, tetapi berkongsi ciri-ciri semantik yang mempunyai persamaan dengan item yang dikehendaki untuk kepuasan penutur. Penutur B2 tidak mengetahui atau lupa kosa kata yang sebenarnya lalu menggunakan kosa kata yang lain tetapi mempunyai maksud yang hampir sama dengan kosa kata tersebut. Contohnya kerusi dikatakan bangku atau kain bergerak untuk menerangkan buaian.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S97	416	Pelayan : Apa mahu apa makan?
S98	417	Pelanggan : Nasi lembek.

Kosa kata yang betul ialah “nasi lemak” dan bukannya “nasi lembek”. Namun begitu, kedua-dua kosa kata itu yang diujarkan itu dilihat mempunyai makna yang hampir sama dan boleh difahami oleh kedua-dua subjek (S97 dan S98) yang berperanan sebagai pelayan dan pelanggan restoran.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S35	134	Seorang wanita sedang membaca senaskhah surat khabau / sambil ((jari tangan kanan bergerak)) duduk di atas tikar supaya ((jari tangan kiri bergerak)) pakaiannya tidak kotor.

Kosa kata ‘*surat khabau*’ yang digunakan pada ujaran ke-134 merupakan satu contoh bahawa subjek (S35) telah menggunakan strategi penghampiran. Leksikal yang tepat ialah ‘surat khabar’. Namun begitu, kedua-dua kosa kata tersebut mempunyai makna yang sama. Penggunaan strategi tersebut tidak mengganggu kelancaran pertuturan subjek dalam membina ayat secara spontan. Sebaliknya, strategi tersebut telah membantu penutur berujaran dengan penuh yakin.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S81	275	Seorang, ((menggerakkan kedua-dua tangan)) butak perempuan / yang berambut panjang membaca surat khabar / dengan ((menjeling ke kanan)) menumpu sepenuh perhatian. ((memandang ke arah kamera))

Subjek 81 sebenarnya mengetahui leksikal yang tepat tetapi mereka tidak dapat membunyikan atau menyebut kosa kata ‘budak’ dengan tepat. Sebaliknya, subjek hanya membunyikan kosa kata ‘*butak*’. Kosa kata itu tiada dalam sistem perbendaharaan kata BM. Penutur yang gemar bertutur dalam bahasa Mandarin telah menghalangnya

daripada menyebut kosa kata ‘budak’ yang asing bagi mereka. Penggunaan strategi ini didapati membantu kelancaran pertuturan dan tanpa menjejaskan maksudnya.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S121	413	Ali dan kawan-kawannya bermain bola, bola ((mendongak ke atas)) / tampong, tampang. ((menggerakkan badan))

Berdasarkan ayat yang diujarkan ini, subjek didapati menggunakan strategi penghampiran melalui penggunaan kosa kata ‘bola tampong’ dan ‘tampang’ adalah tidak tepat. Leksikal yang sesuai dan tepat ialah ‘bola tampar’. Subjek didapati menggunakan strategi ini untuk memastikan kelancaran ujarannya. Leksikal yang digunakan oleh penutur tidak mempunyai makna yang sama dengan leksikal sebenarnya cuma menghampiri leksikal sebenar tetapi bukan 100 peratus.

4.3.8 Pembentukan Perkataan Baharu

Tarone (1983, P.62) menyatakan bahawa strategi tersebut dikaitkan dengan tindakan pelajar membentuk perkataan baharu untuk berkomunikasi dengan konsep yang dikehendaki. Perkataan yang dihasilkan sebenarnya tidak ada dalam perbendaharaan kata B2. Perbuatan tersebut lebih kepada untuk melengkapkan pengujaran lisan dan penyampaian mesej.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S128	531	Pelayan : Apa khabar kamu ?
S127	532	Pelanggan : Babak, khabar baik.

Perkataan “babak” merupakan perkataan baharu hasil ciptaan subjek yang tidak mengetahui kosa kata yang tepat. Namun demikian, akhirnya subjek dapat melafazkan kosa kata yang tepat penggunaannya. Penciptaan kosa kata “babak” dilakukan secara tidak sengaja.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S26	108	Tiga orang budak sedang/membina istana pasir eh, eh, ogak . ((mendongak ke atas)) ((menggeleng kepala)) ((senyum))

Dalam ujaran ini, subjek (S26) didapati bersifat kreatif dengan mencipta kosa kata baru, iaitu ‘ogak’. Perkataan tersebut sebenarnya tidak wujud dalam sistem tatabahasa BM. Tindakan yang dilakukan itu untuk menggantikan kosa kata yang belum diketahui, iaitu ‘ombak’. Kedua-dua perkataan tersebut didapati mempunyai persamaan dari segi semantik atau fonologi. Sebelum subjek menyebut perkataan tersebut, didapati penutur masih teragak-agak untuk menyebut perkataan yang sesuai. Oleh itu, penggunaan strategi tersebut dirasakan boleh menamatkan ujaran dengan baik. Selain itu, penggunaan strategi tersebut disebabkan penutur telah terdesak kerana perkataan sebenar tidak diingat atau tiada dalam pengetahuan diri sendiri.

4.4 Strategi Komunikasi Bukan Bahasa Lisan (SKBBL)

Walaupun bahasa merupakan salah satu bentuk komunikasi, tetapi bukan dimiliki sepenuhnya oleh pertuturan lisan atau SKBL dengan merujuk subtopik sebelumnya. Pada masa yang sama semasa seseorang penutur itu berkomunikasi serentak secara bertutur dengan menggerakkan anggota badan atau dalam kajian ini dikenali SKBBL.

Berdasarkan pendapat Carola (2014, p.30), komunikasi bukan lisan ditakrifkan bertentangan dengan komunikasi lisan. Semua fenomena dengan nilai komunikatif yang bukan sebahagian daripada komunikasi lisan diringkaskan di bawah payung ‘komunikasi bukan lisan’. Istilah ‘bukan verbal’ merujuk kedua-dua fenomena yang boleh dilihat seperti gerak isyarat dan ekspresi muka dan juga aspek-aspek yang boleh didengar seperti gaya bercakap dan kualiti ujaran.

4.4.1 Pergerakan Jari

Gerak isyarat pergerakan jari biasa digunakan untuk menyampaikan kebimbangan dan konflik dalaman seseorang. Lewis (1998, p.112) mengatakan jari yang dinaikkan sedikit oleh seseorang dalam perbincangan kumpulan menggambarkan dia mahu mengatakan sesuatu atau teragak-agak untuk mengatakan sesuatu. Isyarat tersebut juga digunakan oleh seseorang yang mula mengatakan sesuatu tetapi kemudiannya berhenti atas sebab-sebab tertentu. Isyarat itu digunakan oleh orang yang malu; ia menunjukkan rasa takut atau tidak menentu.

Pelajar Cina yang tercari-cari apakah kosa kata yang sesuai akan melakukan strategi tersebut bagi menambahkan daya ingatan untuk menyelesaikan masalah tersebut. subjek kajian didapati lebih banyak menggunakan pergerakan jari untuk membantu mereka berujaran dalam BM

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S39	169	Pelayan: ((menjeling ke kanan)) ((senyum)) Apa makanan yang kamu suka makan ? ((ketawa))
S40	170	Pelanggan: Saya suka makan ((menggerakkan jari tangan kanan)) nasi lemak dan nasi ::: dan nasi goreng. ((menggerakkan kedua-dua tangan)) ((menoleh ke kanan))

Subjek ke-40 kekurangan kosa kata BM berkaitan jenis makanan masakan Melayu. Lantas dia melengah-lengahkan pengujarannya dengan menggerakkan jari tangan bagi memberi tumpuan mencari kosa kata yang sesuai. Usahanya berjaya apabila subjek dapat mengujarkan dua jenis makanan yang dipesan, iaitu nasi lemak dan nasi goreng. Kesan positif daripada penggunaan SK tersebut boleh memberi keyakinan bahawa kosa kata yang diujarkan itu adalah betul.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S3	11	((menggerakkan badan)) Send an keluarganya /sedang menyey menyiap ... aaa:::: menjamu ((menggerakkan jari tangan kiri)) selera di aaa ::: di bawah sebatang pokok.

Jika dilihat pada data yang telah ditranskripsi dalam bentuk tulisan, subjek (S3) melakukan dua SKBB. Salah satunya daripadanya ialah pergerakan jari yang dapat memberi peluang kepada subjek 3 memikirkan leksikal BM yang sesuai berkaitan lokasi untuk menjamu selera. Subjek memanjangkan sebutan sebelum dapat melengkapkan ayat tersebut.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S5	18	Seorang sedang menggang / aa:::::sking / menunggang <diam> menunggang ((jari tangan kiri bergerak)) sking boat / ((menjeling ke arah kamera)) di atas laut.

Subjek ke-5 atau S5 menggerakkan jari-jarinya untuk memikirkan kosa kata bagi kenderaan yang digunakan di permukaan air. Walaupun kosa kata yang digunakan itu seakan-akan sama dengan kosa bahasa Inggeris, tetapi subjek tersebut berjaya membentuk satu ayat yang boleh difahami bersama dengan pendengar.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S9	34	Pelayan: Selamat pagi. Apakah yang kamu ingin pilih? ((jari kedua-dua tangan bergerak))
S10	35	Pelanggan: Selamat pagi. Saya ingin makan nasi goreng/((jari kedua-dua tangan bergerak)) dann:::::/ sege.....segelas/((memejamkan mata)) milo. ((menganggukkan kepala))

Subjek ke-10 menggunakan strategi ini untuk membolehkannya memikirkan kosa kata BM yang sesuai berkaitan penjodoh bilangan bagi minuman yang diisi di dalam bekas dan juga jenis minuman yang hendak dipilih. Walaupun pertuturannya kurang lancar namun subjek akhirnya dapat menghantar mesej kepada pelayan restoran berkaitan makanan dan minuman yang dipesan.

4.4.2 Jelingan Mata

Mata boleh menyampaikan pelbagai jenis mesej bukan lisan yang banyak menyokong dan mengukuhkan komunikasi lisan. Penggunaan mata adalah langkah pertama dalam mewujudkan hubungan dengan orang yang kita berkomunikasi mengikut pada masa yang telah diberikan Lewis (1998, p.107). Pendengar boleh memahami maksud yang hendak disampaikan oleh penutur melalui pergerakan matanya iaitu jelingan mata sama jelingan ke kanan atau ke kiri, ke atas atau ke bawah. Dalam kajian ini, jelingan mata adalah bertujuan untuk mendapatkan bantuan rakan-rakan, atau guru-guru yang berdekatan untuk membantu subjek meneruskan ujaran dalam BM. Selain itu, jelingan mata ke sekitar juga untuk mendapat bantuan daripada gambar-gambar yang lihat boleh membantu subjek mengingat kembali kosa kata yang sudah dilupakan. Selaras dengan pendapat Lewis (1998, p.99) menyatakan apabila seseorang itu dalam proses untuk berfikir, matanya bergerak dalam corak tertentu yang sepadan dengan fungsi otak pada masa tertentu, bergantung pada sama ada dia menggunakan logik (hemisfera kiri) atau naluri (hemisfera kanan).

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S81	345	Pelayan: Apa makanan yang kamu pilih..... ((menggerakkan tangan kiri)) anda pilih?
S82	346	Pelanggan: Saya hendak makan ((menjeling ke kanan)) saya hendak makan nasi goreng ((senyum)) dan nasi ayam. ((menggerakkan tangan kanan)) ((menggerakkan badan))

Subjek 82 melakukan jelingan mata ke kanan untuk meminta pertolongan daripada rakan-rakannya yang duduk berhampiran supaya dapat memberi bantuan kosa kata berkaitan jenis makanan. Bagi memastikan ujaran itu tepat, subjek telah melakukan pengulangan kosa kata. Selain itu, penggunaan jelingan mata juga boleh memberi kesempatan kepada penutur untuk melihat gambar, tulisan, cerita yang tertera pada dinding sekolah yang boleh membantu penutur mengingat kembali kosa kata yang dipelajari sebelum ini.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S23	93	Seorang wanita ((menjeling ke arah penyelidik)) membaca surat khabar di bawah pokok / itu. ((menggerakkan badan))

Subjek (S23) ini menjeling ke arah penyelidik semata-mata untuk mendapatkan pertolongan berkaitan kosa kata yang sesuai dengan perbuatan yang dilakukan oleh seorang budak perempuan yang duduk di bawah pokok. Selain itu, mungkin juga subjek mahu penyelidik menyatakan ayat yang diujarkan itu betul atau sebaliknya.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S38	142	((ketawa)) ((jari kedua-dua tangan bergerak)) Mei Ling dan keluarga... nya / aa ::::::::::((menjeling ke kiri)) berkhemah di tepi pantai.

Subjek ini (S38) melambat-lambatkan pengujaran dengan ketawa dan menggerakkan jari kedua-dua tangannya sebelum membina ayat secara lisan. Seterusnya, ujaran subjek agak perlahan kelancarannya apabila melakukan strategi jelingan bagi mendapatkan bantuan sekitar berkaitan kosa kata BM. Walaupun ujaran yang dilakukan itu lengkap, namun kosa kata “berkhemah” tidak sesuai. Sepatutnya subjek menggunakan kosa kata “berkelah”.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S5	21	Pelayan: Apa anda .. ((menjeling ke atas)) <diam>((menganggukkan kepala)) ((memejamkan mata)) apa anda / pilih ((menggerakkan badan)) ((menjeling ke kanan)) makanan?
S6	22	Pelanggan : Saya akan / ((menjeling ke atas)) mem... memsaya akan mi goreng dan nasi lemak. ((menggerakkan kening))

Subjek ke-5 yang memegang watak sebagai pelayan menjeling ke atas dan seterusnya senyap seketika untuk membolehkannya berfikir lantas menyoal pelanggan tentang makanan yang dipesan. Bagi pelanggan pula menggunakan strategi yang sama untuk memikirkan kosa kata yang sesuai berkaitan jenis-jenis makanan yang hendak

dimakan. Namun demikian, tujuan penggunaan strategi tersebut bertentangan dengan pendapat Lewis (1998, p. 106) yang mengatakan dalam sesuatu perbualan jika mata individu lain mula berkeliaran di sekitar bilik, atau seseorang itu melihat jam tangannya, bermakna dia telah kehilangan minatnya.

4.4.3 Pergerakan Tangan

Lewis (1998, p.108-109) berpendapat bahawa hampir semua pergerakan tangan mempunyai maksud yang tersembunyi. Apa yang dilakukan oleh seseorang dengan tangannya, jari, dan lengan secara langsung berkaitan dengan apa yang difikirkan dalam kepalanya. Beliau memberi contoh tangan yang santai akan menghantar mesej bukan lisan kepada seseorang yang berkeyakinan, menerimanya dan dalam kesejahteraan, manakala tangan gelisah menunjukkan seseorang itu tidak selesa, berdebar, berdebar, atau gelisah, tangannya lebih aktif, resah, memilih, menggigit, atau menghisap jari adalah perkara biasa dalam keadaan sedemikian. Istilah pergerakan tangan menerusi kajian ini adalah kombinasi gerakan bahu, lengan, siku, dan jari.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S31	146	Pelayan:Apakah men menu makana yang untuk anda, untuk rakan anda?
S32	147	Pelanggan : Aa :::: untuk rakan saya ini, aa :::: / berii :::: kan, ((menggerakkan tangan kanan)) tolong berikan segelas kopi dan mi goreng.

Ujaran 147 yang dituturkan oleh subjek ke-32 didapati tidak lancar atau tersekat-sekat. Subjek bertindak menggerakkan tangan kanannya seolah-olah meminta bantuan sesuatu bagi membantu melancarkan pertuturannya. Kesukaran berlaku disebabkan subjek kekurangan leksikal BM berkaitan jenis makanan dan minuman. Penggunaan tangan boleh memberi masa kepada penutur untuk memikirkan kosa-kosa kata yang diperlukan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
19	79	((menggerakkan badan)) Ramai ... ramai orang / berenang ((menggerakkan kedua-dua belah tangan)) di gigi air. ((menggerakkan badan))

Berdasarkan bilangan ujaran (79) didapati subjek (S19) tidak mengetahui kosa kata “pantai”. Namun setelah menggunakan strategi ini, subjek dapat meneruskan ujaran tetapi menggunakan makna kosa kata yang hampir sama dengan pantai, iaitu “gigi air”.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S30	118	((ketawa)) ((memandang kamera)) Mei Mei sedang duduk di bawah sebatang pokok yang rendang / ambil membaca buku eh ((mengangkat tangan kiri)) ((menggerakkan badan ke belakang)) ((ketawa)) surat khabar.

Ujaran yang dilafazkan oleh subjek ke-30 menunjukkan pelajar tersebut menggunakan gerakan tangan untuk meminta bantuan rakan-rakan. Mungkin dalam konteks ujaran ini, subjek berasa keliru apabila tidak dapat membezakan antara buku dan surat khabar. Pada mulanya, subjek menganggap objek yang dibaca itu surat khabar. Namun dia berasa was-was lantas mengangkat tangan kiri untuk meminta bantuan rakan-rakan. Akhirnya subjek mengetahui bahawa objek itu adalah buku.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S11	45	Pelayan: <i>Ok</i> , ((tangan kiri bergerak)) rakan kamu hendak/ makan apa ? ((mengangguk kepala))
S12	46	Pelanggan: Aa ::::: ((senyum)) rakan saya hendak makan nasi ayam. ((jari tangan kiri bergerak))

Subjek yang berlakon sebagai pelayan restoran menggunakan strategi ini untuk memberi peluang kepadanya agar melafazkan ujaran yang sesuai untuk diajukan kepada pelanggan restoran yang datang.

4.4.4 Pergerakan Badan

Menurut Lewis (1998, p.35) pergerakan badan membentuk bahasa tetapi jika dilihat secara berasingan, ianya boleh menjadi sukar atau mustahil untuk memahami; pergerakan badan mengambil kepentingan sebenar hanya apabila dipertimbangkan di samping unsur-unsur lain dalam proses interaksi. Pengkaji memberi istilah pergerakan badan dalam SKBBL adalah merujuk kepada keseluruhan anggota badan kecuali kaki. Contoh pergerakan yang dilakukan subjek adalah menggerakkan badan ke kanan atau ke kiri, ke belakang atau ke hadapan, bangun, berdiri atau duduk.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S67	286	Pelayan: Pagi. ((menggerakkan badan)) Au ::: terima kasih awak di dii ::::: restoran saya ini. ((menoleh ke kiri dan ke kanan)) Apa menu makanan yang awak suka?
S68	287	Pelanggan: Saya suka (.....)

Subjek 67 cuba menggerakkan badannya bagi membolehkannya memikirkan kosa kata perhargaan yang ingin diucapkan kepada pelanggan yang hadir ke restorannya. Selain itu, terdapat unsur pemanjangan kata di sini bagi tujuan melengah-lengahkan ujaran.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S24	96	Ani mengme ((menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang)) bersandar ((menggerakkan tangan kanan)) di se sepohon pokok yang rendang untuk membaca surat khabar.

Berdasarkan ujaran yang dibuat oleh subjek 24, penyelidik mendapati subjek melengahkan pertuturan semasa membina ayat secara lisan untuk mencari leksikal BM yang sesuai dengan keadaan seseorang yang duduk di bawah pokok. Kosa kata “bersandar” adalah sesuai digunakan untuk menggambarkan orang yang berehat di bawah pokok.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S17	77	Pelayan : Apakah rakan-rakan / rakan-rakan suu ka?
S18	78	Pelanggan : Rakan-rakan saya suka makan ((bangun seketika)) / se pinggan mi goreng.

Berdasarkan ujaran yang dibuat oleh subjek 18 yang berperanan sebagai pelanggan restoran cuba bangun seketika sebelum meneruskan ujarannya kerana ingin memikirkan leksikal BM yang berkaitan jenis makanan yang diminta. Penggunaan strategi ini didapati membantu subjek menyampaikan mesej walaupun dalam keadaan yang sukar.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S29	135	Pelayan: Apakah makanan yang, yang anda pilih untuk keluarga kamu, keluarga ? ((jari kedua-dua tangan bergerak)).
S30	136	Pelanggan : Untuk keluarga saya, ((menggerakkan badan)) tolong ma beri sebungkus nasi lemak dan secawan kopi. ((menjeling ke kiri)).

Contoh ujaran ke-136, menunjukkan subjek 30 menghadapi kesukaran mengungkapkan kosa kata berkaitan dengan makanan dan minuman. Subjek telah cuba menggerakkan badannya supaya ujarannya menjadi perlahan bagi memberi ruang mengingati kembali kosa-kosa terutamanya berkaitan penjodoh bilangan dan jenis makanan dan minuman. Penggunaan SK tersebut telah membantu subjek menyampaikan sesuatu mesej dengan menggunakan tatabahasa BM dengan tepat.

4.4.5 Pergerakan Kepala

Pergerakan kepala sama ada menggelengkan atau anggukkan kepala mempunyai maksud tertentu. Anggukkan kepala oleh pelajar B2 adalah membawa maksud bahawa mesej yang disampaikan itu tepat dan lengkap (Noor Hafizah, 2002, p.75). Di samping itu, anggukkan kepala bermaksud mengizinkan penutur meneruskan apa-apa yang hendak diperkatakan ataupun anggukkan yang agak laju menandakan bahawa

pendengar itu pula yang ingin bercakap (Zamri, 2007. p.103-104). Isyarat pergerakan kepala mengikut tafsiran Lewis (1998, p.77) mendapati kedua-dua pergerakan kepala (mengangguk dan mengoncong) dianggap isyarat semula jadi. Pergerakan menganggukkan kepala biasanya lebih banyak daripada menggoncangkan kepala yang melambangkan ikrar atau 'ya' dan menggoncangkan kepala bermaksud 'tidak'. Menganggukkan kepala secara perlahan menunjukkan seseorang itu mahu meneruskan perhatian manakala yang lebih laju atau berulang menandakan persetujuan.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menekankan pergerakan kepala dengan merujuk kepada menganggukkan dan menggelengkan kepala semasa berujaran secara lisan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S53	227	Pelayan : <i>Okay</i> , ada apa-apa lagi ?
S54	228	Pelanggan : Tiada, ((menggelengkan kepala)) terima kasih.

Pengujaran yang dibuat oleh subjek 54 kelihatan lebih ringkas dan padat. Kosa kata "tiada" yang diujarkan itu menunjukkan subjek tidak mahu menambah lagi pesanan makanan dan minuman sebagaimana yang diminta oleh pelayan restoran. Strategi yang digunakan itu lebih menjurus untuk mengukuhkan lagi ujaran pelanggan yang dibuat secara lisan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S11	46	Keluarga Ali berkelah, ((menggelengkan kepala)) sedang berkelah di tepi pantai.

Subjek ke-11 didapati menggelengkan kepala bagi menjelaskan bahawa sebelum kosa kata "berkelah" perlu ada satu kosa yang menggambarkan sesuatu aktiviti itu sedang berlaku. Tindakan subjek menambah kosa kata "sedang" sebelum berkelah menggambarkan keluarga Ali sedang melakukan aktiviti tersebut. Justeru, strategi ini lebih cenderung membantu subjek membina ayat dengan susunan struktur yang betul.

Subjek	Bilangan ujaran	ujaran bercerita
S20	81	Tiga orr ::::, budak orr :::::,((menganggukkan kepala)) tiga orang budak lelaki sedang bermain / bola di tepi pantai.

Perlakuan subjek ke-20 menganggukkan kepala semasa proses pengujaran membuktikan bahawa strategi itu sebenarnya menambah keyakinan kepada subjek bahawa ujaran yang dibina itu lebih baik daripada sebelumnya. Pengujaran pada tahap permulaan menunjukkan ketidakpercayaan subjek berkaitan bilangan budak lelaki yang bermain di pantai. Setelah subjek melakukan strategi tersebut didapati ujaran yang dibuat lebih baik.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S23	103	Pelayan: Apakah minuman yang anda suka?
S24	104	Pelanggan : Saya minta segelas/kopi,eh..... ((menggelengkan kepala)) segelas susu dan se gelas teh tarik. ((menjelirkan lidah))

Berdasarkan ujaran yang dibuat oleh subjek ke-24 selaku pelanggan restoran didapati dia menggunakan strategi ini untuk menukar pilihan yang dibuat. Jika dilihat dengan teliti, subjek cuba menukar minuman yang diminta. Pada mulanya, subjek memesan air kopi, namun selepas menggelengkan kepala, subjek bertindak menukarnya dengan meminta air susu dan teh tarik pula. Oleh itu, strategi ini lebih membantu subjek daripada melakukan kesilapan dalam pertuturan.

4.4.6 Renungan Mata

Maksud merenung adalah melihat dengan niat. Ini adalah satu isyarat bukan lisan yang melibatkan perbuatan, tempoh, dan cara bagaimana untuk melihat. Tempoh merenung adalah berbeza antara individu dan lebih banyak bergantung pada sesuatu budaya masyarakat tersebut (Lewis, 1998, p.89-90). Menurut Noor Hafizah (2002, p.73-74) berdasarkan kajiannya, situasi merenung guru berlaku secara tidak langsung apabila

pelajar B2 ingin mendapatkan kepastian guru bahawa apa yang disebut dan diuraikan boleh diterima dan keadaan ini melegakan pelajar apabila guru memberi anggukan kepadanya. Seperkara lagi berkaitan merenung pendengar bermaksud mengharapkan bantuan agar disampaikan dengan segera. Situasi tersebut wujud apabila pelajar B2 sudah kehabisan idea yang ingin disampaikan. Seterusnya, Zamri (2007, p.103-104) menyatakan bahawa kontak mata atau renungan sebentar dapat memberi makna tertentu. penggunaannya untuk mendapatkan maklum balas sama ada setuju atau tidak tentang sesuatu perkara. Selain itu, SK tersebut merupakan isyarat untuk memudahkan perkenalan. Misalnya, kanak-kanak jarang-jarang berada dalam keadaan bertemu mata dengan orang yang diajak bercakap. Namun demikian, SK tersebut dalam kajian ini lebih memberi masa untuk penutur memikirkan atau mengingati kembali leksikal BM yang hendak digunakan

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S55	231	Pelayan : Apakah menu makanan yang anda pilih?
S56	232	Pelanggan :<diam> ((cuba membantu rakan dengan menggunakan siku)) ((merenung kamera)).

Penggunaan SK tersebut boleh dilihat berdasarkan dialog di atas mendapati subjek (S56) tidak dapat membalas soalan yang diajukan oleh subjek (S55) yang berperanan sebagai pelayan restoran. Subjek 56 pula cuba menggunakan strategi-strategi yang lain antaranya merenung kamera dan dalam waktu yang sama cuba berfikir kosa kata yang sesuai untuk menjawab pertanyaan pelayan itu.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S8	32	((mengangkat kedua-dua belah tanga ((menggerakkan jari kedua-dua belah tangan)) Terdapat banyak ((merenung gambar)) murid-murid sedang ber.... main di tepi pantai. ((menjeling ke arah penyelidik))

Subjek merenung gambar perkelahan di tepi pantai untuk memikirkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pengunjung-pengunjung. Semasa proses merenung gambar

tersebut, subjek cuba memikirkan kosa kata yang sesuai dengan aktiviti yang dilakukan di tepi pantai. Selain itu, strategi ini sebenarnya memberi masa untuk subjek berfikir apakah kata nama am bagi manusia. Hasil penggunaan strategi tersebut telah membantu subjek, iaitu murid-murid.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S13	54	((jari ke dua-dua tangan bergerak)) Sebuah keluarga sedang berkelah/sambil menikmati makanan, ((menjeling ke arah kamera)) makanan yang dibawa oleh ((merenung gambar)) me ...

Subjek (S13) cuba menggunakan strategi ini untuk memikirkan kosa kata yang sesuai berkaitan orang yang mengunjungi pantai itu sama ada kanak-kanak, orang dewasa, orang tua, murid-murid sekolah dan sebagainya. Berdasarkan analisis daripada ujaran tersebut, subjek didapati masih gagal menyebut mereka yang terlibat, iaitu pengunjung membawa makanan itu semasa berkelah.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S91	392	Pelayan : ((merenung kamera)) Apakah / menu makanan <diam> yang / anda ?
S92	393	Pelanggan : <i>Sorry</i> . Baiklah, saya hendak makan nasi ayam dan nasi goreng.

Ujaran yang dibuat oleh subjek ke-91 didapati tidak lengkap sepenuhnya. Perlakuannya menggunakan strategi ini untuk memikirkan tentang soalan yang perlu diujarkan kepada pelanggan berkaitan jenis menu makanan yang dipesan. Walaupun strategi ini dapat membantu subjek dalam menyoal pelanggan tetapi tidak sepenuhnya. Namun begitu, mesej yang hendak disampaikan dapat difahami oleh pelanggan. Ini dapat dilihat soalan yang diajukan itu dapat dijawab dengan sempurna dan betul oleh pelanggan.

4.4.7 Strategi Diam

Subjek tidak mahu berujaran apabila ditanya. Sebaliknya, mereka mendiamkan diri dan menggerakkan anggota badan yang lain. Keengganan subjek melakukan pengujaran mungkin subjek tidak memahami mesej yang disampaikan dalam bahasa sasaran.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S129	542	Pelayan : Selamat pagi. Apa kauu :::::: kamu <diam> ((menggosok)) mata.
S130	543	Pelanggan : Selamat pagi. ((menggosok mata)).

Pertuturan yang dibuat oleh subjek (S129) tersekat dan tidak dapat diteruskan. Jika dianalisis ujaran itu, subjek tidak mempunyai kosa kata berkaitan jenis makanan dan minuman. Kekangan tersebut menyebabkan subjek tidak dapat menyoal pelanggan dengan tepat dan lancar. Kesannya, subjek (S130) yang berperanan sebagai pelanggan tidak dapat menjawab soalan pelayan itu. Sebaliknya dia hanya membalas kata ucapan selamat pagi.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S74	255	Ramai orang bermandi-manda kat di <diam> ((merenung gambar)) pantai.

Ayat yang diujarkan didapati tidak lengkap. Subjek (S74) tidak mengetahui kosa kata “pantai”. Namun begitu, setelah subjek menggunakan strategi ini, dia berjaya mengujarkannya. Penggunaan strategi tersebut memberi masa dan keselesaan untuk subjek mencari kosa kata yang sesuai.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S99	342	((menganggukkan kepala)) Ali sekeluarga duduk di / atas tikar ((merenung gambar)) <diam> untuk me... <diam> untuk makan makanan.

Subjek (S99) menggunakan strategi ini sebanyak dua kali. Jika dilihat pada ayat yang diujarkan didapati subjek tersebut mencari kosa kata berkaitan aktiviti yang

dilakukan oleh keluarga Ali semasa duduk di atas tikar di bawah pokok. Akhirnya, ujaran dapat disampaikan dengan baik.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S65	281	Pelayan : Apakah menu makanan yang rakan anda?
S66	282	Pelanggan : Untuk rakan saya ini <diam> ((jari kedua-dua tangan bergerak)) tolong berikan mi goreng dan se ... cawan kopi.

Subjek (S65) dapat berujaran dengan baik tetapi subjek 66 menjawab soalan dalam keadaan yang tersekat-sekat. Penggunaan strategi ini membantunya mengingat kembali kosa kata berkaitan jenis minuman dan makanan.

4.4.8 Senyuman

Kita sentiasa tersenyum dengan cara tersendiri setiap hari. Senyuman ialah tanda bukan sahaja humor atau berseronok tetapi juga bermaksud permohonan maaf, tanda pembelaan atau alasan (Lewis, 1998, p.81). Namun demikian, dalam kajian ini tafsiran senyum menggambarkan perasaan gembira apabila berjaya bertutur dalam BM kerana telah menguasai banyak kosa kata dalam BM.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S47	194	Pelayan : Apakah yang kamu mahu makan?
S48	195	Pelanggan : Emm ::: (senyum)) saya mahu makan mi goreng dan secawan kopi. ((mengangkat kedua-dua tangan))

Subjek (S48) cuba menjawab pertanyaan pelayan restoran berkaitan makanan dan minuman yang diminta. Namun demikian, subjek tersebut tidak dapat menjawab dengan segera. Sebaliknya, subjek menggunakan strategi senyuman untuk membolehkannya berfikir secara rasional atau cuba mengingat kembali kosa kata yang sesuai berkaitan makanan dan minuman yang hendak dipesan. SK tersebut

menggambarkan bahawa pelajar B2 sudah mempunyai kosa kata BM yang sesuai dan boleh digunakan untuk melengkapkan ujaran yang diterima.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S82	280	Ali dan keluarganya sedang berkelah di tepi pantai. ((senyum))

Strategi ini digunakan bagi menggambarkan kepuasan subjek kerana dapat mengujarkan ayat dengan lancar tanpa gangguan kekurangan kosa kata. Struktur ayat yang diujarkan tersusun kemas dan memenuhi sistem tatabahasa BM.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S93	319	Ramai orang sedang ((senyum)) yo yo.

Subjek (S93) menggunakan strategi ini untuk meminta bantuan kosa kata BM berkaitan aktiviti yang dilakukan oleh para pengunjung di tepi pantai. Namun begitu, subjek didapati membawa masuk kosa kata bahasa ibundanya ke dalam pertuturan BM sebagai langkah terakhir bagi melengkapkan ujaran agar tidak terjejas.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S15	63	Pelayan: Apakah menu makanan yang anda pilih?
S16	64	Pelanggan: Sa ::: saya / pilih ((senyum)) nasi goreng dan ((jari kedua-dua tangan bergerak)) nasi ayam.

Subjek (S15) dapat menyoal rakannya dengan baik berkaitan menu makanan yang dipilih. Namun demikian, subjek 16 didapati tidak dapat menjawabnya dengan lancar.

Pada mulanya ujaran subjek kelihatan tersekat seolah-olah tidak tahu untuk memulakan ayat.

4.4.9 Pergerakan Lidah

Menurut Lewis (1998, p.193-194) terdapat banyak isyarat lidah yang boleh memberikan tanggapan yang bernilai ke dalam fikiran atau perasaan seseorang. Beliau memberi

contoh isyarat lidah terjelir membawa maksud orang-orang yang berfikir bahawa mereka telah terlepas daripada sesuatu atau ditangkap melakukan sesuatu.

Pelajar Cina didapati sangat kurang menggunakan pergerakan lidah sekiranya menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi dalam BM. Dapatan daripada analisis data transkripsi menunjukkan hanya satu sahaja SK tersebut yang digunakan oleh pelajar.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S23	103	Pelayan: Apakah minuman yang anda suka?
S24	104	Pelanggan: Saya minta segelas/kopi, eh, ((menggeleng kepala) segelas susu dan se ... gelas teh tarik. ((menjelirkan lidah))

Subjek (S24) melakukan strategi ini setelah selesai membuat ujaran atau menjawab pertanyaan daripada pelayan restoran. Perlakuan subjek itu secara kebetulan sahaja setelah melakukan pembetulan semasa membuat pesanan minuman. Pada mulanya, subjek meminta kopi kemudian menggeleng kepala setelah mengakui kesilapannya. Lantas membuat pembetulan bahawa minuman yang diminta sebenarnya susu dan teh tarik.

4.5 Rumusan

Dapatan analisis mendapati bahawa pelajar Cina lebih banyak menggunakan SKBBL berbanding SKBL. SK dilihat berperanan peranan besar dan berpotensi untuk membantu pelajar Cina meningkatkan penguasaan lisan BM mereka. Seterusnya, kedua-dua SK (SKBL dan SKBBL) saling berkaitan antara satu sama lain. Jenis-jenis SK yang digunakan dalam pengujaran lisan bergantung atas keperluan dialog sebagaimana yang telah dihuraikan.

BAB 5: ANALISIS KEKERAPAN STRATEGI KOMUNIKASI BAHASA LISAN DAN STRATEGI KOMUNIKASI BAHASA BUKAN LISAN

5.1 Pendahuluan

Objektif pertama kajian ini telah direalisasikan melalui Bab 4. Seterusnya, bab ini akan membincangkan dapatan analisis kekerapan SK yang digunakan oleh pelajar Cina melalui ujian lisan (bercerita dan main peranan). Analisis dilakukan berdasarkan jumlah setiap jenis SK dan tahap pelajar, iaitu cemerlang (PAC), sederhana (PAS) dan rendah (PAR).


5.2 Analisis Kekerapan Strategi Komunikasi Pelajar Cina

Subjek kajian yang terdiri daripada 130 pelajar Cina telah menggunakan sebanyak 1597 strategi komunikasi (SK) yang terbahagi kepada Strategi Komunikasi Bahasa Lisan (SKBL) dan Strategi Komunikasi Bukan Bahasa Lisan (SKBBL).

Jadual 5.1: Kekerapan strategi komunikasi pelajar Cina

Bil.	Strategi Komunikasi	Kekerapan	Bil.	Strategi Komunikasi	Kekerapan
1.	Pengguguran mesej	296	10.	Senyuman	63
2.	Pergerakan jari	247	11.	Penghuraian	48
3.	Jelangan mata	198	12.	Penukaran kod	42
4.	Pergerakan tangan	171	13.	Pengelakan topik	32
5.	Pergerakan badan	146	14.	Generalisasi terlampau	20
6.	Pergerakan kepala	102	15.	Penghampiran	12
7.	Renungan mata	72	16.	P. P. baharu	7
8.	Strategi diam	72	17.	Pergerakan lidah	1
9.	Rayuan kerjasama	68		Jumlah	1597

Berdasarkan jadual 5.1, jumlah SK yang digunakan oleh pelajar Cina sebanyak 1597 kes. Seterusnya, setiap SK yang digunakan mempunyai kekerapan yang berbeza antara satu sama lain. Dapatan tersebut menunjukkan kekerapan SK yang tinggi mempunyai peranan yang besar dalam sesuatu pengujaran lisan. Sebaliknya, SK yang kurang memainkan peranan dalam sesuatu pengujaran mempunyai kekerapan yang rendah.



Rajah 5.1: Peratusan strategi komunikasi pelajar Cina

Secara keseluruhannya, pelajar Cina yang menjadi subjek kajian ini paling banyak menggunakan pengguguran mesej, iaitu 296 kes atau 19 % dalam pengujaran lisan. Kekerapan yang tinggi menunjukkan bahawa strategi tersebut mempunyai peranan yang utama dalam membantu melancarkan pertuturan pelajar Cina. Penggunaannya dilakukan berulang kali dan secara tidak langsung meningkatkan bilangannya. Di samping itu, penggunaan strategi tersebut menggambarkan pelajar Cina mempunyai

semangat yang tinggi atau tidak berputus asa dalam menguasai leksikal BM khususnya dalam pertuturan lisan. Kekurangan leksikal dalam BM merupakan masalah utama bagi pelajar B2 terutama pelajar Cina merujuk kajian ini. Faktor tersebut telah mendorong mereka menggunakan kaedah alternatif, iaitu menggunakan gerakan anggota badan yang boleh memberi makna yang sama dengan leksikal yang belum diketahui itu. Oleh itu, anggota badan yang paling mudah digerakkan ialah jari. Rajah 5.1 menunjukkan pelajar Cina telah menggunakan sebanyak 15 % pergerakan jari dalam pertuturan mereka.

Seterusnya, subjek menggunakan anggota badan yang paling mudah digerakkan, iaitu jelingan mata. Strategi tersebut digunakan sebanyak 198 kes (Jadual 5.1) atau 12%. Pergerakan tangan yang sesuai boleh memberi makna tertentu melalui simbol-simbol isyarat yang difahami. Analisis kekerapan menunjukkan subjek telah menggunakannya sebanyak 11%. Strategi-strategi yang lain turut digunakan oleh subjek, iaitu pergerakan badan (9%), pergerakan kepala (6%), renungan mata (5%), strategi diam (5%), rayuan kerjasama (4%), senyuman (4%), penguraian (3%), penukaran kod (3%), pengelakan topik (2%), generalisasi terlampau (1%), penghampiran (1%), pembentukan perkataan baharu, dan pergerakan lidah. Analisis data yang ditranskripsikan menunjukkan penggunaan strategi pergerakan lidah sangat kurang digunakan, iaitu hanya satu kes sahaja dikesan melalui aktiviti lisan. Strategi tersebut didapati kurang membantu pelajar dalam menguasai kemahiran lisan BM.

5.2.1 Strategi Komunikasi Bahasa Lisan (SKBL)


Berdasarkan kajian ini, sebanyak lapan jenis strategi komunikasi bahasa lisan (SKBL) yang ditetapkan dikaji secara mendalam melalui penguji lisan dalam aktiviti bercerita dan main peranan. Jenis komunikasi bahasa lisan yang dimaksudkan ialah

pengguguran mesej, rayuan kerjasama, penghuraian, penukaran kod, pengelakan topik, generalisasi terlampau, penghampiran, dan pembentukan perkataan baharu.

Jadual 5.2: Kekerapan strategi komunikasi bahasa lisan (SKBL)

Bil.	Keseluruhan	Bil. SK	%
1.	Pengguguran mesej	296	57
2.	Rayuan kerjasama	68	13
3.	Penghuraian	48	9
4.	Penukaran kod	42	8
5.	Pengelakan topik	32	6
6.	Generalisasi terlampau	20	4
7.	Penghampiran	12	2
8.	Penciptaan perkataan baharu	7	1
	Jumlah	525	100

Berdasarkan jadual 5.2, jumlah SKBL yang digunakan pelajar adalah sebanyak 525 kes atau 33% daripada jumlah keseluruhan. Daripada jumlah tersebut, pengguguran mesej menduduki tangga teratas, iaitu SK paling banyak digunakan dalam pengujaran lisan. Seterusnya diikuti rayuan kerjasama, penghuraian, penukaran kod, pengelakan topik, generalisasi terlampau, penghampiran, dan penciptaan perkataan baharu.



Rajah 5.2: Peratusan kekerapan strategi komunikasi bahasa lisan

Berdasarkan rajah 5.2 berkaitan SKBL menunjukkan subjek lebih banyak menggunakan pengguguran mesej, iaitu 296 kes atau 57%. Seterusnya, penutur B2 menggunakan sebanyak 68 kes (13%) melalui rayuan kerjasama. Strategi tersebut dilakukan apabila seseorang itu mengemukakan kata soal seperti apa, siapa, berapa, atau bagaimana dalam sesuatu pertanyaan kepada interlocutor. Seterusnya, pengkaji mendapati subjek menggunakan penghuraian sebanyak 9% bagi menerangkan sesuatu kosa kata yang tidak diketahuinya. Hasil analisis data pertuturan telah memperlihatkan satu penemuan yang menarik dalam kajian ini, iaitu pengaruh bahasa ibunda (bahasa Mandarin) didapati kurang memainkan peranan penting. Statistik menunjukkan penukaran kod hanya 42 kes atau 8%. Kekerapan pengelakan topik hanya melibatkan 32 kes atau 6 %. Hasil kajian ini juga mendapati pelajar menggunakan generalisasi terlampau sebanyak 4 % sahaja. Penghampiran menduduki tempat ke-7 daripada senarai SKBL, iaitu 12 kes atau 2 %. Akhir sekali, penciptaan perkataan baharu paling sedikit digunakan oleh pelajar Cina, iaitu sebanyak 7 kes atau 1%.

i. Strategi Pengguguran Mesej


Dalam pembelajaran B2, seseorang penutur B2 masih belum menguasai sepenuhnya bentuk atau peraturan B2. Oleh itu, penutur tersebut akan berusaha untuk meneruskan pengujarannya dengan memendekkan komunikasinya berkaitan sesuatu topik sekiranya menghadapi masalah leksikal dalam bahasa sasaran, Tarone (1983 : 62).

Secara keseluruhannya, kebanyakan subjek yang menjadi sampel bagi penyelidikan ini didapati paling banyak menggunakan pengguguran mesej sepanjang mereka menjalani aktiviti bercerita dan main peranan. Mereka telah menggunakan strategi tersebut sebanyak 296 kes bersamaan 57 peratus.

Jadual 5.3: Kekerapan pengguguran mesej mengikut aras pelajar

Bil	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	109	37
2.	PAS	96	32
3.	PAR	91	31
	Jumlah	296	100

Berdasarkan rajah 5.3 menunjukkan ketiga-tiga kategori pelajar, iaitu PAC menggunakan 109 kes, PAS sebanyak 96 kes, dan PAR 91 kes. Kekerapan penggunaan pengguguran mesej berbeza mengikut tahap pelajar Cina. Perbezaan tersebut adalah dipengaruhi oleh tahap penguasaan mereka dalam BM.



Rajah 5.3: Perbandingan penggunaan pengguguran mesej

Gambaran yang jelas berdasarkan rajah 5.3 mendapati PAC menggunakan lebih banyak pengguguran mesej, iaitu 109 kes (37%) berbanding PAS (96 kes) atau 32% dan PAR (91 kes) atau 31%. Hasil daripada analisis data penyelidikan ini telah menunjukkan dapatan yang berbeza. PAC yang banyak menguasai leksikal BM telah memberi kelebihan kepada mereka untuk melakukan pengujaran lisan dengan lebih

banyak. Oleh itu, secara tidak langsung telah meningkatkan penggunaan SK yang sama, iaitu pengguguran mesej. Penggunaan pengguguran mesej yang rendah oleh PAS dan PAR menunjukkan mereka mengalami kekurangan penguasaan kosa kata BM dan seterusnya menghadkan pengujaran mereka. SK yang digunakan oleh subjek ditunjukkan melalui contoh ujaran mereka.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S19	98	((menggerakkan badan)) Abu dan adiknya sedang / ber

Jika dilihat dengan teliti ujaran oleh subjek 19 didapati subjek boleh berujaran dengan baik pada peringkat awal, namun tersekat atau terhenti apabila menghadapi kekurangan leksikal BM berkaitan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh para pengunjung di tepi pantai. Pengkaji mendapati subjek menggunakan strategi tersebut akibat kurang mengetahui kosa kata BM berkaitan kata kerja yang sesuai dengan aktiviti-aktiviti yang biasa dilakukan oleh pengunjung semasa berkelah di tepi pantai. Akhirnya, subjek terpaksa menghentikan ujaran itu serta-merta.

ii. Strategi Rayuan Kerjasama

Strategi ini boleh dilakukan oleh penutur sama ada secara langsung atau tidak langsung. Melalui cara langsung penutur B2 akan meminta bantuan terus dengan bertanya kepada interlokutor. Tarone (1983, p.62) mendefinisikan strategi ini sebagai “ *The learner asks for the correct term*”. Contoh:-*what is this ? , what called ?* Oleh itu, pelaksanaan merayu bantuan secara langsung adalah bertujuan supaya pelajar mengekalkan komunikasi dengan rakan-rakan dan pengajar dalam bilik darjah (Mitsuko, 2009, p.115).


Strategi ini dilakukan secara tersirat atau tidak berterus terang kepada interlokutor. Penutur akan memberi isyarat kepada interlokutor bahawa dia sukar meneruskan perbualan dan terus meminta bantuan pendengar. Contohnya, memberi isyarat kepada

pendengar seperti senyuman, diam, mimik muka atau melambatkan perbualan. Namun dalam SKBL, strategi yang digunakan hanya melibatkan suara untuk meminta bantuan daripada rakan-rakan yang berdekatan. Keseluruhan subjek telah menggunakan strategi ini sebanyak 68 kes atau 13% sepanjang aktiviti lisan. Setiap tahap pelajar didapati menggunakannya dengan bilangan yang berbeza-beza.

Jadual 5.4: Kekerapan rayuan kerjasama mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	19	28
2.	PAS	28	41
3.	PAR	21	30
	Jumlah	68	100

Berdasarkan jadual 5.4, jumlah rayuan kerjasama yang digunakan ialah 68 kes. PAC menggunakan 19 kes (28%), PAS sebanyak 28 kes (41%) dan PAR pula 21 kes atau 30%.



Rajah 5.4: Perbandingan penggunaan rayuan kerjasama

Statistik kekerapan rayuan kerjasama berdasarkan daripada rajah 5.4 menunjukkan PAS menggunakan strategi ini paling banyak, iaitu 28 kes. Seterusnya PAR (21 kes) dan

PAC (19 kes). Strategi ini digunakan supaya mereka yang tidak tahu kosa kasa dalam BM mendapat bantuan daripada rakan sebaya. Sekiranya mereka mendapat kerjasama daripada rakan-rakan maka pengujaran lisan boleh diteruskan. Sebaliknya, jika rayuan kerjasama tidak mendapat sambutan maka ujaran mereka akan terhenti. Berdasarkan dapatan yang ditunjukkan pada rajah 5.4 juga, PAC sangat kurang menggunakan strategi ini. Kelebihan mereka, iaitu mempunyai pengetahuan yang banyak kosa kata BM menyebabkan kurang keperluan untuk mereka mendapatkan bantuan melalui rayuan kerjasama daripada rakan-rakan rapat atau unsur-unsur persekitaran. Rayuan kerjasama boleh dilihat melalui contoh yang dinyatakan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S35	161	Pelayan: Apakah makanan yang untuk rakan anda?
S36	162	Pelanggan : Rakan saya <diam> minta mi goreng dan ... ((cuba meminta bantuan rakan))

Subjek 36 cuba meminta rakan membantunya melengkapkan ayat yang diujarkan. Berdasarkan ujaran yang tidak lengkap menunjukkan subjek berusaha meminta bantuan rakan. Namun begitu rayuan kerjasama itu tidak berhasil. Ujaran tersebut ditinggalkan begitu sahaja.


iii. Strategi Penghuraian (*Circumlocution*)

Strategi ini digunakan apabila pelajar tidak tahu penggunaan istilah BM dengan tepat lantas menghuraikan perkataan tersebut secara berpanjangan agar interlocutor dapat memahami mesej yang disampaikan itu dengan tepat.

Jadual 5.5: Kekerapan penghuraian mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	kekerapan SK	%
1.	PAC	23	48
2.	PAS	17	35
3.	PAR	8	17
	Jumlah	48	100

Jadual 5.5 menunjukkan pelajar Cina pelbagai tahap menggunakan sebanyak 48 kes semasa bertutur dalam ujian lisan. PAC menggunakan sebanyak 23 kes strategi ini atau 48 %. Seterusnya PAS melibatkan 17 kes (35%) dan diikuti PAR hanya lapan kes atau 17%.



Rajah 5.5: Perbandingan penggunaan penghuraian

Berdasarkan rajah 5.5 didapati PAC menggunakan paling banyak penghuraian, iaitu sebanyak 23 kes (48%). Seterusnya, tempat kedua ialah PAS. Mereka menggunakan 17 kes (35%) dan PAR pula menggunakan paling sedikit strategi ini, iaitu 8 kes atau 17%. Dapatan ini menunjukkan bahawa PAC lebih banyak menggunakan strategi ini. Ini membuktikan walaupun PAC tidak dapat menggunakan istilah BM dengan tepat. Namun mereka sentiasa berusaha untuk terus bertutur dengan menggunakan perkataan-perkataan yang boleh memberi pemahaman kepada rakan yang lain. Tambahan pula PAC banyak menguasai kosa kata BM dan tentunya boleh membuat huraian berkaitan sesuatu perkataan dengan panjang lebar. Keadaan sebaliknya berbeza dengan PAR yang hanya menggunakan 8 kes strategi ini kerana kekurangan kosa kata yang menghadkan penghuraian mereka.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S5	18	Seorang sedang menggang / aa ::::: <i>sking</i> / menunggang <diam> menunggang ((jari tangan kiri bergerak)) <i>sking boat</i> /((menjelingke arahkamera)) di atas laut.

Berdasarkan ujaran subjek 5 didapati bahawa subjek ini menggunakan strategi penghuraian dengan melambat-lambatkan ujaran dan mengulangi kosa kata yang kurang tepat itu, iaitu *sking boat*. Perkataan yang betul bagi kenderaan di permukaan air ialah jet ski. Namun begitu, subjek ini menggunakan kosa kata yang tiada dalam sistem BM tetapi mempunyai maksud yang hampir sama. Pelajar Cina didapati lebih mengetahui istilah bahasa Inggeris berbanding BM.

iv. Strategi Penukaran Kod

Penggunaan strategi ini sudah menjadi suatu kebiasaan yang tidak boleh dielakkan oleh penutur B2. Penutur akan memasukkan unsur bahasa ibunda dalam pertuturannya bagi memastikan komunikasinya berjalan lancar. Menurut Tarone (1983, p.62) strategi penukaran kod yang digunakan oleh penutur B2 dengan cara menggunakan B1 tanpa menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran dengan betul. Penggunaan strategi ini adalah bersifat sementara. Apabila penutur B2 telah menguasai leksikal B2 maka penggunaan strategi ini akan berkurangan. Zamri (2007, p.88) pula berpendapat strategi ini berlaku apabila seseorang penutur hendak memberi penekanan dan juga menerangkan sesuatu perkara itu dengan lebih jelas. Maksud pendapat beliau, jika penutur B2 menyampaikan maksud akan difahami jika diselitkan bahasa asing ke dalam pertuturan mereka.

Dapatan kajian oleh Lugoloobi-Nalunga (2013, p.31) mendapati penukaran kod merupakan satu fenomena semula jadi dalam perkembangan B2 dan mempunyai kesan positif ke ke atas perkembangan B2 kerana unsur ini memenuhi sejumlah fungsi


termasuk kosa kata dan pembinaan konsep, keperluan untuk mendapatkan penjelasan dan penekanan, menyediakan strategi pembelajaran pemerolehan B2, dan secara amnya membantu pelajar mengekalkan dan membangunkan B2 mereka.

Strategi ini membawa maksud pelajar membawa masuk elemen-elemen bahasa ibunda, iaitu bahasa Mandarin ke dalam BM kesan daripada kekurangan kosa kata BM. Penggunaan strategi ini bukan sahaja boleh berlaku dalam pertuturan lisan tetapi juga dalam aktiviti penulisan. Keadaan ini berlaku apabila pelajar memasukkan sama ada kosa kata, rangkai kata, atau ayat bahasa Mandarin ke dalam pertuturan BM. Pelajar melakukan strategi ini agar mesej yang disampaikan boleh difahami oleh pendengar atau penerima maklumat. Penggunaan strategi ini dilakukan oleh setiap tahap pelajar dengan merujuk pada rajah 5.6.

Jadual 5.6: Kekerapan penukaran kod mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	9	21
2.	PAS	29	69
3.	PAR	4	10
	Jumlah	42	100

Berdasarkan jadual 5.6, jumlah penukaran kod yang digunakan oleh subjek ialah hanya 42 kes atau 8% (rajah 5.2). PAC menggunakan 9 kes (21%), PAS sebanyak 29 kes atau 69% dan PAR pula sebanyak 4 kes atau 10%. Penggunaan strategi ini menunjukkan pelajar Cina didapati kurang membawa masuk kosa kata bahasa Mandarin dalam pertuturan BM. Mereka mahu bergantung sepenuhnya kepada leksikal BM yang sedia ada dan juga bantuan SK yang sesuai.



Rajah 5.6: Perbandingan penggunaan penukaran kod

Berdasarkan rajah 5.6 penyelidik mendapati PAC menggunakan strategi ini sebanyak 9 kes, PAS (29 kes), dan PAR (4 kes). Perbezaan bilangan SK yang ketara antara PAS dengan PAC dan PAR. PAS didapati paling banyak menggunakan strategi ini. Ini menunjukkan bahawa PAS banyak memasukkan unsur-unsur bahasa Mandarin semasa pertuturan lisan dalam BM. Mereka telah menggantikan kosa-kosa BM yang tidak diketahui dengan kosa kata bahasa ibunda. Kekekapan strategi ini sangat kurang digunakan oleh PAC dan PAR. Contoh penggunaan strategi tersebut boleh dilihat pada aktiviti bercerita dan main peranan seperti yang tercatat dalam contoh berikut.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S93	320	((merenung gambar)) seseorang / orang / encik sedang membaca sy :::: <i>pau chee</i> .

Berdasarkan ujaran 320, subjek sebenarnya tidak mengetahui kosa kata 'buku' dalam BM. Sebaliknya pelajar tersebut menggunakan kosa kata bahasa ibunda semasa berkomunikasi. Tindakan subjek adalah untuk mengelakan gangguan pertuturan. Bilangan penukaran kod yang rendah menunjukkan pengaruh bahasa ibunda mereka

kurang memainkan peranan dalam melancarkan pengujaran lisan atau pelajar B2 kurang membawa masuk unsur-unsur bahasa Mandarin ke dalam pertuturan BM.

v. Strategi Pengelakan Topik


Menurut Tarone (1983, p.63) seseorang penutur B2 akan mengelak sepenuhnya daripada meneruskan komunikasi tentang topik yang memerlukan bentuk atau peraturan dalam bahasa sasaran yang belum dikuasainya. Selain itu, Tarone (1977, p.104) telah melakukan kajian ke atas sekumpulan pelajar B2. Beliau telah menguji dua jenis SK, iaitu pengelakan dan parafrasa. Instrumen yang digunakan ialah bercerita secara lisan. Dapatan kajian beliau menunjukkan pelajar yang mahir lebih gemar menggunakan strategi parafrasa dan pelajar kurang cekap pula lebih banyak menggunakan strategi pengelakan kerana kekurangan leksikal B2.

Strategi ini digunakan apabila seseorang pelajar B2 meninggalkan topik yang sedang diperbualkan dengan cara mendiamkan diri ataupun cuba beralih ke topik yang lain. Faktor yang menyebabkan subjek berbuat demikian kerana ketandusan perbendaharaan kata BM.

Jadual 5.7: Kekerapan pengelakan topik mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	5	16
2.	PAS	13	41
3.	PAR	14	43
	Jumlah	32	100

Dapatan daripada analisis data menunjukkan semua subjek telah menggunakan sebanyak 32 kes atau 6 % (rajah 5.2) strategi tersebut. Sama seperti SK yang lain, kekerapan strategi yang digunakan oleh setiap tahap pelajar adalah berlainan sebagaimana yang ditunjukkan pada rajah 5.7. PAC menggunakan lima kes atau 16%. PAS 13 kes (41%) dan PAR pula sebanyak 14 kes atau 43%.



Rajah 5.7: Perbandingan penggunaan pengelakan topik

Berdasarkan rajah 5.7 menunjukkan PAC sangat kurang menggunakan pengelakan topik dalam pertuturan lisan dalam BM. Kekerapan hanya lima kes atau 16% daripada keseluruhan. Namun begitu, PAS (41%) dan PAR (43%) didapati lebih banyak menggunakan pengelakan topik berbanding PAC. Seseorang pelajar B2 akan kerap melakukan strategi ini apabila berlaku kesukaran untuk meneruskan perbualan. Akibatnya, mesej yang hendak disampaikan gagal dilakukan dengan baik. Perbualan atau pengujaran tergantung begitu sahaja. Seterusnya, pelajar bertutur berkaitan hal-hal yang lain.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S111	380	Saya dan / abang <diam>

Subjek ini menggunakan strategi pengelakan topik kerana kekurangan leksikal BM. Pengujarannya tersekat lantas subjek meninggalkannya begitu sahaja. Subjek hanya berupaya menyebut kata ganti nama diri yang digunakan pada awal ayat. Selepas itu, subjek enggan meneruskan ujaran kesan daripada kekangan kosa kata BM.

vi. Strategi Generalisasi Terlampau


Menurut Puteri Roslina (1998, p.157) penggunaan strategi tersebut merupakan satu strategi yang digunakan oleh kebanyakan kanak-kanak yang sedang mempelajari B2 dan strategi ini dikaitkan dengan strategi pembelajaran. Selain itu, strategi tersebut merupakan satu fenomena yang biasa yang ditemui oleh guru bahasa.

Strategi ini digunakan apabila seseorang pelajar B2 tidak dapat membuat perbezaan sesuatu istilah dengan tepat dan sesuai. Contohnya, perkataan “bola” bermaksud sebiji bola tetapi kalau digandakan sebagai “bola-bola” menunjukkan banyak bilangan bola. Keadaan berbeza dengan perkataan “layang-layang” walaupun menggunakan dua perkataan namun maksudnya satu objek sahaja. Namun demikian, pelajar menganggapnya sama dan tiada perbezaan.

Jadual 5.8: Kekerapan generalisasi terlampau mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	3	15
2.	PAS	10	50
3.	PAR	7	35
	Jumlah	20	100

Berdasarkan analisis data transkripsi, (jadual 5.8) sebanyak 20 kes penggunaan strategi ini telah dikesan oleh pengkaji atau 4% (rajah 5.2). Penggunaannya mengikut aras pelajar boleh merujuk pada jadual 5.8. PAC menggunakan tiga kes (15%), PAS 10 kes (50%) dan PAR sebanyak tujuh kes atau 35%.



Rajah 5.8: Perbandingan penggunaan generalisasi terlampau

Rajah 5.8 memaparkan kekerapan strategi generalisasi terlampau yang digunakan oleh ketiga-tiga aras pelajar. PAC (3 kes), PAS (10 kes), dan PAR (7 kes). Secara perbandingan menunjukkan PAS paling banyak menggunakan strategi ini. Seterusnya PAR menggunakan tujuh kes. PAC paling sedikit menggunakan strategi ini, iaitu hanya tiga kes. Dapatan tersebut menunjukkan PAC lebih banyak menguasai kosa kata BM dalam pertuturan lisan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S37	141	Ibu, ((jari kedua-dua tangan bergerak)) ((ketawa)) ((menggerakkan badan ke hadapan)) ibu Paul Sam sedang mem ... baca, sedang membaca surat khabar di bawah ((menjeling ke arah kamera)) di atas sepoi di see ::: buah pokok yang rendang.

Ujaran subjek 37 yang menggunakan strategi ini apabila gagal membezakan antara kosa kata “di bawah” dan “di atas”. Dalam sistem tatabahasa BM, kedua-dua kosa kata tersebut mempunyai makna yang berlawanan. Oleh itu, struktur ayat yang diujarkan itu tidak betul dan perlu diperbaiki berkaitan kata sendi tempat.


vii. Strategi Penghampiran

Apabila pelajar B2 terlupa atau tidak mengetahui sesuatu kosa kata B2 maka mereka akan mengambil jalan lain, iaitu menggunakan kosa kata yang mempunyai makna yang hampir sama dengan kosa kata yang dicari. Walaupun kosa kata yang digunakan itu membawa maksud yang kurang tepat, namun sebagai langkah mengatasi kekurangan kosa kata B2 maka strategi ini dianggap kaedah yang perlu. Definisi SK yang sama digunakan oleh Habibah (2011, p.87), iaitu sesuatu strategi yang digunakan oleh penutur apabila mengalami pelbagai kekeliruan antara kata B2, dan ekspresi tatabahasa atau kesamaan fonetik atau generalisasi peraturan bahasa yang terdapat dalam B2.

Jadual 5.9: Kekerapan penghampiran mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	kekerapan SK	%
1.	PAC	10	84
2.	PAS	1	8
3.	PAR	1	8
	Jumlah	12	100

Berdasarkan jadual 5.9 semua aras pelajar telah menggunakan penghampiran sebanyak 12 kes atau 2% daripada keseluruhan SKBL (rajah 5.2). Dapatan daripada analisis transkripsi menunjukkan PAC menggunakan 10 kes (84%), PAS dan PAR menggunakan strategi tersebut dengan jumlah yang sama, iaitu satu kes atau lapan peratus.



Rajah 5.9: Perbandingan penggunaan penghampiran

Dapatan yang ditunjukkan pada rajah 5.9 menunjukkan penggunaan penghampiran yang berbeza antara tahap pelajar Cina. PAC paling kerap menggunakan strategi ini, iaitu 10 kes berbanding PAS (1 kes), dan PAR (1 kes). Dapatan ini menjelaskan bahawa PAC lebih bersungguh-sungguh melakukan strategi ini semasa proses komunikasi sedang berjalan. Walaupun mereka tidak dapat menggunakan perkataan yang tepat tetapi dengan menggunakan perkataan yang hampir sama dari segi makna adalah memadai bagi menyampaikan mesej kepada rakan. PAS dan PAR sangat kurang menggunakan penghampiran adalah disebabkan kekangan leksikal BM. Contoh penggunaan penghampiran boleh dilihat pada ujaran oleh subjek 6.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S6	22	Ali ((menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang)) dan / Abu dan kawannya sedang bermain bola tampau dengan gembira.

Pada ujaran 22, subjek didapati menggunakan strategi ini. Dalam leksikal BM tiada kosa “bola tampau”. Leksikal yang sesuai ialah bola tampar. Namun kosa kata yang

diujarkan tersebut mempunyai ciri-ciri yang semantik yang sama dengan kosa kata yang sebenar.


viii. Strategi Penciptaan Perkataan Baharu

Definisi strategi ini oleh Bialystok & Frohlich (1980, p. 12) ialah ciptaan item leksikal B2 dengan memilih ciri konsep item sasaran dan menggabungkannya ke dalam sistem morfologi B2. Sebagai contoh, 'clock' dirujuk sebagai 'heurot' kata nama akhiran 'ot' dilekatkan kepada makna 'heure'. Strategi ini biasanya menghasilkan item-item yang tidak wujud dalam bahasa sasaran. Sekiranya wujud, mempunyai konteks makna yang tidak sesuai. Perkataan yang baharu dicipta mempunyai persamaan dari segi semantik atau fonologi. Penutur terpaksa menggunakan strategi ini apabila istilah dalam BM tidak diketahui. Lantas itu, mereka menggunakan daya kreatif sendiri untuk mencipta kosa kata BM yang mempunyai persamaan dari segi leksikal atau fonologi. Namun begitu, perkataan baharu yang dicipta itu tiada dalam perbendaharaan kata dalam BM. Strategi ini tidak banyak digunakan oleh pelajar. Jumlah dan kekerapan SK tersebut boleh dilihat pada rajah 5.10.

Jadual 5.10: Kekerapan penciptaan perkataan baharu

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	3	42
2.	PAS	2	29
3.	PAR	2	29
	Jumlah	7	100

Berdasarkan jadual 5.10 kekerapan penciptaan perkataan baharu yang digunakan oleh subjek adalah sebanyak 7 kes sahaja atau 1% secara keseluruhan (rajah 5.2). PAC menggunakan 3 kes (42%). Manakala PAS dan PAR masing-masing menggunakan 2 kes atau (29%).



Rajah 5.10: Perbandingan penggunaan penciptaan perkataan baharu

Secara keseluruhan berdasarkan pada rajah 5.10 didapati kekerapan penggunaan strategi ini tidak banyak bezanya dalam kalangan pelajar Cina. PAC (3 kes), PAS (2 kes), dan PAR (2 kes). Dapatan juga menunjukkan strategi ini kurang popular berbanding penggunaan SK yang lain. Pelajar Cina kurang keperluan mencipta perkataan-perkataan baharu apabila menghadapi kesukaran untuk meneruskan pengujaran. Contoh penggunaan strategi ini boleh merujuk pada dialog di bawah.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S5	18	Seorang sedang menggag / aa :::: <i>sking</i> / menunggang <diam> menunggang ((jari tangan kiri bergerak)) <i>sking boat</i> /((menjeling ke arah kamera)) di atas laut.

Subjek 5 didapati mencipta perkataan baru, iaitu “*sking*” tanpa mengetahui ketepatannya dalam leksikal BM. Tujuan penggunaan strategi ini untuk menggantikan kosa kata yang tidak diketahui, iaitu “jet ski”. Namun demikian, penerima mesej memahami maksud yang disampaikan.

5.2.2 Strategi Komunikasi Bahasa Bukan Lisan (SKBBL)


Menurut Paribakht (1985, p.138) strategi bukan lisan adalah merujuk kepada penggunaan isyarat yang bermakna dalam menyampaikan item bahasa sasaran. *Mime* mempunyai sub-kategori berikut, iaitu menggantikan output lisan. Strategi bukan linguistik digunakan oleh penutur untuk mengganti output bahasa dan mengiringi output lisan dengan menerima pakai strategi para linguistik ini, penutur akan menggunakan isyarat yang bermakna untuk mengiringi output lisan. Lewis (1998, p.19) pula berpendapat bahawa bahasa badan merupakan kombinasi komunikasi perasaan peribadi, emosi, sikap, pendapat melalui isyarat, pergerakan badan, postur, ekspresi muka, gaya berjalan, kedudukan dan jarak jauh sama ada secara sedar atau suka rela, dan disertakan atau tidak diiringi oleh bahasa yang dituturkan.

Pendapat daripada tokoh-tokoh tersebut membuktikan bahawa SKBBL mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya selain SKBL dalam apa jua pengujaran lisan. Pengkaji melalui kajian ini memfokuskan SKBBL yang merangkumi sembilan SK yang mengutamakan pergerakan anggota badan (kepala, mata, tangan, jari, badan, senyuman, renungan mata, jelingan mata) termasuk mendiamkan diri atau lebih dikenali dengan strategi diam. Strategi-strategi tersebut tidak melibatkan aspek lisan atau suara tetapi gerakan-gerakan anggota badan yang dilakukan itu memberi makna tertentu.

Jadual 5.11: Kekerapan strategi komunikasi bahasa bukan lisan (SKBBL)

Bil.	Keseluruhan	Kekerapan SK	%
1.	Pergerakan jari	247	23
2.	Jelingan mata	198	18
3.	Pergerakan tangan	171	16
4.	Pergerakan badan	146	14
5.	Pergerakan kepala	102	9
6.	Renungan mata	72	7
7.	Strategi diam	72	7
8.	Senyuman	63	6
9.	Pergerakan lidah	1	0.1
	Keseluruhan	1072	100

Sebanyak 1072 kes atau 67% (rajab 5.11) daripada keseluruhan SK telah digunakan oleh subjek pelbagai tahap. SK yang tergolong dalam SKBBL adalah pergerakan jari (247 kes), jelingan mata (198 kes), pergerakan tangan (171 kes), pergerakan badan (146 kes), pergerakan kepala (102 kes), renungan mata (72 kes), strategi diam (72 kes), senyuman (63 kes), pergerakan lidah (1 kes),



Rajah 5.11: Peratusan strategi komunikasi bahasa bukan lisan

Secara keseluruhannya, jumlah SKBBL yang digunakan adalah sebanyak 67%. Pecahan peratusan SK yang digunakan boleh merujuk pada rajah 5.11. Berdasarkan jumlah tersebut, subjek didapati lebih banyak menggunakan pergerakan jari, iaitu sebanyak 23%. Tempat kedua tertinggi ialah jelingan mata, iaitu 18%. Seterusnya, pergerakan tangan sebanyak 16%, pergerakan badan (14%), pergerakan kepala (9%), renungan mata dan strategi diam masing-masing sebanyak 7%. Strategi senyuman sebanyak 6%. Strategi paling sedikit dalam kategori SKBBL ialah pergerakan lidah, iaitu hanya 0.1%. Strategi tersebut didapati kurang membantu pelajar dalam menguasai kemahiran lisan khususnya BM.


i. Strategi Pergerakan Jari

Berdasarkan penyelidikan ini, strategi pergerakan jari tergolong dalam SKBBL. Setiap gerak-geri jari jemari boleh memberi peluang kepada subjek untuk mengingat kembali leksikal-leksikal BM yang sesuai digunakan bagi meneruskan penguajarannya. Setelah data-data yang dirakam itu melalui proses transkripsi maka dapatan menunjukkan bahawa subjek telah menggunakan SK tersebut sebanyak 247 kes. Jadual dan rajah 5.12 menunjukkan kekerapan dan peratusan penggunaan jari.

Jadual 5.12: Kekerapan pergerakan jari mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	104	42
2.	PAS	82	33
3.	PAR	62	25
	Jumlah	247	100

Berdasarkan jadual 5.12, kekerapan strategi ini adalah sebanyak 247 kes. Daripada jumlah tersebut, PAC menggunakan sebanyak 104 kes (42%). PAS menggunakan sebanyak 82 kes (33%) dan PAR pula 62 kes atau 25%.



Rajah 5.12: Perbandingan penggunaan pergerakan jari

Strategi ini paling banyak digunakan oleh subjek berbanding SKBBL yang lain, iaitu 23% (rajah 5.11). Ini membuktikan bahawa pergerakan jari merupakan salah satu SK yang penting bagi pelajar yang baru mempelajari BM sebagai B2 terutama dalam menguasai kemahiran lisan. PAC menunjukkan penggunaan strategi yang terbanyak, iaitu 104 kes, diikuti oleh PAS (82 kes) dan PAR (62 kes). Dapatan tersebut menjelaskan bahawa PAC lebih bersungguh-sungguh membuat ujaran dalam BM berbanding PAS dan PAR. Faktor tersebut mendorong mereka menggunakan lebih banyak strategi tersebut untuk menyampaikan mesej. Salah satu contoh penggunaan strategi tersebut boleh dilihat dalam ujaran berikut.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S2	06	Wanita membaca surat khabar ((ibu jari kiri bergerak)) di seb ... bawah sebatang pokok.

Strategi ini digunakan untuk melambatkan pengujaran bagi membina ayat-ayat secara lisan dan seterusnya memberi peluang kepada subjek 2 mengingat kembali kosa kata BM berkaitan tempat lokasi wanita tersebut melakukan aktiviti membaca surat khabar.

i. Strategi Jelingan Mata


Mata adalah sebahagian daripada muka dan memainkan peranan penting dalam komunikasi bukan lisan. Oleh itu, kepentingannya perlu diberi perhatian serius. Mata dianggap bahagian yang paling ekspresif pada badan yang membekalkan pelbagai isyarat bukan lisan. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa mata adalah alat paling penting bagi komunikasi bukan lisan kerana mata boleh berkomunikasi dengan kelainan paling halus terhadap emosi dan sikap (Lewis, 1998, p.85-86).

Berdasarkan kajian ini, apabila subjek menghadapi kesukaran untuk meneruskan pengujaran membina ayat yang lengkap, maka akan wujud suatu desakan kepada subjek untuk menggerakkan matanya ke kiri dan ke kanan atau ke atas dan ke bawah. Unsur-unsur sekeliling boleh membantu subjek mengingat kembali kosa kata BM yang telah dilupai. Contohnya rakan-rakan yang berhampiran boleh memberi bantuan kepada subjek dalam bentuk yang kreatif. Rajah 5.13 memperlihatkan dapatan analisis kekerapan mengikut tahap pelajar.

Jadual 5.13: Kekerapan jelingan mata mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	73	37
2.	PAS	74	37
3.	PAR	51	26
	Jumlah	198	100

Kekerapan jelingan mata mencatatkan 198 kes (jadual 5.13). Daripada jumlah tersebut, PAC menggunakan sebanyak 73 kes (37%), PAS pula 74 kes atau 37% dan PAR 51 kes (26%).



Rajah 5.13: Perbandingan penggunaan jelingan mata

Dapatan yang ditunjukkan pada rajah 5.13 bahawa PAS telah menggunakan strategi ini sebanyak 74 kes, PAC (73 kes) dan PAR (51 kes). Dapatan tersebut menunjukkan penggunaan strategi ini dalam kalangan PAC dan PAS tidak jauh bezanya. Namun begitu, PAR tidak banyak menggerakkan matanya semasa berkomunikasi sama ada secara individu atau berpasangan. Oleh itu, kekerapan SK bagi PAR didapati lebih rendah berbanding PAC dan PAS. Contoh penggunaan strategi ini boleh dilihat berdasarkan ujaran seperti berikut:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S5	19	Aa:::: seorang gadis sedang mem.. mem..mem... membaca surat khabar dengan meminum ((menjeling ke kiri)) kotak minuman.

Walaupun subjek kajian ini dapat melengkapkan ayat yang diujarkan namun penggunaannya kurang sesuai. Sepatutnya subjek menyatakan jenis minuman dan bukannya bekas minuman. Tindakannya melakukan strategi ini adalah untuk mendapatkan bantuan daripada rakan-rakan yang hampir atau gambar-gambar yang dilekatkan pada dinding. Semangat subjek untuk berujaran dalam BM adalah tinggi apabila dia cuba mencari kosa kata BM yang sesuai dengan aktiviti yang dilakukan oleh gadis tersebut.

ii. Strategi Pergerakan Tangan


Menurut Jamilah (2009) menerusi artikelnya yang bertajuk “Gerak Isyarat Tangan : Peranti Komunikasi dan Alat Penyampai Maklumat Bukan Verbal” menyatakan bahawa gerakan isyarat tangan adalah peranti komunikasi bukan verbal dan penyampai maklumat semasa berkomunikasi berlangsung. Lewis (1998, p.109) pula menyatakan bahawa isyarat tangan perlu bergabung dengan gerakan anggota badan yang lain untuk membentuk suatu mesej yang lengkap dan senyap. Oleh itu, pergerakan tangan berlaku secara spontan bersama-sama pertuturan atau isu perbualan seseorang itu.

Pergerakan tersebut biasanya berlaku secara spontan bersama-sama pertuturan atau isu perbualan seseorang itu. Berdasarkan kajian ini, subjek akan menggerakkan sama ada sebelah tangan atau kedua-dua belah tangan ke arah interlocutor apabila menghadapi kesukaran untuk meneruskan pertuturan dalam BM. Selain itu, sebarang isyarat yang ditunjukkan kepada rakan itu boleh difahami maksudnya oleh rakan yang lain. Bilangan kes berkaitan strategi ini berdasarkan aras pelajar boleh dilihat pada rajah 5.14.

Jadual 5.14: Kekerapan pergerakan tangan mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	61	36
2.	PAS	65	38
3.	PAR	45	26
	Jumlah	171	100

Berdasarkan jadual 5.14 menunjukkan subjek kajian ini telah menggunakan sebanyak 171 kes strategi ini. Subjek cemerlang (PAC) menggunakan 61 kes atau 36%. Subjek aras sederhana (PAS) menggunakan 65 kes (38%), manakala subjek aras rendah (PAR) pula menggunakan 45 kes atau 26%.



Rajah 5.14: Perbandingan penggunaan pergerakan tangan

Berdasarkan rajah 5.14 didapati PAS telah menggunakan strategi ini lebih banyak daripada PAC dan PAR, iaitu 65 kes. Sementara itu PAC (61 kes) dan PAR (45 kes). Dapatan ini menjelaskan bahawa PAS lebih banyak menggerakkan tangan mereka bagi membolehkan mereka menyampaikan mesej dengan berkesan. Contoh penggunaan strategi tersebut boleh dilihat seperti berikut:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S16	70	((merenung gambar)) Ani ke....keluarga, ((menggerakkan badan)) ((menggerakkan kedua-dua belah tangan)) Ani memakan makanan yang enak <diam> di bawah pokok.

Ujaran oleh subjek ke-16 pada mulanya tersekat. Subjek cuba untuk meneruskan pertuturan dengan mencari kosa kata yang sesuai bagi menggambarkan perbuatan yang dilakukan oleh Ani sekeluarga. Salah satu strategi yang diambil adalah menggerakkan kedua-dua belah tangan. Penggunaan strategi tersebut membolehkan subjek mengingat kembali kosa kata yang sesuai. Ujaran yang diulang semula oleh subjek kelihatan lebih lengkap.

Menurut Khanukaeva (2014, p.89-90) dalam proses pengajaran kosa kata, murid-murid mendapat manfaat daripada pergerakan tangan dalam pelbagai cara, sebagai contoh, motivasi dan penumpuan meningkat dengan ketara dalam pelajaran, penglibatan murid turut dipertingkatkan apabila guru menawarkan peluang secara fizikal semasa pengajaran. Selain itu, gerak isyarat tersebut memberi banyak peluang untuk kerja kumpulan dan pengajaran rakan sebaya di dalam kelas.

iii. Strategi Pergerakan Badan

Abdullah (2014, p.203) menyatakan bahawa posisi kedudukan badan seseorang adalah dalam lingkungan sudut penglihatan di antara pendengar dengan penutur, sama


ada ke kanan atau ke kiri kerana lingkungan ini ialah kawasan yang senang dilihat oleh penerima maklumat terhadap apa-apa pergerakan bermakna yang dilakukan oleh penutur. Tambah beliau lagi, posisi badan yang membelakangkan orang yang dilawan berkomunikasi merupakan sesuatu yang tidak boleh diterima kerana deria lihat yang menjadi penghubung utama semasa berkomunikasi tidak berfungsi.

Seseorang subjek akan berada dalam keadaan gelisah dengan menggerakkan badan atau menggoyangkan badannya untuk melambat-lambatkan pertuturan bagi membolehkannya mengambil masa untuk memikirkan leksikal yang sesuai dengan ayat yang hendak diucapkan. Pergerakan badan biasanya ke hadapan dan ke belakang ataupun badan digerakkan ke kiri atau ke kanan. Dalam pergerakan tersebut, jarang subjek bangun dan meninggalkan tempat duduk sebaliknya akan sedaya-upaya meneruskan pengujaran sehingga berjaya. Kekerapan strategi ini boleh dijelaskan mengikut tahap pelajar dengan merujuk pada jadual 5.15:

Jadual 5.15: Kekerapan pergerakan badan mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	54	37
2.	PAS	40	27
3.	PAR	52	36
	Jumlah	146	100

Dapatan daripada analisis kekerapan menunjukkan subjek menggunakan strategi ini sebanyak 146 kes. PAC menggunakan sebanyak 54 kes atau 37%. PAS sebanyak 40 kes (27%) dan PAR pula 52 kes atau 36%.



Rajah 5.15: Perbandingan penggunaan pergerakan badan

Berdasarkan rajah 5.15 menjelaskan bahawa subjek kategori PAC menggunakan sebanyak 54 kes strategi ini, sementara itu PAS (40 kes) dan PAR pula (52 kes). Secara perbandingan didapati PAC didapati lebih banyak menggunakan strategi ini berbanding PAS dan PAR. Namun begitu apa yang menakjubkan daripada dapatan analisis yang telah dilakukan mendapati PAR kelihatan lebih banyak penggunaan strategi ini berbanding PAS dan hampir menyamai PAC. Dapatan ini menunjukkan dalam pengujaran lisan BM, PAC dan PAR lebih banyak melakukan pergerakan badan.

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S6	22	Ali ((menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang)) dan / Abu dan kawannya sedang bermain bola tampau dengan gembira.

Pergerakan badan subjek ke hadapan dan ke belakang boleh melambatkan proses pertuturan. Strategi ini digunakan bagi membolehkan subjek memikirkan frasa yang sesuai dengan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh para pengunjung ketika berkelah di pantai.


iv. Strategi Pergerakan Kepala

Sekiranya seseorang subjek itu kekurangan kosa kata untuk meneruskan ujarannya maka strategi ini digunakan seperti menggelengkan kepala, menganggukkan kepala, ataupun mendongak ke atas. Kumpulan pelajar yang paling banyak atau paling kurang menggunakan strategi ini boleh merujuk pada jadual 5.16.

Jadual 5.16: Kekerapan pergerakan kepala mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	40	39
2.	PAS	42	41
3.	PAR	20	20
	Jumlah	102	100

Berdasarkan jadual 5.16, jumlah strategi yang digunakan oleh subjek tahap cemerlang (PAC), sederhana (PAS), dan rendah (PAR) ialah 102 kes. Jumlah tersebut adalah 9% daripada jumlah keseluruhannya (rajah 5.11). Kekerapan SK yang digunakan oleh PAC sebanyak 40 kes atau 39%. Sementara itu, PAS menggunakan 42 kes (41%) dan PAR hanya menggunakan 20 kes atau 20%.



Rajah 5.16: Perbandingan strategi pergerakan kepala

Dapatan berdasarkan rajah 5.16 menunjukkan PAS telah menggunakan lebih banyak strategi ini, iaitu 42 kes. Seterusnya, PAC (40 kes) dan PAR (20 kes). Apa yang menarik di sini bahawa PAR didapati kurang menggunakan strategi ini dalam komunikasi lisan. Ini dapat dilihat pada bilangan strategi yang digunakan sangat kecil berbanding bilangan strategi yang digunakan oleh PAC dan PAS. Dapatan ini membuktikan PAR tidak gemar menggunakan pergerakan kepala sebagai strategi untuk mengatasi kekurangan leksikal ketika bertutur dalam BM. Dapatan tersebut berbeza dengan PAS dan PAC yang lebih banyak menggunakan strategi tersebut dalam pertuturan lisan. Contoh penggunaan strategi tersebut adalah seperti berikut:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S6	25	Seorang gadis ((merenung gambar)) sedang membaca surat khabar di ((menganggukkan kepala)) bawa, di bawah pokok. ((menjeling ke arah kamera)) ((menggerakkan kedua-dua belah tangan)) ((menggerakkan badan))

Perbuatan subjek menganggukkan kepala menunjukkan perlakuan ingin memperbetulkan kata ujaran yang kurang tepat, iaitu kosa kata “bawa”. Lantas subjek mengujarkan kosa kata “di bawah” yang lebih tepat dari segi penggunaannya.

v. Strategi Renungan Mata


Menurut Lewis (1998, p.89-91) merenung bermaksud melihat sesuatu dengan niat. Merenung juga merupakan satu isyarat bukan lisan yang melibatkan perbuatan, tempoh, dan cara bagaimana untuk melihat sesuatu. Tempoh merenung adalah berbeza mengikut individu dan budaya sesuatu bangsa. Tambahan beliau lagi, seseorang yang mempunyai keyakinan yang tinggi akan merenung dengan lebih kerap untuk tempoh yang lebih lama, iaitu 5 hingga 15 saat berbanding ketika bercakap dalam kumpulan sekitar 4-5 saat sahaja.

Renungan mata memainkan peranan yang penting berkaitan sesuatu objek atau gambar yang dipandang. Contohnya, berkaitan gambar orang ramai sedang berkelah di pantai sebenarnya menunjukkan banyak aktiviti yang dilakukan. Sekiranya subjek berasa keliru berkaitan perbuatan yang dilakukan oleh pengunjung-pengunjung di pantai, maka subjek akan merenung lama gambar tersebut dan dalam waktu yang sama memikirkan kata kerja yang sesuai dengan gambar yang dilihat itu. Begitu juga semasa berbual dengan rakan, sekiranya subjek menghadapi kesukaran untuk meneruskan percakapan maka subjek akan merenung wajah rakan dengan harapan dapat pertolongan rakan bagi meneruskan ujaran. Pengkaji telah berjaya mengenal pasti kekerapan strategi ini berdasarkan jadual 5.17.

Jadual 5.17: Kekerapan renungan mata mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	20	28
2.	PAS	23	32
3.	PAR	29	40
	Jumlah	72	100

Berdasarkan jadual 5.17, semua subjek telah menggunakan sebanyak 72 kes strategi tersebut. PAC sebanyak 20 kes (28%), PAS 23 kes (32%), dan PAR pula sebanyak 29 kes (40%).



Rajah 5.17: Perbandingan penggunaan renungan mata

Dapatan kajian berkaitan strategi ini menunjukkan subjek dalam kategori PAR nyata lebih banyak menggunakannya, iaitu 29 kes, diikuti PAS (23 kes) dan PAC pula (20 kes). Salah satu faktor PAR lebih banyak menggunakan strategi ini adalah untuk meminta bantuan orang lain atau sumber lain. Penggunaan strategi ini melibatkan pergerakan mata melihat keadaan sekeliling. Mungkin objek-objek atau gambar-gambar yang ada di sekeliling boleh membantu subjek mengingat kembali kosa kata yang diingini. Contoh penggunaan strategi tersebut boleh dilihat pada ujaran oleh subjek ke-6:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S6	24	((merenung gambar)) Mei Ling, Swee Ming,((merenung gambar)) dan aa:::::: / abangnya sedang membina istana pasir.

Ujaran yang dihasilkan oleh subjek 6 berdasarkan gambar tunggal mendapati dia menggunakan strategi renungan sebanyak dua kali. Jika dianalisis ujaran tersebut dengan teliti, subjek menggunakan strategi ini untuk memastikan siapa pengunjung yang berkelah dan apakah aktiviti yang dilakukannya. Penggunaan strategi ini membolehkan subjek meneliti sesuatu maklumat yang dilihat dengan lebih terperinci sebelum membuat ujaran lisan secara spontan.


vi. Strategi Diam

Strategi ini memperlihatkan seseorang subjek hanya berdiam diri apabila rakan bertanya sesuatu. Pertuturan subjek akan terhenti dengan serta merta dan tidak tahu bagaimana untuk meneruskan ujaran. Subjek hanya berujaran setakat sekerat jalan sahaja. Selepas itu, mereka akan senyap seolah-olah enggan menjawab atau meneruskan percakapan selepas dua atau tiga perkataan diujarkan. Fenomena ini berlaku apabila seseorang tidak tahu leksikal dalam BM tetapi mengetahui dalam bahasa ibunda. Jadual 5.18 mencatatkan kekerapan penggunaan SK tersebut.

Jadual 5.18: Kekerapan penggunaan strategi diam mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	22	31
2.	PAS	16	22
3.	PAR	34	47
	Jumlah	72	100

Kekerapan strategi ini ialah sebanyak 72 kes daripada keseluruhan. PAC telah menggunakan 22 kes atau 31 %. Pelajar aras sederhana (PAS) melibatkan 16 kes (22%) dan PAR pula telah menggunakan 34 kes atau 47%.



Rajah 5.18: Perbandingan penggunaan strategi diam

Rajah 5.18 mendapati subjek dari kategori PAR lebih banyak menggunakannya dalam aktiviti komunikasi secara lisan. PAR lebih cenderung menggunakan strategi ini (34 kes) bagi membolehkannya untuk tidak meneruskan perbualan atau menghentikan perbualan yang disifatkan sebagai menyukarkan subjek. Kekerapan SK tersebut berbeza bagi PAC (22 kes) dan PAS (16 kes). Mereka lebih banyak berusaha untuk meneruskan perbualan atau pertuturan lisan dan tidak menghentikannya begitu sahaja. Contoh penggunaan strategi tersebut adalah seperti berikut:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S1	5	((merenung gambar)) Keluarga Ali <diam> mem... menjamu selera di bawah se... batang pokok yang rendang. ((menjeling ke arah penyelidik))

Subjek 1 menggunakan strategi ini selepas menyebut dua patah perkataan. Selepas itu dia mendiamkan diri untuk mengingat kembali kosa kata yang sesuai untuk aktiviti keluarga Ali yang berada di bawah pokok. Di samping itu, subjek tersebut dapat menggunakan penjodoh bilangan yang betul untuk pokok walaupun ujarannya tidak lancar.


vii. Strategi Senyuman

Berdasarkan analisis kekerapan terdapat 63 kes atau 6% (rajah 5.11) melibatkan penggunaan strategi tersebut. Seseorang pelajar itu akan melakukan senyuman sekiranya dapat membina ayat-ayat dalam BM dengan baik. Kefasihan berbahasa Melayu menunjukkan pelajar telah menguasai leksikal BM dan tentunya tiada masalah untuk bertutur dalam BM. Namun begiru bagi mereka yang kurang menguasai kosa kata BM akan menunjukkan riak wajah yang negatif atau tidak ceria. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, jadual 5.19 menunjukkan kekerapan penggunaan strategi tersebut.

Jadual 5.19: Kekerapan strategi senyuman mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	21	33
2.	PAS	30	48
3.	PAR	12	19
	Jumlah	63	100

Berdasarkan jadual 5.19, sebanyak 63 kes strategi senyuman digunakan dalam pengujaran lisan oleh subjek pelbagai tahap (PAC, PAS, dan PAR). PAC menggunakan 21 kes atau 33%. PAS menggunakan sebanyak 30 kes (48%) dan PAR pula 12 kes atau 19%.



Rajah 5.19: Perbandingan strategi senyuman

Dapatan berdasarkan rajah 5.19 menunjukkan PAS telah mendominasi penggunaan strategi ini. Jumlah strategi yang digunakan oleh pelajar tahap tersebut ialah 30 kes. Seterusnya, PAC (21 kes) dan PAR (12 kes). Penggunaan strategi tersebut oleh PAS menunjukkan mereka mempunyai banyak kosa kata BM dan mampu untuk berkomunikasi dengan lancar tanpa tersekat-sekat. Bagi pelajar yang kurang menggunakan strategi ini mungkin mereka mengalami kesukaran untuk bertutur dalam BM akibat dihambat kekurangan kosa kata BM. Ujaran oleh subjek ke-16 yang menggunakan strategi tersebut boleh dilihat seperti berikut;

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S16	64	Keluarga ((jari kedua-dua tangan bergerak)) yang lapar menikmati makanan ((senyum)) yang dibawa ke pantai. ((menggerakkan badan))

Ujaran yang melibatkan strategi ini menjelaskan bahawa subjek didapati begitu yakin dengan ayat yang dilafazkan itu betul serta tidak tersekat. Ayat yang diujarkan mengandungi subjek dan prediket. Subjek tersenyum kerana berjaya mengujarkan ayat secara spontan dalam BM.

viii. Strategi Pergerakan Lidah


Menurut pendapat Navarro & Karlins (2008, p.194) perbuatan menjelirkan lidah adalah satu isyarat yang digunakan oleh orang-orang yang berfikir bahawa mereka sebenarnya telah terlepas daripada sesuatu atau ditangkap melakukan sesuatu. Analisis daripada data lisan yang dirakamkan didapati subjek sangat kurang menggunakan strategi ini. Daripada jumlah keseluruhan SK (1597 kes) yang digunakan didapati hanya satu sahaja merupakan pergerakan lidah. Ini menunjukkan subjek tidak begitu berminat untuk menggunakan strategi ini.

Analisis daripada data lisan yang dirakamkan didapati subjek sangat kurang menggunakan strategi ini. Daripada jumlah keseluruhan SK yang digunakan didapati hanya satu sahaja merupakan pergerakan lidah. Ini menunjukkan subjek tidak begitu berminat untuk menggunakan strategi ini. Dalam SKBBL, strategi ini juga memainkan peranan yang penting dalam memberi sesuatu makna kepada interlokutor. Jadual 5.20 menunjukkan bilangan strategi ini digunakan sepanjang menjalani aktiviti komunikasi lisan.

Jadual 5.20: Kekerapan pergerakan lidah mengikut aras pelajar

Bil.	Aras Pelajar	Kekerapan SK	%
1.	PAC	0	0
2.	PAS	0	0
3.	PAR	1	100
	Jumlah	1	100

Berdasarkan analisis kekerapan yang tertera pada jadual 5.20, hanya PAR sahaja menggunakan strategi tersebut, iaitu 1 kes. Sementara itu, PAC dan PAS tidak menggunakannya.



Rajah 5.20: Perbandingan penggunaan pergerakan lidah

Daripada 17 jenis SK yang disenaraikan dalam penyelidikan ini, didapati strategi ini sangat kurang digunakan oleh 130 subjek yang mewakili pelajar Tahun 5 bagi semua SRJK(C) di daerah Hulu Langat. Hanya PAR yang menggunakan strategi ini sebanyak satu kes. Sementara itu, subjek aras cemerlang (PAC) dan sederhana (PAS) tidak memperlihatkan langsung penggunaan strategi ini. Mereka merasakan bahawa banyak lagi SK lain yang sesuai digunakan untuk membantu mereka menyampaikan mesej dalam BM. Contoh penggunaan strategi tersebut boleh dilihat seperti berikut:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran bercerita
S23	103	Pelayan : Apakah minuman yang anda suka?
S24	104	Pelanggan : Saya minta segelas / kopi, eh, ((menggeleng kepala)) segelas dan se ... gelas teh tarik. ((menjelirkan lidah))

Subjek melakukan strategi ini setelah selesai membuat ujaran atau menjawab pertanyaan daripada pelayan restoran. Perlakuan subjek itu secara kebetulan sahaja setelah melakukan pembetulan semasa membuat pesanan minuman. Pada mulanya, subjek meminta kopi kemudian menggeleng kepala setelah mengakui kesilapannya.

Lantas membuat pembetulan bahawa minuman yang diminta sebenarnya susu dan teh tarik.

Sama seperti dapatan kajian-kajian lain, SKBBL memainkan peranan yang penting dalam proses penyampaian mesej kepada interlokutor. Hasil kajian oleh Robe'ah (2005: 140-150) yang menggunakan *role-play*, bercerita, dan perbincangan kumpulan menunjukkan SK yang paling banyak digunakan dalam pembelajaran bahasa Jerman ialah strategi bukan linguistik (30%) atau *body language* kerana kekurangan pengetahuan linguistik yang cukup dan kosa kata. Habibah (2011, p.60) melalui kajiannya "Strategi Komunikasi Pelajar Dusun dalam Pembelajaran Bahasa Melayu", turut menggunakan SK bukan lisan seperti senyum, ketawa, tersengih, dan menggaru kepala. Penggunaan strategi bukan linguistik berlaku apabila seseorang penutur itu sudah ketiadaan leksikal dan merasakan tidak mampu lagi untuk meneruskan komunikasi. Penutur hanya mampu melakukan aksi-aksi seperti bahasa isyarat atau mimik untuk membantunya menyampaikan maksud. Selain itu juga, SK tersebut seiring dengan penggunaan perkataan ujaran untuk mengelakkan pendengar tersalah faham.

Dapatan pengkaji turut sekata dengan kebaikan komunikasi bukan lisan yang diutarakan oleh Abdullahi (2014, p.429) adalah untuk mengukuhkan komunikasi lisan, berfungsi sebagai pengganti yang baik apabila komunikasi lisan terhenti, isyarat bukan lisan boleh digunakan untuk menyatakan bila boleh dan tidak boleh bercakap. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan SKBBL lebih banyak digunakan dalam pengujaran bercerita dan main peranan berbanding SKBL. Walaupun penggunaan SKBL jauh lebih rendah berbanding SKBBL tetapi kekerapan pengguguran mesej didapati lebih tinggi. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar Cina sebenarnya telah menunjukkan suatu komitmen yang begitu tinggi dalam pengujaran BM mereka. Pemerhatian yang dilakukan pada ayat-ayat yang diujarkan didapati lebih panjang,

struktur ayat yang tidak gramatis, tidak lancar selain memerlukan masa yang agak panjang untuk melengkapkannya. Penggunaan SKBBL yang melibatkan gerakan anggota badan yang penting (jari, tangan, mata, kepala dan badan) boleh memberi makna yang khusus dan difahami bersama dalam kalangan pelajar Cina.

5.3 Strategi Komunikasi Pelajar Mengikut Aras

Pelajar Cina yang menjadi subjek kajian ini adalah seramai 130 orang. Mereka dikategorikan sebagai pelajar aras cemerlang (PAC), pelajar aras sederhana (PAS), dan pelajar aras rendah (PAR). Oleh itu, dapatan kajian yang ingin dicari adalah berkaitan jenis-jenis dan kekerapan SK yang digunakan sepanjang pertuturan mereka dalam BM.


5.3.1 Strategi Komunikasi Pelajar Aras Cemerlang (PAC)

Jadual 5.21 menerangkan jenis dan kekerapan strategi komunikasi (SK) pelajar aras cemerlang (PAC).

Jadual 5.21: Jenis dan kekerapan strategi komunikasi PAC

	Jenis SK	Kekerapan SK	%
1.	Pengguguran mesej	109	19
2.	Pergerakan jari	104	18
3.	Jelingan mata	73	13
4.	Pergerakan tangan	61	11
5.	Pergerakan badan	53	9
6.	Pergerakan kepala	40	7
7.	Penghuraian	23	4
8.	Strategi diam	22	4
9.	Senyuman	21	4
10.	Renungan mata	20	4
11.	Rayuan kerjasama	19	3
12.	Penghampiran	10	2
13.	Penukaran kod	9	2
14.	Pengelakan topik	5	1
15.	Pembentukan perkataan baharu	3	1
16.	Generalisasi terlampau	3	1
17.	Pergerakan lidah	-	-
	Jumlah	575	100

Berdasarkan Jadual 5.21, sebanyak 575 kes SK telah digunakan oleh PAC. Pengguguran mesej paling banyak digunakan, iaitu 109 kes (19%). Seterusnya, PAC menggunakan pergerakan jari, iaitu sebanyak 104 kes (18%), jelingan mata 73 kes (13%), pergerakan tangan sebanyak 61 kes atau 11%, pergerakan badan 53 kes (9%), pergerakan kepala 40 kes (7%), penghuraian 23 kes (4%), strategi diam 22 kes (4%), senyuman 21 kes atau 4%, renungan mata 20 kes (4%), rayuan kerjasama 19 kes (3%), penghampiran 10 kes (2%), penukaran kod 9 kes (2%), pengelakan topik 5 kes atau 1%, pembentukan perkataan baharu dan generalisasi terlampau masing-masing 3 kes atau 1%.



Rajah 5.21: Peratusan strategi komunikasi PAC

Dapatan daripada analisis kekerapan pada rajah 5.21 mendapati PAC lebih banyak menggunakan strategi pengguguran mesej, iaitu 60% semasa melakukan pengujaran lisan dalam BM secara individu dan berpasangan. Seterusnya, mereka menggunakan pergerakan jari sebanyak 18%, jelingan mata (13%), pergerakan tangan (11%),

pergerakan badan (9%) dan pergerakan kepala 7%. Keenam-enam SK tersebut digunakan oleh PAC dengan kadar yang agak tinggi. Sementara itu, SK yang kurang digunakan oleh PAC adalah seperti penghampiran, penukaran kod, pengelakan topik, pembentukan perkataan baharu, dan generalisasi terlampau. Kekekapan penggunaannya antara 3 hingga 10 kes atau 1% - 2% sahaja. Sementara itu, pelajar kategori ini tidak menggunakan pergerakan lidah.

5.3.2 Strategi Komunikasi Pelajar Aras Sederhana (PAS)


Pelajar yang dikategorikan dalam PAS belum menguasai kemahiran BM khususnya dalam kemahiran lisan. Mereka masih kurang mengetahui kosa kata BM. Kesan daripada kekangan tersebut mempengaruhi kelancaran pertuturan lisan dalam BM. Oleh itu, mereka bergantung pada SK pelbagai jenis seperti berikut;

Jadual 5.22: Jenis dan kekerapan strategi komunikasi PAS

	Jenis SK	Kekerapan SK	%
1.	Pengguguran mesej	96	17
2.	Pergerakan jari	82	14
3.	Jelingan mata	74	13
4.	Pergerakan tangan	65	11
5.	Pergerakan kepala	42	7
6.	Pergerakan badan	40	7
7.	Senyuman	30	5
8.	Penukaran kod	29	5
9.	Rayuan kerjasama	28	5
10.	Renungan mata	23	4
11.	Penghuraian	17	3
12.	Strategi diam	16	3
13.	Pengelakan topik	13	2
14.	Generalisasi terlampau	10	2
15.	Pembentukan perkataan baharu	2	0.4
16.	Penghampiran	1	0.2
17.	Pergerakan lidah	0	0
	Jumlah	568	100

Merujuk jadual 5.22 dapat dilihat secara keseluruhan SK yang digunakan oleh PAS ialah 568 kes (36 %). Antara SK yang menduduki tempat tertinggi ialah pengguguran

mesej sebanyak 96 kes (17%), diikuti pergerakan jari 82 kes (14%), jelingan mata 74 kes (13%), pergerakan tangan 65 kes (11%), pergerakan kepala 42 kes (7%), pergerakan badan 40 kes (7%), senyuman 30 (5%), penukaran kod 29 (5%), rayuan kerjasama 28 kes (5%), renungan mata 23 kes (4%), penghuraian 17 kes (3%) dan strategi diam sebanyak 16 kes atau 3%. Sementara itu, PAC tidak melakukan pergerakan lidah dalam pengujaran lisan BM mereka.



Rajah 5.22: Peratusan strategi komunikasi PAS

Berdasarkan rajah 5.22, PAC telah menggunakan sebanyak 36 % SKBL dan SKBBL. Dapatan menunjukkan SK paling banyak digunakan ialah pengguguran mesej, iaitu 17 %. Seterusnya, subjek menggunakan pergerakan jari (14%) untuk mendorong subjek mengingat kembali kosa kata BM yang diperlukan berkaitan konteks ujaran. Strategi jelingan mata menduduki tempat ke-3, iaitu sebanyak 13%. Strategi tersebut membantu subjek melalui elemen-elemen sekeliling seperti gambar, objek, dan pandangan visual lain boleh membantu subjek mengingat kembali kosa kata yang

sesuai. Seterusnya, subjek menggunakan strategi paling mudah dilakukan, iaitu gerakan tangan (11%) yang mudah membentuk isyarat-isyarat bermakna. Selanjutnya, dapatan menunjukkan penggunaan SK dengan kekerapan yang rendah, iaitu pergerakan kepala dan badan (7%), senyuman, penukaran kod, dan rayuan kerjasama sebanyak 5%, serta renungan mata 4%. PAS didapati sangat kurang menggunakan SK seperti penghuraian (3%), strategi diam (3%), pengelakan topik (2%), generalisasi terlampau (2%), pembentukan perkataan baharu (0.4%) dan penghampiran (0.2%). Subjek kategori ini didapati tidak menggunakan pergerakan lidah.


5.3.3 Strategi Komunikasi Pelajar Aras Rendah (PAR)

Pelajar aras rendah atau PAR kurang menguasai BM bukan sahaja dalam kemahiran lisan bahkan dalam penulisan dalam bahasa tersebut. Apabila bertutur dalam BM, mereka terpaksa bergantung pada SK untuk membolehkan mereka menyampaikan mesej dengan berkesan. Strategi komunikasi yang boleh merujuk jadual 5.23.

Jadual 5.23: Jenis dan kekerapan strategi komunikasi PAR

Bil.	Jenis SK	Kekerapan SK	%
1.	Pengguguran mesej	91	20
2.	Pergerakan jari	62	14
3.	Pergerakan badan	52	12
4.	Jelingan mata	51	11
5.	Pergerakan tangan	45	10
6.	Strategi diam	34	8
7	Renungan mata	29	6
8.	Rayuan kerjasama	21	5
9.	Pergerakan kepala	20	4
10.	Pengelakan topik	14	3
11.	Senyuman	12	3
12.	Penghuraian	8	2
13.	Generalisasi terlampau	7	2
14.	Penukaran kod	4	1
15.	Penciptaan perkataan baharu	2	0
16.	Penghampiran	1	0
17.	Pergerakan lidah	1	0
	Jumlah	454	100

Berdasarkan jadual 5.23, jumlah SK yang digunakan oleh PAR adalah sebanyak 454 kes. Pengguguran mesej melibatkan sebanyak 91 kes dan merupakan SK yang paling banyak digunakan. Seterusnya, pergerakan jari melibatkan 62 kes, pergerakan badan (52 kes), jelingan mata (51 kes), pergerakan tangan (45 kes), strategi diam (34 kes), renungan mata (29 kes), rayuan kerjasama (21 kes), pergerakan kepala (20 kes), pengelakan topik (14 kes), dan senyuman (12 kes). Selain itu, dapatan kajian menunjukkan beberapa SK sangat kurang digunakan seperti penghuraian (8 kes), generalisasi terlampau (7 kes), penukaran kod (4 kes), pembentukan perkataan baharu (2 kes), penghampiran dan pergerakan lidah masing-masing 1 kes.




Rajah 5.23: Peratusan strategi komunikasi PAR

Berdasarkan dapatan yang ditunjukkan pada rajah 5.23 bahawa PAR telah menggunakan sebanyak 28 % (454 kes) sepanjang pengujaran lisan BM. PAR dilihat paling banyak menggunakan pengguguran mesej, iaitu 20 %. Kekerapan SK tersebut sama seperti PAC dan PAS. Seterusnya, pergerakan jari (14 %), pergerakan badan (12 %), jelingan mata (11 %), pergerakan tangan (10 %), strategi diam (8 %), renungan mata (6 %), rayuan kerjasama (5%), pergerakan kepala (4 %), kekerapan pengelakan topik dan senyuman adalah sama, iaitu 3 %, penghuraian dan generalisasi terlampau masing-masing 2 %. Manakala penukaran kod, penciptaan perkataan baharu, penghampiran dan pergerakan lidah sangat kurang digunakan, iaitu 1 %. Walaupun kekerapan SK bagi PAR lebih rendah berbanding PAC dan PAS tetapi tetapi dari segi jenis SK tidak banyak berubah.

5.4. Perbandingan Strategi Komunikasi Berdasar Aras Pelajar

Kekerapan SK yang digunakan oleh PAC, PAS, dan PAR adalah berbeza antara satu sama lain. Maklumat-maklumat tersebut boleh merujuk pada rajah 5.24.



Rajah 5.24: Peratus strategi komunikasi mengikut aras pelajar

Peratusan strategi komunikasi yang digunakan oleh PAC, PAS, dan PAR adalah berbeza (rajah 5.24). Dapatan yang menarik dalam kajian ini ialah pelajar aras cemerlang (PAC) lebih banyak menggunakan strategi komunikasi dalam pengujaran lisan, iaitu 36 %. Namun begitu, peratusan pelajar aras sederhana (PAS) dan pelajar aras cemerlang (PAC) adalah sama. Pelajar aras rendah (PAR) kurang menggunakan strategi komunikasi jika dibandingkan dengan PAC dan PAS. Pengkaji mendapati subjek menggunakan sebanyak 454 kes atau 28 %.

5.5 Rumusan

Secara keseluruhan dapat kajian ini menjelaskan bahawa pelajar Cina didapati paling banyak menggunakan pengguguran mesej dalam pengujaran lisan dalam BM. Seterusnya, mereka kurang membawa kosa kata bahasa ibunda atau penukaran kod dalam pertuturan mereka. Selain itu, mereka lebih banyak menggunakan SKBBL daripada SKBL. Akhir sekali, PAC yang banyak menguasai BM didapati lebih banyak menggunakan SK, diikuti PAS dan PAR.

BAB 6: HUBUNGAN FAKTOR EKSTRA LINGUISTIK DENGAN STRATEGI KOMUNIKASI (SK)

6.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan secara mendalam sejauh mana faktor ekstra linguistik pelajar (sikap BM, motivasi BM, penggunaan dan persekitaran pelajar terhadap BM, dan masalah-masalah komunikasi) mempengaruhi jenis-jenis dan kekerapan SK yang digunakan dalam ujian lisan. Data-data berkaitan domain-domain tersebut diambil melalui borang soal selidik yang telah dilengkapkan oleh pelajar sebelum ujian lisan dijalankan. Penggunaan SPSS melalui *Cramer V* adalah bertujuan untuk memantapkan lagi dapatan sedia ada.

6.2 Hubungan Faktor Ekstra Linguistik dengan Strategi Komunikasi dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Dapatan kajian berkaitan hubungan faktor ekstra linguistik (sikap, motivasi, pendedahan persekitaran, dan masalah komunikasi) dengan penggunaan SK dianalisis satu demi satu mengikut prosedur SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Jadual silang ialah alat yang membolehkan pengkaji membandingkan hubungan antara dua pemboleh ubah. Dalam kes ini, pemboleh ubah bersandar ialah sikap, motivasi, pendedahan persekitaran, dan masalah komunikasi. Pemboleh ubah bebas ialah SK. Menurut Uregina (2015, p.782), ukuran berasaskan hubungan khi kuasa dua yang sesuai digunakan ialah *Cramer V* kerana sama dengan 0 apabila tidak ada hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah, dan mempunyai nilai maksimum 1, tanpa mengira dimensi jadual atau saiz sampel.

Ujian *Cramer V* berguna untuk membandingkan kekuatan hubungan antara mana-mana pengelasan dua jadual silang. Jadual yang mempunyai nilai yang lebih besar

untuk *Cramer V* dianggap mempunyai hubungan yang kuat antara pemboleh ubah, sementara nilai yang lebih kecil menunjukkan hubungan yang lemah. *Cramer V* ialah ujian pilihan dalam semua jenis ujian khi kuasa dua kerana mempunyai nilai maksimum 1 apabila terdapat hubungan yang sangat kuat antara dua pemboleh ubah. Tambahan pula *Cramer V* mengambil kira perbandingan yang bermakna untuk dimensi jadual yang berbeza-beza (Uregina 2015, p.785). Quinnipiac (2015, p.1) telah memberikan garis panduan yang berikut untuk mentafsirkan kekuatan korelasi *Cramer V*. Jika *Cramer V* = 0.25 atau lebih tinggi, hubungan antara pemboleh ubah adalah sangat kuat.

0.15-0.25 hubungan yang kuat.

0.11-0.15 hubungan sederhana.

0.06-0.10 hubungan yang lemah.

0.01-0.05 Tiada hubungan atau hubungan boleh diabaikan.

Berpandukan tafsiran Quinnipiac (2015), pengkaji mempersembahkan output analisis prosedur SPSS untuk melihat hubungan faktor ekstra linguistik (sikap, motivasi, pendedahan persekitaran, dan masalah komunikasi) dengan penggunaan SK.

Jadual 6.1 : Hubungan ekstra linguistik pelajar dengan strategi komunikasi

	Hubungan Ekstra Linguistik Pelajar dengan SK	Nilai
1.	Hubungan Sikap Pelajar dengan SK.	0.418
2.	Hubungan Motivasi Pelajar dengan SK.	0.364
3.	Hubungan Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Terhadap BM dengan SK.	0.371
4.	Hubungan Masalah-masalah Komunikasi dengan SK.	0.258

Jadual 6.1 merupakan ringkasan pemprosesan kes 130 pelajar bersamaan 100 peratus jumlah sampel terhadap respons item soal selidik tentang sikap dengan strategi

komunikasi (SK). Sukatan simetri data skala nominal sikap dengan strategi komunikasi (SK) menunjukkan nilai *Cramer V* = 0.418. Nilai ini ditafsirkan sebagai hubungan antara pemboleh ubah adalah sangat kuat. Dengan itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan yang sangat kuat antara sikap pelajar dengan strategi komunikasi dalam pembelajaran BM sebagai B2. Sukatan simetri data skala nominal motivasi dengan strategi komunikasi (SK) menunjukkan nilai *Cramer V* = 0.364. Nilai ini ditafsirkan sebagai hubungan antara pemboleh ubah adalah sangat kuat. Oleh itu, wujudnya hubungan yang sangat kuat antara motivasi pelajar dengan strategi komunikasi dalam pembelajaran BM sebagai B2. Seterusnya, dapatan analisis SPSS menunjukkan sukatan simetri data skala nominal pendedahan persekitaran dengan strategi komunikasi (SK) menunjukkan nilai *Cramer V* = 0.371 ditafsirkan sebagai hubungan antara pemboleh ubah adalah sangat kuat. Dengan itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan yang sangat kuat antara pendedahan persekitaran pelajar dengan strategi komunikasi dalam pembelajaran BM sebagai B2. Akhir sekali, sukatan simetri data skala nominal masalah komunikasi dengan strategi komunikasi (SK) menunjukkan nilai *Cramer V* = 0.258. Nilai ini ditafsirkan sebagai hubungan antara pemboleh ubah adalah sangat kuat. Oleh yang demikian, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan yang sangat kuat antara masalah komunikasi dengan strategi komunikasi dalam pembelajaran BM sebagai B2.

Sebagai sokongan untuk data SPSS, pengelasan SK yang digunakan oleh pelajar dalam pertuturan BM memberi gambaran tambahan tentang hubungan faktor ekstra linguistik (sikap, motivasi, pendedahan persekitaran, dan masalah komunikasi) dengan SK dalam pembelajaran BM sebagai B2.

6.2.1 Hubungan Sikap dengan Strategi Komunikasi (SK)

Berdasarkan nilai *Cramer V* = 0.418, (Jadual 6.1) pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan yang sangat kuat antara sikap pelajar dengan strategi komunikasi dalam pembelajaran BM sebagai B2. Semua 130 subjek kajian bersikap positif terhadap BM. Sungguhpun mereka menghadapi kekangan dari segi leksikal BM tetapi dengan menggunakan SK tertentu mesej dapat disampaikan kepada interlocutor dengan berkesan. Penggunaan pengguguran mesej disifatkan sebagai langkah yang sesuai bagi menyampaikan mesej walaupun pelajar terpaksa mengurangkan bilangan kosa kata yang sepatutnya digunakan. Selain itu, pelajar juga menggunakan kaedah alternatif seperti pergerakan jari, pergerakan badan, jelingan mata, dan pergerakan tangan. Setiap pergerakan tersebut boleh memberi makna yang dikehendaki bagi menggantikan kosa kata yang tidak diketahui.

Ellis (1994, p.197) menyatakan bahawa sikap pelajar dikenal pasti sebagai salah satu set pemboleh ubah pembelajaran B2 yang penting. Sikap dibentuk oleh faktor sosial yang kemudiannya mempengaruhi keputusan pelajar. Sikap positif dijangka meningkatkan pembelajaran kerana pelajar mahu berkomunikasi dengan penutur asli B2 yang dipelajari (Noels, 2003, p.36). Hasil kajian Rohaida (2012, p.70) menunjukkan pelajar B2 bersetuju bahawa mempelajari B2 sangat berguna dan menggembirakan walaupun persekitaran mereka tidak ada penutur jati B2.

Dapatan analisis data dengan merujuk pada jadual 6.2 menunjukkan sebanyak lapan item soal selidik lebih cenderung menyokong sikap pelajar Cina yang tinggi terhadap penggunaan SK dalam ujian lisan.

Jadual 6.2: Item-item sikap pelajar Cina terhadap bahasa Melayu

Bil. Item	Item-item	STS		TS		TP		S		SS	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
B 1	Sebenarnya, saya kurang suka belajar bahasa Melayu.	113	86.9	17	13.1						
B 2	Saya tidak suka membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu.	112	86.2	17	13.1	1	0.8				
B 3	Saya lebih suka menonton program televisyen dalam bahasa Mandarin berbanding dalam bahasa Melayu.	119	91.5	10	7.7	1	0.8				
B 4	Saya lebih suka bercakap menggunakan bahasa Mandarin berbanding bahasa Melayu.	123	94.6	6	4.6	1	0.8				
B 5	Saya berasa seronok mempelajari bahasa Melayu.			32	24.6	27	20.8	27	20.8	44	33.8
B6	Saya berasa gembira ketika waktu belajar bahasa Melayu.					59	45.4	27	20.8	44	33.8
B7	Saya akan terus belajar bahasa Melayu walaupun telah tamat persekolahan.							85	65.4	45	34.6
B 8	Pada pendapat saya, masa pembelajaran bahasa Melayu patut ditambah.			85	65.4					45	34.6
B 9	Saya berasa lebih mudah mempelajari bahasa Melayu berbanding bahasa-bahasa lain.	38	29.2	91	70	1	0.8				

Soal selidik kajian ini mengandungi sembilan item yang menguji sikap pelajar terhadap penggunaan SK. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak tujuh item memperlihatkan sikap positif (B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, dan B9) terhadap penggunaan SK tersebut, manakala item B8 sahaja bersifat negatif.

1. Item 1 – Pelajar Cina suka belajar bahasa Melayu.
2. Item 2 – Pelajar Cina suka membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu.
3. Item 3 – Pelajar Cina lebih suka menonton program-program dalam bahasa Melayu berbanding bahasa Mandarin.
4. Item 4 – Pelajar Cina lebih suka bercakap menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Mandarin.
5. Item 5 – Pelajar Cina berasa seronok mempelajari bahasa Melayu.
6. Item 6 – Pelajar Cina berasa gembira ketika waktu belajar bahasa Melayu.
7. Item 7 – Pelajar Cina akan terus mempelajari bahasa Melayu walaupun telah tamat persekolahan.
8. Item 8 – Pelajar Cina tidak setuju masa pembelajaran bahasa Melayu ditambah.
9. Item 9- Pelajar Cina berasa tidak mudah mempelajari bahasa Melayu berbanding bahasa-bahasa lain.

Berdasarkan soal selidik item 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 9 akan dibincangkan dengan lebih lanjut kerana paling banyak menerima respon yang positif daripada pelajar.

Item 1	Sebenarnya saya kurang suka belajar bahasa Melayu
--------	---

Skor Sangat Tidak Setuju (STS) mencatatkan 86.9% bagi item ini. Pemilihan skor tersebut menunjukkan pelajar Cina sebenarnya berasa suka mempelajari BM sebagai B2 mereka selain bahasa ibunda, iaitu bahasa Mandarin. Sikap positif terhadap penerimaan BM boleh menggerakkan diri seseorang pelajar ke arah elemen-elemen BM dan secara tidak langsung boleh meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa sasaran. Contohnya, mereka boleh bertutur dalam BM dengan guru BM semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sikap yang positif terhadap BM boleh menurunkan penapis (*filter*) pelajar Cina dan membolehkan lebih banyak input BM diterima masuk dan seterusnya diproses oleh penyusun (*organizer*). Walaupun mereka kekurangan kosa

kata BM tetapi dengan sikap yang positif telah mendorong pelajar untuk menggunakan pelbagai SK (SKBL dan SKBBL). Penggunaan 1597 SK yang dapat dikesan adalah menunjukkan bahawa sikap pelajar Cina yang positif memainkan peranan yang penting terhadap penggunaan SK ketika bertutur dalam BM.

Item 2	Saya tidak suka membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu.
--------	---

Item kedua sebagaimana yang dinyatakan dalam soal selidik telah memperlihatkan skor Sangat Tidak Setuju (STS) menjadi pilihan subjek, iaitu 86.2%. Dapatan analisis menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran BM melalui sikap mereka yang suka membaca bahan bacaan dalam BM. Pilihan tersebut bermaksud pelajar suka membaca bahan bacaan yang ditulis dalam BM. Contoh bahan bacaan yang sesuai seperti buku cerita, majalah, buku teks, buku latihan yang disediakan. Amalan membaca bukan sahaja boleh menambah pemahaman kosa kata tetapi juga membantu pelajar dari sebutan kosa kata, cara membaca mengikut intonasi yang betul dan cara penggunaan tanda bacaan yang sesuai.

Item 3	Saya lebih suka menonton program televisyen dalam bahasa Mandarin berbanding dalam bahasa Melayu.
--------	---

Perkembangan multimedia hari ini semakin pesat. Banyak program televisyen (TV1, TV2, TV3, NTV7, saluran Astro) di Malaysia didapati boleh menarik minat kanak-kanak untuk mengikutinya. Contohnya, program-program yang berbentuk animasi adalah sesuai dengan jiwa kanak-kanak. Kebanyakan bahasa komunikasi yang digunakan adalah BM. Walaupun pelajar Cina kurang memahami semua maksud yang diujarkan melalui program-program yang ditonton tetapi sedikit sebanyak mereka telah menerima pendedahan input BM. Item mendapat skor Sangat Tidak Setuju (STS), iaitu 91.5%.

Item 4	Saya lebih suka bercakap menggunakan bahasa Mandarin berbanding bahasa Melayu.
--------	--

Hasil analisis mendapati pelajar Cina lebih suka bertutur dalam BM walaupun mereka sebenarnya sudah mempunyai bahasa ibunda sendiri. Skor Sangat Tidak Setuju (STS) mencatatkan sokongan pelajar sebanyak 94.6%. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran BM, guru dan murid berpeluang menggunakan BM sepenuhnya. Oleh itu, pelajar Cina menggunakan peluang ini untuk bertutur dalam BM apabila berkomunikasi dengan guru dan rakan-rakan yang lain. Guru BM boleh membimbing pelajar dengan menggunakan SKBBL. Setiap gerakan anggota badan (jari, badan, tangan, kepala) boleh memberi makna tertentu yang mampu difahami pelajar B2.

Item 5	Saya berasa seronok mempelajari bahasa Melayu.
--------	--

Item ini mendapat skor Sangat Setuju (SS), iaitu 33.8% melebihi peratus bagi skor-skor item yang lain. Skor Setuju (S) pula mencatatkan 20.8%. Peratusan yang tinggi bagi item ke-5 menunjukkan pelajar Cina berasa seronok mempelajari BM. Sambutan yang positif merupakan suatu rangsangan yang boleh memberi impak yang besar kepada pelajar B2. Walaupun mereka menempuh kesukaran untuk menguasai BM, namun pelajar Cina tidak menganggap masalah tersebut sebagai batu penghalang. Sebaliknya, mereka boleh menggunakan teknik bahasa badan melalui SKBBL. Seseorang pelajar cenderung mengutamakan fungsi gerak isyarat atau tindakan bukan lisan dan penggunaannya memberi kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap pembelajaran mereka sendiri (Daniela, 2003, p.263). Oleh itu, keseragaman makna sesuatu pergerakan yang digunakan perlu dihayati oleh kedua-dua pihak (penutur dan interlokutor) agar mesej yang disampaikan dapat difahami dengan berkesan.

Item 6	Saya berasa gembira ketika waktu belajar bahasa Melayu
--------	--

Item ke-6 mendapat sokongan sebanyak 54.6% melalui skor Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Perasaan seronok dalam sanubari seseorang pelajar B2 adalah suatu dorongan dalaman yang amat penting bagi membolehkan pelajar itu mengamalkan sikap lebih berdikari untuk menguasai BM. Seseorang pelajar itu merasakan tidak perlu arahan daripada orang lain untuk memaksa mereka belajar B2 sebaliknya mereka berusaha bertutur secara suka rela. Oleh itu, seseorang pelajar B2 bebas menggunakan kaedah pembelajaran B2 yang sesuai dengan selera pertuturan diri masing-masing. Menurut dapatan kajian Daniela (2003, p.263) peserta umumnya percaya bahawa gerak isyarat dan tingkah laku bukan lisan memainkan peranan dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa.

Item 7	Saya akan terus belajar bahasa Melayu walaupun telah tamat persekolahan.
--------	--

Hampir keseluruhan pelajar Cina bersetuju agar pembelajaran BM dilanjutkan selepas sesi persekolahan. Oleh itu, suasana pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan secara tidak formal dan lebih santai. Penambahan waktu belajar BM adalah sesuatu yang positif bukan sahaja meningkatkan kemahiran penulisan para pelajar tetapi mereka boleh meningkatkan kualiti pertuturan terutama dari segi susunan kosa kata dan ayat yang diujarkan mengikut wacana masing-masing. Suasana tidak formal sesuai untuk pelajar menggunakan SK bersama rakan-rakan mereka yang lain. Di samping itu, mereka boleh membina kesepakatan dan keseragaman berkaitan makna-makna setiap gerakan anggota badan agar mudah difahami ketika pembelajaran BM.

Item 8	Pada pendapat saya, masa pembelajaran bahasa Melayu patut ditambah.
--------	---

Analisis daripada data soal selidik mendapati item 8 mendapat skor Tidak Setuju atau TS (65.4 %) dan skor Sangat Setuju (SS) memperoleh 34.6 %. Tafsiran yang boleh dibuat bahawa pelajar Cina tidak bersetuju agar masa pembelajaran BM ditambah. dapatan tersebut boleh mengekang penguasaan BM dalam kalangan pelajar ke-2.

Item 9	Saya berasa tidak mudah mempelajari bahasa Melayu berbanding bahasa-bahasa lain.
--------	--

Skor Tidak Setuju (TS) mencatatkan 70% membawa tafsiran bahawa pelajar Cina lebih bersikap rasional untuk mempelajari B2 bukan sesuatu yang mudah berbanding bahasa ibunda mereka yang memerlukan pemahaman yang mendalam. Walaupun pelajar Cina kurang berkeupayaan mengujarkan ayat BM mengikut sistem tatabahasa yang tepat tetapi interlocutor memahami mesej yang disampaikan melalui penggunaan SK. Oleh itu, sikap pelajar Cina yang tinggi terhadap BM adalah sangat penting bagi membantu mereka menguasai bahasa sasaran.

Faktor-faktor yang menyokong pelajar Cina menggunakan SK yang tinggi disebabkan sikap mereka yang suka mempelajari BM, suka membaca bahan-bahan dalam BM, gemar menonton program-program dalam BM, lebih mengutamakan percakapan dalam bahasa kebangsaan berbanding bahasa ibunda, seronok ketika mempelajari BM, dan menambah masa mempelajari BM walaupun waktu persekolahan telah tamat. Oleh itu, faktor-faktor tersebut telah membantu meningkatkan penguasaan B2 pelajar Cina. Sikap mereka yang tinggi ketika berkomunikasi melalui aktiviti bercerita dan main peranan telah meningkatkan pengulangan SK yang sama terutamanya pengguguran mesej dan SKBBL (pergerakan jari, jelingan mata, pergerakan tangan dan badan, anggukkan kepala) dalam pengujaran lisan.

6.2.2 Hubungan Motivasi dengan Strategi Komunikasi (SK)

Sukatan simetri data skala nominal motivasi dengan SK menunjukkan nilai *Cramer V* = 0.364 (jadual 6.3). Nilai ini ditafsirkan sebagai hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah sangat kuat. Analisis daripada data soal selidik menunjukkan tahap motivasi pelajar Cina terhadap BM adalah tinggi, iaitu 119 orang atau 96%. Hanya sebilangan kecil pelajar menunjukkan motivasi sederhana, iaitu 11 orang atau 4%. Aspek motivasi seseorang pelajar itu merupakan salah satu perkara yang penting untuk mempengaruhi mereka menggunakan SK dalam B2. Motivasi yang positif (tinggi dan sederhana) tersebut perlu dijadikan landasan ke arah pencapaian matlamat penguasaan BM.

Radna (2010, p.22) menerusi kajiannya “Hubungan Motivasi dengan Perilaku Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Dwibahasa Peribumi Sarawak” menyatakan bahawa motivasi pelajar mendorong pelajar melakukan sesuatu secara sukarela dan mengikut kehendak sendiri untuk mencapai matlamatnya. Adanya motivasi dalam diri seseorang itu akan menyebabkan diri mencapai kepuasan dan keseronokan dalam tugas pembelajaran serta menyedari akan kepentingan pembelajaran dalam kehidupan mereka. Pendapat beliau bersesuaian dengan definisi motivasi oleh Saedah et. al., (1996, p.1-28), iaitu motivasi adalah penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau mencapai sesuatu matlamat.

Jadual 6:3: Item-item motivasi pelajar Cina terhadap bahasa Melayu

Bil. Item	Item-item	STS		TS		TP		S		SS	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
C 1	Saya mudah bergaul dengan pelajar Melayu apabila saya lancar berkomunikasi dalam bahasa Melayu.	9	6.9	25	19.2	34	26.2	28	21.5	34	26.2
C 2	Saya malu bercakap dengan rakan-rakan dan orang ramai di sekolah saya dengan bahasa Melayu.	26	20	23	17.7	42	32.3	29	22.3	10	7.7
C 3	Saya lebih gembira kerana dapat menguasai bahasa Mandarin berbanding bahasa Melayu.	9	6.9	22	16.9	40	30.8	27	20.8	32	24.6
C 4	Saya mendapat lebih banyak ilmu pengetahuan apabila menggunakan bahasa Mandarin berbanding bahasa Melayu.	6	4.6	20	15.4	47	36.2	33	25.4	24	18.5
C 5	Saya lebih dihormati oleh rakan-rakan di sekolah apabila bercakap dalam bahasa Melayu.	32	24.6	31	23.8	45	34.6	15	11.5	7	5.4
C 6	Saya belajar bahasa Melayu untuk lulus ujian dan peperiksaan	27	20.8	24	18.5	16	12.3	24	18.5	39	30
C 7	Dengan menguasai bahasa Melayu, saya dapat menjawab soalan-soalan dengan mudah	3	2.3	7	5.4	19	14.6	48	36.9	53	40.8
C 8	Saya mendapat lebih banyak penghargaan jika saya boleh menguasai bahasa Melayu dengan baik.	4	3.1	14	10.8	31	23.8	45	34.6	36	27.7

Analisis data soal selidik menunjukkan bahasa pelajar Cina mempunyai motivasi yang tinggi terhadap bahasa Melayu walaupun mereka mempunyai bahasa ibunda sendiri. Item C1, C2, C6, C7, dan C8 didapati lebih menyokong bahawa pelajar Cina mempunyai motivasi yang tinggi terhadap bahasa Melayu. Sementara item C3, C4, dan

C5 lebih bersifat berkecuali melalui Skor Tidak Pasti (TP) dan bukannya bermotivasi negatif. Tafsiran bagi setiap item boleh dilihat seperti di bawah:

1. Item 1 – Pelajar Cina mudah bergaul dengan pelajar Melayu sekiranya lancar berkomunikasi dalam bahasa Melayu.
2. Item 2 – Pelajar Cina tidak perlu berasa malu bercakap dalam bahasa Melayu.
3. Item 3 – Pelajar Cina tidak menafikan keseronokan mempelajari bahasa ibunda berbanding bahasa Melayu.
4. Item 4 – Pelajar Cina tidak menafikan akan kelebihan penguasaan ilmu pengetahuan sekiranya menggunakan bahasa Mandarin berbanding bahasa Melayu.
5. Item 5 – Pelajar Cina tidak menafikan akan dihormati oleh rakan-rakan di sekolah apabila bercakap dalam bahasa Melayu.
6. Item 6 – Kebanyakan pelajar Cina mempelajari bahasa Melayu untuk lulus dalam ujian dan peperiksaan.
7. Item 7 – Kebanyakan pelajar Cina akan dapat menjawab soalan-soalan dengan mudah sekiranya menguasai bahasa Melayu.
8. Item 8 – Pelajar Cina akan mendapat lebih penghargaan sekiranya menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Motivasi yang tinggi dalam kalangan pelajar Cina yang menjadi subjek dalam kajian ini adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pergaulan yang mudah dengan pelajar Melayu sekiranya mereka lancar berbahasa Melayu, tujuan mempelajari BM untuk lulus dalam ujian dan peperiksaan serta mudah menjawab soalan-soalan. Selain itu, mereka merasakan lebih banyak memperolehi penghargaan melalui pertandingan atau penyertaan yang menggunakan BM. Selanjutnya, terdapat sebilangan kecil pelajar Cina (11 orang) yang mempunyai motivasi yang sederhana (4%) terhadap BM. Pemasalahan tersebut berlaku disebabkan pengaruh bahasa ibunda, penguasaan ilmu

pengetahuan yang lebih sekiranya menggunakan bahasa ibunda, dan pengaruh rakan-rakan sebaya. Berdasarkan item 1, 2, 6, 7, 8 akan dibincangkan dengan lebih lanjut kerana menerima banyak respons yang positif daripada pelajar.

Item 1	Saya mudah bergaul dengan pelajar Melayu apabila saya lancar berkomunikasi dalam bahasa Melayu.
--------	---

Hasil analisis data soal selidik menunjukkan pelajar lebih banyak memilih skor Sangat Setuju (SS), iaitu 26.2% dan skor Setuju (21.5%) yang membuktikan bahawa mereka mempunyai motivasi integratif. Mereka mempelajari BM adalah untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu. Dengan lebih lanjut, Muriel (2006, p.85) menerangkan bahawa pelajar juga berminat dengan budaya yang diwakili oleh kumpulan bahasa sasaran. Seseorang itu akan mudah diterima ke dalam kelompok sosial jika boleh berkomunikasi dalam bahasa kelompok tersebut. Begitu juga dengan Bouzidi, (1989, p.239-240) menyatakan bahawa pelajar yang bermotivasi integratif terhadap masyarakat bahasa sasaran lebih baik dalam proses pembelajaran B2 mereka daripada mereka yang mempunyai motivasi instrumental. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa motivasi integratif secara tidak langsung merupakan peramal kejayaan dalam pemerolehan B2. Dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian Bouzidi (1989, p.239-240) yang menyatakan bahawa sikap pelajar B2 yang positif terhadap masyarakat penutur B2 membantu pelajar yang berhasrat untuk menguasai bahasa itu dengan baik.

Item 2	Saya malu bercakap dengan rakan-rakan dan orang ramai di sekolah saya dalam bahasa Melayu.
--------	--

Item 2 mendapat skor Sangat Tidak Setuju (STS) sebanyak 20% dan skor Tidak Setuju (TS) 17.7 % atau gabungan kedua-dua skor sebanyak 37.7 %. Dapatan tersebut menunjukkan pelajar Cina tidak perlu berasa malu bertutur dalam BM ketika

berkomunikasi. Oleh itu, faktor tersebut telah menaikkan motivasi pelajar Cina untuk terus bertutur dalam BM dengan menggunakan SK yang diperlukan (jadual 6.8).

Item 3	Saya lebih gembira kerana dapat menguasai bahasa Mandarin berbanding bahasa Melayu.
--------	---

Subjek menyatakan sokongan pada item 3 dengan memilih skor Setuju (S) 20.8 % dan skor Sangat Setuju (SS) 24.6 %. Jumlah skor-skor tersebut sebanyak 45.4 % menyatakan tafsiran bahawa pelajar Cina bersetuju dan berasa bangga kerana berjaya menguasai bahasa ibundanya berbanding BM. Selaras dengan sistem pendidikan sekolah di SRJK(C) yang telah menetapkan bahawa bahasa Mandarin adalah bahasa pengantar. Oleh itu, pelajar Cina telah menguasai bahasa tersebut lebih awal daripada BM. Tambahan pula jati diri sesuatu bangsa dilihat dari segi penguasaan bahasa ibundanya sendiri.

Item 4	Saya mendapat lebih banyak ilmu pengetahuan apabila menggunakan bahasa Mandarin berbanding bahasa Melayu.
--------	---

Berdasarkan sokongan skor Setuju (S) dan skor Sangat Setuju (SS) sebanyak 43.8 %, subjek didapati senada dengan item ke-4. Seseorang akan mendapat lebih banyak ilmu pengetahuan dan kemahiran jika memahami bahasa yang digunakan dalam pembelajaran ilmu tersebut. Di sini pelajar Cina bersetuju bahawa bahasa Mandarin yang dipelajari di sekolah banyak memberi ilmu pengetahuan berbanding BM.

Item 5	Saya lebih dihormati oleh rakan-rakan di sekolah apabila bercakap dalam bahasa Melayu.
--------	--

Sebanyak 48.5 % pelajar Cina menyatakan pendirian bahawa mereka akan dihormati oleh rakan-rakan sekiranya bertutur dalam BM adalah tidak benar. Perbualan bersama rakan-rakan sebaya dirasakan lebih selesa dalam bahasa ibunda dan tiada keperluan yang mendesak mereka menggunakan B2.

Item 6	Saya belajar bahasa Melayu untuk lulus dalam ujian dan peperiksaan.
--------	---

Item ini mendapat skor Sangat Setuju (SS) 30% dan skor Setuju (S) 18.5%. Pemilihan skor tersebut menunjukkan tujuan pelajar Cina mempelajari BM bersungguh-sungguh adalah untuk memudahkan mereka menjawab soalan-soalan BM dalam ujian dan peperiksaan. Sejauh mana tahap penguasaan pelajar B2 terhadap bahasa sasaran tersebut akan dikaitkan dengan pencapaian akademik, iaitu ujian dan peperiksaan yang kerap diadakan sepanjang tahun, contohnya Pencapaian Kendalian Sekolah Rendah 1 (PKSR 1), Pencapaian Kendalian Sekolah Rendah 2 (PKSR 2), dan ujian bulanan. Oleh itu, motivasi instrumental dianggap unsur terpenting untuk membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam situasi pembelajaran dan pengajaran yang lebih bermakna, berfaedah, dan menyeronokkan. Motivasi yang baik akan mencipta sesuatu daya tarikan yang cukup kuat untuk menjadikan pelajar terus berminat dengan pelajaran yang disampaikan. Motivasi melibatkan dua aspek penting, iaitu intensif dan motif penggerak. Aspek intensif yang dimaksudkan di sini adalah dalam bentuk markah, gred, pujian, penghargaan, bintang, hadiah, gelaran dan sebagainya (Kamarudin 2010, p.96). Sehubungan dengan itu, motivasi yang diterapkan dalam kajian ini adalah bertujuan mendorong pelajar meningkatkan kecekapan semasa berujaran dalam BM secara aktif di sekolah sehingga penguasaannya setaraf dengan penutur asli BM.

Item 7	Dengan menguasai bahasa Melayu, saya dapat menjawab soalan-soalan dengan mudah.
--------	---

Item 6 dan item 7 mempunyai perkaitan yang rapat. Pelajar Cina memilih skor Setuju (S), iaitu 36.9 % dan skor Sangat Setuju (SS) sebanyak 40.8 %. Gabungan sokongan kedua-dua skor mendapati 77.7 % subjek menyokong item 7. Seseorang pelajar perlu menguasai BM sepenuhnya dan selepas itu barulah mereka boleh

menduduki ujian atau peperiksaan. Jika pelajar B2 tidak menguasai BM, tentulah sukar bagi mereka untuk menjawab soalan-soalan ujian atau peperiksaan.

Item 8	Saya mendapat lebih banyak penghargaan jika saya boleh menguasai bahasa Melayu dengan baik.
--------	---

Sokongan pada item 8 adalah sebanyak 62.3 % melalui skor Setuju (S) dan skor Sangat Setuju (SS). Sokongan tersebut menunjukkan pelajar Cina bersetuju bahawa seseorang pelajar B2 akan mendapat penghargaan daripada pelbagai pihak termasuk sekolah jika dapat menguasai BM dengan sempurna. Penglibatan pelajar dalam pertandingan seperti bercerita, mendeklamasi sajak, pantun, pertandingan kosa kata, kuiz, lakonan, nyanyian, penulisan esei boleh menguji tahap penguasaan pelajar terhadap BM. Penghargaan dalam bentuk sijil, piala, cenderahati atau pun sokongan moral boleh membantu meningkatkan semangat pelajar untuk mendalami BM.

Kesimpulan, motivasi pelajar yang tinggi dalam pembelajaran BM adalah didasari faktor-faktor seperti hubungan sosial dalam masyarakat memudahkan mereka menjawab soalan-soalan peperiksaan dan ujian, mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran berkenaan dan penghargaan. Seterusnya, motivasi yang tinggi telah mendorong subjek menggunakan pengguguran mesej, pergerakan jari, jelingan mata, pergerakan tangan dan badan semasa berujaran secara lisan dalam BM. Secara perbandingan tahap motivasi yang tinggi dan faktor sikap yang tinggi pelajar Cina mempunyai persamaan dari segi penggunaan SK semasa berujaran dalam BM.

6.2.3 Hubungan Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Terhadap Bahasa Melayu dengan Strategi Komunikasi (SK)

Sukatan simetri data skala nominal pendedahan persekitaran dengan SK menunjukkan nilai *Cramer V* = 0.364. Nilai tersebut ditafsirkan sebagai hubungan antara pemboleh ubah adalah sangat kuat. Dengan itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat

hubungan yang sangat kuat antara penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar dengan SK dalam pembelajaran BM sebagai B2. Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Terhadap BM boleh mempengaruhi penggunaan SK dalam pengujaran lisan.

Jadual 6.4: Penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar Cina terhadap bahasa Melayu

Bil. Item	Item-item	STS		TS		TP		S		SS	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
D 1	Saya selalu menghadiri pelbagai program kokurikulum di sekolah dalam bahasa Melayu.	34	26.2	41	31.5	40	30.7	8	6.2	7	5.4
D 2	Saya selalu menyertai pertandingan seperti lakonan, bercerita, menyanyi dalam bahasa Melayu.	35	26.9	31	23.9	36	27.7	18	13.8	10	7.7
D 3	Perhimpunan di sekolah saya banyak menggunakan bahasa Melayu.	35	26.9	31	23.9	36	27.7	18	13.8	10	7.7
D 4	Saya selalu membaca kata-kata hikmat bahasa Melayu di sekitar sekolah.	19	14.6	26	20	40	30.8	30	23.1	15	11.5
D 5	Saya kurang suka membeli bahan bacaan seperti majalah, buku cerita, komik, dan surat khabar dalam bahasa Melayu.	24	18.5	24	18.5	44	33.8	18	13.8	20	15.4
D 6	Rakan-rakan menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan di luar kelas.	56	43.1	35	26.9	27	20.8	7	5.4	5	3.8
D 7	Keluarga saya kurang menggalakkan saya menggunakan bahasa Melayu di rumah.	46	35.3	24	18.5	27	20.8	20	15.4	13	10
D 8	Saya suka menonton filem di pawagam dan rancangan-rancangan televisyen dalam bahasa Melayu.	44	33.8	26	20	33	25.4	17	13.1	10	7.7

Jadual 6.4, sambungan

Bil. Item	Item-item	STS		TS		TP		S		SS	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
D 9	Setiap hari persekolahan, saya mendengar pengumuman-pengumuman dibuat dalam bahasa Melayu.	27	20.8	19	14.6	44	33.9	25	19.2	15	11.5

Konstruk berkaitan penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar Cina terhadap BM mengandungi sembilan item. Subjek telah memberi skor yang berbeza-beza bagi setiap item dalam soal selidik. Rumusan semua item dinyatakan seperti berikut:

1. Item 1 – Pelajar Cina tidak banyak menghadiri program-program kokurikulum di sekolah dalam bahasa Mandarin.
2. Item 2 – Pelajar Cina tidak selalu menyertai pertandingan lakonan, bercerita, menyanyi dalam bahasa Melayu
3. Item 3 – Perhimpunan di sekolah tidak banyak menggunakan bahasa Melayu.
4. Item 4 – Pelajar Cina jarang membaca kata-kata hikmat dalam bahasa Melayu di sekolah.
5. Item 5 – Pelajar Cina suka membeli bahan bacaan seperti majalah, buku cerita, komik, akhbar dalam bahasa Melayu.
6. Item 6 – Pelajar Cina tidak menggunakan BM dalam perbualan di luar kelas.
7. Item 7 - Kebanyakan ahli keluarga menggalakkan pelajar Cina menggunakan bahasa Melayu di rumah.
8. Item 8 – Pelajar Cina tidak suka menonton filem dan program-program televisyen dalam bahasa Melayu.
9. Item 9 – Pelajar Cina kurang mendengar pengumuman-pengumuman yang disampaikan dalam bahasa Melayu.

Analisis data menunjukkan bahawa kebanyakan item (D1, D2, D3, D4, D6, D8, dan D9) lebih menjauhkan diri pelajar Cina daripada meningkatkan penguasaan mereka terhadap BM. Sementara itu, hanya item D5, dan D7 yang menunjukkan perkembangan yang positif pelajar terhadap BM. Oleh itu, tahap penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar terhadap bahasa Melayu adalah sederhana. Fenomena tersebut telah mengurangkan penggunaan SK semasa pertuturan secara lisan. Namun demikian, perbezaan tahap tersebut tidak banyak mempengaruhi jenis-jenis dan kekerapan SK. Dapatan sama dengan SK yang digunakan oleh pelajar yang mempunyai tahap sikap dan motivasi yang tinggi (pengguguran mesej dan SKBBL)

Analisis data soal selidik telah berjaya merungkaikan tiga tahap pendedahan persekitaran BM dalam kalangan pelajar Cina, iaitu tinggi (24%), sederhana (74%) dan rendah (2%). Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar Cina mendapat pendedahan persekitaran BM yang sederhana. Penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar terhadap BM boleh mempengaruhi penggunaan SK pelajar. Pelajar Cina yang menerima pendedahan persekitaran BM yang meluas lebih banyak menggunakan BM. Pelajar jenis ini kurang bergantung pada SK semasa berkomunikasi dalam BM. Pendedahan persekitaran BM adalah sebahagian daripada faktor ekstra linguistik pelajar Cina sebagai pelajar B2. Kebanyakannya berkaitan program kokurikulum, pertandingan, bahan bacaan, bahasa perbualan, program televisyen, dan aktiviti lain yang menggunakan BM. Sekiranya, pelajar B2 mendapat pendedahan persekitaran BM yang tinggi maka mereka menerima banyak input BM.

Berdasarkan sembilan item dalam soal selidik merujuk hanya dua item (item 5 dan item 7) yang didapati mendekatkan pelajar dengan BM, manakala item-item yang lain tidak menyumbang ke arah penguasaan bahasa sasaran tersebut.

Item 1	Saya selalu menghadiri pelbagai program kokurikulum di sekolah dalam bahasa Melayu.
--------	---

Sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai SRJK(C) menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar dan BM sebagai B2. Penggunaan bahasa ibunda bukan sahaja dalam kurikulum malahan dalam aktiviti kokurikulum (persatuan, sukan, dan permainan). Oleh itu, pelajar Cina kurang pendedahan BM dalam aktiviti kokurikulum. Kekangan tersebut cenderung melambatkan penguasaan kosa kata BM pelajar Cina. Skor Tidak Setuju (SS) mencatatkan sebanyak 31.5% dan skor Sangat Tidak Setuju (STS) pula 26.2 % didapati telah menyokong kesan kekangan tersebut dan seterusnya menggalakkan pelajar Cina menggunakan pelbagai SK ketika berujaran. Dapatan tersebut disokong oleh Burdine (2002, p.188) bahawa penggunaan SK dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan faktor-faktor ekstra linguistik. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa jumlah masa kokurikulum dihabiskan untuk berinteraksi dalam bahasa Perancis, sama ada melalui tinggal lebih lama dengan keluarga bertutur bahasa Perancis, lawatan ke persekitaran yang berbahasa Perancis atau pendedahan melalui media bahasa Perancis merupakan faktor yang mungkin paling mempengaruhi kekerapan dan jenis strategi yang digunakan pelajar.

Item 2	Saya selalu menyertai pertandingan seperti lakonan, bercerita, menyanyi dalam bahasa Melayu.
--------	--

Skor bagi item 2 ialah Sangat Tidak Setuju (STS) ialah 26.9% dan skor Tidak Setuju (TS) pula 23.8%. Catatan skor tersebut menunjukkan subjek bersetuju bahawa mereka jarang menyertai aktiviti kokurikulum seperti lakonan, bercerita, menyanyi menggunakan BM. Jika ada pun dalam skor yang kecil. Peluang penggunaan BM yang terhad akan menyukarkan subjek membina ayat-ayat yang bersistematik malahan gagal menyebut sesuatu perkataan dengan intonasi, sebutan, dan nada yang betul. Oleh itu,

subjek boleh mengelakkan kesilapan semasa menyebut kosa kata BM dengan menggunakan strategi pengelakan berulang kali.

Item 3	Perhimpunan di sekolah saya banyak menggunakan bahasa Melayu.
--------	---

Item ini mendapat skor Sangat Tidak Setuju (STS) 26.9% dan skor Tidak Setuju (TS) sebanyak 23.8%. Jumlah kedua-dua skor ialah 50.7% daripada keseluruhan subjek. Mereka kurang mendengar BM diucapkan semasa perhimpunan rasmi di sekolah. Kebanyakan ucapan dan maklumat disampaikan dalam bahasa Mandarin selaras dengan sistem pendidikan di SRJK(C) yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.

Item 4	Saya selalu membaca kata-kata hikmat dalam BM di sekitar sekolah.
--------	---

Analisis data soal selidik menunjukkan 34.6 % subjek memilih skor Sangat Tidak Setuju (STS) dan skor Tidak Setuju (TS) bagi item tersebut. Dapatan yang boleh ditafsir melalui pemilihan skor-skor tersebut menunjukkan subjek sebenarnya tidak banyak membaca ayat-ayat, prasa, cogan kata, kata-kata hikmat dalam BM.

Item 5	Saya kurang suka membeli bahan bacaan seperti majalah, buku cerita, komik, dan surat khabar dalam bahasa Melayu.
--------	--

Kaedah pembacaan bahan bercetak seperti majalah, buku cerita, komik, surat khabar dan lain-lain adalah penting untuk pelajar B2 meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa sasaran. Gabungan dua skor, iaitu Sangat Tidak Setuju (STS) dan Tidak Setuju (TS) mencatatkan sokongan 37%. Dapatan tersebut menunjukkan pelajar Cina gemar membeli bahan bercetak berbahasa Melayu. Oleh itu, aktiviti mereka mendapat pendedahan BM yang lebih luas dan secara tidak langsung mengurangkan penggantungan kepada SK untuk menggantikan kosa kata-kosa kata yang belum diketahui lagi. Menurut dapatan kajian oleh Yin (2008, p.215) bahawa pelajar yang kuat percaya pada diri mereka sebenarnya mempunyai keupayaan khas untuk belajar bahasa

Inggeris akan menggunakan strategi berlatih sendiri dengan lebih kerap seperti membaca surat khabar, majalah, menulis diari dan cerpen dalam bahasa Inggeris.

Item 6	Rakan-rakan menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan di luar kelas.
--------	--

Dapatan daripada soal selidik menunjukkan pemilihan skor Sangat Tidak Setuju (STS) dan skor Tidak Setuju (TS), mencatatkan 70% daripada keseluruhan. Kebanyakan subjek kurang berminat untuk menggunakan bahasa kebangsaan dalam perbualan sosial bersama rakan-rakan sebaya. Subjek merasakan tiada keperluan yang mendorong mereka untuk bertutur dalam BM. Tambahan pula suasana persekitaran di sekolah jenis kebangsaan Cina lebih mengutamakan bahasa ibunda yang dirasakan selesa dan mudah dituturkan.

Item 7	Keluarga saya kurang menggalakkan saya menggunakan bahasa Melayu di rumah.
--------	--

Berbanding dengan sokongan subjek terhadap skor-skor lain, item 7 menunjukkan dapatan yang positif. Kebanyakan subjek memilih skor Sangat Tidak Setuju (STS) dan skor Tidak Setuju (TS) bagi item 7 yang berjumlah 53.9%. Pemilihan skor tersebut bermaksud subjek sebenarnya digalakkan oleh ibu bapa mereka supaya bertutur dalam BM di rumah. Interaksi bersama ahli keluarga di rumah biasa berlaku dalam suasana tidak formal. Peranan ibu bapa yang menggalakkan anak-anak bertutur dalam BM di rumah bukan sahaja boleh meningkatkan kemahiran pelajar dalam membina struktur ayat-ayat BM dengan sebutan yang betul malah mengurangkan penggunaan SK.

Item 8	Saya suka menonton filem di pawagam dan rancangan-ancangan televisyen dalam BM.
--------	---

Pengaruh televisyen, dan media elektronik yang lain pada masa kini amat besar dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Kebanyakan maklumat boleh disebarkan

dengan meluas dan pantas. Alat sebaran maklumat perlu menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh golongan sasaran agar semua maklumat yang hantar boleh diterima dengan berkesan. Pelajar memilih skor Sangat Tidak Setuju (STS) untuk item ini yang bermaksud mereka sebenarnya suka menonton filem dan rancangan televisyen dalam bahasa ibunda sendiri. Oleh itu, subjek tidak banyak menerima kosa kata BM dan secara tidak langsung meningkatkan penggunaan SK dalam pertuturan lisan mereka.

Item 9	Setiap hari persekolahan, saya mendengar pengumuman-pengumuman dibuat dalam BM.
--------	---

Dapatan berdasarkan sokongan subjek pada item 9 menunjukkan mereka lebih banyak menerima maklumat daripada pengumuman-pengumuman yang dihebahkan di sekolah dalam bahasa ibunda (bahasa Mandarin). Fenomena tersebut membolehkan subjek memahami maklumat-maklumat yang disampaikan itu dengan tepat dan berkesan. Seterusnya, subjek boleh bertindak balas dengan segera selaras dengan kehendak maklumat yang diterima.

Kesimpulan, tafsiran daripada item-item bagi domain penggunaan dan pendedahan persekitaran BM menunjukkan subjek masih jauh ketinggalan daripada meningkatkan penguasaan BM mereka. Faktor-faktor yang boleh mengekang kelancaran subjek untuk berkomunikasi dalam BM seperti kurang menghadiri kokurikulum dalam BM, kurang menggunakan BM dalam perbualan sosial, tidak suka menonton filem dan saluran-saluran media elektronik dalam BM perlu diberi perhatian serius sekiranya subjek mahu berkomunikasi dengan fasih dalam BM. Walaupun tahap pendedahan persekitaran pelajar terhadap BM adalah sederhana, namun jenis-jenis SK yang digunakan dalam pertuturan tidak memperlihatkan banyak perbezaan. Pelajar Cina lebih banyak menggunakan pengelakan (pengguguran mesej) dan SKBBL (pergerakan jari, jelingan mata, pergerakan tangan dan badan).

6.2.4 Hubungan Masalah Komunikasi dengan Strategi Komunikasi (SK)

Berdasarkan item-item soal selidik kajian ini, masalah-masalah komunikasi yang dihadapi oleh pelajar Cina ketika berujaran dalam BM ialah seperti perasaan malu, kekurangan kosa kata, kurang memahami arahan guru, kesukaran menyebut kosa kata, kesukaran menyampaikan mesej atau pesanan, takut melakukan kesilapan dalam percakapan, tidak memahami percakapan rakan, kerap meminta bantuan rakan, kerap menggunakan ayat-ayat pendek, dan sukar mengingat kosa kata BM yang diperlukan. Hubungan masalah komunikasi pelajar Cina dengan SK dalam pembelajaran BM sebagai B2 ditafsirkan sebagai sangat kuat berasaskan nilai *Cramer V* = 0.364.

Berdasarkan jadual 6.17 penguguran mesej digunakan secara meluas boleh dikaitkan dengan keyakinan diri pelajar yang tinggi terhadap pengujaran lisan BM. Di sini kita dapat melihat subjek berasa yakin bahawa pengujaran dalam BM dapat dilakukan dengan baik jika terdapatnya usaha-usaha yang gigih untuk berjaya. Walaupun SK tersebut dilihat boleh melambatkan kelancaran pertuturan tetapi kelebihanannya boleh memberi peluang dan masa bagi subjek memikirkan kosa kata BM atau SKBBL yang sesuai dengan sesuatu ujaran itu. Ini dapat dilihat selepas penguguran mesej, subjek didapati menggunakan pelbagai bahasa badan atau SKBBL.

Jadual 6.5:Item-item masalah komunikasi pelajar Cina terhadap bahasa Melayu

Bil. Item	Item-item	STS		TS		TP		S		SS	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
E 1	Saya berasa malu bercakap dalam bahasa Melayu.	51	39.2	79	60.8						
E 2	Saya mengalami kekurangan kosa kata dalam bahasa Melayu.	86	66.2	44	33.8						
E 3	Saya kurang memahami arahan guru yang disampaikan dalam bahasa Melayu.	123	94.6	7	5.4						
E 4	Saya sukar menyebut perkataan-perkataan bahasa Melayu.	127	97.7	3	2.3						
E 5	Saya sukar menyampaikan mesej atau pesanan dalam bahasa Melayu.	122	93.8	3	2.3			5	3.9		
E 6	Saya berasa takut untuk melakukan kesalahan apabila bercakap dalam bahasa Melayu.	123	94.6	7	5.4						
E 7	Saya tidak memahami percakapan rakan dalam bahasa Melayu.	130	100								
E 8	Saya selalu meminta bantuan rakan-rakan untuk menyebut perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu.	128	98.5	2	1.5						
E 9	Saya selalu menggunakan ayat-ayat pendek ketika bercakap dengan guru-guru dan rakan-rakan.	130	100								
E10	Saya sukar mengingat perkataan-perkataan bahasa Melayu yang diperlukan apabila berbual dengan seseorang.	129	99.2	1	0.8						

Masalah-masalah komunikasi semasa bertutur dalam B2 adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan oleh seseorang pelajar B2. Pengkaji memantapkan dapatan kajian ini dengan menekankan permasalahan tersebut melalui penerapan 10 item dan rumusan dinyatakan seperti di bawah:

1. Item 1 – Pelajar Cina tidak berasa malu bercakap dalam BM.
2. Item 2 – Pelajar Cina tidak mengalami kekurangan kosa kata BM.
3. Item 3 – Pelajar Cina memahami arahan guru yang disampaikan dalam BM.
4. Item 4 – Pelajar Cina tidak sukar menyebut perkataan-perkataan dalam BM.
5. Item 5 – Pelajar Cina tidak mengalami kesukaran untuk menyampaikan mesej atau pesanan dalam BM.
6. Item 6 – Pelajar Cina tidak berasa takut melakukan kesalahan ketika bercakap dalam BM.
7. Item 7 – Pelajar Cina memahami percakapan rakan-rakan dalam BM.
8. Item 8 – pelajar Cina tidak selalu meminta bantuan rakan untuk menyebut perkataan-perkataan dalam BM.
9. Item 9 – Pelajar Cina selalu menggunakan ayat-ayat panjang ketika bercakap dengan guru dan rakan-rakan.
10. Item 10 – Pelajar Cina mudah mengingat perkataan-perkataan BM yang diperlukan ketika berbual dengan seseorang.

Walaupun semua item dinyatakan dalam bentuk yang negatif tetapi melalui skor yang dipilih oleh subjek sebenarnya telah memberi tafsiran yang positif terhadap pembelajaran BM. Keseluruhan item menggambarkan bahawa pelajar Cina kurang masalah untuk berkomunikasi dalam BM. Tafsiran tersebut seperti mereka tidak berasa malu bertutur dalam BM, memiliki banyak kosa kata, memahami arahan guru, tiada masalah menyebut kosa kata, tidak sukar menyampaikan mesej, tidak takut melakukan kesalahan, memahami percakapan rakan, kurang meminta bantuan rakan, menggunakan

ayat-ayat yang panjang ketika bercakap dalam B2, dan tiada masalah mengingat perkataan-perkataan dalam BM. Semua tafsiran tersebut lebih ke arah meningkatkan penguasaan mereka terhadap B2. Tahap masalah komunikasi yang rendah mendorong subjek untuk bertutur dengan lebih banyak dan secara tidak langsung penyampaian idea atau mesej juga bertambah. Namun demikian, tahap MK yang rendah tidak banyak mempengaruhi jenis SK yang digunakan. Dalam kajian ini, masalah komunikasi BM pelajar Cina berada pada tahap rendah yang melibatkan semua seramai 130 pelajar.

Item 1	Saya berasa malu bercakap dalam bahasa Melayu.
--------	--

Berdasarkan skor Tidak Setuju (TS) 60.8% dan skor Sangat Tidak Setuju (STS) 39.2 % menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pelajar Cina tidak berasa malu apabila bertutur dalam BM dengan rakan-rakan, ibu bapa, guru-guru dan orang ramai. Oleh itu, mereka bukan sahaja dapat menyusun struktur ayat dengan betul malahan mampu menyebut leksikal BM dengan sebutan yang betul tanpa dipengaruhi unsur-unsur B. Kebaikan daripada item ini, pelajar Cina boleh mengurangkan kebergantungan mereka pada SK ketika berujaran. Pengajar boleh membantu mengembangkan kebolehan komunikasi pelajar dalam bahasa sasaran dengan menggalakkan mereka berkomunikasi dengan lebih banyak dengan rakan-rakan dan guru-guru (Mitsuko, 2009, p.115).

Item 2	Saya mengalami kekurangan kosa kata dalam bahasa Melayu.
--------	--

Masalah kekurangan kosa kata BM adalah kekangan utama bagi pelajar B2. Kesan yang timbul itu mendesak pelajar mengurangkan bilangan kosa kata melalui pengguguran mesej. Di samping itu, pelajar akan menggunakan kaedah alternatif yang lain, iaitu menggunakan bahasa badan (tangan, jari, jelingan mata, badan). Namun,

skor Sangat Tidak Setuju (STS) mencatat 66.2% dan 33.8% bagi skor Tidak Setuju (TS) membuktikan bahawa pelajar Cina sebenarnya tidak mengalami kekangan tersebut malahan kuantiti kosa kata yang dimiliki oleh mereka telah memadai untuk membolehkan mereka berkomunikasi pada tahap usia mereka. Oleh itu, mereka boleh mengurangkan penggunaan SK. Selain itu, mereka tidak perlu menggunakan kosa kata bahasa ibunda ke dalam pertuturan dalam BM. Dapatan tersebut boleh dibuktikan apabila pelajar Cina sangat kurang menggunakan penukaran kod, iaitu sebanyak 42 kes sahaja daripada 1597 kes SK. Green (1995, p.233) menyatakan berdasarkan dapatan kajiannya bahawa walaupun seseorang itu lebih pandai namun masih tetap memerlukan SK. Namun demikian mereka kurang kerap menggunakan strategi berasaskan sumber bahasa ibunda, sebaliknya mereka lebih kerap menggunakan bahasa sasaran secara eksklusif.

Item 3	Saya kurang memahami arahan guru yang disampaikan dalam bahasa Melayu.
--------	--

Pelajar Cina tidak menghadapi masalah untuk memahami arahan yang disampaikan oleh guru dalam BM. Dalam arahan mengandungi kata-kata yang penting dan boleh memberi impak kepada pendengar. Analisis data menunjukkan skor Sangat Tidak Setuju (STS) mendapat sokongan sebanyak 94.6%.

Item 4	Saya sukar menyebut perkataan-perkataan bahasa Melayu.
--------	--

Hampir keseluruhan subjek memilih skor Sangat Tidak Setuju (STS), iaitu 97.7%. Dapatan daripada analisis tersebut menunjukkan 127 subjek tiada masalah untuk menyebut perkataan-perkataan BM apabila diujarkan kerana mereka sudah biasa menyebutnya atau membacanya. Kepetahan dalam menyebut kosa kata B2 berkaitan dengan kekerapan pertuturan seseorang pelajar itu. Pelajar telah melalui pembelajaran BM secara formal di sekolah selama lima tahun. Oleh itu, masalah menyebut kosa kata

BM bukan lagi halangan utama. Kemahiran yang dikuasai semasa pembelajaran BM secara formal dalam tempoh lima tahun telah membantu mengatasi masalah pertuturan mereka.

Menurut Roshidah (2010, p.16) menerusi kajiannya berkaitan sistem fonetik dan fonologi BM dan bahasa Perancis bahawa kesilapan dalam penghasilan bunyi-bunyi bahasa sasaran boleh menjejaskan proses komunikasi. Kemahiran dari segi sebutan adalah penting supaya proses komunikasi berjalan lancar. Selain itu, kemahiran tersebut merupakan kemahiran asas bagi sesuatu bahasa yang baru dipelajari. Tambah beliau lagi, pengeluaran bunyi yang tidak tepat boleh menjejaskan komunikasi yang berlaku dalam bahasa itu. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar tidak menghadapi masalah untuk menyebut kosa kata BM dengan sebutan yang betul.

Item 5	Saya sukar menyampaikan mesej atau pesanan dalam bahasa Melayu.
--------	---

Analisis data menunjukkan pelajar Cina tidak menghadapi kesukaran untuk menyampaikan mesej atau pesanan dalam BM. Dapatan ini dapat dilihat apabila skor Sangat Tidak Setuju (STS) mendapat 93.8%. Sekiranya ada kosa kata yang tidak diketahui, mereka akan cuba memikirkannya sebentar melalui penggunaan SKBBL. Selain itu, SK tersebut juga boleh digunakan untuk membentuk simbol-simbol atau gerakan yang memberi makna yang sama dengan apa yang dimaksudkan.

Item 6	Saya berasa takut untuk melakukan kesalahan apabila bercakap dalam bahasa Melayu.
--------	---

Kesalahan dari segi susunan struktur, sebutan, kosa kata atau apa jua aspek dalam B2 adalah sesuatu yang lumrah dan tidak boleh dielakkan. Bagi pelajar Cina yang terlibat dalam kajian ini, mereka telah menyatakan pendirian melalui skor Sangat Tidak Setuju (STS). Majoritinya, iaitu 94.6% subjek menyatakan pendirian bahawa mereka tidak perlu berasa takut, gentar, atau bimbang sekiranya melakukan kesalahan apabila

bertutur dalam BM. Kesalahan yang dilakukan boleh diperbaiki oleh guru yang mengajar dan juga rakan-rakan terdekat.

Item 7	Saya tidak memahami percakapan rakan dalam bahasa Melayu.
--------	---

Keseluruhan pelajar Cina memahami sepenuhnya percakapan oleh rakan-rakan dalam BM. Dapatan tersebut boleh dijelaskan melalui skor Sangat Tidak Setuju (STS) yang mendapat sokongan sepenuhnya daripada subjek. Sekiranya berlaku kekangan, mereka boleh meminta rakan-rakan menterjemahkan dalam bahasa ibunda terutama istilah-istilah BM yang tidak difahami. Kosa kata yang digunakan tidak bersifat abstrak boleh digambarkan dengan menggerakkan anggota badan seperti jari, tangan, kepala, dan jelingan mata.

Item 8	Saya selalu meminta bantuan rakan-rakan untuk menyebut perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu.
--------	---

Seseorang pelajar yang memahami B2 biasanya tiada keperluan meminta bantuan rakan-rakan untuk menyebut perkataan-perkataan yang sukar. Analisis data menunjukkan 98.5% subjek memilih skor Sangat Tidak Setuju (STS) yang menafikan maksud item 8. Dapatan tersebut menunjukkan subjek berupaya untuk berkomunikasi dengan lancar dalam BM. Pembelajaran BM selama lima tahun secara formal di sekolah membolehkan mereka berdikari dan berasa lebih yakin untuk berujaran.

Item 9	Saya selalu menggunakan ayat-ayat pendek ketika bercakap dengan guru-guru dan rakan-rakan.
--------	--

Hampir keseluruhan subjek memilih skor Sangat Tidak Setuju (STS) bagi item ini. Pemilihan skor tersebut menunjukkan mereka sebenarnya menggunakan ayat-ayat yang panjang ketika berujaran dalam BM. Subjek kurang bergantung pada SK dalam pertuturan lisan.

Item 10	Saya sukar mengingat perkataan-perkataan bahasa Melayu yang diperlukan apabila berbual dengan seseorang.
---------	--

Hampiran keseluruhan subjek tidak menghadapi masalah mengingat perkataan-perkataan BM apabila diperlukan ketika berbual dengan rakan-rakan, ibu bapa atau jiran. Subjek tidak mengalami kesukaran untuk mengingat kosa kata-kosa kata yang diperlukan dalam pertuturan telah mendorong supaya mesej yang disampaikan itu berjalan lancar. Penggunaan SK tersebut boleh memberi suatu peluang dan masa untuk mereka mengingat kembali kosa kata yang pernah digunakan pada masa lalu. Selain itu, pertuturan berlaku dalam masa yang singkat dan tidak seperti penulisan mengambil masa yang panjang.

Secara keseluruhan, penggunaan SK (pengguguran mesej, pergerakan jari, pergerakan tangan, jelingan mata, senyuman, dan pergerakan kepala) dalam kalangan pelajar Cina dalam pertuturan adalah didorong oleh masalah-masalah komunikasi yang rendah. Fenomena ini berlaku disebabkan faktor-faktor seperti kurang perasaan malu, penguasaan kosa kata BM yang tinggi, boleh memahami arahan guru, tidak sukar menyebut kosa kata BM, tidak mempunyai perasaan takut melakukan kesilapan bahasa, memahami percakapan rakan-rakan dalam BM, penggunaan ayat-ayat panjang dan subjek mudah untuk mengingat kosa kata BM yang sesuai digunakan ketika berbual dengan rakan-rakan.

6.3 Rumusan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memperlihatkan hubungan yang signifikan antara faktor ekstra linguistik pelajar Cina (sikap pelajar, motivasi pelajar, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar, serta masalah-masalah komunikasi) dengan penggunaan SK dalam pertuturan lisan. Walaupun dapatan daripada analisis soal selidik menunjukkan tahap ekstra linguistik pelajar berbeza (sikap tinggi, motivasi tinggi, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar yang sederhana, serta masalah-

masalah komunikasi yang rendah) namun jenis-jenis SK digunakan dalam pertuturan lisan adalah sama, iaitu pengguguran mesej daripada SKBL. Selain itu, pelajar Cina juga menggunakan bahasa badan (pergerakan jari, pergerakan tangan, pergerakan badan, jelingan mata, anggukkan kepala, dan strategi diam) bagi menggantikan kosa kata BM yang tidak diketahui.

University of Malaya

BAB 7: KESIMPULAN

7.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji merumuskan dapatan kajian dan membincangkan implikasinya. Selanjutnya, cadangan untuk kerja-kerja lanjutan turut dikemukakan. Rumusan dapatan kajian adalah berdasarkan objektif kajian i, ii dan iii. Dengan kata lain, bab ini mengandungi ikhtisar tentang penggunaan SK dalam kalangan pelajar Cina, di samping hubungan antara faktor ekstra linguistik (sikap pelajar, motivasi pelajar, pendedahan persekitaran pelajar Cina terhadap BM) dan masalah komunikasi dengan penggunaan SK. Seterusnya, pengkaji mengulas instrumen dan model penyelidikan yang telah digunakan dalam kajian ini. Beberapa cadangan penggunaan SK dikemukakan khusus kepada kementerian, pendidik, pelajar, dan ibu bapa. Akhir sekali, bab ini juga menyentuh cadangan kajian lanjutan pada masa akan datang untuk para penyelidik yang ingin mendalami bidang SK dalam konteks bahasa asing.

7.2 Rumusan Dapatan Kajian

Menurut Ahmad (1983, p.30) tujuan sesuatu kajian dijalankan adalah bertujuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau mencari jawapan kepada beberapa persoalan kajian. Oleh itu, dapatan kajian ini diperolehi melalui kaedah kuantitatif (Bab 5) dan kaedah kualitatif (Bab 6) telah menyasarkan semua objektifnya sebagaimana yang terkandung Bab 1. Gabungan kuantitatif dan kualitatif dalam sesuatu kajian adalah untuk saling melengkapi dan mengisi kekurangan antara satu sama lain (Mak, 2009, p.26). Kepelbagaian SK yang digunakan menerusi aktiviti lisan telah diterangkan dalam Bab 4. Seterusnya, dapatan kajian yang menghuraikan pengaruh faktor-faktor luaran pelajar (ekstra linguistik) yang mempengaruhi penggunaan SK sepanjang pertuturan mereka.

7.2.1 Strategi Komunikasi Pelajar dalam Komunikasi Lisan

Secara keseluruhan, subjek yang menjadi sampel kajian didapati lebih banyak menggunakan pengguguran mesej, iaitu 296 kes (19%) berbanding SK yang lain semasa melakukan pengujaran dalam BM. Walaupun strategi ini tergolong dalam strategi pengelakan (taksonomi Tarone) atau bukan strategi pencapaian. Kekangan daripada leksikal BM yang terhad bukan halangan untuk mereka menghentikan ujaran BM secara tiba-tiba, sebaliknya subjek bertindak bijak memilih SK yang sesuai. Pada masa yang sama, penggunaan strategi pengelakan tidak mencatitkan atau mengurangkan mesej yang ingin disampaikan oleh subjek kepada interlokutor.

Selanjutnya, dapatan kajian menunjukkan pelajar Cina sebagai penutur B2 telah menggunakan strategi komunikasi bahasa lisan (SKBL) sebanyak 525 kes atau 33% daripada keseluruhan SK. Dapatan daripada analisis data menunjukkan mereka kurang menggunakan penghuraian, penukaran kod, pengelakan topik, generalisasi terlampau, penghampiran, dan pembentukan perkataan baharu. Oleh itu, dapatan tersebut menunjukkan SK yang tergolong dalam SKBL tidak banyak membantu pelajar Cina melancarkan pertuturan BM. Dapatan daripada data lisan menunjukkan bahawa pelajar Cina lebih banyak menggunakan strategi komunikasi bahasa bukan lisan (SKBBL) sepanjang pertuturan mereka. Jumlah SKBBL yang lebih banyak daripada SKBL, iaitu 1072 kes (67%) membuktikan penggunaan bahasa badan atau (*body language*) ialah kaedah yang paling sesuai digunakan oleh pelajar apabila menggunakan B2. Anggota badan (tangan, jari, mata, kepala, badan) didapati lebih mudah digerakkan secara spontan apabila mereka bertutur berbanding anggota badan yang lain. Pergerakan anggota badan berlaku serentak dengan pertuturan BM boleh menambah keberkesanan dan keyakinan pelajar dalam menyampaikan mesej.

Gangguan bahasa ibunda melalui strategi penukaran kod banyak dilakukan oleh pelajar B2 semasa bertutur, membaca, atau membina ayat akibat kekurangan perbendaharaan kata. Kajian Aminah (2002, p.80) terhadap pelajar India yang mempelajari BM mendapati subjek lebih banyak menggunakan perkataan berdasarkan bahasa ibunda. Contohnya aspek pendepanan kata (kata ganti orang pertama, kata adjektif, kata hubung, kata kerja tunggal, kata hubung pancangan keterangan, kata nafi, dan kata ganda). Namun kajian ini telah menunjukkan dapatan yang berbeza, subjek didapati kurang menggunakan penukaran kod apabila bertutur dalam BM, sebaliknya lebih banyak menggunakan pengguguran mesej. Berdasarkan data statistik penggunaannya hanya sekitar 42 kes atau 2.6 % daripada jumlah keseluruhan SK (1597 kes). Dapatan tersebut membuktikan bahawa pelajar B2 mempunyai keupayaan yang tinggi untuk tidak bergantung pada kosa kata bahasa ibunda tetapi sebaliknya menggunakan SK lain yang lebih sesuai dan tidak mengubah mesej yang hendak disampaikan. Dvolakola (2012, p. 87) berpendapat keperluan untuk mengehendkan B1 pada tahap minimum secara ideal adalah lebih baik jika tidak digunakan sama sekali. Penggunaan B1 untuk memperkenalkan bahasa sasaran yang baharu adalah lebih cepat, lebih jelas, dan lebih cekap dan berkesan hanya memberi keutamaan kepada kecekapan linguistik mengatasi kecekapan komunikatif. Bahasa boleh dikemukakan, difahami, dan dikuasai tanpa menggunakan bahasa ibunda sebagai pengantaraan.

7.2.2 Jenis dan Kekerapan Strategi Komunikasi dalam Pembelajaran Bahasa

Melayu sebagai Bahasa Kedua

Subjek kajian lebih kerap menggunakan SKBBL berbanding SKBL. Jenis SKBBL memfokuskan kepada sembilan jenis gerakan tanpa suara yang terdiri daripada pergerakan jari, jelingan mata, pergerakan tangan, pergerakan badan, pergerakan

kepala, renungan mata, berdiam diri, senyuman, dan pergerakan lidah. Pergerakan jari ialah SK yang penting bagi pelajar mempelajari BM, terutama kemahiran lisan.

Pengkaji telah menyelidik sebanyak lapan jenis strategi komunikasi bahasa lisan (SKBL), iaitu pengguguran mesej, rayuan kerjasama, penghuraian, penukaran kod, pengelakan topik, generalisasi terlampau, penghampiran, dan pembentukan perkataan baharu. Dapatan kajian membuktikan subjek aras cemerlang (PAC) paling kerap menggunakan strategi pengguguran mesej (109 kes). Subjek aras sederhana (PAS) juga lebih kerap menggunakan strategi yang sama (96 kes), sementara bilangan kes untuk aras rendah (PAR) adalah sebanyak 91 kes. Dalam hal ini, pengkaji bersetuju dengan pernyataan Tarone (1983, p.62) bahawa penutur B2 masih belum menguasai sepenuhnya peraturan B2. Walau bagaimanapun, dapatan kajian yang dibuat oleh Maldonado (2016, p.87-88) mendapati tahap penguasaan pelajar dalam bahasa sasaran berkait rapat dengan SK mereka. Analisis terperinci menunjukkan kemahiran linguistik pelajar bukan sahaja berkait rapat dengan kekerapan penggunaan SK yang berbeza tetapi kebanyakannya bergantung pada jenis SK.

7.2.3 Hubungan Faktor Ekstra Linguistik dengan Strategi Komunikasi

Penggunaan SK oleh pelajar B2 tidak hanya dipengaruhi oleh tahap mereka yang pelbagai aras (cemerlang, sederhana, dan rendah) bahkan faktor ekstra linguistik (sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan BM, dan masalah komunikasi) turut juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam mempengaruhi pelajar menggunakan SK. Oleh itu, bagi mencari hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut maka soal selidik digunakan.

7.2.3.1 Hubungan Sikap Pelajar dengan Strategi Komunikasi

Terdapat hubungan yang sangat kuat antara sikap pelajar dengan strategi komunikasi dalam pembelajaran BM sebagai B2, iaitu semua 130 subjek kajian bersikap positif terhadap BM. Kepentingan faktor sikap terhadap bahasa diperkuatkan lagi oleh Radna (2010, p.127) menyatakan bahawa semakin positif sikap seseorang itu terhadap bahasa, maka semakin cemerlang pencapaian mereka dalam bahasa berkenaan. Dapatan daripada analisis data soal selidik kajian ini telah menunjukkan sikap pelajar B2 terhadap pembelajaran BM berada pada tahap tinggi (semua 130 subjek). Dapatan tersebut menunjukkan pelajar B2 bersikap positif terhadap BM. Sikap pelajar dikenal pasti sebagai salah satu set pemboleh ubah pembelajaran B2 yang penting. Sikap dibentuk oleh faktor sosial yang kemudiannya mempengaruhi keputusan pelajar. Sikap positif dijangka meningkatkan pembelajaran kerana pelajar sudi berkomunikasi dengan penutur asli B2. Dapatan kajian ini telah membuktikan walaupun pelajar Cina mempunyai sikap yang tinggi terhadap BM tetapi dari aspek jenis SK yang digunakan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara (pengguguran mesej dan SKBBL)

7.2.3.2 Hubungan Motivasi Pelajar dengan Strategi Komunikasi

Hubungan antara motivasi pelajar dengan SK adalah sangat kuat, iaitu 0.364 mengikut korelasi *Cramer V*. Tahap motivasi dalam kalangan pelajar Cina yang paling ramai ialah 119 orang atau 96%. Sebilangan kecil pelajar menunjukkan motivasi sederhana, iaitu 11 orang atau 4%. Aspek motivasi seseorang pelajar itu merupakan salah satu perkara yang penting untuk menguasai B2. Dalam kajian Radna (2010, p.22) menyatakan motivasi pelajar akan mendorong pelajar itu untuk melakukan sesuatu secara sukarela dan mengikut kehendak sendiri untuk mencapai matlamatnya. Selain itu, pelajar dapat melibatkan diri secara intensif untuk menghala ke arah matlamat dan dapat bertahan untuk jangka masa yang lama bagi memastikan matlamat tersebut

tercapai. Kewujudan motivasi tersebut membolehkan pelajar mencapai kepuasan dan keseronokan dalam tugas pembelajaran serta menyedari akan kepentingan pembelajaran dalam kehidupan mereka. Walaupun motivasi pelajar Cina sangat tinggi terhadap BM mereka tetapi dalam pengujaran lisan jenis SK yang digunakan tetap sama dengan sikap mereka, iaitu pengguguran mesej dan SKBBL.

7.2.3.3 Hubungan Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Terhadap Bahasa Melayu dengan Strategi Komunikasi

Nilai *Cramer V* = 0.364. ditafsirkan sebagai hubungan antara pemboleh ubah pendedahan persekitaran BM dengan SK adalah sangat kuat. Menurut Zulkifley (2006, p.32-39), faktor luaran seseorang pelajar akan menentukan kejayaan proses penguasaan B2. Salah satu daripadanya adalah aspek persekitaran yang boleh memberi kesan positif kerana sesuatu maklumat yang disalurkan itu memungkinkan tahap penguasaan pengetahuan bahasa pelajar meningkat. Analisis data soal selidik memperlihatkan pendedahan persekitaran BM dalam kalangan pelajar Cina, iaitu tinggi (24%), sederhana (74%) dan rendah (2%). Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar Cina mendapat pendedahan persekitaran BM dalam kadar sederhana. Oleh sebab itu, mereka didapati lebih banyak menggunakan SK dalam pertuturan BM.

Seterusnya, analisis daripada soal selidik mendapati pelajar Cina lebih suka membeli dan membaca bahan bacaan seperti majalah, buku cerita, humor dan surat khabar dalam BM. Mereka lebih gemar menonton rancangan televisyen dan media elektronik dalam bahasa Mandarin. Tambahan pula suasana persekitaran di sekolah lebih banyak menggunakan bahasa ibunda telah menjauhkan diri mereka daripada elemen-elemen BM. Sementara itu, pelajar yang mendapat pendedahan persekitaran BM yang tinggi adalah disebabkan dorongan ibu bapa yang menggalakkan mereka berinteraksi dalam BM di rumah. Kehidupan rutin seharian keluarga pelajar B2 yang

kerap bertutur dalam BM boleh meningkatkan kualiti BM dalam aspek sebutan yang betul, makna kosa kata, dan susunan kosa kata dalam sintaksis. Walaupun dapatan daripada analisis data soal selidik berkaitan penggunaan dan pendedahan persekitaran BM subjek adalah pada tahap sederhana namun SK yang mereka gunakan tidak banyak bezanya dengan penggunaan SK yang dipengaruhi oleh sikap dan motivasi pelajar yang tinggi.

7.2.3.4 Hubungan Masalah Komunikasi dengan Strategi Komunikasi

Hubungan masalah komunikasi pelajar Cina dengan SK dalam pembelajaran BM sebagai B2 ditafsirkan sebagai sangat kuat berasaskan nilai *Cramer V* = 0.364. Tafsiran daripada nilai tersebut bermakna masalah komunikasi BM dalam kalangan 130 pelajar Cina berada pada tahap rendah. Jenis SK yang digunakan tetap sama dengan faktor ekstra linguistik yang lain. Kebanyakan subjek tidak mempunyai banyak masalah berkaitan perasaan malu bertutur dalam BM, kosa kata BM, arahan guru, kesukaran menyebut kosa kata, penyampaian mesej, tiada perasaan takut melakukan kesilapan, bantuan rakan-rakan, penggunaan ayat dan kemudahan mengingat kosa kata BM ketika berbual dengan rakan. Faktor masalah-masalah komunikasi yang rendah semasa bertutur telah mendorong subjek terus berujaran dengan lebih banyak dan secara tidak langsung subjek terus meningkatkan penggunaan pengguguran mesej dan dimantapkan lagi dengan bahasa badan atau SKBBL. Hipotesis yang boleh dibina menerusi dapatan kajian ini, semakin banyak subjek bertutur dalam BM, semakin banyak SK digunakan. Penggunaan SKBL dan SKBBL dilakukan secara bersepadu agar mesej dapat disampaikan dengan berkesan.

7.3 Model Kajian Strategi Komunikasi Bahasa Kedua

Teori monitor yang diasaskan oleh Krashen mempunyai potensi yang baik untuk digunakan oleh pelajar menguasai B2. Teori tersebut bukan sahaja mengkaji kognitif dalaman seseorang pelajar malah turut membincangkan aspek luaran yang mempunyai perkaitan dengan SK. Penggunaan model tersebut yang menekankan peranan SK boleh mengurangkan tahap kesukaran yang ditempuhi oleh pelajar apabila menggunakan B2.

Merujuk kajian ini, pelajar didapati banyak menggunakan pengguguran mesej sebagai salah satu kaedah untuk meneruskan pertuturan dalam BM. Tindakan pelajar tersebut adalah sesuatu yang positif dan perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak terutama guru-guru BM yang terlibat secara langsung mengajar BM. SK tersebut berbeza dengan pengelakan topik yang didapati terus menghentikan pengujaran atau mengubah topik yang lain. Penggunaan SK itu juga mencerminkan semangat yang cecal untuk meneruskan pertuturan dalam BM walaupun dalam keadaan kekurangan leksikal BM. Model ini turut mendedahkan sejauh mana penerimaan BM dalam kalangan pelajar sebagai B2 melalui faktor-faktor ekstra linguistik (sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan persekitaran pelajar Cina terhadap BM, dan masalah-masalah komunikasi). Oleh itu, pandangan yang negatif berdasarkan faktor-faktor tersebut boleh dijadikan panduan penting untuk melaksanakan sebarang program, dasar, tindakan, perubahan yang berkaitan sukatan BM pada masa akan datang.

7.4 Implikasi Dapatan Kajian

Pelajar Cina di SRJK(C) bersedia secara psikologi untuk memperoleh BM sebagai B2 kerana BM merupakan sebahagian daripada etno linguistik masyarakat majmuk di Malaysia. Pada amnya, mereka menerima unsur BM dengan fikiran yang terbuka dan menggunakan strategi komunikasi yang khusus untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan aktiviti BM di bilik darjah. Di samping penggunaan strategi komunikasi yang

khusus, terdapat faktor lain seperti umur, kebimbangan, kebolehan bahasa dan jumlah pendedahan persekitaran yang berhubung dengan pembelajaran BM. Semua faktor tersebut merupakan faktor dalaman teori monitor.

Dalam usaha pelajar untuk mengatasi beban kemahiran mendengar dan bertutur, mereka menggunakan kecekapan komunikatif, terutama kecekapan strategik. Dengan merujuk kepada pengujaran, kecekapan strategik menunjukkan keupayaan untuk tahu cara memastikan perbualan berterusan, menamatkan perbualan, dan membetulkan halangan komunikasi serta masalah kefahaman. Komunikasi lisan merupakan proses interaktif bila mana pelajar berselang-seli mengambil peranan sebagai penutur dan pendengar, bukannya memberi tumpuan kepada setiap kemahiran secara berasingan. Dengan itu, kemahiran hendaklah dilaksanakan secara bersepadu.

Penggunaan strategi pelajar B2 adalah berkaitan dengan kecekapan mereka dalam bahasa sasaran berdasarkan kekerapan dan pembahagian, dengan strategi B1 berkurangan apabila kemahiran mereka meningkat. Penggunaan SK juga berkaitan dengan jenis masalah yang dihadapi dan tugas yang dilaksanakan. Seterusnya, penggunaan SK menimbulkan kesedaran bahasa pelajar dan membantu menyelesaikan masalah komunikasi ketika berhadapan interlokutor. Selain itu, SK membentuk kecekapan lisan pelajar. Kajian yang dijalankan ke atas SK sebahagiannya adalah untuk mencari konsep dan menggariskan klasifikasi SK untuk pelajar Cina di SRJK(C). Pelajar tahu mereka perlu menggunakan SK kerana SK tertentu memainkan peranan yang besar dalam mengatasi masalah pembelajaran bahasa sasaran (BM).

Pelajar menggunakan bahasa bukan lisan, iaitu gerak isyarat sebagai ganti perkataan apabila saluran komunikasi verbal-vokal terhenti. Gerak isyarat digunakan untuk penghantaran mesej atau menggantikan item tunggal dalam ujaran. Kualitatif analisis jelas menunjukkan bahawa gerak isyarat berfungsi dengan cara yang berbeza pada

dasarnya sama seperti strategi yang berkonsepkan lisan dalam menghadapi kesukaran leksikal. Anggapan bahawa gerak isyarat hanyalah sebagai gantian untuk ujaran dan ajukan telah terbukti tidak benar. Analisis data sebaliknya telah mendedahkan bahawa strategi bahasa bukan lisan (gerak isyarat) berlaku serentak dengan ujaran. Apa yang jelas, pelajar mengeksploitasi dua jenis strategi bahasa bukan lisan, iaitu gerak isyarat dan bahasa badan.

Sikap boleh ditakrifkan sebagai satu set kepercayaan yang dibina dalam persekitaran sesuatu sosio budaya. Tingkah laku pelajar Cina sebagai penutur B2 BM mempunyai beberapa kesan ke atas sikap mereka. Sebagai contoh, mereka mahu seorang guru yang boleh memberi motivasi kepada mereka untuk bercakap di dalam kelas. Mereka mahu guru mengajar mereka bagaimana untuk menggunakan bahasa di luar kelas dan dapat berkomunikasi dengan fasih dalam BM. Di samping itu, mereka mampu membetulkan kesilapan bahasa mereka tanpa menjejaskan ego mereka atau tanpa menuduh mereka tidak mempunyai pengetahuan BM. Mereka mahu guru mewujudkan suasana yang tidak formal di dalam kelas agar mereka boleh belajar dengan seronok. Pendek kata, sikap yang positif memudahkan pembelajaran BM. Jika pelajar enggan untuk belajar atau tidak mempunyai sikap yang positif, pelajar tidak dapat menghasilkan sebarang keputusan.

Celik (2008, p.79) menegaskan penggunaan B1 dalam pembelajaran B2 harus dielakkan terutama semasa aktiviti komunikasi seperti perbahasan dan main peranan. Dalam kes ini, adalah lebih penting untuk memberi peluang kepada pelajar berlatih menggunakan bahasa sasaran (B2). Svendsen (2014, p.29) menyatakan bahawa pelajar aras rendah memerlukan penukaran kod supaya perkembangan bahasa berlaku. Pelajar yang berkebolehan, di sisi lain, tidak mendapat banyak manfaat daripada penukaran kod sebagai strategi komunikasi. Salah satu penemuan utama dalam penyelidikan beliau

menunjukkan bahawa guru perlu tahu kebolehan bahasa pelajarnya dan tujuan aktiviti bahasa yang diberi kepada pelajarnya. Dengan mengetahui faktor tersebut, guru perlu menilai jika penukaran kod dalam keadaan yang diberikan dan untuk pelajar tertentu adalah lebih baik atau lebih baik menggunakan bahasa sasaran sahaja.

Penukaran kod boleh menjadi strategi komunikasi di dalam kelas, tetapi dalam dunia sebenar adalah lebih sukar untuk menggunakan penukaran kod sebagai strategi komunikasi apabila bercakap dengan seseorang yang hanya tahu BM. Namun begitu, penukaran kod boleh menyokong perkembangan bahasa jika digunakan dengan cara yang betul. Oleh itu, adalah penting bagi guru bahasa mempertimbangkan masa yang sesuai untuk menggunakan B1 dalam hal perkembangan bahasa lisan.

Penyesuaian pembelajaran BM mengikut keperluan semua pelajar memanglah rumit kerana pelajar aras tinggi mendapat lebih manfaat daripada pelajaran yang diadakan dalam bahasa sasaran, sedangkan pelajar aras rendah lebih banyak menggunakan B1 dalam kelas bahasa. Keadaan sedemikian menyebabkan guru menggunakan B1 dalam kes terdapat pelajar yang kurang fasih dan berisiko untuk gagal mata pelajaran BM. Oleh sebab itu, guru harus cuba menggalakkan pelajar menggunakan parafrasa dalam bahasa sasaran sebagai satu cara memberi motivasi kepada mereka untuk menggunakan BM.

7.5 Cadangan-Cadangan

Hasil kajian ini tidak hanya setakat melihat kejayaan objektif kajian sahaja malah faedah SK boleh digunakan oleh pelbagai pihak (Kementerian Pelajaran Malaysia, golongan pendidik, pelajar B2, dan ibu bapa) termasuklah masyarakat kita khususnya berkaitan B2. Oleh itu, kebaikan daripada penggunaan SK boleh digunakan dalam aktiviti interaksi sosial seharian secara tidak formal atau perbincangan rasmi.

7.5.1 Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

- i. Pusat Perkembangan Kurikulum atau PKK merupakan salah satu organisasi pendidikan yang terletak di bawah KPM dan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menggubal semua sukatan pelajaran termasuk BM. Walaupun BM merupakan B2 di sekolah jenis kebangsaan Cina tetapi perkara tersebut bukanlah suatu halangan bagi pelajar Cina untuk tidak menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa tersebut dengan baik. Kemahiran pendengaran dan lisan tersebut perlu dikuasai terlebih dahulu oleh pelajar B2 sebelum mempelajari kemahiran bertulis. Kajian yang dilakukan adalah berasaskan kurikulum sedia ada. Dapatan kajian menunjukkan subjek telah menghasilkan 985 baris ayat secara lisan berpandukan gambar dan main peranan. Jumlah ayat yang dihasilkan begitu besar dengan melibatkan penggunaan SK pula sebanyak 1597 kes. Adalah jelas bahawa SK yang didasari dalam kajian ini banyak membantu pelajar Cina yang mengalami kekurangan kosa kata BM berujaran dalam bahasa tersebut. KPM perlu memberi perhatian serius akan kepentingan SK dalam pertuturan B2.
- ii. Secara keseluruhan, tahap BA bagi BM pelajar Cina di kawasan kajian berada pada tahap mesolek. Tahap BA mereka dibuat berdasarkan penggunaan SK dalam pengujaran lisan. Berdasarkan julat SK subjek yang berada pada tahap mesolek seramai 65 orang dan akrolek pula 50 orang. Dapatan tersebut memperlihatkan 89% pelajar Cina menggunakan SK antara 0-15 kes sahaja berbanding 11% tahap pelajar basilek yang menggunakan SK yang tinggi, iaitu antara 16-28 kes. Perbezaan tahap komunikasi pelajar B2 dalam BM dengan merujuk pada penggunaan SK boleh membantu KPM bagi merancang, menggubal, dan melaksanakan penggunaan aktiviti-aktiviti pembelajaran serta latihan dalam buku teks yang bersesuaian dengan tahap penguasaan BM bagi pelajar Cina di SRJK(C). Pada peringkat awal, corak pelajaran BM perlu lebih banyak melatih pelajar Cina

bertutur atau menyebut bagi membina kosa kata, rangkai kata, ayat-ayat yang betul. Oleh itu, elemen SK yang pelbagai jenis perlu diterapkan bagi memudahkan mereka mencapai objektif pembelajaran BM dengan baik.

- iii. Jumlah penggunaan SK oleh 130 orang subjek kajian adalah sebanyak 1597 kes. Penggunaan SK didapati banyak memberi kebaikan, iaitu memudahkan pelajar Cina untuk menguasai BM. Selain itu, penggunaan SK dilihat sebagai satu keperluan dalam pertuturan BM. Pada peringkat permulaan usaha-usaha yang tersusun dan bersistematik wajar dilakukan oleh pihak KPM agar proses pembelajaran pelajar Cina di SRJK(C) dapat diterima baik oleh mereka. KPM perlu mempraktikkan pembelajaran BM yang menggunakan satu sistem yang menggabungkan SKBL dan SKBBL semasa pembelajaran mereka di dalam kelas. Selain itu, mereka juga digalakkan membina dan mempraktikkan sistem SK yang serasi dengan cara pembelajaran mereka sendiri. Langkah tersebut penting disebabkan pelajar Cina kadangkala diajar oleh guru BM yang bukan penutur natif bahasa tersebut maka cara penggunaan SK mereka juga berbeza. Abdul Rahman (2009, p.284) dalam kajiannya berkaitan SK ada menyatakan seseorang pelajar BA sebagai B2 tidak boleh bergantung sepenuhnya pada leksikal BA yang diterima di sekolah untuk berkomunikasi dengan berkesan. Oleh itu, mereka sendiri wajar meningkatkan kompetensi komunikatif dengan membina kecekapan strategik, iaitu melalui penggunaan pelbagai SK supaya pelajar tersebut lebih bersedia menghadapi apa jua situasi komunikasi yang tidak pernah mereka alami atau dipelajari di dalam bilik darjah.
- iv. Dapatan kajian ini mendapati subjek (PAC, PAS, dan PAR) telah menggunakan SK dengan kekerapan yang berbeza-beza. Peratusan SK yang digunakan oleh PAC (36%), PAS (35.6%), dan PAR (28.4%). SK yang paling banyak digunakan oleh

ketiga-tiga golongan ialah pengguguran mesej. Tarone (1983, p.62) menyatakan penggunaan SK tersebut menunjukkan seseorang itu akan berusaha untuk meneruskan pengujarannya dengan memendekkan komunikasinya berkaitan sesuatu topik sekiranya menghadapi masalah lesikal dalam bahasa sasaran. Dalam konteks kajian ini, pelajar Cina didapati mempunyai sikap yang tinggi terhadap BM. Dapatan daripada analisis data soal selidik merujuk item 1 (Sebenarnya, saya kurang suka belajar bahasa Melayu) dengan skor Sangat Tidak Setuju (STS) menerima 86.9% sokongan pelajar Cina. Selain itu, item 4 menjelaskan bahawa pelajar Cina lebih gemar bertutur dalam bahasa Melayu. Kedua-dua item tersebut, memberi gambaran bahawa pelajar Cina menerima BM sebagai B2 mereka pada peringkat awal pendidikan mereka. Oleh itu, KPM wajar menyediakan kaedah pembelajaran BM yang lebih menarik perhatian mereka untuk terus mendalaminya bukan sahaja dalam pertuturan malah dalam penulisan.

- v. Pergerakan anggota badan terutama jari, tangan, mata, kepala, dan badan atau lebih dikenali SKBBL (1072 kes) lebih banyak digunakan dalam kajian ini. Pergerakan jari merupakan SK yang paling banyak dipraktikkan (247 kes) berbanding SKBBL yang lain. Pelajar Cina kerap menggerakkan jari jemarinya ketika berujaran dalam ujian lisan bagi menyampaikan makna mesej kepada interlocutor. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kepada KPM agar mempraktikkan teknik-teknik penggunaan jari semasa aktiviti P & P BM di sekolah bukan harian biasa (SRJK(C), SRJK(T), sekolah antarabangsa, dan sekolah swasta).

7.5.2 Cadangan Kepada Pendidik

Pentadbiran sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina terletak di bawah KPM dan pengajaran subjek BM dikendalikan oleh guru-guru yang diiktiraf oleh kerajaan. Mereka terdiri daripada guru-guru penutur natif dan bukan natif bahasa tersebut.

Memandangkan sekolah-sekolah bukan harian biasa tersebut menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama maka tahap pencapaian dalam pertuturan BM mereka didapati kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan sekolah harian biasa. Pengkaji mencadangkan beberapa kaedah P & P BM berdasarkan dapatan kajian ini yang mendasari kepentingan SK.

- i. Kaedah P & P bagi subjek BM di sekolah perlu diubahsuai, iaitu lebih banyak berpusatkan murid khususnya dalam aktiviti kemahiran berbahasa dalam kelas. Dalam konteks pembelajaran BM, guru perlu memahami penggunaan SK walaupun penggunaan SK bukanlah kaedah yang paling sempurna bagi mengatasi kesukaran untuk berujaran dalam B2 tetapi sekurang-kurangnya penggunaannya perlu dilihat sebagai satu keperluan dalam komunikasi B2 pelajar. Guru BM seharusnya menyedari bahawa penggunaan SK merupakan cara pelajar belajar dalam menghasilkan ujaran BM. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa gerakan jari, mata dan tangan paling banyak digunakan dalam pertuturan lisan (616 kes). Oleh itu, guru BM perlu mengambil inisiatif dengan memanfaatkan SK yang digunakan oleh pelajar bagi membantu pembelajaran modul.
- ii. Tahap BA bagi BM pelajar Cina adalah berbeza (basilek, mesolek, dan akrolek) antara satu sama lain. Perbezaan tersebut boleh dikesan oleh guru BM yang mengajar mereka di dalam kelas. Dalam kajian ini, PAC didapati lebih banyak menggunakan pengguguran mesej berbanding PAS dan PKR. Oleh itu, guru yang mengajar mereka perlu meneliti kosa kata BM yang masih tidak diketahui pelajar berdasarkan SK yang digunakan. Setelah mengenal pasti permasalahan pelajar B2 maka guru BM perlu membimbing mereka dengan memperkenalkan kosa kata yang sesuai digunakan mengikut konteks yang dibincangkan.

- iii. Analisis data soal selidik bagi item ke-6 dalam domain Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar B2 Terhadap BM menunjukkan 70% pelajar Cina tidak menyokong perbualan mereka dengan rakan-rakan dalam BM. Pemasalahan ini perlu ditangani dengan mencetuskan motivasi instrumental dalam sanubari mereka. Kata-kata perangsang berkaitan kebaikan penggunaan jenis-jenis SKBBL yang mewakili kosa kata yang belum diketahui itu perlu dilakukan agar mereka mempunyai persepsi yang positif terhadap BM. Pelaksanaan konsep SK dalam pertuturan sosial dalam kelompok kecil perlu dijadikan satu budaya dalam amalan berkomunikasi. Tindakan tersebut selari dengan pendapat Faerch dan Kasper (1983, p.26) bahawa pelajar B2 yang terlibat dalam komunikasi B2 akan dapat mempraktikkan BA serta membina hipotesis dan mengujinya.
- iv. Kesukaran menguasai B2 bukan sahaja diperkatakan oleh Selinker malah pelajar Cina yang menjadi subjek dalam kajian ini. Dapatan daripada item ke-9 dalam domain Sikap Pelajar Cina Terhadap BM menunjukkan hampir 100% subjek menganggap mempelajari BM lebih sukar berbanding bahasa-bahasa lain. Oleh itu, guru BM perlu mengambil inisiatif memahami penggunaan SK oleh pelajar agar dapat membantu mereka meningkatkan keupayaan bertutur dalam BM.
- v. Pendidik perlu mempraktikkan kaedah penggunaan yang berkonsepkan komunikasi dua hala seperti lakonan, sumbang saran, perbincangan, perbahasan dan lain-lain agar pelajar B2 dapat menguasai kemahiran pertuturan dalam B2.

7.5.3 Cadangan Kepada Pelajar

Dapatan kajian ini telah memperlihatkan keseluruhan pelajar pelbagai aras telah menggunakan sebanyak 1597 SK. Daripada jumlah tersebut, pengguguran mesej (18.5%) dan SKBBL pula 77% merupakan SK yang banyak digunakan. Penggunaan

SK tersebut menunjukkan pelajar Cina sebenarnya memerlukan SK sebagai satu kemudahan apabila berkomunikasi dalam BM.

- i. Penggunaan SK dalam pertuturan dilihat sebagai satu kemudahan yang bersifat sementara. Apabila seseorang pelajar B2 semakin menghampiri bahasa sasaran, maka penggunaan SK akan berkurangan. Walaupun penggunaannya bersifat sementara tetapi peranannya membantu pelajar B2 yang mengalami kekurangan leksikal B2 adalah besar. Selain boleh menggunakan kosa kata yang tidak diketahui, penggunaannya dapat mengelakkan proses penyampaian mesej tergendala. Semasa SK tertentu digunakan, pelajar B2 akan menyedari kosa kata B2 yang diperlukan. Oleh itu, keperluan tersebut akan mendorong mereka memperbaiki kelemahannya pada masa akan datang. Contohnya, tindakan yang boleh dilakukan menggunakan pergerakan jari untuk menggantikan kosa kata bahasa ibunda yang mempunyai makna yang sama dengan BM.
- ii. Penggunaan pengguguran mesej daripada SKBL dan bahasa badan (SKBBL) menambahkan keyakinan kepada pelajar Cina untuk bertutur dalam BM. Walaupun mereka mengalami kekurangan leksikal BM tetapi dengan bantuan SK pelbagai jenis, subjek tidak berasa takut untuk melakukan kesalahan apabila bercakap dalam BM. Kenyataan ini boleh dilihat pada item ke-6 bagi domain Masalah-masalah Komunikasi. Adalah jelas bahawa penggunaan SK dapat merangsang semangat dan fikiran positif pelajar Cina.
- iii. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan penggunaan SK dalam aktiviti bercerita (839 kes) lebih banyak daripada main peranan (758 kes). Dapatan tersebut membuktikan bahawa pertuturan dua hala adalah lebih baik kerana interlokutor boleh membantu jika penutur mengalami gangguan pertuturan. Selain itu, kaedah main peranan boleh membantu pelajar Cina mengurangkan penggunaan SK yang

negatif terutama pengelakan topik dan penukaran kod. Sebagaimana yang diketahui SK boleh digunakan untuk sementara sahaja. Seperkara lagi, teknik-teknik pengajaran tersebut boleh menggalakkan pelajar B2 terus berujaran kerana adanya rangsangan yang kuat daripada rakan-rakan yang terlibat. Pengujaran yang berpanjangan akan menggalakkan pelajar membina lebih banyak ayat secara spontan. Statistik menunjukkan bilangan ayat yang dibina melalui main peranan adalah sebanyak 543 baris manakala aktiviti bercerita pula 443 baris. Dapatan ujian lisan boleh dimantapkan lagi melalui dapatan data soal selidik. Item ke-9 bagi domain Masalah-masalah Komunikasi mendapati hampir keseluruhan subjek menggunakan ayat yang panjang ketika bercakap dengan guru dan rakan-rakan. Ini membuktikan bahawa aktiviti pengujaran B2 yang lebih banyak berupaya untuk menjana komunikasi yang lebih berkualiti.

7.5.4 Cadangan Kepada Ibu Bapa

Penguasaan BM melalui penggunaan SK dalam kalangan pelajar B2 tidak wajar dibebani oleh guru-guru di sekolah tetapi perlu mendapat kerjasama yang serius daripada ibu bapa. Dalam kehidupan seharian, sebahagian besar masa pelajar adalah bersama keluarga masing-masing di rumah. Oleh itu, ibu bapa yang mempunyai banyak masa untuk membimbing anak-anak mereka berkaitan teknik-teknik penggunaan SK dalam pertuturan BM.

- i. Ibu bapa boleh membantu anak-anak mereka menguasai BM dengan menggunakan konsep SKBBL yang banyak menggunakan bahasa badan (jari, tangan, badan, kepala, dan mata). Kebaikan penggunaan konsep tersebut kerana ianya lebih mudah dan boleh dilakukan secara spontan dalam suasana interaksi keluarga. Pelajar Cina akan berasa lebih selesa menggunakan SK tanpa dibayangi perasaan bimbang, atau takut melakukan kesilapan bahasa. Saranan ini bersesuaian dengan dapatan soal

selidik bagi item ke-7. Subjek telah memilih skor Sangat Tidak Setuju (STS) dan skor Tidak Setuju (TS). Total kedua-dua skor ialah 53.9%. Tafsiran daripada item-item tersebut menunjukkan keluarga mereka menggalakkan subjek menggunakan SK semasa percakapan harian di rumah.

- ii. Pergaulan pelajar Cina dengan rakan-rakan penutur natif perlu digalakkan oleh ibu bapa ketika masa terluang. Interaksi yang lebih banyak dalam BM dalam suasana tidak formal membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih selesa. Kekerapan mereka bertutur membolehkan penguasaan bahasa tersebut berlaku dengan lebih cepat. Rakan-rakan mereka akan membantu pelajar Cina bertutur dengan menggunakan SK yang sesuai. Analisis data soal selidik (item ke-6) domain Penggunaan dan Pendedahan Persekitaran Pelajar Terhadap BM menunjukkan perbualan pelajar Cina dengan rakan-rakan di luar kelas masih menggunakan bahasa ibunda dan bilangan pelajar Melayu di sekolah jenis kebangsaan Cina tidak ramai. Kekangan tersebut tidak banyak membantu mereka meningkatkan penguasaan BM ke tahap yang lebih baik.
- iii. Sistem penyiaran di Malaysia banyak menggunakan BM. Oleh itu, ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak mereka mengikuti rancangan-rancangan yang berinformasi dalam BM. Selain daripada mendapat ilmu pengetahuan dan kemahiran yang baik, mereka juga boleh meningkatkan penguasaan kosa kata yang baharu, cara-cara membina ayat, menyebut kosa kata dengan intonasi yang betul. Secara tidak langsung, kemahiran-kemahiran tersebut juga boleh mengurangkan cara pertuturan yang dipengaruhi bahasa ibunda. Selain itu, mereka akan berasa yakin untuk bertutur dalam BM dan tidak perlu membawa leksikal bahasa ibunda atau penukaran kod. Dapatan daripada data soal selidik menunjukkan subjek lebih suka menonton program-program televisyen yang berbahasa Melayu. Dapatan

tersebut boleh dilihat pada item ke-3 dalam domain Sikap Pelajar Cina Terhadap BM. Rumusan daripada ke empat-empat domain (sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan BM, dan masalah-masalah komunikasi) menunjukkan bahawa pelajar Cina sebenarnya mempunyai sikap dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran BM. Selain itu, mereka tidak menghadapi masalah komunikasi ketika menggunakan BM. Faktor-faktor tersebut membantu mereka menggunakan SK pada tahap mesolek (50%) dan akrolek (38%) dalam sistem BA bagi BM. Namun demikian, mereka perlu banyak pendedahan daripada faktor-faktor luaran untuk mendekatkan mereka dengan elemen-elemen BM seperti penyertaan yang lebih kerap dalam aktiviti kokurikulum, bergaul dengan jiran-jiran atau rakan berbangsa Melayu, banyak membaca majalah, komik dan akhbar harian yang menggunakan medium BM.

7.5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Potensi kajian ini untuk diteruskan pada masa hadapan oleh para penyelidik bahasa ke-2 atau ke-3 adalah cerah. Memandangkan pembelajaran bahasa B2 pada peringkat rendah adalah pendedahan permulaan kepada pelajar maka wajar penerimaan mereka melalui ciri-ciri yang boleh merangsang sikap dan motivasi mereka untuk terus mempelajari BM. Oleh itu, penggunaan SK perlu dilihat dari sudut positif untuk membantu mereka mengurangkan kesukaran menggunakan BM. Kajian berkaitan SK di Malaysia semakin berkembang dari masa ke masa. Namun begitu, setakat ini kajian tersebut banyak melibatkan pelajar dewasa (sekolah menengah) atau orang dewasa tetapi kajian SK dalam kalangan pelajar peringkat rendah masih kurang dilakukan. Walhal pembelajaran BM telah dilaksanakan secara formal dalam sistem pendidikan formal di sekolah-sekolah vernakular sejak sekian lama.

- i. Dapatan kajian ini boleh menjadi rujukan kepada penyelidik bahasa khususnya berkaitan B2. Sistem pendidikan negara yang bersifat demokrasi mendorong kewujudan pelbagai jenis pendidikan sama ada di bawah pentadbiran kerajaan atau swasta. Namun begitu, pembelajaran BM adalah wajib selaras dengan tarafnya yang tinggi telah termaktub dalam perlembagaan Malaysia. Sebagai bahasa perpaduan kaum maka penguasaannya dalam kalangan pelajar bukan natif adalah penting. Oleh itu, penyelidik tempatan boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk pelajar yang mempelajari B2 yang lain. Peranan SK dalam menguasai BM bukan sahaja untuk pelajar bagi sesuatu kaum bahkan merangkumi semua pelajar di negara ini.
- ii. Kajian lanjutan tidak hanya setakat mencari hubungan pemboleh ubah sikap, motivasi, penggunaan dan pendedahan persekitaran, dan masalah komunikasi pelajar dengan tahap-tahap penggunaan SK pelajar malah boleh diperluaskan kepada pengaruh status sosioekonomi ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa, jumlah pendapatan sekeluarga, atau kekerapan perbualan setiap hari. Faktor-faktor tersebut juga boleh mempengaruhi jenis-jenis SK yang digunakan dalam komunikasi pelajar.
- iii. Kajian ini menggabungkan dua kaedah penyelidikan, iaitu kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan aktiviti bercerita, aktiviti main peranan, dan soal selidik sebagai instrumen kajian. Oleh itu, kajian lanjutan perlu menggunakan pelbagai pendekatan yang lain untuk memperoleh dapatan yang baru seperti lakonan, ucapan, perbahasan, mendeklamasikan puisi, syarahan, dialog, wawancara dan sebagainya. Penggunaan instrumen yang berbeza boleh memperlihatkan penggunaan SK yang berlainan atau sebaliknya selain menjadikan kajian SK

sebagai suatu kaedah yang boleh dipercayai dan lebih sesuai dengan kehendak serta keperluan masyarakat multibahasa.

- iv. Memandangkan masyarakat kita terdiri daripada pelbagai kaum, iaitu Melayu, Cina, India dan kaum-kaum bumiputera yang lain. Oleh itu, pengaplikasian dapatan kajian ini boleh digunakan untuk membantu menjelaskan sejauh mana sesuatu bahasa asing dikuasai penutur melalui penggunaan SK. Penutur B2 yang banyak menggunakan SK menunjukkan penguasaan B2 mereka masih jauh manakala mereka yang masih kurang menggunakan SK membuktikan tahap penguasaan B2 mereka menghampiri sasarannya.
- v. Sesuatu kajian yang menghasilkan dapatan yang baik akan menjadi lebih bermakna sekiranya diterokai dengan lebih mendalam lagi oleh pengkaji-pengkaji seterusnya. Berdasarkan PPPM 2013-2015, KPM bukan sahaja menggalakkan para pelajar menguasai bahasa pertama dan kedua tetapi juga bahasa ketiga, contohnya bahasa Mandarin, bahasa Arab atau bahasa asing yang lain. Penguasaan sesuatu bahasa itu bukan sesuatu yang mudah kerana memerlukan teknik-teknik yang berkesan untuk mencapai sasarannya. Oleh itu, fungsi SK dalam kajian ini yang menggabungkan SKBL dan SKBBL boleh membantu pelajar B2 meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa sasaran mereka. Penggunaannya tidak terhad kepada BM sahaja malah boleh digunakan untuk menguasai bahasa asing yang lain. Oleh itu, selaras dengan kepelbagaian bahasa pertuturan masyarakat Malaysia yang bersifat multi bahasa maka adalah perlu kajian SK diperluaskan terhadap bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa orang asli, bahasa suku kaum peribumi malahan juga bahasa antarabangsa (bahasa Perancis, bahasa Jerman, bahasa Arab) yang mempunyai potensi yang tinggi dalam bidang-bidang tertentu.

- vi. Dapatan kajian berkaitan SK ini boleh membantu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk menghasilkan kamus khas yang mengaplikasikan elemen-elemen SK yang banyak melibatkan gerakan anggota badan. Setiap gerakan yang dilakukan mempunyai maksud yang tersendiri. Apabila makna-makna gerakan tersebut dapat dijelaskan dalam satu sistem yang lebih tersusun maka mudah bagi pelajar bahasa asing memahaminya melalui kamus tersebut. Sekiranya berlaku sebarang kekeliruan yang timbul berkaitan makna gerakan anggota badan maka rujukan daripada kamus adalah penting.

7.6 Rumusan

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan tahap pelajar (cemerlang, sederhana, dan rendah) menggunakan SK yang sama, iaitu pengguguran mesej yang bersifat positif terhadap pembelajaran BM. Seterusnya, apa yang menarik dalam kajian ini adalah berkaitan penggunaan penukaran kod yang kurang menggalakkan oleh pelajar B2 tidak seperti yang dinyatakan dalam kajian-kajian sebelum ini. Faktor ekstra linguistik (sikap dan motivasi pelajar yang tinggi) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan terhadap penggunaan SK. Kedua-dua pemboleh ubah tersebut membantu meningkatkan penguasaan BM dan dalam waktu yang sama mengurangkan penggunaan SK. Dapatan tersebut boleh dilihat pada kekerapan SK yang tinggi adalah lebih rendah berbanding kekerapan SK sederhana dan rendah. Selain itu, penggunaan SKBBL didapati memainkan peranan yang amat penting sebagai kaedah alternatif pelajar yang menghadapi kekurangan leksikal BM. Kaedah tersebut merupakan bukti yang kukuh bahawa sistem bahasa isyarat yang mengutamakan pergerakan anggota badan mempunyai peranan yang penting. Komponen lisan dan bukan lisan adalah saling berhubung untuk menyampaikan sesuatu mesej. Antaranya, komunikasi lisan dan pergerakan tubuh badan, fikiran, perasaan boleh membentuk hubungan antara manusia

(Roslina 2010:149). Lantaran itu, sewajarnya kaedah tersebut perlu diberi perhatian serius oleh pakar-pakar bahasa untuk mencipta satu sistem SK yang benar-benar berkesan dan boleh digunakan oleh pelajar B2 mempelajari BM. Peranan SK dalam penguasaan BM pelajar adalah bersifat sementara dan penggunaan perlu dikurangkan ke tahap minimum apabila seseorang pelajar itu telah menguasai BM sepenuhnya.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood. (1990). *Fonetik dan fonologi bahasa Melayu*, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rahman Abdullah. (2009). *Kompetensi komunikatif dan strategi bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama di Negeri Selangor*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Yusof. (2014). *Memahami komunikasi orang pekak*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka. Zainon Kassim Sdn. Bhd.
- Abdullahi, A. (2014). The use of non-verbal communication in the teaching of English language. *Journal of Advances in Linguistics*. 4(3), 428-433.
- Agam Syahrial. (2013). *Communication strategies used by young learners in a bilingual classroom*. Tesis Master. Salatiga: Satya Wacana Christian Universiti.
- Ahmad Mahdzan Ayop. (1983). *Kaedah penyelidikan sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Sarudin. (2009). Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *Gema Journal of Languages Studies*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alice Alim. (2010). *Bahasa antara dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Aminah Sarkawi. (2002). *Pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar India*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Ananda Kumar Palaniappan. (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Petaling: Pearson.
- Ang Lay Hoon. (1992). *Strategi komunikasi orang-orang Cina dalam bahasa Melayu*.
- Antonia, C. (1981). *Problem of learning English as a second language*. Singapore: Regional Language Centre.
- Asmah Omar. (2003). *Language and language situation in Southeast Asia: with focus on Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Asmah Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bachman, L. F. (1990). *Fundamental considerations in language testing*. Oxford: Oxford University Press.

- Baouchi, M'hamed al. (2008). *Communication strategies and their role in second language competence and teaching*. Tesis PhD. The Netherlands: Utrecht University. <http://dspace.library.uu.nl/handle/1874/30447>
- Bialystok, E., & Frohlich, M. (1980). Oral Communication Strategies for Lexical Difficulties. *Interlanguage Studies Bulletin*, 5 (1): 3-30.
- Bot, K. D., et. al (2005). *Second language acquisition*. New York: Routledge.
- Bouzidi, Hassan (1989) *Language attitudes and their implications for education: Morocco as a case study*. Tesis PhD. UK: University of Glasgow.
- Burdine, S. (2002) *Means to an end: Communication strategies in French immersion*. Tesis PhD. United Kingdom: York University.
- Careirra, J.M. (2011). Relationship between motivation for learning EFL and intrinsic motivation for learning in general among Japanese elementary school students. *An International Journal of Educational Technology and Applied Linguistics*, 39, 90-102.
- Carola, S. (2014). *Non-verbal communication: Why we need it in foreign language teaching and how we can foster it with drama activities*. Scenario 2, (pp.28-43).
- Celik, S. (2008). Opening the door: an examination of mother tongue use in foreign language classrooms. *Hacettepe University Journal of Education*, 34, 75-85.
- Chin Tee Long. (1982). *Sistem kelas peralihan untuk sekolah jenis kebangsaan Cina di Malaysia: Satu kajian kes Sekolah Menengah Chong Hwa*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chomsky, N. (1965). *Syntactic Structures*. Hague: Mountain & Co.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan buku 1*. Kuala Lumpur: MC Graw-Hill Education. Sdn. Bhd.
- Clark, E. (1993). *The lexicon in acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cohen, A. D. (2010). Focus on the language learner: Styles, strategies and motivation. *An Introduction to Applied Linguistics 2*: 161-178.
- Cook, V. J. (1993). *Second language learning and language teaching*. London: Edward Arnold.
- Corder, S. P. (1981). *Error analysis and interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Crystal, D. (1992). *An encyclopedic dictionary of language and languages*. Cambridge: Blackwell.
- Daniela, S. (2003) *Learners' perceptions of teachers' non-verbal behaviors in the foreign language class*. Tesis PhD. Scotland: University of Stirling.
- David, A. (1968). Paralanguage. *British Journal of Disorders of Communication*, 3, 55-59.

- Deci, E & Ryan, R. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. New York: Plenum Press.
- Dörnyei, Z. & Scott, M. L. (1997). Communication strategies in a second language: Definitions and taxonomies. *Language learning*, 47(1), 173-210.
- Dörnyei, Z. (1995). On the teachability of communication strategies. *TESOL Quarterly*, 29 (1), 55-85.
- Dulay, H., Burt, M., & Krashen, S. (1982). *Language two*. New York: Oxford University Press.
- Dunn, R. (2000). Learning styles: Theory, research, and practice. *National Forum of Applied Educational Research Journal*, 13(1), 3-22.
- Dvořáková, B. (2012) *Communicative competence in second language acquisition*. Tesis PhD. Czech Republic: Univerzity Palackého. https://theses.cz/id/0ptzxx/Communicative_Compentence_in_Second_Language_Acquisiti_on.pdf
- Ender, M. (2008). L1 Effects on the Emergence of ESL Sentence Processing Skills of Chinese and Korean ESL Learners. *Language in Contrast*, 8(1), 47-71.
- Elham Shahban. (2010). *Communication strategies in social interaction between Arab and Iranian postgraduate students*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ellis, R. (1985). *Understanding second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1997). *Second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Faerch, C., & Kasper, G. (1983). *Strategies in interlanguage communication* (ed.), New York: Longman Group Limited.
- Foster-Cohen, S. (1999). *An introduction to child language development*. Essex: Addison Wesley Longman Limited.
- Franken, R. (1994). *Human motivation*. Pacific Grove: Brooks/ Cole.
- Fries, C. C. (1945). *Teaching and learning english as a foreign language*. Michigan: The University of Michigan.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and motivation in second language learning*. Massachusetts: Newbury Homes Publishers.
- Ghazali Lateh. (2007). *Interaksi dalam ujian lisan berasaskan sekolah dalam kalangan remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Green, S. P. (1995). *The use of communication strategies by German school learners of English*. Tesis PhD. United Kingdom: University of York.

- Gullberg, M. (2011). *Gesture as a communication strategy in second language discourse*. A study of learners of French and Swedish. Sweden: Lund University Press.
- Habibah Saiban, (2011), *Strategi komunikasi pelajar Dusun dalam pembelajaran bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hargrave, J., 2008. "Do you speaks body language?" *Forensic Examiner*, 17(3), 17-22.
- Hasuria Che Omar. (1990). *Penterjemahan dan bahasa isyarat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Heberlein, M. C. T. (2010) *The use of communication strategies in the context of the classroom in English language: a case study*. Tesis Master. Brazil: Universidade Federal de Goiás.
- Jackson, S. L. (2006). *Research methods and statistics: a critical thinking approach*. Belmont: Thomson Wadsworth.
- Jakobovits, L. A. (1970). *Foreign language learning*. Massachusetts: Newbury House Publishers.
- Jamali Ismail (1988) *Exposure, attitudes, motivation and achievement in Esl among Malay learners: A socio-psycholinguistic study*. Tesis PhD. UK: Sheffield University.
- Jamilah Ikhsan. (2009). *Gerak isyarat tangan: peranti komunikasi dan alat*. Kuala Lumpur.
- Johnstone, R. (1989). *Communicative interaction*. London: CILT.
- Jones, M.C. & Esch, E. (ed.) (2002). *Language Change. The Interplay of Internal, External and Extra-Linguistic Factors*. Berlin. New York: Mouton de Gruyter.
- Juhin, S. (2002). *Bahasa antara dalam pertuturan bahasa Melayu kanak-kanak masyarakat Bidayuh di Daerah Bau, Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Kalthum Ibrahim. (2001). Bahasa Melayu dalam pendidikan negara bangsa. *Prosiding konvensyen bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Hj. Husin. (2010). *Psikologi pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur, Malaysia.

- Khanukaeva, A. (2014). *The effects of iconic gestures on L2 vocabulary learning in a Norwegian Primary School*. Tesis Master. Norway: University of Stavanger.
- Klein, W. (1986). *Second language acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kleinginna, P., Jr., & Kleinginna A. (1981). *A categorized list of motivation definitions with suggestions for a consensual definition*. *Motivation and Emotion*, 5, 263-291.
- Krashen, S. D. (1981). *Second language acquisition and second language learning*. Oxford: Pergamon Press.
- Krashen, S. D. (1982). *Principles and practise in second language acquisition*. London: Pergamon Press Inc.
- Krashen, S. D. (1985). *The input hypothesis issues and implication*. London: Longman.
- Lennartsson, F. (2008). Students' motivation and attitudes towards learning a second language. *Working paper English GI132*. School of Humanities: Växjö University.
- Lewis, H. (1998), *Body Language A Guide for Professionals*, Response Books A Division of Sage Publications New Delhi/Thousand Oaks/London.
- Lightbown, P. M. & Spada, N. (2006). *How languages are learned*. (3rd Edition). Oxford: Oxford University Press.
- Lin Wei (2011). *Communicative strategies in second language acquisition. a study of Chinese English learners' attitude and reported frequency of communicative strategies*. Essay for English IV. Sweden: Kristianstad University.
- Littlewood, W. T. (1984). *Foreign and second language learning*. New York: Cambridge University Press.
- Lugoloobi-Nalunga, M. (2013) *Teaching and learning English in a multilingual classroom : A study of code-switching in an EFL/ESL teaching/learning situation*. Tesis Sarjana Muda. Sweden: Karlstads University.
- MacIntyre, P.D., Baker, S. C., Clement, R., & Donovan. (2002). Sex and age effects on willingness to communicate, anxiety, perceived competence, and L2 motivation among junior high school french immersion students. *Language Learning*, 52(3). 537-564.
- Mak Soon Sang. (2009). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Maldonado, M. R. (2016). *Communication strategies used by different level L2 English learners in oral interaction*. Tesis Master. Chile: Universidad Andres Bello.
- Mc Laughlin, B. (1987). *Theories of second language learning*. London: Edward Arnord

- Mc Millan, J. H., & Schumacher, S. (2006). *Research in education: evidence-based inquiry* (6th Edition.) New York: Pearson.
- Micheli, S. M. (2001). *Vienna English Working Paper: Language Attitudes of Young Generation in Malta*.
- Mitsuko, N. (2009). *The effects of the use of communication and negotiation strategies on L2 acquisition*. Tesis Master. USA: University of Iowa.
- Mohd Hilmy Ismail. (1982). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muijs, D. (2004). *Doing quantitative research in education with SPSS*. London: Sage Publications.
- Muriel, S. T. (2006). *Introducing second language acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nadarajan Thambu. (2014). *Penggunaan teater forum dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral di sekolah menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Navarro, J. & Karlins, M. (2008). *What every body is saying*. An Imprint of Harper Collins Publishers.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik bahasa Melayu dan pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Noels, K. A. (2003). Why Are You Learning a Second Language? Motivational Orientations and Self-Determination Theory. *Language Learning*, 53 (1), 33-64.
- Noor Aina Dani. (1998). *Unsur-unsur ekstralinguistik dalam pemelajaran bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 42(6), 524-533.
- Noor Aina Dani. (2007). *Pengantar psikolinguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Noor Hafizah Jauhari. (2002). *Strategi komunikasi pelajar-pelajar India dalam pemerolehan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nor Fariza Mohd Nor. (2008). *Communication strategies of ESL speakers in interaction*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noriah Mohamed. (1987). *Strategi komunikasi pelajar Iban ketika berkomunikasi dalam bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ortega, L. (2009). *Understanding second language acquisition*. London: Hodder Education.

- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paribakht, T. (1985). Strategic competence and language proficiency. *Applied Linguistics* 6, 132-146.
- Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat. (2013). *Enrolmen Pelajar Sekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina*. Kementerian pendidikan Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. (2013-2025). *Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah*. Kementerian pendidikan Malaysia.
- Perdue, C. (1993). *Adult language acquisition: cross-linguistic perspectives*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (1998). *Pemerolehan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua oleh kanak-kanak prasekolah: satu kajian bahasa antara*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). *Bahasa antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Quinnipiac. (2015). Statistics-Pearson Correlation-Solving Math Problems. Diakses daripada laman web pada 11, September, 2015, <http://faculty.quinnipiac.edu/libarts/polsci/Statistics.html>
- Radna Wismawati, (2010). *Hubungan motivasi dengan perilaku pembelajaran bahasa Melayu pelajar dwibahasa peribumi Sarawak*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Raed Latif Uгла (2012) *A comparative study of the communication strategies used by Iraqi EFL students and Malaysian ESL students at tertiary level*. Tesis Master. Diyala, Iraq: Al-Yarmouk University College.
- Ringbom, H. (1987). *The role of the first language in foreign language learning*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.
- Robe'ah Yusuf. (2005). *Strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa Jerman: Satu kajian kes*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Rohaidah Kamarudin, (2012). *Hubungan faktor ekstralinguistik bahasa kedua dengan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh di Negeri Sembilan, Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Rohani Ibrahim (1990) *How do they communicate? A comparative study of the communication strategies in English of some Malaysian and British University undergraduates*. Tesis PhD. UK: University of London.
- Roshidah Hassan, (2010). *Sistem fonetik dan fonologi bahasa Melayu dan bahasa Perancis: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Roslina Abu Bakar. (2010). *Cerita rakyat Melayu: analisis dari aspek komunikasi dua hala*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Saedah Siraj, Zainun Ishak, dan Tunku Mohaini Tunku Mokhtar (1996). *Motivasi dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sanimah Hussin. (2007). *Strategi komunikasi lisan di kalangan pelajar-pelajar bahasa Jepun di Universiti Putra, Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: a skala building approach*. New York: John Wiley & Sons.
- Selinker, L. (1972), Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics*, 10, 209–241.
- Silke, S. (2013). *Motivation and attitudes towards second language learning at primary schools; A comparison of teaching programmes*. Tesis Sarjana. Utrecht University.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu 11*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Bahasa Melayu 1* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Straková, Z. (2013). Second language acquisition and the role of input in the classroom. Diakses daripada laman web pada 7 Julai 2015, <http://www.pulib.sk/elpub2/FHPV/Kesselova1/pdf/doc/16b.pdf>.
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Sunnarborg, P. (2002). *Exploring attitude and attitude change in second language learner*. University of Hamline: Regional Language Centre.
- Svendsen, E. (2014). *The influences of code-switching in the second language classroom in connection to language development*. Sweden: Teacher Training Culture, Language and Media, Malmö University.
- Swan, M. (2008). *The influence of the mother tongue on second language vocabulary acquisition and use*; in Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy, ed. Schmitt and McCarthy, (pp.156–180).
- Tarone, E. (1977). Conscious communication strategies in interlanguage: A progress report in H. Brown, C. Yorio, and R. Crymes (eds). *On TESOL 77*. Washington D.C.: TESOL.
- Tarone, E. (1980). Communication strategies, foreigner talk, and repair in interlanguage. *Language Learning*, 30(2), 417-431.
- Tarone, E. (1983). On the variability of Interlanguage systems, dalam. *Applied Linguistics*, 4(2), 142-163.

- Tarone, E. (1983). Some Thoughts on the Notion of 'Communication Strategy'. Dalam Faerch, C., & Kasper, G. (Penyunting), *Strategies in Interlanguage Communication*, 61-77. New York: Longman Group Limited.
- Tarone, E. (1981). Some Thoughts on the Notion of Communication Strategy. *TESOL Quarterly*. Wiley, Teachers of English to Speakers of Other Languages, Inc. (TESOL).
- Tuckman, B. W. (1999). *Conducting educational research. Ed. ke-5*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Uregina. (2015). *Chapter 11-measures of association*. Diakses daripada laman web pada 11, September, 2015, <http://uregina.ca/~gingrich/ch11a.pdf>
- Varadi, T. (1983). Strategies of target language learner communication. Dalam Faerch, C., & Kasper, G. (Penyunting), *Strategies in Interlanguage Communication* (pp.77-99). New York: Longman Group Limited.
- Yin, Chengbin (2008) *Language learning strategies in relation to attitudes, motivations, and learner beliefs: Investigating learner variables in the context of English as a foreign language in China*. Tesis PhD. USA: University of Maryland.
- Yip, V. (1995). *Interlanguage and learnability*. Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Yunling Yu (2013). The negative transfer in sentence pattern in Chinese English Interlingual. International conference "ICT for Language Learning" 6th Edition. Diakses daripada laman web pada 10, Julai, 2015.
- Zamri Mahamod, Yahya Othman, Jamaludin Badusah, dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2013). *Sikap dan minat pelajar bukan Melayu ketika belajar bahasa Melayu*. Himpunan Penyelidikan Pendidikan Serantau. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamood. (2007). *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pemerolehan bahasa pertama dan kedua*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.